


‘AJĀ’IBUL HIND

KISAH-KISAH AJAIB DI DARATAN DAN LAUTAN HINDI



BUZURG AL-RAMHURMUZI

PENTERJEMAH
ARSYAD MOKHTAR



‘AJĀ’IBUL HIND

Buku digital ini dihadiahkan oleh Baytul Hikma dan Arsyad Mokhtar khusus untuk seluruh umat manusia.

Semoga ia bermanfaat untuk dunia dan akhirat.

Demi meneruskan kelangsungan Baytul Hikma dalam menyebarkan ilmu kepada seluruh umat manusia, kami amat mengalu-alukan sebarang sokongan ekonomi kepada Baytul Hikma.

Sebarang sokongan ekonomi boleh disalurkan ke akaun berikut. Terima kasih.



Maybank

BAYTUL HIKMA

557410518651



BAYTUL
HIKMA

*Cetakan Kelima, 2020
(Edisi Kemas Kini & Berwarna)*

‘AJĀ’IBUL HIND

KISAH-KISAH AJAIB DI DARATAN DAN LAUTAN HINDI

TERJEMAHAN KITAB

‘Ajā’ib al-Hind Barrihi wa Bahrihi

KARYA

BUZURG AL-RAMHURMUZI

PENTERJEMAH

ARSYAD MOKHTAR



BAYTUL HIKMA

Pulau Pinang

2020

‘AJĀ’IBUL HIND

© ARSYAD MOKHTAR, 2016

Cetakan Pertama, 2016

Cetakan Kedua, 2017

Cetakan Ketiga, 2017

Cetakan Keempat, 2017

Cetakan Kelima, 2020

Hakcipta Terpelihara

*Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa
bentuk melalui apa-apa cara sekalipun, melainkan
setelah mendapat keizinan bertulis secara rasmi
daripada Baytul Hikma.*

ISBN: 978-967-14660-0-1

Diterbitkan Oleh



BAYTUL HIKMA

(PG0378209-M)

Pulau Pinang, Malaysia

www.baytulahikma.my

baytulahikmaresources@gmail.com

www.facebook.com/BaytulHikmaOfficial

+6013-218 1421

KANDUNGAN

Muqaddimah Penterjemah (Edisi PDF Percuma)	1
Muqaddimah Penterjemah	2
Muqaddimah Penulis	7
[HIKAYAT YANG AJAIB]	9
[JUZUK PERTAMA]	11
• [Islamnya Mahrug]	11
• [Ceramah Khatib Kasymir]	13
• [Kisah Pokok Tembaga]	14
• [Memecahkan Kelapa Dengan Mulut]	16
• [Melalui Celah Dua Bukit Atau Dua Sepit Ketam]	16
• [Hikayat Ajaib Bagaimana Ketam Menarik Tali Sauh]	17
• [Kapal Menghampiri Sebuah Kampung Daripada Pulau Waq- Waq Lalu Penduduknya Lari Ke Padang Pasir Dan..]	18
• [Kapal Karam Dekat Sebuah Pulau Berhampiran Hindi. Diselamatkan Oleh Garuda]	23
• [Ikan Di Perairan Oman Dan Parsi Yang Boleh Dimasuki Melalui Rahangnya Dan Keluar Ke Sebelah Yang Lain]	25
• [Kepala Ikan Yang Dimasuki Seorang Lelaki Dari Pipinya Lalu Keluar Ke Sebelah Lagi]	26
• [Ikan Yang Melanggar Kapal Dan Kepalanya Terlekat Di Perut Kapal]	27
• [Kapal Hilang Di Laut Dan...]	28

- [Ikan Yang Bersiar-Siar Mengiringi Kapal] 29
- [Kapal Dilanda Taufan Dan Lelaki Yang Menjadi Hamba Tawanan Perempuan Di Sebuah Pulau] 31
- [Menyaksikan Orang-Orang Yang Memiliki Sayap Di Laut Dan...] 43
- [Menyaksikan Jambatan Daripada Rangka Ikan] 49
- [Kisah Lelaki Yang Jahat Dan Ikan Yang Melompat Kepadanya] 50
- [Kisah Tidurnya Penyu Di Atas Permukaan Air] 51
- [Hikayat Ikan Yang Berupa Manusia] 53
- [Ikan Yang Bernama Zolum Mempunyai Faraj Seperti Farajnya Manusia] 55
- [Bagi Setiap Burung Di Udara Ada Ikan Yang Serupa Dengannya] 55
- [Pemandangan Di Laut Parsi Seperti Lautan Api] 56
- [Ular Gergasi Dan Menggerunkan Di Laut Yang Dipanggil “Naga”] 56
- [Bumi Di Hind Yang Terdapat Ular Beracun Yang Apabila Angin Bertiup Manusia Terkena Racunnya] 57
- [Hikayat Ular Gergasi Seolah-Olahnya Kayu Balak Terlentang] 58
- [Nakhoda Meneka Bahtera Akan Dilanda Taufan] 59
- [Kampung Yang Penduduknya Bertempiran Lari Daripada Ular Yang Memakan Ternakan Mereka] 63
- [Ular Yang Setiap Hari Menelan Gajah] 64
- [Ular Yang Apabila Ia Melihat Kepada Manusia, Ia Mati; Dan Apabila Manusia Melihatnya, Dia Mati] 66
- [Kalajengking Terbang Seperti Burung Ciak Berdekatan Waq-

Waq]	67
• [Hikayat Sultan Negeri Zanj Yang Penduduknya Makan Orang]	67
• [Kebenaran Tukang Tilik Az-Zinji Dan Karamnya Kapal] ..	81
• [Bulu Burung Yang Digunakan Sebagai Bekas Minuman]	82
• [Hikayat Burung Yang Terbang Daripada Hindi Dan Terhempas Di Atap Rumah Di Shiraz]	83
• [Hikayat Burung Memakan Penyu Dan Melemparkannya Dari Langit Ke Bumi Kemudian Memakannya].....	85
• [Hikayat Semut Yang Dikurung Dengan Diberi Makan Dua <i>Mann</i> Daging Setiap Hari]	86
• [Hikayat Pokok Berupa Manusia Yang Bersuara Apabila Ditiup Angin]	86
• [Hikayat Kafilah Dihadang Oleh Kera Yang Meminta Makanan].....	87
• [Hikayat Seorang Lelaki Meniduri Kera Betina Sehingga Hamil]	88
• [Hikayat Kera Bertembung Dengan Manusia Di Sebuah Pulau]	92
• [Hikayat Kera Yang Berkhidmat Kepada Tuannya Di Rumah]	100
• [Hikayat Tukang Besi Yang Dibantu Kera Meniupkan Api]	100
• [Hikayat Kera Yang Membelikan Daging Untuk Tuannya]	101
• [Hikayat Seorang Pemuda Yang Bernafsu Dan Seekor Kera]	102
• [Hikayat ‘Abharah Al-Kirmani Dan Selamatnya Kapal Di Laut]	110
• [Hikayat Muhammad Bin Babsyad Dan Cara Mengesan	

Daratan Dari Jarak Yang Jauh]	116
• [Hikayat Sungai Di China Dan Gunung Besi Berani Di Situ Yang Menarik Kapal-Kapal]	120
• [Hikayat Imran Tempang Dan Taufan Laut]	120
• [Hikayat Bayi Yang Terlepas Ke Laut Dari Tangan Bapanya Kemudian Selamat]	121
• [Hikayat Said Yang Fakir Dan Mutiara Yang Keluar Daripada Perut Ikan]	123
• [Lukisan Rupa Muhammad Bin Babsyad Dalam Simpanan Raja Hindi]	126
• [Hikayat Seorang Lelaki Yang Kapalnya Karam Lalu Berlindung Di Sebuah Pulau]	127
• [Hikayat Burung Yang Dimakan Dagingnya Oleh Pengembara Lalu Rontok Segala Bulu Dan Rambut Mereka]	128
• [Hikayat Ikan Yang Bersayap Dan Berjantina]	131
• [Hikayat Burung Yang Mencampakkan Telurnya Ke Dalam Air Untuk Anaknya Menetas]	132
• [Hikayat Pembuatan Kapal Menggunakan Guni]	134
• [Kisah Tukang Tilik Hindi Yang Menangkap Burung Di Padang Pasir Menggunakan Sihirnya]	135
• [Hikayat Ahli Sihir Hind Memburu Buaya]	135
• [Lelaki Hindi Yang Mengetahui Bahasa Gagak]	136
• [Kisah Peniaga Yahudi Dan Khalifah Baghdad]	139
• [Kisah Yahudi Dan Pembelian Mutiara Daripada Sultan Salah Satu Negeri China]	144
• [Kisah Kabilah Zanji Yang Mengasi Para Pengembara]	147
• [Hikayat Teluk Sarandib Dan Buaya Serta Para Pencuri Yang Memakan Manusia]	148

- [Hikayat Amir Hindi Dan Burung Kakak Tua] 148
- [Cara Sebahagian Sultan Sarandib Di Atas Kenderaan] 153
- [Kepercayaan Penduduk Sindan Yang Air Kencing Lebih Bersih Berbanding Air Basuhan Tangan Dan Mulut.] 154
- [Hikayat Sebahagian Orang Hind Yang Membuang Air Besar Dalam Air, Namun Pantang Berludah Ke Dalam Air] 155
- [Hikayat Sultan Sarandib Dan Pengambilan Cukai] 155
- [Sihir Ular Dan Sembuhnya Mangsa Patukan Ular Di Tangan Seorang Lelaki Muslim] 155
- [Cara-Cara Mengubat Mangsa Patukan Ular] 157
- [Hikayat Seorang Perempuan Tua Duduk Di Atas Pasir Menunggu Air Pasang] 159
- [Hikayat Beberapa Orang Yang Mahu Membunuh Diri Dan Mengupah Orang Lain Untuk Membenamkannya Ke Dalam Air] 160
- [Hikayat Berhala Di Sailan Yang Berpindah Dari Suatu Pulau Ke Suatu Pulau Setiap Seribu Tahun] 160
- [Hikayat Kera Jenis Kecil Dengan Rupa Seperti Manusia]. 161
- [Gambaran Zirafah Dan Semut Di Pulau Lamuri] 162
- [Hikayat Satu Kaum Berekor Yang Memakan Manusia] 163
- [JUZUK KEDUA] 165
- [Hikayat Penduduk Pulau Nian Yang Memakan Manusia Dan Bermegah Dengan Banyaknya Bilangan Kepala Mangsa Yang Dikumpulkannya] 165
- [Pulau Di Mana Penduduknya Memakan Manusia Dan Berjual Beli Kepala Mangsanya] 166
- [Penduduk Pulau-Pulau Yang Memakan Serta Menyiati-Nyiat Daging Musuhnya] 166

- [Kisah Penduduk Pulau-Pulau Lajbalus Dengan Para Pengembara]..... 166
- [Hikayat Memperoleh Admas Yang Bagus Di Sebahagian Tempat Di Kasymir] 168
- [Hikayat Pelayaran Ismailuyah Dari Kalah Ke Oman]..... 169
- [Hikayat Seorang Perempuan Mengadukan Hal Suaminya Yang Tua Namun Kuat Berjimak]..... 171
- [Jarak Pelayaran Antara Kalah Ke Oman]..... 173
- [Hikayat Taman Milik Baghbur]..... 173
- [Kubur Sulaiman Bin Daud Di Pulau Andaman]..... 174
- [Hikayat Durrul Yatim] 175
- [Hikayat Pembangunan Yang Hebat Di Pulau Zabaj] 179
- [Hikayat Bayi Yang Karam Dengan Buaiannya Namun Terselamat]..... 179
- [Hikayat Kelasi Yang Merogol Seorang Perempuan Yang Cantik] 184
- [Hikayat Inzalnya Kelasi Di Celah Paha Berhala Dan Dihukum Bunuh Dengan Fatwa Mufti]..... 185
- [Hikayat Keberangkatan Sultan China Bersama Seratus Ribu Penunggang Kuda]..... 187
- [Hikayat Tenggelamnya Kapal] 188
- [Hikayat Guni-Guni Kapas Yang Dicapak Ke Laut Ditemui Setahun Kemudian]..... 191
- [Hikayat Dua Lelaki Yang Membunuh Diri] 192
- [Hikayat Perang Dan Damai Dua Puak Yang Bertelagah].. 193
- [Hikayat Penghuni Rumah-Rumah Yang Ditimpa *Syabkarah*] 194
- [Sesiapa Yang Membeli ‘Anbar Negeri Mazfawid Tidak Keluar

Dari Situ Melainkan Akan Kembali Semula].....	195
• [Hikayat Satu Kawasan Negeri Zanj Yang Mempunyai Api Yang Sentiasa Menyala Sepanjang Tahun]	196
• [Hikayat Para Penyamun Yang Menghunus Pisau]	196
• [Hikayat Saudagar Hindi Yang Kebakaran Rumah Dan Keluarganya]	198
• [Hikayat Tradisi Membakar Orang Tua-Tua Di Negeri Hindu Atas]	200
• [Cara Duduk Bersama Raja-Raja Negeri Emas Dan Denda Jika Melanggarnya]	200
• [Kisah Utusan Daripada Penduduk Sarandib Kepada Rasulillah Saw]	202
• [Hikayat Seorang Bijak Di Sindabur Dengan Seekor Cicak].....	204
• [Hikayat Sihir Buaya Dan Matinya Sang Bomoh].....	205
• [Hukuman Bunuh Kepada Pencuri Di Hind]	208
• [Kisah Sampan Kecil Di Bawah Ombak Laut].....	209
• [Hikayat Kaum Bangsawan Di Hind Yang Mengumpulkan Tahi Lembu].....	210
• [Hikayat Tasik Sultan China Serta Mutiara-Mutiaranya] ...	210
• [Pulau-Pulau Dibajat Yang Terdiri Daripada Tiga Puluh Ribu Pulau]	211
• [Hikayat Penggunaan Gajah Untuk Berniaga Di Sesetengah Negeri Hind]	212
• [Hikayat Karamnya Kapal Dan Terselamatnya Beberapa Penumpang].....	214
• [Pasar Syurga Berdekatan Kasymir]	220
• [Kisah Pelbagai Batu-Batan Di China]	220
• [Air Yang Mengalir Daripada Sebuah Gunung Di Yaman Lalu	

Bertukar Menjadi Seorang Pemuda Yaman]	221
• [Keterangan Tentang Pokok Luban]	222
• [Pokok Yang Dedaunnya Tertulis La Ilaha Illallah Muhammad Rasulullah]	222
• [Ketam Laut Sanfa Bertukar Menjadi Batu Setelah Naik Ke Darat].....	223
• [Hikayat Persaingan Para Sultan Untuk Mencuri Batu Zabarjad]	223
• [Hikayat Burung Yang Bertelur Di Sarandib].....	224
• [Hikayat Pencuri Yang Disiat Kulitnya Sambil Dia Menyanyi]	224
• [Bagaimana Burung Samandal Bertelur]	224
• [Burung Yang Bertukar Jantina Di Pulau Waq-Waq]	225
• [Haiwan Di Sufalah Zanj Yang Mempunyai Dua Kemaluan]	225
• [Hikayat Ular Sepanjang Empat Puluh Hasta Di Shaimur Yang Menelan Buaya].....	226
• [Kecerdikan Penduduk Waq-Waq Dan Sisi Buruk Mereka].....	227
• [Memerangi Penduduk Waq-Waq Dan Qanbaluh].....	228
• [Hikayat Binaan Rumah Di Atas Air Di Teluk Sarirah].....	229
• [Hikayat Sampan Yang Dibawa Angin Ke Pulau Kanibal].	231
• [Hikayat..].....	232
• [Hikayat Laut Shafyu]	233
• [Keadaan Pulau Sarandib, Iaitu Sailan].....	233
• [Kisah Seorang Lelaki Daripada Penduduk Basrah Yang Selamat Daripada Kapalny Yang Karam]	234
• [Hikayat Seorang Pelaut Dan Kapal Karam]	245

PENUTUP.....	249
LAMPIRAN 1 Gambar Muka Depan Naskhah <i>‘Ajā’ib al-Hind</i>	251
LAMPIRAN 2 Peta Benua Hind.....	257



BAYTUL
HIKMA

MUQADDIMAH PENTERJEMAH (EDISI PDF PERCUMA)

Bismillah walhamdulillah.

Beberapa ketika setelah mengambil keputusan menghentikan cetakan buku ini sehingga waktu yang dikehendaki Allah, timbul dalam fikiran saya untuk menjadikannya edisi PDF percuma. Ini agar sekalipun edisi bercetak tiada di pasaran, namun manfaat isi buku ini tidak terhalang daripada sampai kepada khalayak, khususnya bangsa Melayu. Cuma saya berpesan supaya jangan pula ada pihak yang bertindak mencetak daripada edisi percuma ini untuk tujuan komersil.

Oleh demikian, saya pun mencuri-curi masa yang ada untuk menyemak kembali dan menambah apa yang perlu dan membuang apa yang sebaliknya. Tetapi, ia tidaklah berbeza banyak dengan edisi bercetak yang lepas. Dengan itu saya sodorkan terjemahan ini ke tangan tuan puan.

Semoga ia menjadi bekal pahala yang sentiasa mengalir buat diri saya, pihak penerbit serta semua yang terlibat dalam menjayakannya. Amin.

Wassalam.

ARSYAD MOKHTAR

Rabu, 7 Ogos 2019, 01:34 tengah hari,

Pandang, Kedah Darul Aman.

MUQADDIMAH PENTERJEMAH

Bismillah wal hamdulillah. Wassolatu wassalamu ‘ala Rasulillah.

Tidak berapa lama dahulu, telah timbul keinginan dalam hati saya untuk menulis sebuah buku dengan tajuknya lebih kurang: “Nusantara Dalam Teks-Teks Klasik Islam”. Keinginan itu hasil daripada pembacaan terhadap kitab-kitab klasik menemukan saya kepada khazanah maklumat yang dirasakan mungkin ramai yang belum mengetahuinya. Namun ternyata kerja sebegitu bukanlah suatu kerja yang mudah.

Selama ini bolehlah dikatakan maklumat berkenaan sejarah kebanyakannya melalui sumber Barat. Begitu juga, saya telah membaca pelbagai artikel atau buku yang mungkin ada menyebut nama-nama kitab Arab yang tertentu — seumpama kitab ini, tetapi seterusnya didapatiambilannya terhenti pada nukilan-nukilan penulis atau sejarawan Barat juga, bukan daripada kitab asalnya. Justeru, saya merasa perlu untuk kita melangkah setapak lagi ke hadapan dalam hal ini dengan tidak perlu lagi meneruskan pergantungan kepada mereka jika ada jalannya untuk kita terus ke sumber asli berbahasa Arab tersebut.

MENGAPA KITAB INI?

Kitab ini saya pilih untuk diterjemahkan pada kali ini, kerana semasa membacanya kali pertama, saya dapati banyak sekali

penceritaan yang berkait dengan rantau sebelah sini. Kisah-kisah yang dipaparkan juga sangat menarik hati. Ingin juga saya sentuh di sini bahawa sekalipun ada kisah di dalamnya yang mungkin menyebabkan sebahagian orang menyangkanya dongeng, namun cara yang ditempuh oleh pengarang membuktikan ianya bukanlah dongeng. Ini kerana, sekalipun buku ini bukanlah sebuah buku hadis, namun caranya ditulis adalah dengan jalan riwayat dengan penyebutan nama perawi. Cara begini adalah suatu yang lazim dalam bidang penulisan zaman tersebut. Adakalanya kisah yang ditulis adalah pengalaman perawi sendiri, adakalanya pengalaman pihak ketiga.

Sepengetahuan saya, sehingga ke saat ini belumlah wujud terjemahan kitab ini ke dalam bahasa Melayu sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia, sedangkan kitab ini berisikan banyak sekali maklumat yang menyentuh berkaitan Kepulauan Melayu. Dengan itu jadilah terjemahan ini sebagai yang julung-julung kalinya ke dalam bahasa Melayu.

SUMBER TERJEMAHAN

1. Pada mulanya, terjemahan ini bersumberkan daripada kitab berbahasa Arab yang diterbitkan Dar Maktabah Babilun, Beirut, yang didigitalkan kepada fail PDF oleh Markaz Al-Qaimiyyah, Asfahan.

2. Setelah siap dan disemak beberapa kali, saya terjumpa sebuah naskhah (PDF) yang terbit di Abu Dhabi bertajuk: *“Ajaibul Hind li Buzurg bin Syahriyar; Bainal Haqiqah wal UShurah”* (*Ajaibul Hindi oleh Buzurg bin Syahriyar; Antara Realiti dan Dongeng*). Naskhah ini dikaji dan dikomentari oleh Hasan Soleh Syihab. Susunan kisah-kisah dalam naskhah ini tidak mengikut susunan kitab asalnya, tetapi dibahagikan mengikut

peristiwa kisah-kisah tersebut bermula dengan para nakhoda, para saudagar dan diakhiri susunannya dengan kisah-kisah yang tidak disebutkan periwatannya oleh Buzurg. Naskhah ini tidaklah saya jadikan sebagai tonggak dalam kerja terjemahan ini, melainkan sebagai perbandingan dan rujukan kepada beberapa perkataan yang tidak saya jumpai maknanya di dalam kamus serta mu'jam.

3. Selang beberapa waktu, akhirnya saya bertemu pula dengan sebuah naskhah (dalam bentuk PDF juga) yang saya percaya sebagai naskhah terawal kitab ini yang dicetak, iaitu naskhah cetakan Leiden tahun 1886 yang diulang cetak di Tehran pada tahun 1966. Naskhah ini berisikan teks Arab serta terjemahan ke bahasa Perancis. Istimewanya naskhah ini ia juga disertakan beberapa keping lukisan yang saya percayai daripada manuskrip asalnya. Saya berharap agar pihak penerbit dapat menimbang cadangan saya untuk memasukkan lukisan-lukisan itu ke dalam naskhah terjemahan ini. Saya turut yakin bahawa naskhah Asfahan yang disebutkan di atas dicetak berdasarkan cetakan Leiden ini. Dengan demikian, pencarian saya seakan menemui titik akhirnya. Dan saya memutuskan untuk melakukan semakan terakhir dengan teliti berdasarkan naskhah Leiden ini. dan inilah hasilnya yang dipersembahkan kepada tuan puan sidang pembaca yang budiman.

Untuk mengakhiri muqaddimah yang panjang ini, saya dengan rendah hati mengakui tentunya terjemahan ini tidaklah sempurna. Dengan itu saya pohonkan keuzuran dan teguran dengan jalan ilmu daripada sesiapa juga yang menemui kesilapan pada terjemahan ini. Semoga terjemahan buku ini memberi satu sumbangan kecil dalam khazanah perbukuan dan ilmu sejarah bangsa.

Sebagai makluman, tajuk-tajuk yang bagi setiap kisah hanya terdapat di dalam naskhah Asfahan dan saya terjemahkan dengan diberi kurungan berikut [].


Akhirnya saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penerbit serta seluruh yang terlibat sehingga terhasilnya buku ini. *Jazakumullahu khairan kathira.*

ARSYAD MOKHTAR

Pendang, Kedah,

14 Oktober 2016

BAYTUL
HIKMA



MUQADDIMAH PENULIS

Bismillahirrahmanirrahim. Cukuplah Dia bagiku.

Alhamdulillah yang memiliki kemuliaan dan keagungan, kenikmatan dan kelebihan anugerah. Menciptakan berjenis-jenis umat dan generasi. Mempelbagaikan mereka dengan fitrah kejadian akhlak dan rupa. Mentadbirkan mereka dengan kekuasaanNya daripada satu keadaan kepada suatu keadaan yang lain. Mengajarkan kepada mereka dengan kebijaksanaanNya segala kepandaian sehingga membolehkan mereka melakukan pekerjaan yang ajaib-ajaib. Dia itulah yang telah menciptakan sesuatu dengan sebaik-baiknya, lalu memperelokkannya dan meluruskannya.

Firmannya – dan Dia itulah yang paling benar dalam perkataannya :

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang Termulia. Dia itulah yang mengajarkan dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

Tanda-tanda kekuasaanNya di segenap pelusuk alam, keajaiban ciptaanNya di darat dan lautan, keindahan buatanNya di segenap ufuk dan kota, semuanya menjadi saksi bahawa Dia itulah Maha Suci lagi Maha Tinggi, Tunggal, Tempat bergantung harap, Esa lagi Perkasa.

Maka hendaklah kamu mengambil i'tibar, wahai yang empunya mata hati!

Dia telah mengutuskan Muhammad dengan petunjuk dan agama yang sebenar-benarnya kepada seluruh makhluk. Selawat daripada Allah untuknya dan ahli keluarganya selama mana kilat masih menyambar, dan selagi matahari masih memancarkan sinar.

Adapun kemudian;

Sesungguhnya Allah yang Maha Suci namaNya serta lagi mulia pujaNya telah menciptakan sepuluh juzuk keajaiban, lalu menjadikan sembilan daripadanya berada di belahan perempat Timur, manakala satu juzuk berada pada tiga belahan yang baki iaitu Barat, Utara dan Selatan. Kemudian Dia menjadikan pula lapan juzuk daripada sembilan juzuk pertama tadi letaknya di China dan Hind¹, manakala baki satu lagi pada bahagian-bahagian lain di Timur.

BAYTUL

¹ Hind di dalam konteks zaman itu adalah nama umum yang merujuk kepada negara-negara dan pulau-pulau di sekitar Lautan Hindi. Janganlah hendaknya disalah anggap sebagai bumi India, Pakiستان, Bangladesh dan Sri Lanka saja. –pent.



[HIKAYAT YANG AJAIB]

BAYTUL
HIKMA

[JUZUK PERTAMA]

[ISLAMNYA MAHRUG]

Di antara keajaiban di bumi Hind itu adalah apa yang telah diberitahukan kepada kami di Basrah oleh Abu Muhammad, Al-Hasan bin Amru bin Hammuyah bin Hiram bin Hamuyyah An-Nujairamiyy dengan katanya:

‘Aku pernah berada di Mansurah² pada tahun dua ratus lapan puluh lapan (288 H) dimana beberapa orang masyaikh kota itu yang boleh dipercayai telah memberitahuku bahawa Raja Ar-Ra³ – ia itulah raja yang terbesar bagi Negara Hind serta sekitarnya yang mana tempat itu adalah di antara Kasymir Atas⁴ dan Kasymir Bawah⁵ - dan ia dipanggil dengan nama Mahrug bin Rayiq⁶, pada tahun dua ratus tujuh puluh (270 H) telah menulis kepada Penguasa Mansurah, iaitu Abdullah bin Umar bin Abdul Aziz memintanya untuk menafsirkan Syariat Islam kepada baginda dengan bahasa Hindi.

Maka Abdullah ini telah menghadirkan seorang lelaki penyair yang tinggal di Mansurah namun asalnya daripada Iraq, sangat tajam akalunya lagi baik kefahamannya. Lelaki itu

² Ar: (المصورة). Mansurah ini bukanlah yang di Mesir tetapi Mansurah yang di Sind atau Khwarizam. –pent.

³ Ar: (ملك الرا).

⁴ Ar: (قشمير الأعلى).

⁵ Ar: (قشمير الأسفل).

⁶ Ar: (مهروك بن رايق).

membesar di negeri Hind dan mengetahui bahasa mereka yang pelbagai itu. Abdullah lalu memberitahunya permintaan Raja Ar-Ra itu, maka lelaki tersebut mengarang sebuah qasidah yang menyebut di dalamnya apa yang dikehendaki oleh Raja itu lalu menyerahkannya.

Ketika mana qasidah itu dibacakan kepada raja berkenaan, baginda memuji-muji keindahannya. Baginda lalu menulis surat kepada Abdullah agar mengutuskan lelaki penulis qasidah itu. Lalu diutuskanlah lelaki tersebut dan dia tinggal bersama raja itu selama tiga tahun, kemudian kembali ke tempatnya.

Setelah itu maka Abdullah bertanya lelaki tersebut mengenai hal ehwal Raja Ar-Ra, maka diceritakannyalah panjang lebar. Di antara ceritanya adalah bahawa ketika ia meninggalkan raja itu, baginda telah pun masuk Islam dengan hati dan lidahnya, namun keadaan tidak memungkinkannya untuk menzahirkan keislamannya kerana bimbangkan dirinya serta runtuh kerajaannya.

Antara ceritanya lagi adalah ada suatu kali raja tersebut memintanya untuk menafsirkan Al-Quran ke dalam bahasa Hindi. Maka dia pun menafsirkannya sehingga sampai kepada surah Yaasin. Sambungnya lagi:

Lalu aku tafsirkan untuk baginda firman Allah Azza wa Jalla: *“Ia berkata siapakah yang akan menghidupkan kembali tulang temulang yang telah hancur remuk itu? Katakanlah bahawa yang akan menghidupkannya adalah Dia yang telah menjadikannya pada kali pertama dahulu. Dan Dia itulah yang sangat mengetahui hal keadaan sekalian makhlukNya.”*

Katanya:

Ketika mana aku menafsirkan ayat ini kepadanya sedang baginda duduk di atas sebuah sofa yang diperbuat daripada

emas bertatahkan permata maknikam yang tidak ternilai mutunya, baginda pun berkata: *“Ulangilah peneranganmu tadi!”* lalu aku pun mengulangnya. Baginda lalu turun daripada sofanya seraya berjalan di atas tanah yang berselut. Kemudiannya baginda meletakkan pelipisnya ke tanah lalu menangis sehingga berlumuranlah wajahnya dengan tanah selut itu sambil berkata kepadaku: *“Inilah dia Tuhan yang sebenarnya yang patut disembah, Yang Awal lagi Sedia Adanya lagi tidak ada sesuatu apapun yang menyerupaiNya.”*

Baginda kemudian membina sebuah rumah untuk dirinya dengan menampakkan seolahnya baginda memencilkan diri di situ kerana menjalankan urusan kerajaannya, sedangkan baginda di situ menunaikan solat secara rahsia tanpa diketahui seorang pun. Baginda juga telah mengurniakan aku pada tiga kali kurniaan sebanyak enam ratus *mann*⁷ emas.

[CERAMAH KHATIB KASYMIR]

Beliau juga telah memberitahuku bahawa penduduk Kasymir Atas pada hari raya setiap tahunnya akan berhimpun, lalu Tok Khatib mereka akan naik ke atas mimbar dengan membawa sebuah tempayan terbuat daripada tanah yang tidak dibakar. Khatib tersebut akan berkhotbah, kemudian berkata: *“Peliharalah diri-diri kamu dan harta-harta kamu dan jagalah ia!”* Beliau itu lalu memberi peringatannya kemudian berkata pula: *“Lihatlah kepada tempayan tanah ini! Aku telah memeliharanya dan menjaganya, maka ia kekal elok sehingga kini.”*

⁷ Ar: (المن). Sejenis ukuran berat. Terdapat perbezaan dalam penentuan kadarnya. Ada yang mengatakan satu *mann* bersamaan dengan dua *ritl*. pent.

Mengikuti apa yang dikhabarkan oleh mereka bahawa tempayan tersebut telahpun berusia empat ribu tahun.

[KISAH POKOK TEMBAGA]

Telah memberitahuku Abu Abdillah Muhammad bin Babsyad bin Hiram bin Hammuyah As-Sirafi, yang merupakan ketua para nakhoda yang belayar ke Negeri Emas⁸ dan makhluk Allah yang paling arif tentang hal ehwal lautan serta pemuka segala pelayar bahawa di terusan-

⁸ Ar: (بلاد الذهب). Dalam kitab ini berulang kali disebut Negeri Emas ini. Sebahagian orang ada menyangka bahawa ia letaknya di benua Afrika. Namun, berdasarkan penyebutan-penyebutan dalam kitab ini, nyata bahawa lokasinya adalah antara Sarandib dan China. Pada hemat saya, ianya adalah Semenanjung Tanah Melayu dari selatannya membawa ke Thailand kini. Ini berkaitan dengan penamaan Semenanjung sebagai Suvarnabhumi, The Golden Chersonese dan kemasyhuran tentang timbunan emas di benua ini. Nampaknya kemasyhuran inilah antara yang menjadi pendorong para penjelajah Eropah berlumba-lumba ke sini. Ini kerana kitab ini dan kitab-kitab klasik Arab lain yang menceritakan tentang perkara ini tersimpan rapi di perpustakaan-perpustakaan Eropah serta diterjemahkan ke dalam bahasa mereka. –pent.

terusan⁹ di Sarandib¹⁰ ada sebuah negeri bernama Abrir¹¹, ia negeri yang sangat besar. Di situ terdapat lebih daripada tiga puluh pasar yang mana panjang setiap pasarnya itu setengah *mil*.

Di sana terdapatnya baju ‘Ubbiyyah yang sangat mahal lagi indah. Negeri itu terletak di tebing sungai yang besar yang mengalir ke laut di mana terusan-terusan tersebut berada. Penduduk negeri ini memiliki sebanyak enam ratus berhala¹² yang besar-besar, tidak termasuk yang kecil-kecil. Panjang negeri ini ialah empat ratus *barid*¹³.

Di tengah negeri ini terdapat sebuah gunung dengan sungai di kakinya. Di tepi gunung itu pula ada sepohon pokok daripada tembaga dan kuningan yang sangat besar dengan duri-duri seperti besi cangkuk untuk menggantung daging atau besi yang dicucuk untuk membakar daging. Bersetentang dengannya ada sebuah berhala besar dalam

⁹ Ar: (أغباب). Kata jama' daripada (الغيب) Lihat Lisanul Arab. Terusan-terusan Sarandib ini adalah salah satu keajaiban arkitek kuno semenjak sebelum Masehi lagi. Penyebutan terusan-terusan ini dalam kitab ini serta kitab klasik Arab lain menunjukkan kemasyhurannya. Saya menyarankan kepada para pembaca untuk menggugel di internet dengan memasukkan kata carian “Ancient canals in Sri Lanka” untuk maklumat lanjut. Bahkan masih ada antara terusan berkenaan yang berfungsi hingga saat ini. Boleh dilihat gambar-gambarnya di internet. pent

¹⁰ Ar: (سرنديب). Sri Lanka. Ada juga mengatakan bahawa Surandib atau Swarna Dipa ialah Sumatra. Wallahu a’lam.

¹¹ Ar: (أبرير).

¹² Ar: (بُئِد). Daripada kata ini, nyata berhala yang dimaksud adalah patung Buddha. –pent.

¹³ Satu *barid* bersamaan 12 *mil*. –pent.

bentuk orang hitam, kedua matanya daripada zabarjad¹⁴. Penduduk di situ ada satu hari perayaan mereka dalam setiap tahunnya yang dirayakan dekat berhala itu.

Pada hari raya itu mereka akan keluar menuju berhala tersebut, lalu mendaki gunung di situ. Barangsiapa yang suka untuk mendekatkan dirinya kepada tuhannya, maka dia akan minum (arak), menyanyi dan sujud kepada berhala itu berkali-kali, kemudian melemparkan dirinya daripada atas gunung itu terus kepada pokok tembaga tersebut sehingga terpotong-potong badannya. Ada pula yang lain yang terjun menjunamkan kepalanya ke atas batu besar di jeram berhampiran berhala hitam itu sehingga hancur lebur di atas batu itu, terus masuk ke neraka Allah.

[MEMECAHKAN KELAPA DENGAN MULUT]

Beliau juga telah memberitahuku bahawa di negeri Qannuj¹⁵ satu negeri daripada negeri-negeri Hindi ada seseorang yang telah mengambil buah kelapa lalu memecahkannya dengan menggigitnya saja.

[MELALUI CELAH DUA BUKIT ATAU DUA SEPIT KETAM]

Beliau juga telah memberitahuku yang beliau telah mendengar semasa muda-muda dahulu bahawa Marduyah bin Zarabakht iaitu seorang nakhoda Cina dan Negeri Emas telah menceritakan:

Suatu ketika beliau telah belayar melalui dekat Pulau Zabaj¹⁶. Ada dalam beberapa hari itu beliau telah melalui di

¹⁴ Batu jcd. -pent.

¹⁵ Ar: (قنوج).

¹⁶ Ar: (جزيرة الزابج). Perkataan Jazirah bukanlah bermaksud pulau seperti

antara dua tanduk yang muncul dari dalam laut seperti dua bukit dalam air. Sebaik saja melepaskannya, maka kedua-dua tanduk itu tenggelam ke dalam laut. Maka beliau mengagak bahawa kedua bukit itu adalah sepit ketam yang besar.

Aku (yakni Pengarang) lalu berkata kepada Abu Muhammad: “Boleh aku ceritakan hikayat ini nanti dengan menyandarkan kepada engkau?” Beliau lalu berkata: “Sesungguhnya seperti itulah yang telah aku dengar sendiri. Benda itu besar sekali. Aku pun tidak tahu apa bendanya. Cuma, memang ketam dalam laut itu sangat besar sekali.”

[HIKAYAT AJAIB BAGAIMANA KETAM MENARIK TALI SAUH]

Telah memberitahuku Ismail bin Ibrahim bin Mirdas, Sang

yang kita fahami iaitu yang timbul di tengah2 laut. Jika diperhatikan, Semenanjung Arab juga disebutkan sebagai Jazirah Arab sekalipun ia bukannya pulau seperti yang biasa difahami. Ramai menyatakan Zabaj adalah merujuk kepada Empayar Sri Bijaya (Sriwijaya) yang mencakupi Sumatera dan Semenanjung. Ada pula yang berpendapat letaknya di Filipina. Saya berpendapat Zabaj adalah sebutan Arab untuk “Sabak” dimana secara khususnya adalah terletak di Kelantan berhadapan Pantai Sabak kini. Ada beberapa sebab yang mendorong saya berpendapat begini. Setelah seribu tahun lebih berlalu, mungkin sebahagian besarnya telah tenggelam ke dalam laut akibat hakisan ombak dan yang tinggal kini hanya Pantai Sabak yang sehingga kini masih terus terhakis. Lihat saja kubu Perang Dunia Kedua yang kini telah pun tenggelam sedangkan belum lagi seratus tahun usianya sedangkan beberapa tahun lalu masih lagi berada di atas pantai. Wallahu a’lam. [Tambahan: Setelah menuliskan notakaki di atas, saya menemui sepatah ayat berupa penegasan dalam bahagian pertama kitab “*Rihlah As-Sirafi*” yang ditulis oleh Sulaiman At-Tajir – *Saya hampir siap menterjemahkannya* dengan katanya tentang Kajah Bar (Kedah) itulah Kerajaan Zabaj (مملكة الزابج).-pent.

Nakhoda. Beliau adalah antara nakhoda-nakhoda Negeri Emas yang masih ada. Dia terkenal dengan nama Ismailuyah Khatan Asykanin. Dalam salah satu kembara beliau ke Negeri Emas, beliau telah hampir kepada daratan berdekatan Lamuri¹⁷ disebabkan ada sesuatu hal yang tidak diinginkan berlaku kepada kapalnya.

Kerana itu beliau perlu untuk menghentikan kapalnya di tengah laut. Lalu dilemparkanlah sebuah *anjur*¹⁸ (sauh) yang besar ke dalam laut itu, namun kapalnya tetap juga tidak berhenti bergerak tanpa diketahui sebabnya. Beliau lalu memerintahkan seseorang untuk menyelam dengan berpaut pada tali sauh itu bagi menyelidik apa sebabnya kejadian itu. Kata beliau kepada penyelam itu: “Cuba engkau turun ikut tali sauh ini dan lihat apa puncanya.”

Ketika mana penyelam itu mahu turun, dia lalu melihat sauh itu telah berada di antara dua sepit ketam yang besar yang sedang menarik kapal tersebut dan bermain-mainkan sauhnya. Semua orang lalu bertempik sorak sambil membaling-baling batu serta lekas-lekas menarik sauh. Setelah itu mereka pun melabuhkannya di tempat yang lain. Sauh itu beratnya enam ratus *mann* atau bahkan lebih berat lagi daripada itu.

**[KAPAL MENGHAMPIRI SEBUAH KAMPUNG DARIPADA
PULAU WAQ-WAQ LALU PENDUDUKNYA LARI KE PADANG
PASIR DAN..]**

Telah memberitahuku Abu Muhammad, Al-Hasan bin

¹⁷ Ar: (لامري).

¹⁸ Ar: (أنجر/أنجور). Saya meletakkan perkataan seperti dalam kitab asalnya kerana tertarik dengan kesamaannya dengan bahasa Inggeris iaitu “Anchor”. –pent.

Amru yang ada sebahagian nakhoda telah memberitahunya bahawa dirinya pernah menyediakan kapal untuk belayar ke Zabaj. Lalu entah macam mana angin telah membelokkan mereka ke sebuah kampung daripada salah satu pulau-pulau Waq-Waq¹⁹.

Bila saja penduduk kampung itu melihat mereka, maka bertempiaranlah kesemuanya ke padang sahara membawa bersama apa saja harta benda yang termampu. Ahli rombongan kapal juga merasa takut dan cuak untuk turun ke darat kerana mereka tidak mengetahui hal ehwal negeri itu, lebih-lebih pula apa sebabnya penduduk kampung tersebut bertempiaran lari. Dengan itu duduklah mereka dalam kapal itu selama dua hari tanpa ada seorang pun yang datang ke kapal untuk bercakap-cakap punca dan sebabnya.

Setelah itu mereka pun menurunkan seorang lelaki dalam rombongan itu yang pandai bahasa penduduk Waq-Waq. Lelaki itu pun lalu turun meninjau-ninjau, kemudiannya pergi ke padang sahara. Di sana dia menjumpai seorang laki-laki yang memanjat pokok dan bersembunyi di atasnya. Lelaki ahli rombongan itu lalu bercakap dengan lemah lembut kepada lelaki yang bersembunyi di atas pokok itu sambil menghulurkan makanan berupa kurma yang ada padanya.

Dia bertanya apa sebabnya semua orang lari daripada kampung. Di samping itu dia turut menjamin keamanan diri orang itu serta menjanjikan untuk memberikan sesuatu kepadanya sekiranya orang itu percaya kepadanya. Maka lelaki penduduk kampung itu berkata bahawa sesungguhnya tatkala penduduk kampung melihat kapal tersebut mereka

¹⁹ Ar: (جزائر الوقواق).

menyangka yang mereka akan diserang. Kerana itulah mereka dengan rajanya sekali lari ke padang sahara dan bersembunyi di hutan rimba.

Cerita nakhoda lagi:

Lelaki itu kemudian dibawa kembali ke kapal. Kemudiannya tiga orang ahli rombongan kapal mengikuti lelaki itu pergi berjumpa dengan raja mereka dengan membawa surat yang berisikan perkataan yang baik-baik serta memberi jaminan keselamatan kepadanya dan seluruh penduduk. Mereka juga membawa dua helai pakaian serta buah kurma sebagai hadiah.

Raja pun senang hatinya lalu kembali semula ke kampung itu bersama penduduk-penduduknya dan duduklah bercampur gaul dengan rombongan itu serta berjual beli segala barang-barang dagangan yang dibawa oleh mereka.

Belum pun berlalu dua puluh hari bilamana penduduk sebuah kampung yang lain berpakat dengan raja mereka untuk memerangi raja ini. Maka raja yang hendak diperangi ini pun berkata kepada ahli rombongan kapal itu: “Ketahuilah! Mereka itu datang hendak memerangiku dan mengambil harta bendaku kerana menyangka aku mendapat harta yang banyak daripada kapal kamu ini. Haruslah kamu semua menolong aku menghadapi mereka serta pertahankanlah diri kamu sendiri dan diriku.”

Nakhoda pun meneruskan ceritanya:

Maka pagi esoknya kami pun berhadapan dengan puak penyerang itu di pintu masuk kampung. Kemudian keluarlah raja yang menjadi kawan kami ini beserta seluruh penduduk kampungnya disertai oleh anak-anak kapal dan pahlawan-pahlawan kapal. Ikut sekali bersamanya adalah saudagar-saudagar dan sesiapa saja yang mahu berperang bersama.

Dalam ramai-ramai rombongan kapal itu ada seorang lelaki Iraq yang jahat perangai. Apabila peperangan antara kedua puak itu memuncak, tiba-tiba lelaki itu mengeluarkan sehelai kertas yang besar daripada seluarnya. Kertas itu ada tertulis catatan kira-kira lelaki tersebut. Dia lalu membuka kertas tersebut, menebarkannya serta mengangkat dengan tangannya ke langit. Serentak itu dia lalu mengucapkan kata-kata dengan suara yang kuat sekali.

Nakhoda menyambung lagi:

Bila saja puak yang berperang itu melihat perbuatan lelaki tersebut, mereka segera berhenti berperang lalu satu kumpulan dari mereka datang menemui lelaki itu dan berkata: “Jangan buat begini! Tak apa, kami akan berundur saja, dan kami pun tak akan mengambil apa suatu pun barang-barang kamu.”

Kemudian kedua-dua puak tersebut berkata sesama sendiri: “Jangan lagi kamu berperang, kerana sesungguhnya orang-orang kapal ini telah mengangkat perkara mereka kepada Raja Langit. Sekejap saja kita nanti mereka akan mengalahkan dan membunuh kita!”

Sesudah itu sentiasalah mereka merendah diri dengan takutnya kepada lelaki tersebut sehinggalah dia memasukkan kembali kertas itu ke dalam seluarnya. Kemudian barulah mereka semua bersurai dengan senyap sunyi, seolah-olahnya aku dan rombongan kamilah yang menguasai kampung tersebut.

Nakhoda ini pun bercerita lagi:

Selepas perkara itu selesai, maka kami pun kembali berjual beli dan bertukar barang seperti biasa serta mempergunakan raja kampung itu. Sentiasalah kami membuat helah menipu penduduk kampung itu dan menculik anak-anak mereka dan

ada pula yang kami membeli mereka dengan tukaran yang murah seperti sapatangan dan tamar saja, sehingga terkumpul dalam kapal kami hampir seratus kepala²⁰ penduduk yang kami jadikan hamba untuk dijual kecil besarnya.

Apabila berlalu empat bulan dan tiba masanya untuk belayar kembali, maka berkatalah mereka yang telah kami beli dan culik itu: “Tolonglah jangan bawa kami dari sini. Tinggalkanlah kami di negeri kami ini. Tidak halal sama sekali untuk kamu semua memperhambakan kami serta memisahkan antara kami dan ahli keluarga kami.”

Kami tidak mempedulikan sama sekali rayuan mereka itu. Duduklah mereka dalam kapal itu. Ada yang diikat dan ada yang dibelunggu, sementara anak-anak pula dibiarkan lepas bebas. Di atas kapal itu ada lima orang kelasi yang ditugaskan memantau dan memberi makan mereka itu. Sementara ahli kapal yang lain semuanya berada di kampung tersebut.

Maka pada suatu malam mereka itu menyerang kelasi yang lima orang tersebut lalu mengikat mereka dengan tali. Segera mereka itu mengangkat sauh dan mengembangkan layarnya lantas membawa pergi kapal itu di tengah-tengah kegelapan malam.

Paginya kami terkejut apabila mendapati kapal tersebut sudah hilang. Tinggallah kami sehelai sepinggang. Sekarang kami tidak lagi punya helah untuk menipu penduduk itu, melainkan yang tinggal dengan kami hanyalah barang-barang yang murah dan tidak berguna saja. Kami terpaksa tinggal di situ dalam keadaan melarat selama beberapa bulan dengan tidak ada khabar berita langsung tentang kapal kami

²⁰ Yakni seratus orang. –pent.

itu. Setelah itu kami pun terpaksa membina sampan yang kecil untuk membawa kami keluar daripada pulau itu dalam keadaan susah payah lagi fakir.

**[KAPAL KARAM DEKAT SEBUAH PULAU BERHAMPIRAN
HINDI. DISELAMATKAN OLEH GARUDA²¹]**

Telah memberitahuku Nakhoda Ahmad bin Ali bin Munir As-Sirafi. Beliau adalah termasuk nakhoda-nakhoda cekap yang membelah lautan sehingga masyhur dan terkenallah namanya di lautan. Katanya:

Ada beberapa orang tua dari Hind telah menceritakan kepadanya ketika di Sarandib bahawa sebuah kapalnya telah karam. Hanya beberapa orang sahaja yang sempat menyelamatkan diri dengan sampan. Mereka kemudian terdampar di sebuah pulau berdekatan dengan Hind.

Tinggallah mereka di situ beberapa lamanya sehingga kebanyakan mereka akhirnya menemui ajal kecuali tujuh orang sahaja lagi yang masih tinggal. Sepanjang berada di situ mereka seringkali melihat seekor burung yang sangat besar datang dan mencari makan di pulau itu. Apabila tiba waktu asar burung itu pun terbang semula entah kemana, tiada seorang pun daripada mereka itu yang tahu.

Melihatkan itu, ditambah lagi dengan sempit dada mereka mengenangkan tidak ada lagi jalan keluar daripada maut, maka mereka bertujuh pun bermuafakatlh supaya seorang daripada mereka berpaut pada kaki burung itu agar dapat mengikut ke mana ia pergi. Mereka bergantung harap

²¹ Dalam kitab Arabnya ditulis (طائر عظيم) yakni Burung Besar. Oleh kerana kata “Garuda” adalah umumnya merujuk kepada burung besar, maka saya menggunakannya pada beberapa tempat dalam terjemahan ini. –pent.

kepada burung itulah; jika ia melemparkan mereka ke sebuah negeri berdekatan – itulah yang mereka harapkan, namun jika ia membunuh mereka maka memang maut itulah yang sedang menghampiri sekarang pun.

Maka salah seorang pun sukarela menawarkan dirinya. Dia pun bersembunyi di balik pokok-pokok. Sebentar kemudian datanglah burung tersebut seperti biasanya lalu mula mencari makanannya. Ketika tiba waktunya untuk terbang semula, maka lelaki itupun perlahan-lahan merapat lalu berpaut pada salah satu kaki burung itu dengan mengikat dirinya menggunakan kulit pokok.

Burung itu lalu membawanya terbang tinggi ke udara dengan lelaki itu berpaut seeratnya di paha burung itu dan kakinya mendapak kuat-kuat pada kaki burung tersebut. Terbanglah burung itu merentasi lautan luas sehingga waktu tenggelam matahari ia pun mendarat dengan lelaki itu di atas sebuah gunung. Dia pun cepat-cepat merungkaikan ikatannya lalu jatuh terlentang seperti mayat kerana terlampau letih dan lesu ditambah dengan pelbagai jerit-perih yang telah dilaluinya semasa terbang itu.

Terbaringlah dia di situ tidak bergerak-gerak lagi sehinggalah terbit matahari esok paginya. Bangun saja pagi itu dia lalu terserempak dengan seorang gembala kambing, maka bertanyalah dia kepada gembala tersebut dalam bahasa Hindi²² di manakah dia berada sekarang ini. Gembala lalu menyebutkan nama sebuah kampung daripada kampung-kampung di benua Hindi. Kemudian gembala itu

²² Ar: (الهندية). Bahasa Hindi di sini bukanlah maksudnya bahasa Urdu, tapi bahasa penduduk di situ yang dibangsakan kepada negeri-negeri Hind. –pent.

memberinya minum susu dan memapahnya sehingga masuk ke dalam kampung. Burung itu pula sentiasalah pulang pergi membawa datang mereka yang masih tinggal di pulau itu seorang demi seorang sehinggalah semua mereka akhirnya dapat berkumpul di kampung tersebut.

Mereka kemudian mencari jalan ke sebahagian negeri Hindi yang mempunyai kapal-kapal yang berlabuh lalu mereka pun menumpang sebuah kapal yang ada di situ. Maka berceritalah mereka kepada orang di atas kapal itu kisah mereka bermula daripada tragedi kapal karam, pulau yang mereka terdampar dan jarak antara pulau yang mereka dibawa terbang itu sehingga kampung itu. Lalu didapati jaraknya adalah lebih daripada dua ratus *farsakh*²³.

**[IKAN DI PERAIRAN OMAN DAN PARSIS YANG BOLEH
DIMASUKI MELALUI RAHANGNYA DAN KELUAR KE
SEBELAH YANG LAIN]**

Abul Hasan Muhammad bin Ahmad bin Umar As-Sirafi telah memberitahuku bahawa beliau pernah melihat seekor ikan besar telah terdampar di pantai Oman²⁴ pada tahun tiga ratus (300 H). Ikan tersebut telahpun mati, lalu ia diseret ke kota. Amir kota bernama Ahmad bin Hilal dengan mengenderai tunggangannya bersama rombongan askarnya datang untuk melihat ikan tersebut. Betapa besarnya ikan itu sehingga ada seorang penunggang kuda kemudiannya masuk dengan kudanya melalui rahang ikan itu lalu keluar ke

²³ Satu *farsakh* bersamaan 5565 m (Hanafi, Maliki) atau 11130m (Syafie, Hanbali). Sumber: Kitab *Al-Makayil wal Mawazin Asy-Syar'iyah* oleh Dr. Ali Jumu'ah. Jika kita ambil 1 *farsakh*=10km, maka jaraknya adalah 2000km. –pent.

²⁴ Ar: (عمان).

sebelah yang lagi satu.

Setelah itu ikan tersebut pun diukur orang, lalu didapati panjangnya lebih daripada dua ratus hasta dan tingginya pula lebih kurang lima puluh hasta. Diceritakan bahawa minyak daripada mata ikan tersebut dijual dengan harga belasan ribu dirham.

Nakhoda Ismailiyah ada memberitahuku bahawa ikan tersebut banyak di laut Zanj²⁵ dan laut Samarqand²⁶. Dikatakan ia disebut sebagai *Wal*²⁷ (yakni paus). Ikan itu boleh mengkaramkan dan menelan kapal. Apabila ia menghampiri kapal maka orang-orang di kapal akan memalu kayu dan bertempik teriak serta memukul gendang (untuk menghalaunya). Kadangkala ia menyemburkan air yang tingginya seperti menara. Dari kejauhan ikan itu kelihatan seperti layar kapal.

Sesekali ia akan memainkan ekor dan siripnya, maka dari jauh kelihatan ianya seperti layar kapal kecil.

**[KEPALA IKAN YANG DIMASUKI SEORANG LELAKI DARI
PIPINYA LALU KELUAR KE SEBELAH LAGI]**

Aku ceritakan ini daripada sebahagian orang Iraq yang boleh dipercayai bahawa dia pernah melihat pada sebahagian kawan-kawannya ketika di Yaman tengkorak kepala seekor ikan yang mana daging-dagingnya sudah tiada, tinggal tulang tengkorak itu sahaja masih elok. Lalu seorang lelaki berjalan dengan tegak masuk melalui tulang pipinya yang sebelah ini

²⁵ Ar: (بحر الزنج)

²⁶ Ar: (سمرقند).

²⁷ Saya menuliskan nama *Wal* di sini mengikut yang disebut di dalam kitab asal kerana takjub dengan keserupaannya dengan bahasa Inggeris “Whale”. –pent.

dan keluar ke sebelah lagi tanpa perlu menundukkan kepala sedikit pun.

Pada tahun tiga ratus sepuluh (310 H) telah dibawakan daripada Oman kepada Khalifah Al-Muqtadir sebahagian daripada ikan jenis itu. Tulang ikan itu terpaksa diangkat melalui atas tingkap *rausyan*²⁸ dan bukannya dibawa masuk melalui pintu biasa (kerana tidak muat).

Dan dia memberitahuku bahawa ikan yang dibawa ke Baghdad ini telah diambil minyak daripada matanya sahaja sehingga memenuhi lima ratus tempayan atau lebih banyak lagi.

[IKAN YANG MELANGGAR KAPAL DAN KEPALANYA TERLEKAT DI PERUT KAPAL]

Abu Muhammad Al-Hasan bin Amru telah memberitahuku yang dia pernah mendengar sebahagian pelaut menceritakan bahawa dia telah keluar belayar daripada Aden²⁹ ke Jeddah³⁰ apabila tiba-tiba seekor ikan telah melanggar dinding kapal sewaktu sampai berhampiran Zaila' (Zeila, di Somaliland kini). Para kelasi tidak syak lagi bahawa ikan tersebut akan menyebabkan kapal itu karam. Maka bersegeralah mereka turun ke perut kapal, namun mereka tidak mendapati air telah melimpah masuk melainkan seperti sediakala juga. Hal itu menyebabkan mereka semua kehairanan dan takjub betapa rempuhan sebesar itu tidak meninggalkan kesan apapun

Sesampainya mereka ke Jeddah maka mereka pun

²⁸ Asal maksudnya adalah lubang tingkap. Boleh jadi maksudnya di sini adalah pintu gerbang-pent.

²⁹ Ar: (عدن). Di Yaman kini. -pent.

³⁰ Ar: (جدة). Di Arab Saudi kini. -pent.

mengosongkan kapal dan melabuhkannya dan membawanya ke darat. Lalu mereka dapati kepala ikan itu pada perut kapal terlekat di situ sehingga menutupi betul-betul lubang akibat rempuhan itu. Nampaknya ikan itu setelah merempuh kapal tersebut telah tidak dapat melepaskan dirinya lalu terputus meninggalkan kepalanya di situ.

Beliau juga telah memberitahuku bahawa dia seringkali melihat ikan besar memburu ikan kecil lalu tercekik di rengkungnya, lalu di situ ada lagi ikan lain terlekat di situ. Ini bertepatan dengan seekor ikan hendak memakan seekor ikan lain yang memakan ikan yang lain pula.

[KAPAL HILANG DI LAUT DAN...]

Di antara kisah yang sangat menarik adalah apa yang telah diceritakan kepadaku oleh Muhammad bin Babsyad bin Hiram bahawa beliau sedang berada di Siraf³¹ dimana ada sebuah kapal belayar keluar menuju ke Basrah. Namun setelah keluar dari pelabuhan itu ia ditimpa ribut selama beberapa hari lamanya sehingga menyebabkannya terpisah daripada kapal-kapal yang lain.

Semua orang jadi menunggu-nunggu berita daripada kapal tersebut dan kapal-kapal yang lain pun tidak ada yang keluar belayar kerana menunggu ribut reda. Di dalam kapal tersebut terdapat ramai pelayar serta muatan dagangan yang banyak.

Pada suatu hari seorang perempuan membeli seekor ikan lalu menyiangnya. Tiba-tiba didapatinya dalam perut salah

³¹ Ar: (سیراف). Sebuah pelabuhan lama di Parsi. Dikatakan bahawa ia adalah negeri terkaya di sana semasa zaman kegemilangannya sebagai pelabuhan import eksport. —pent.

seekor ikan tersebut sebetuk cincin. Dia lalu menilikinya dengan teliti, lalu yakinlah dia bahawa itu adalah cincin saudara lelakinya yang turut belayar bersama kapal yang ditimpa ribut itu. Serta merta terdengarlah jeritannya. Pecahlah khabar berita itu sehinggakan setiap rumah yang ada kerabat atau sahabat atau kenalannya turut serta dalam kapal itu semuanya berkabung.

Beberapa hari kemudian datanglah perkhabaran bahawa kapal itu telah pecah dan karam, dan tidak ada seorang jua pun yang selamat.

[IKAN YANG BERSIAR-SIAR MENGIRINGI KAPAL]

Sebahagian nakhoda kapal telah memberitahuku bahawa ada sejenis ikan yang suka mengiringi kapal di laut sekitar Yaman selama satu hari dua malam dan sebahagian hari lagi. Ia tidak berpisah dengan kapal itu dan tidak pula memotong atau mengekori di belakang kapal. Begitulah perlakuannya sehingga sejauh seratus tujuh puluh (170) *farsakh* ia beremba dengan kapal itu.

Panjangnya ikan itu sepanjang kapal, iaitu lima puluh haṣṭa ‘*amal*’³², yakni dengan ukuran haṣṭa dari ketiak ke hujung jari hantu³³.

Aku (Pengarang) kemudian bertanya kepada beliau apa sebabnya binatang-binatang laut di kepulauan itu suka beremba dengan kapal-kapal. Jawabnya bahawa sebabnya berbeza-beza. Antaranya ada yang mengharapkan agar dicampakkan sesuatu untuk dimakannya. Atau disebabkan

³² Ar: (ذراع العمل).

³³ Ada dua jenis ukuran haṣṭa. Satunya yang biasa dikenal iaitu dari hujung jari ke siku. Satu lagi adalah seperti yang disebutkan di atas. – pent.

sebelum itu ia pernah mendapatkan yang seperti itu daripada kapal yang pecah sehingga apabila ia melihat mana-mana kapal maka diekorinya dengan harapan agar berlaku hal yang sama. Sangkaannya semua kapal akan mengalami nasib yang serupa dengan kapal yang dijumpainya dahulu.

Ada pula yang melihat kapal lalu ia berasa takjub dengan bentuknya dan menyangkakan kapal itu adalah seekor haiwan juga yang sebahagian di dalam air dan sebahagian lagi di udara. Lalu ia tertarik dan tersangkut hatinya kepada kapal itu. Dengan itu ia akan mengekorinya bersungguh-sungguh sehinggalah ia sendiri penat, lalu ia pun memisahkan dirinya. Tidak ada haiwan manapun yang boleh bersabar seperti sabarnya seekor keldai.

Ada lagi yang beremba dengan kapal dengan tujuan bersaing dan berlumba menunjukkan kekuatan. Apabila ia letih dan melihat kapal tersebut memecut laju meninggalkannya, maka ia segera kembali menuju kepada kapal tersebut dengan geramnya lalu merempuhnya dengan sekali rempuhan yang tiba-tiba. Jika selamat, maka selamatlah kita. Jika tidak maka kita memohon keampunan daripada Allah sajalah.

Ada pula yang bila melihatkan kapal, tidak ada lagi yang dapat menghalangnya kerana memang itulah kebiasaannya yang mana ia berusaha menyerang dan menterbalikkannya berkali-kali dan kemudiannya menelan isi kapal itu. Kita mohon kepada Allah keselamatan daripada hal sebegitu.

Selain itu ada juga yang apabila terlihat kapal ia akan terus melarikan dirinya kerana takutkan kapal.

Begitulah tingkahlaku binatang-binatang itu berbeza mengikut tempat dan laluan kapal-kapal yang biasa atau kawasan mainan nelayan serta bergantung juga

kedekatannya dengan pantai tempat tinggal manusia. Adapun laut lepas yang tidak dilintasi kapal-kapal lagi jauh pula daripada pantai yang didiami manusia, ditambah lagi dengan dalam lautnya tanpa ada daratan dan pulau-pulau, maka itu sudah dikira alam yang lain. Maha Sucilah Allah sebaik-baik Pencipta yang menciptakan makhluknya.

**[KAPAL DILANDA TAUFAN DAN LELAKI YANG MENJADI
HAMBA TAWANAN PEREMPUAN DI SEBUAH PULAU]**

Nakhoda Abuz Zuhri Al-Barakhti termasuk seorang pemuka negeri Siraf. Dahulunya beliau itu seorang Majusi penyembah api mengikut agama Hindu. Penduduk negeri Siraf mengenalnya sebagai seorang yang amanah. Mereka mengambil pendapatnya serta menyimpankan harta benda dan anak pinak mereka sebagai amanah di tangan beliau. Kemudian beliau masuk Islam dan memperelokkan keislamannya serta telah pun pergi menunaikan haji.

Beliau menceritakan kepadaku tentang pertunangannya dengan seorang perempuan daripada Pulau Wanita ³⁴. Ceritanya seperti berikut:-

Ada seorang lelaki telah pergi belayar dalam sebuah kapalnya yang sangat besar. Turut serta dengan beliau itu adalah para saudagar daripada pelbagai negeri. Mereka belayar di Laut Malanu³⁵, dan telah hampir ke pinggir benua

³⁴ Ar: (جزيرة النساء).

³⁵ Di dalam kitab ditulis huruf Nun pada tempat huruf Ya seperti ini (ملانو). Saya berpendapat barangkali ia dengan huruf ya (ملايو) yakni Malayu, kerana disebutkan setelahnya bahawa kapal telah menghampiri hampir ke bumi China. Barangkali tersalah cetak, kerana dalam kitab ini terdapat banyak sekali kesilapan titik dan huruf

China dan bukit-bukitnya pun telah kelihatan berbalambalam.

Tanpa mereka sedar, tiba-tiba ada angin kencang datang daripada arah yang hendak mereka tuju itu. Maka tidak ada jalan lain lagi bagi mereka selain daripada ikut bergerak bersama angin tersebut ke mana pun ia bertiup. Terumbang-ambinglah kapal tersebut dihempas gelombang sehingga mereka tidak berdaya lagi. Ribut tersebut membawa mereka

di pelbagai tempat. [Setelah saya menemui naskhah Leiden yang saya gunakan dalam semakan terakhir, didapati di sana juga ditulis dengan nun (ملانو). Wallahu a'lam.]

Kemaskini: Saya ingin berterima kasih kepada Saudara Muhammad Nuaim Bahron yang mencatatkan tentang perkara ini di laman *facebooknya* bertarikh 3 Mei 2017 sewaktu membuat ulasan buku ini seperti berikut: “Ada dua kemungkinan yang bermain di dalam kepala saya berkenaan nama yang disebut di atas (yakni Laut Melanu).

Pertama, apakah Laut Melanu yang dinyatakan ialah kawasan laut Telok Melano yang berada di daerah Lundu, Sarawak kini? Jika dilihat dari kedudukan geografi pada masa tersebut, ada kemungkinan Laut Melanu yang dimaksudkan ialah laut berhampiran Telok Melano yang berada di daerah Lundu tersebut kerana jika perjalanan menggunakan kapal menuju ke China, memang laut di kawasan tersebutlah yang perlu dilalui oleh kapal-kapal dagangan setelah melalui Selat Melaka yang dikenali pada masa in seperti yang dinyatakan di dalam kitab *Aja'ibul Hind*. Kedudukannya betul-betul di hujung Pulau Borneo.

Kedua, Laut Melanu yang dimaksudkan ialah laut di kawasan pesisiran pantai bermula dari kawasan pesisiran pantai Rajang sehinggalah kawasan pesisiran pantai Miri yang dulunya dikenali sebagai kawasan Melano atau Malano atau Milano (kawasan yang didiami oleh suku kaum Melanau). Mungkin juga yang dimaksudkan kawasan laut pesisiran Filipina yang telah tenggelam.” Wallahu a'lam.
-pent.

sehingga sampai ke titik bintang Suhail³⁶.

Di laut tersebut, sesiapa yang tidak sengaja belayar sehingga nampak bintang Suhail tegak berbetulan di atas kepalanya, maka sesungguhnya ia telah masuk ke dalam laut yang tidak ada jalan keluar lagi. Dan akan berterusan dimainkan gelombang sehingga terus ditarik ke arah selatan. Setiap kali kapal bergerak ke belakang itu maka ia tidak akan dapat kembali lagi, tidak dengan angin yang bertiup atau dengan suatu daya apa pun. Begitulah ia akan dimainkan gelombang sehingga terus ke laut lepas yang mengelilingi [bumi].³⁷

Ketika mana mereka melihat kapal itu seakan hendak menuju ke bawah titik bintang Suhail itu, maka datanglah malam menyelimuti mereka dengan kegelapannya. Serta kabus, hujan dan embunnya menjadi penghalang antara mereka dan kelepasan daripada malapetaka itu. Tidak ada panduan untuk mereka mengetahui arah lagi. Ombak dan gelombang sebentar mengangkat mereka ke awan dan sebentar lagi menghempas mereka ke tanah. Begitulah keadaannya mereka dimainkan ombak dan awan berkabus sepanjang malamnya.

Pagi menjelma tanpa mereka menyedarinya kerana keadaan sekeliling terlalu gelap. Kabus tebal dengan ombaknya serta angin ribut berterusan membadai mereka. Apabila malam menjelma semula sedang mereka telah berada dalam genggaman kebinasaan yang disebabkan

³⁶ Ar: (سهييل). Suhail atau nama lainnya Canopus adalah sebutir bintang tercerah setelah bintang Sirius. Ia berkedudukan jauh di langit selatan. –pent.

³⁷ Ar: (البحار المحيطة). Atau *Al-Bahrul Muhit*. Yakni laut lepas yang mengelilingi keseluruhan bumi. –pent.

taufan ribut, kabus tebal dan ombak ganas; kapal mereka pun mula tersangkut-sangkut dan sekejap bergerak sekejap berhenti. Lalu mereka saling mengucapkan selamat tinggal sesama sendiri dan masing-masing pun bersembahyang mengikut cara sendiri-sendiri kerana mereka itu berlainan agamanya; ada daripada China, Hindi, ‘Ajam dan pulau-pulau yang lain. Kini mereka semua telah berputus asa dan menyerah diri kepada kematian saja.

Demikianlah berlalu dua hari dua malam, yang tidak dapat dibezakan antara malam dan siang. Apabila tiba tengah malam yang ketiga tiba-tiba mereka terlihat nun di hadapan mereka api besar yang menyala menerangi ufuk sehingga menyebabkan semua yang ada merasa sangat takut sekali.

Berlari-larilah mereka menuju kepada nakhoda kapal lantas berkata kepadanya: “Tuan nakhoda! Ada api besar bernyala memenuhi ufuk depan kita, dan kapal kita nampaknya sedang menuju ke sana! Karam di sini lebih baik berbanding mati terbakar dalam api itu. Demi Tuhanmu, marilah kita terbalikkan saja kapal ini sekarang masuk ke dalam ombak dan kegelapan itu sehingga kita tidak lagi dapat melihat sesama sendiri dan tidak mengetahui bagaimana kematian menimpanya serta tidak pula dapat mengalami jerit kesakitan sahabatnya! Sekarang semuanya di tangan tuan. Semenjak beberapa hari dan malam lepas kita sebenarnya sudah mati sejuta kali, maka mati sekali ini apalah sangat..!”

Jawab nakhoda kapal itu: “Ketahuilah! Sesungguhnya para pelayar dan saudagar telah merasai dan mengalami malapetaka yang lebih dahsyat lagi. Ini adalah yang paling mudah dan ringan saja. Kami para nakhoda kapal ada perjanjian dan janji setia yang mana kami tak akan sekali-kali

membiarkan kapal kami karam dan pecah selagi belum sampai apa yang telah ditakdirkan untuknya. Kami para nakhoda tak akan mengambil langkah itu melainkan ajal kami dan umur kami bersama kapal itu. Jika ia selamat kami ikut selamat. Jika sebaliknya, maka kami ikut binasa. Hendaklah kamu semua bersabar sambil menyerah diri bulat-bulat kepada Pemilik ribut dan lautan, yang mengatur semua itu sekehendakNya.”

Sambung ceritanya lagi:

Ketika mana mereka semua telah berputus asa untuk memujuk nakhoda kapal, maka menangis dan merataplah mereka dengan laungan yang hingar bingar. Nakhoda kapal itu pula dengan keadaan yang demikian apabila dia menyuruh seorang untuk melaungkan kepada orang-orangnya agar menarik tali atau melepaskannya agar keadaan kapal dapat dikawal dengan baik, hampir tiada seorang pun yang mempedulikannya disebabkan bunyi hempasan ombak dan angin yang kuat menampar dinding dan layar kapal, ditambah pula dengan ratap tangis para penumpang yang banyak itu. Hal itu menyebabkan kapal jadi terdedah kepada bahaya yang lebih besar disebabkan kecuaiannya itu.

Nakhoda menyambung ceritanya:

Dalam banyak-banyak penumpang itu ada seorang orang tua yang beragama Islam daripada penduduk Qadis³⁸ daripada Andalus³⁹. Beliau mencuri-curi masuk ke dalam kapal tanpa disedari oleh nakhoda kapal itu ketika manusia

³⁸ Ar: (قادس).

³⁹ Ar: (الأندلس). Salah sebuah empayar umat Islam termasyhur zaman silam. Dalam negara Sepanyol kini. –pent.

bersesak-sesak hendak menaiki kapal pada malam hendak bertolak daripada pelabuhan. Kemudian beliau duduk bersembunyi pada salah satu sudut dalam kapal itu kerana takut disedari dan dikutuk orang. Setelah beliau melihat dan menyedari malapetaka yang menimpa serta keadaan orang ramai yang panik itu, beliau pantas keluar dari tempat persembunyiannya sambil berkata:

“Apa hal kalian semua riuh rendah begini? Kapal sudah bocorkah?”

Jawab mereka: “Tidak!”

“Semua orang sudah habis mati lemas?” tanyanya lagi.

“Tidak!” jawab mereka.

“Atau kamu semua sudah karam tenggelam dalam laut?” sambungnya lagi.

“Tidak lah!” jawab mereka.

“Habis, apa halnya?” tanya orang tua itu dengan selamba.

“Tuan ini seolahnya tidak bersama kami dalam kapal ni! Tidakkah tuan nampak bahayanya laut ni dengan ombak dan gelapnya sehingga siang pun tak nampak; matahari, bulan dan bintang untuk kita jadikan panduan pelayaran pun tak kelihatan. Dan kita sudahpun melepasi bawah bintang Suhail dan sekarang laut dan ribut sudah membadai kita sesukanya. Yang lebih teruk lagi adalah api yang memenuhi ufuk di depan sana dan kapal ini sedang menuju ke situ! Karam di sini lebih baik berbanding mati terbakar dalam api itu. Kami sudah merayu kepada nakhoda kapal ini supaya berpatah balik ke dalam laut yang gelap itu dan mati karam di sana tanpa kita dapat melihat bagaimana kawan-kawan kita menemui ajal daripada mati terbakar yang mana kita boleh nampak api membakar badan-badan kita semua.”

Orang tua itu pantas berkata: “Bawa aku pergi kepada

nakhoda kapal ini!”

Mereka lalu membawanya bertemu nakhoda kapal. Orang tua itu lalu memberi salam penghormatan kepadanya dalam bahasa Hindi. Nakhoda kapal lalu membalasnya dengan penuh rasa takjub kerana tidak pernah melihatnya sebelum ini.

“Tuan ini siapa? Seorang saudagar atau salah seorang orang suruhan mereka? Sebab kami tidak pernah nampak tuan bersama dalam kapal ini semenjak kita berangkat dulu.” Tanya nakhoda kapal dengan penuh hairan.

Jawab orang tua itu: “Saya bukanlah seorang saudagar mahupun orang-orang mereka.”

“Jadi, siapa yang membawa tuan naik ke atas kapal ini? Dan adakah barang-barang tuan atas kapal ini?” tanya nakhoda itu lagi.

“Adapun tentang macam mana saya naik ke atas kapal ini, saya telah menyelinap masuk bersama-sama orang ramai pada malam hendak berangkat dulu, lalu saya bersembunyi di satu tempat dalam kapal.” Jelas orang tua itu.

“Oh.. Makan minum tuan pula bagaimana?” tanya nakhoda.

“Setiap hari ada dua anak kapal akan meletakkan sepinggan nasi dengan minyak sapi dan sesenduk air untuk dipersembahkan kepada “*malaikat kapal*” berhampiran tempat aku bersembunyi itu. Jadi, hidangan itulah yang aku ambil untuk mengalas perut. Aku tidak ada barang yang dibawa melainkan sebekas kurma ajwah saja.” Ujar orang tua tersebut.

Sambung nakhoda lagi:

Nakhoda kapal jadi terpegun mendengar cerita orang tua itu. Orang ramai pun turut sama menumpukan perhatian

kepada ceritanya sehingga seakan terlupa segala marabahaya yang sedang dihadapi.

Semua anak kapal yang tadinya leka kemudian mula menguruskan kerjanya masing-masing semula dan pelaung berjalan berteriak agar mengawasi layar dan kemudi.

Orang tua itu kemudian bertanya kepada nakhoda kapal: “Wahai tuan nakhoda! Apa sebabnya aku lihat semua orang pakat menangis dan meraung meratap?”

“Tidakkah tuan nampak apa yang telah menimpa mereka? Ombak besar, ribut taufan, laut gelap. Lebih dahsyat pada itu, api yang memenuhi di depan sana sedangkan kapal kita sedang ditolak ke sana. Demi Allah! Semenjak sebelum baligh lagi saya sudahpun belayar dengan ayah saya. Umur saya telah habis di laut saja. Kini setelah lapan puluh tahun umur saya habiskan belayar, belum pernah saya mendengar sesiapa pun yang pernah melintasi tempat ini. Bahkan cerita tentang tempat ini juga belum pernah saya dengar.” Ujar nakhoda itu.

Kata orang tua itu: “Wahai tuan nakhoda! Tidak ada apa-apa yang perlu ditakutkan. Kamu semua akan selamat dengan Quدرات Allah. Pulau [di depan] ini dilindungi dan dinaungi oleh banjaran gunung yang ombak lautan *Bahrul Muhit* yang melingkungi bumi⁴⁰ semuanya menghempas ke

⁴⁰ Ar: (البحار المحيطة بالأرض). Dikenal juga dengan nama Uqyanus merupakan suatu lautan yang melingkari seluruh daratan bumi. Tujuh Lautan di muka bumi ini – kecuali Laut Caspian – semuanya bersumberkan *Bahrul Muhit*. Tepian *Bahrul Muhit* pula dilindungi oleh *Gunung Qaf* dimana di atas gunung itu adalah kaki langit membentuk suatu kubah dimana kita semua berada dibawahnya. Ramai juga orang di zaman kini menganggap *Gunung Qaf* adalah dongengan

banjaran gunung itu⁴¹. Api besar dan menakutkan yang kelihatan pada waktu malam itu, orang yang tidak tahu tentangnya memanglah akan rasa takut. Nanti apabila terbit matahari hilanglah pemandangan tersebut, dan akan nampak air macam biasa. Api ini boleh nampak daripada negeri Andalus dan aku pernah melintasinya satu kali dulu. Inilah kali yang kedua aku melalui pengalaman itu.”

Mendengarkan cakap orang tua itu, hadirilah kembali rasa gembira dan rasa tenang semua orang di situ. Maka mereka pun mulalah makan minum seperti biasanya dan hilang lenyaplah segala susah hati serta ketakutan mereka sebelum ini. Ribut taufan pun mula reda, laut pun sudah tenang kembali dan angin bertiup perlahan-lahan.

Apabila naik matahari dan langit mula cerah maka ternampaklah bahawa mereka sedang menghala ke arah sebuah pulau. Sesampainya saja ke pulau itu dan memilih tempat untuk melabuhkan sauh, semua mereka tanpa terkecuali seorang pun bersegera turun dan mencium pasirnya. Ada yang berguling-guling di situ kerana teramat rindunya hendak melihat daratan.

Sedang mereka dalam kegembiraan yang sedemikian, tiba-tiba datang gerombolan besar orang-orang perempuan daripada pulau tersebut. Tidak ada yang dapat menghitung ramainya bilangan mereka itu melainkan Allah Ta’ala jualah yang mengetahuinya. Lantas kaum wanita itu mencekup

semata, namun banyak juga *atsar* yang menyebut tentangnya. Wallahu a’lam. –pent.

⁴¹ Banjaran gunung itu disebut sebagai *Gunung Qaf*, yang melingkari seluruh lautan di bumi. Maksud orang tua itu bahawa pulau yang di hadapan mereka itu berada berhampiran banjaran gunung tersebut. –pent.

mereka, setiap orang lelaki dicekup oleh seribu orang atau lebih wanita tersebut.

Tanpa menunggu lama, dibawanya sekalian kaum lelaki itu ke gunung lalu dipaksa untuk berasmara dengan mereka.

Ceritanya lagi:

Demikianlah keadaannya, sehinggakan setiap orang wanita itu yang terlebih kuat akan merampas lelaki itu daripada kawannya untuk berasmara dengannya pula. Orang-orang lelaki itu pula, kerana terlampau banyaknya perempuan-perempuan itu setengah mati dan nyawa-nyawa ikan dibuatnya kerana terpaksa melayan seorang lepas seorang tak berhenti-henti. Mana-mana orang lelaki itu yang terlentang tidak dapat bergerak lagi kerana terlalu lesu akan diterkam pula oleh kaum wanita itu...

Maka tidak ada antara kaum lelaki itu yang terkecuali melainkan orang tua daripada Andalus itu saja disebabkan bau busuknya. Namun ada seorang daripada kaum wanita itu yang datang kepada orang tua itu pada waktu malam hari, manakala pada waktu siang pula dia akan menyembunyikan orang tua itu di suatu tempat berhampiran laut. Dan perempuan itu akan datang membawa sedikit makanan untuknya.

Begitulah keadaannya berlarutan sehingga suatu hari bertukarlah arah angin. Lalu bertiuplah angin daripada pulau itu ke arah Hind dimana kapal itu datang dahulu. Melihatkan itu, orang tua itu tanpa berlelah terus mengambil sebuah sampan kapal itu yang dinamai sebagai "*Perahu*"⁴² dan pada malam harinya mengisi air minuman

⁴² Dalam naskhah Arabnya ditulis begini (الفلو). Bunyinya "*flau*" atau "*flu*".

dan sedikit bekal makanan ke dalam sampan itu.

Apabila perempuan itu menyadari apa yang dilakukan oleh orang tua itu, dia lalu memegang tangan orang tua itu dan membawanya ke suatu tempat lalu digalinya tanah di situ dengan kedua belah tangannya. Setelah digali maka dikeluarkannya emas⁴³ dari lubang itu. Maka mereka berdua mengangkut emas itu sebanyak yang mampu dibawa oleh sampan itu. Perempuan itu kemudiannya membawa orang tua itu menaiki sampan dan lari pada waktu malam.

Belayarlah mereka dengan sampan itu sepuluh hari lamanya sehingga akhirnya sampailah mereka ke negeri tempat bertolaknya kapal itu dahulu. Orang tua itu pun menceritakan pengalaman yang ditempuhinya kepada orang ramai di negeri itu. Setelah itu perempuan tersebut pun tinggallah bersamanya⁴⁴ sehingga dapat bertutur dengan bahasa di situ serta masuk Islam dan dikurniakan beberapa orang anak.

Orang tua itu kemudian bertanyakanlah hal ehwal perempuan-perempuan yang begitu ramai di pulau itu tanpa ada seorang lelaki pun di sana. Cerita perempuan itu:

“Kami sebenarnya penduduk suatu negara yang sangat luas dengan banda-bandar yang besar di sekeliling pulau itu. Jarak di antara satu-satu negeri dengan negeri yang lain daripada keseluruhan Negara kami dan pulau ini⁴⁵ adalah

Tentunya ia merujuk kepada Perahu/Prau/Prao yang ditulis mengikut sebutan Arabnya. –pent.

⁴³ Ar: (آيس). Kalimah ini bermaksud emas urai atau emas yang belum ditempa. –pent.

⁴⁴ Sebagai isteri atau mungkin sebagai hamba yang boleh digauli. –pent.

⁴⁵ Yakni pulau yang dipenuhi perempuan tersebut. –pent.

tiga hari tiga malam. Setiap orang di iklim⁴⁶ kami dan bandar-bandar kami – raja dan rakyatnya – semuanya menyembah api yang kelihatan pada waktu malam di pulau ini. Mereka menamakan pulau ini sebagai “*Baitussyamsi*”⁴⁷ kerana matahari akan terbit daripada bahagian timur pulau ini dan tenggelam di bahagian baratnya. Dengan itu mereka menyangka bahawa matahari itu ber’malam’ di pulau ini.

Apabila pagi hari dan matahari terbit daripada bahagian timurnya pulau ini, maka api tersebut pun hilang dan matahari pun meninggilah. Kerana itu mereka berkata api itu matahari tersebut dan matahari tersebut api itulah. Apabila tiba waktu tenggelam matahari pun begitu juga. Matahari tenggelam dan api pun tampak menyala. Maka mereka berkata sama seperti tadi. Yakni matahari dan api yang kelihatan waktu malam itu adalah satu jua. Sebab itulah mereka pun menyembah api itu dan menjadikannya tumpuan ibadah mereka daripada sembahyang dan sujudnya.

Kemudian lagi, Allah Subhanahu wa Ta’ala telah menjadikan perempuan di negeri kami itu beranakkan yang sulung seorang lelaki, anak kedua kembar perempuan, dan begitulah sepanjang umurnya sehingga sedikitlah laki-laki dan banyaklah yang perempuan. Apabila perempuan sudah bertambah dengan banyaknya dan mereka hendak menguasai kaum lelaki itu, mereka lalu membina kapal dan memuatkan ribuan orang perempuan itu lalu dicampakkan di pulau ini sambil berkata kepada matahari: “Wahai tuhan

⁴⁶ Iklim di sini bukan bermaksud cuaca, tetapi belahan bumi yang dibahagikan kepada tujuh bahagian mengikut ahli geografi dulukala. –pent.

⁴⁷ Yakni “*Rumah Matahari*”. –pent.

mereka! Engkaulah yang lebih berhak dengan mereka yang engkau ciptakan ini, kami sudah tidak mampu.” Lalu tinggallah mereka hidup dan mati di situ.

Sepanjang di situ, tidak pernah kami dengar dan tidak pernah sesiapaupun daripada kalangan manusia yang melintasi tempat kami itu melainkan kamu. Semenjak beberapa zaman yang lampau tidak ada seorang pun yang tembus sampai ke Negara kami. Negara kami terletak di “*Al-Bahrul A’zhom*”⁴⁸ di bawah titik bintang Suhail, yang mana tidak ada seorang jua pun yang dapat datang kepada kami lalu keluar dari situ semula. Penduduk di sana pula tidak ada yang berani menyeberangi keluar daripada pantai dan daratannya kerana takut di’makan’ oleh lautan itu.

Namun demikianlah takdirnya Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui. Maha Suci Allah yang merupakan Sebaik-baik Pencipta yang menciptakan.⁴⁹

[MENYAKSIKAN ORANG-ORANG YANG MEMILIKI SAYAP DI LAUT DAN...]

Nakhoda Abuz Zuhri Al-Barakhtiy telah memberitahuku tentang pakcik sebelah emaknya yang dipanggil Ibnu Ansyartu, katanya:

Pakcikku itu telah menceritakan daripada ayahnya – iaitu datuk Al-Barakhtiy sebelah emaknya – katanya:-

Pernah kami memulakan pelayaran pada waktu malam

⁴⁸ Yakni Laut yang sangat besar dan luas. –pent.

⁴⁹ Mungkin juga ada orang zaman ini yang menganggap cerita ini sebagai dongeng, dengan anggapan seluruh muka bumi hari ini telah dijejaki oleh manusia dan tidak ada pun didengar ada tempat yang sebegitu. Persoalan yang patut ditanya: Apakah benar bahawa setiap inci bumi ini telah pun dijejaki oleh manusia? –pent.

dalam sebuah kapalku yang besar bertujuan untuk ke Pulau Fansur⁵⁰. Tanpa dijangka, angin membawa kami ke dalam kawasan yang diliputi kegelapan. Lalu kami berada di dalamnya selama tiga puluh tiga hari terdampar di atas lautan yang tenang tanpa angin sedikitpun.

Sauh yang kami labuhkan tidakpun menyentuh dasar laut biarpun telah dilepaskan talinya sepanjang seribu depa⁵¹. Ombak menolak kami perlahan-lahan dengan tidak kami sedari sehinggalah kami dibawanya masuk di antara beberapa pulau. Kami lalu mendaratkan kapal kepada salah satu pulau berkenaan. Kelihatan di pantainya ramai orang perempuan sedang berhimpun bermain dan bermandi-manda. Kami cuba untuk berbaik-baik dengan mereka, lalu kami pun menghampiri ke tempat itu. Sebaik saja mendekat, mereka semua bertempiaran lari ke darat pulau itu. Kemudian datanglah kaum lelaki dan wanita memakai ikat kepala dengan berbondong-bondong. Kami tidak faham sepatah pun percakapan mereka itu, dengan itu masing-masing hanya memakai bahasa isyarat sahaja yang nampaknya boleh difahami oleh kedua-dua belah pihak.

Mulalah kami memberi isyarat kepada mereka yang bermaksud “Adakah kalian memiliki makanan untuk dijualkan kepada kami?” Mereka lalu membalas dengan isyarat bermaksud “Ya, ada.” Lalu datanglah mereka membawa beras yang banyak sekali, dengan ayam, kambing, madu, minyak, lauk dan pelbagai jenis lagi makanan serta

⁵⁰ Ar: (جزيرة فنصور). Di Sumatera kini. Nama lainnya Barus. Antara yang sering kita dengar adalah nama Hamzah Fansuri yang berasal dari sini. Juga “Kapur Barus” yang merupakan eksport terkenalnya. –pent.

⁵¹ Ar: (باع).

buah-buahan yang berlambak-lambak. Kami pun membeli semua itu daripada mereka dengan menukarkan besi, tembaga, celak, manik-manik, barang-barang eceran⁵² dan kain baju.

Kami kemudian bertanya lagi dengan isyarat: “Ada apa barang dagangan kamu yang boleh kami beli?”

Jawab mereka: “Kami tiada barang dagangan kecuali hamba sahaya.”

Kami pun berkata: “Bagus sangat! Bawalah kemari hamba sahaya itu!”

Lalu dibawa datanglah kepada kami. Tidak pernah kami lihat yang lebih cantik daripada mereka itu dengan giginya yang terlihat kerana sentiasa tersenyum, menyanyi-nyanyi, bermain-main dan melompat-lompat serta bertepuk-tampar sesama mereka; dengan potongan badan yang sempurna pula, seolah-olahnya buih yang dibawa ombak laut dek lembut dan putihnya. Kelihatan seakan-akan mereka itu hendak terbang kerana ringan dan cergasnya. Melainkan kepala mereka agak kecil.

Di bawah belikat setiap orang dari mereka ada sepasang sayap yang serupa dengan sayap penyu⁵³ melekat di pinggang mereka itu. Kami lalu bertanya mereka: “Apa ini?”

Mereka terus ketawa sesama sendiri seraya menjawab: “Orang di pulau ini semuanya memang begitu. Tidak ada yang kamu semua perlu bimbangankan dengan hal itu.”

Mereka kemudian mengisyaratkan ke langit. Maksudnya: “Allah Ta’ala jualah yang telah menciptakan kami begitu.”

⁵² Barangan runcit seumpama gula. –pent.

⁵³ Ar: (السلحفاة). Yakni seperti sepasang kaki hadapan dan belakang penyu. –pent.

Kami lalu diam dengan jawapan tersebut. Kemudian kami berkata sesama sendiri: “Ini satu peluang baik.” Kami melihat itu adalah untung besar. Maka setiap orang daripada kami lalu membeli mereka itu dengan menukarkan apa saja miliknya daripada barang-barang yang ia miliki.

Akhirnya kosonglah kapal kami daripada barang-barang dagangan digantikan tempatnya dengan hamba-hamba itu. Setiap kali kami membeli seorang, maka mereka membawa kepada kami hamba yang lebih bersih dan lebih cantik lagi. Sehingga penuhlah kapal kami dengan makhluk yang mana tidak seorang pun pernah melihat makhluk yang secantik dan seindah itu. Kalaulah mampu, kami akan beli habis dan angkut kesemua yang ada di pulau itu.

Sambunganya:

Ketika hampirlah waktu untuk berangkat dan angin pun bertiup daripada pulau tersebut ke arah negeri kami, maka kami pun mengucapkan selamat tinggal kepada penduduk di situ. Mereka berkata kepada kami: “Datanglah lagi ke sini, insya Allah.”

Memang pun kami sangat ingin datang lagi, begitu juga nakhoda kapal yang sangat ingin datang semula dengan kapalnya sendiri-sendiri tanpa membawa para saudagar. Maka sepanjang-panjang malam itu, dia dan orang-orangnya asyik mengukur bintang-bintang dan menyukat jalanan buruj serta arah ufuk dan garis laut untuk menentukan perjalanan pergi balik ke pulau itu.

Kami merasa begitu gembira dan sukacita, dan kami bertolak daripada pulau tersebut dengan tiupan angin yang lancar sejak dari awal pagi. Selepas saja pulau tersebut hilang daripada pandangan, sebahagian daripada hamba-hamba itu mula menangis. Kami mula jadi tidak sedap hati disebabkan

tangisan mereka. Kemudian bangunlah sebahagian daripada mereka lalu berkata kepada kawan-kawannya: “Apa yang kamu tangiskan? Marilah kita bangun menari dan menyanyi!”

Mendengar itu lalu bangkitlah mereka kesemuanya menari dan menyanyi sambil bergelak ketawa sesama mereka. Kami jadi takjub dengan tingkahlaku mereka sambil berkata: “Inikan lebih bagus daripada duduk menangis.”

Dengan itu semua kami yang ada di situ kembali menyibukkan diri dengan urusan masing-masing. Para hamba itu telah membuatkan kami menjadi leka. Dalam keadaan itu, secara tiba-tiba mereka pun terbang ke laut – demi Allah! – seperti belalang saja terbangnya. Dan kapal pun belayar di tengah laut yang bergelora dengan ombak setinggi gunung bersama kilat sabung-menyabung. Mereka tidak lagi kelihatan sehinggalah kapal telah belayar sejauh lebih kurang satu farsakh dari tempat mereka terbang tadi, maka kami terdengar bunyi mereka menyanyi-nyanyi dan bertepuk-tepuk serta ketawa. Tahulah kami bahawa mereka melakukan hal itu melainkan untuk menimbulkan bahaya yang telah kami lalui tadi.

Kini kami tidak mampu lagi untuk kembali kepada mereka, dan kami pun berputus asa untuk mendapatkan mereka semula. Tidak ada seorang pun daripada mereka itu yang tinggal, melainkan seorang sahaja milik ayahku di dalam ruang geladaknya yang besar. Setelah mereka semua itu terbang daripada tempat tersebut, ayahku lekas-lekas turun memeriksa geladaknya, lalu mendapati hamba itu sedang berusaha melubangi tempat tersebut dan mahu terjun ke laut. Dengan segera dicekup dan diikatnya agar tidak lepas lari.

Kami pun meneruskan pelayaran sehingga masuk ke

negeri Hind dan menjualkan bekalan makanan yang ada bersama kami itu lalu kami bahagi-bahagikan bayaran yang diterima antara kami. Setiap orang cuma mendapat satu persepuluh sahaja daripada modal asalnya. Setelah berita dan cerita tentang pengalaman kami tersebar, maka datanglah seorang lelaki penduduk pulau yang kami ceritakan itu menemui kami. Dia telah dibawa keluar daripada pulau itu semenjak masih kecil dan menetap di Hind sehingga tua benar.

“Kalian terdampar ke pulau yang bernama Pulau Ikan Paus⁵⁴. Itulah negeri saya. Kaum kami yang lelaki berhubungan jantina dengan haiwan laut yang betina, demikian juga kaum wanita kami meniduri haiwan laut yang jantan. Sehingga lahirlah dari perhubungan itu makhluk yang seakan manusia dan seakan haiwan laut itu. Kemudian bercampur gaul pula makhluk yang itu melahirkan makhluk yang serupa itu pula. Ini semua berlaku pada zaman dulukala. Sehingga jadilah kami yang mampu hidup lama di darat dan di air disebabkan suatu rahsia yang ada pada kami kerana percampuran benih darat dan laut itu.” Terang orang tua itu panjang lebar.

Adapun perempuan yang di tangan ayahku itu, dia melahirkan enam orang anak; aku adalah anak yang keenam. Dia tinggal bersama ayahku selama lapan belas tahun dengan keadaan terikat. Orang tua asal pulau itu yang memberitahu kami rahsia penduduknya telah berpesan kepada ayahku untuk tidak membiarkannya tanpa diikat “kerana nantinya dia akan terjun ke laut dan engkau tidak akan berjumpanya lagi buat selama-lamanya disebabkan kami memang tidak

⁵⁴ Ar: (جزائر الحوت).

dapat bersabar kalau tidak turun ke air.” Maka ayahku pun melakukan seperti pesannya.

Setelah mana kami semua besar dan bapa kami pun sudah meninggalkan dunia, kami mencelanya kerana mengikat ibu kami itu tanpa pengetahuan yang benar. Maka setelah bapa meninggal, tidak ada lagi sekatan untuk kami melepaskannya kerana kasihan belas dan berbuat baik serta kasih sayang kepadanya. Apakala kami lepaskan saja ikatannya, maka dia terus lari keluar seperti seekor kuda yang sangat laju larinya. Kami segera mengejar di belakangnya namun tidak nampak lagi kelibatnya.

Ada sebahagian orang yang sempat berjumpa dengannya ketika itu berkata kepadanya: “Kamu hendak lari dan tinggalkan anak lelaki dan perempuan kamu begitu saja?”

Maka jawabnya: “*Ansyartu!*”⁵⁵ maksudnya “Bukan aku yang ‘membuat’ mereka.”

Dia lalu terjun ke dalam laut dan terus menyelam seumpama seekor paus yang gagah saja layaknya.

Maha Suci Maha Pencipta Yang Menjadikan dan Membentuk rupa makhluknya. Maha Sucilah Allah, Sebaik-baik yang menciptakan.

[MENYAKSIKAN JAMBATAN DARIPADA RANGKA IKAN]

Telah berkata Abu Muhammad Al-Hasan bin Amru dan aku sendiri juga telah menyaksikan sebahagian daripada tulang rangka ikan besar telah dibawa kepada kami oleh sebahagian nakhoda, lalu dipotong sepotongan daripada rusuknya yang tebal sepanjang lebih kurang lima hasta dan kami

⁵⁵ Dalam naskhah Arabnya ditulis begini: (انشرتوا). Saya tidak tahu sebutan sebenarnya kerana ia bukanlah bahasa Arab. –pent.

letakkannya di atas sungai kecil dekat pintu masuk dusun kami di sebuah pulau, dijadikan sebagai jambatan. Panjang tulang yang masih tinggal ada lebih kurang dua puluh hasta lagi.

Ada sejenis ikan di laut yang memburu ikan yang lain. Ikan tersebut memiliki muncung seperti gergaji, melainkan yang membezakannya adalah ia berupa gergaji bermata dua, yakni kiri kanan muncung tersebut terdapat mata gergaji. Apabila dapat menangkap mangsanya, ia akan memotongnya menggunakan muncung tersebut.

Ikan ini pula, apabila ia mati atau berjaya ditangkap oleh nelayan di kawasan di mana terdapatnya ikan ini, mereka akan mengambil muncungnya untuk dijadikan senjata dalam peperangan sesama mereka. Dan ia lebih tajam daripada pedang.

[KISAH LELAKI YANG JAHAT DAN IKAN YANG MELOMPAT KEPADANYA]

Sebahagian ahli pelayaran yang sangat arif telah memberitahuku daripada tokoh daripada kalangan tokoh nakhoda bahawa dia telah belayar keluar daripada Siraf pada suatu ketika dan turut bersamanya dalam mengurus tali ada seorang lelaki yang buruk perangainya sedang duduk di sampan.

Selama beberapa hari dalam pelayaran itu, lelaki tersebut bertekak dengan seorang anak kapal dan membuat fitnah keatasnya dengan melampau-lampau. Lelaki anak kapal itu hanya mendiamkan diri sahaja tanpa membalas apa satupun, kerana dirinya adalah seorang dagang, tidak ada yang dapat menolong dan membantunya menghadapi lelaki jahat itu; sedangkan lelaki jahat itu pula belayar di atas kapal itu

dengan rekemen dan perlindungan yang kuat.

Nakhoda menyambung ceritanya:

Tidak lama setelah berlangsungnya fitnah dan kelakuan jahat lelaki itu, lebih kurang tiga jam saja selepas itu dimana tiba-tiba meloncat seekor ikan daripada dalam laut terus kepada lelaki jahat yang sedang duduk di sampan itu dengan menghunjamkan muncungnya tepat kepada perutnya lalu tembus ke belakang dan jatuh semula ke dalam laut. Lantas matilah lelaki jahat tersebut. Maka mereka semua mengkafkannya lalu melepaskan jenazahnya ke dalam laut.

[KISAH TIDURNYA PENYU DI ATAS PERMUKAAN AIR]

Aku sendiri telah mendengar cerita-ceriti berkenaan binatang penyu. Ada sesetengahnya sangat pelik sehinggakan aku mengingkarinya apabila diceritakan sesuatu yang seolahnya tidak masuk dek akal.

Maka Abu Muhammad Al-Hasan bin Amru telah menceritakan kepadaku bahawa dia pernah mendengar sesetengah orang-orang lama nakhoda kapal yang menceritakan:-

Ada sebuah kapal yang belayar keluar daripada negeri Hind menuju ke suatu tempat. Malangnya kapal tersebut telah hilang kawalan nakhodanya disebabkan tiupan angin monsun Timur Laut yang sangat kuat. Di pertengahan pelayaran itu, kapal mengalami sedikit kerosakan. Lalu kapal itu akhirnya sampai hampir ke sebuah pulau kecil. Mereka melihat tidak ada punca air tawar dan sebatang pokok pun di atas pulau tersebut. Namun, keadaan memaksa mereka untuk tinggal di situ sehingga kapal yang rosak dapat dibaiki semula.

Maka mereka segera menurunkan sampan dan diisi

dengan muatan kapal untuk diangkut ke pulau itu sementara kapal dibaiki. Tinggallah mereka di sana beberapa waktu sehingga kapal siap dibaiki, lalu mereka mengangkut semula barang-barang dan dibawa ke kapal. Setelah itu mereka bersepakat untuk membuat unggun api, bertepatan pula dengan hari *Nawruz*⁵⁶.

Lalu dikumpulkan segala serpihan-serpihan kayu, daun-daun kelapa dan perca-perca kain lantas api pun dinyalakan. Dengan tiba-tiba pulau yang sedang mereka duduki itu bergerak-gerak menyebabkan mereka semua sangat terkejut. Kebetulan mereka sedang berada di pinggir air, maka tanpa menunggu lama semuanya terus terjun menyelamatkan diri masing-masing dengan berpaut kepada sampan.

Perlahan-perlahan pulau tersebut mula tenggelam dan air di sekitar kawasan itu berkocak dan bergelombang dengan kuatnya sehingga hampir-hampir lemas mereka jadinya. Hanya selepas beberapa ketika barulah mereka selamat setelah susah payah dan letih lesu menghadapi gelombang itu. Akhirnya mereka menyedari yang pulau mereka tumpangi itu sebenarnya adalah seekor penyu gergasi yang sedang berehat dan tidur di permukaan laut. Ia sedar dan lari akibat merasai panas unggun api tersebut.

Aku (pengarang) lalu bertanya apa sebabnya penyu itu berehat di permukaan air begitu. Maka jelasnya:

Sesungguhnya penyu itu ada beberapa harinya dalam setahun akan timbul di permukaan laut untuk berehat dan mengambil angin disebabkan terlalu lama berada di dalam gua-gua dasar laut. Di dalam laut itu sebenarnya terdapat hutan rimba dan pokok-pokok yang jauh lebih besar dan

⁵⁶ Salah satu hari raya orang Parsi. Satu lagi ialah *Mahrajan*. –pent.

tinggi melayut berbanding pokok-pokok kita di atas darat ini. Jadinya, penyu itu akan keluar dan tinggal beberapa hari lamanya di atas permukaan air dan akan tidur seperti orang yang mabuk. Apabila ia telah kembali segar dan merasa jemu begitu, lalu ia pun akan menyelam semula. Kadangkala dua ekor jantan betina bersama berehat sambil kedua-duanya melakukan hubungan badan di permukaan air itu.

[HIKAYAT IKAN YANG BERUPA MANUSIA]

Abu Muhammad Al-Hasan bin Amru telah memberitahuku daripada seseorang daripada kalangan orang lama dalam pelayaran bahawa dia telah memasuki terusan-terusan⁵⁷ dan duduk semajlis dengan sebahagian raja-raja di sana. Lalu dihidangkanlah jamuan makan. Di antara banyak-banyak makanan itu dibawa datang sebuah periuk besar yang berisi di dalamnya pelbagai isi yang telah dimasak berupa kepala, tangan dan kaki yang serupa dengan kepala, tangan dan kaki kanak-kanak.

Ceritanya lagi:-

Melihatkan itu, aku merasa kembang tekak sehinggakan aku tidak lagi mahu memakan apa-apa makanan setelah sebelumnya aku begitu berselera sekali. Maka Raja yang

⁵⁷ Ar: (أغياب). Kata jama' daripada (الغيب) Lihat Lisanul Arab. Terusan-terusan Sarandib ini adalah salah satu keajaiban arkitek kuno semenjak sebelum Masehi lagi. Penyebutan terusan-terusan ini dalam kitab ini serta kitab klasik Arab lain menunjukkan kemasyhurannya. Saya menyarankan kepada para pembaca untuk menguguel di internet dengan memasukkan kata carian "*Ancient canals in Sri Lanka*" untuk maklumat lanjut. Bahkan masih ada antara terusan berkenaan yang berfungsi hingga saat ini. Boleh dilihat gambar-gambarnya di internet. pent

mengundangku ke majlisnya itu menyedari kelakuanku namun tidak berkata apa-apa. Esoknya, aku hadir mengadap baginda seperti biasa. Baginda lalu bercakap-cakap sesuatu dengan orangnya. Maka mereka pergi dan datang semula dengan membawa seekor ikan yang mana seandainya tidaklah aku melihatnya menggelupur seperti seekor ikan dan sirip yang ada padanya, pastilah aku akan menyangkannya sebagai anak Adam (manusia).

Raja itu lalu bertitah kepadaku: “Inilah ikannya yang engkau tidak mahu makan di jamuan semalam. Jika engkau makannya nanti engkau akan rasa bagaimana bagusnya dan tawar serta lazatnya, ditambah dengan kurang mudaratnya.”

Selepas peristiwa itulah aku makan ikan tersebut tanpa ada rasa semacam lagi.

Sebahagian orang yang telah memasuki negeri Az-Zaila⁵⁸ dan Habsyah pernah memberitahuku bahawa di laut Habsyah terdapat sejenis ikan yang mukanya sama seperti muka bani Adam. Demikian juga tubuh badannya. Ia juga turut memiliki kaki dan tangan.

Para nelayan yang bujang-bujang lagi fakir yang turun ke laut dan melalui pantai-pantai, pulau-pulau, lembah-lembah dan gunung-ganang yang tidak pernah dilalui manusia sepanjang umurnya apabila bertemu dengan ikan yang seperti manusia ini maka mereka akan melakukan hubungan badan sehingga melahirkan zuriat yang menyerupai manusia tetapi boleh hidup di dalam air dan di darat. Boleh jadi ikan tersebut asalnya daripada perhubungan yang seperti inilah, kemudian turun temurun sejak beberapa keturunan.

⁵⁸ Ar: (الزبلع).

Hal sebegini samalah dengan perhubungan antara manusia dengan sebahagian binatang liar seumpama dubuk dan harimau bintang serta haiwan darat lainnya sehingga melahirkan beruk, *Nas-nas*⁵⁹ dan makhluk-makhluk lain yang seakan manusia. Begitu juga dengan perhubungan babi dan kerbau sehingga melahirkan gajah, atau anjing dengan kambing melahirkan babi, atau kaldai dengan kuda melahirkan baghal.

Kalaulah kami terus menyebutkan satu persatu hal percampuran benih ini, pastilah ada antaranya yang tidak akan dipercayai oleh pembaca sekalian dan akan keluar pula daripada tujuan kami untuk menceritakan keajaiban Hind secara khususnya.

**[IKAN YANG BERNAMA ZOLUM MEMPUNYAI FARAJ
SEPERTI FARAJNYA MANUSIA]**

Dikatakan bahawa ada sejenis ikan dinamakan orang sebagai *Zolum*⁶⁰, rupabentuknya seperti anak Adam dan berkemaluan seperti kemaluan manusia, jantan dan betinanya. Ia diburu untuk mendapatkan kulitnya yang lebih tebal berbanding kulit gajah. Kulit itu disamak untuk dibuat khuf.

**[BAGI SETIAP BURUNG DI UDARA ADA IKAN YANG
SERUPA DENGANNYA]**

Dikatakan bahawa bagi setiap burung di udara dan di daratan akan ada ikan atau haiwan laut yang betul-betul sepertinya atau seakan-akannya. Dan sesungguhnya aku sendiri pernah melihat di *Jaun Ailah*⁶¹ di negeri Syam, seekor

⁵⁹ Binatang sebangsa kera atau orang utan. -pent.

⁶⁰ Ar: (الظلوم).

⁶¹ Ar: (جون ايلة).

ikan kecil yang warnanya serupa betul-betul dengan warna burung *Syuqurruq*⁶² sedang terbang daripada air kemudiannya menyelam kembali.

[PEMANDANGAN DI LAUT PARSİ SEPERTI LAUTAN API]

Di antara keajaiban laut Parsi adalah apa yang dilihat oleh manusia di sana pada waktu malam. Sesungguhnya ombak bergelombang dan saling memukul sesama sendiri lalu mengeluarkan api, sehingga ternampak pada gambaran orang yang sedang belayar di situ seolahnya dia sedang belayar di lautan api.

[ULAR GERGASI DAN MENGGERUNKAN DI LAUT YANG DIPANGGIL “NAGA”]

Diceritakan kepadaku bahawa di laut ada ular-ular besar⁶³ yang dipanggil orang sebagai “Naga”⁶⁴, sangat besar dan mengerikan. Apabila awan pertengahan musim sejuk bergerak di atas permukaan air maka naga ini akan muncul dari dalam air lalu masuk ke dalam awan tersebut disebabkan kehangatan air laut. Ini kerana air laut pada musim sejuk akan menjadi panas seumpama periuk tembaga.

Naga tersebut akan terperangkap di dalam awan tebal yang sejuk itu. Apabila angin bertiup menggerakkan awan dan menerbangkannya daripada permukaan air, naga yang sedang berada di dalam awan tersebut turut sama diterbangkan dari ufuk ke ufuk mengikut awan itu. Setelah air yang ada pada awan itu telah hilang, awan itu menjadi ringan dan menjadi seperti debu lalu angin memecahkan dan

⁶² Ar: (الشفراق).

⁶³ Ar: (حيات).

⁶⁴ Ar: (التنين).

memisahkan awan tersebut berselerakan.

Dengan itu naga yang ada di dalam awan tadi kini tidak ada lagi “kenderaan” untuk ditumpanginya, lalu ia akan jatuh ke bumi samada ke lautan kembali ataupun ke daratan. Apabila Allah Ta’ala berkehendakkan keburukan ke atas sesuatu kaum, maka Dia akan menggugurkan naga itu ke bumi mereka lalu naga itu akan memakan segala unta, kuda, lembu dan segala haiwan ternakan mereka serta duduk di sana memusnahkan segalanya sehingga tidak meninggalkan suatu apapun lagi untuk dimakannya. Kemudian barulah ia akan mati atau dimusnahkan Allah Subhanahu kerana belas kasihan kepada mereka itu.

Sesungguhnya para ahli pelayaran dan saudagar-saudagar pengembara di lautan serta para nakhoda telah menceritakan sendiri kepadaku bahawa mereka pernah menyaksikan bukan sekali dua naga itu melayang dalam awan di atas kepala mereka dengan warnanya yang hitam dan badannya yang panjang. Apabila awan itu bergerak lambat-lambat, naga itu akan turun ke bahagian bawahnya. Kadangkala ia menjulurkan bahagian ekornya di udara. Setelah ia merasa sejuknya udara maka ia akan menyelinap masuk semula ke dalam awan lalu hilang daripada pandangan mata. Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta.

[BUMI DI HIND YANG TERDAPAT ULAR BERACUN YANG APABILA ANGIN BERTIUP MANUSIA TERKENA RACUNNYA]

Abu Az-Zuhri Al-Barakhtiyi menceritakan kepadaku tentang ular-ular di Negara Hind dengan katanya:

Seorang tabib Hindi daripada penduduk Sarandib telah berkata kepadaku bahawa ular-ular di tanah Hind ada sebanyak tiga ribu seratus dua puluh (3120) jenis ular. Yang

paling beracun adalah ular yang berada di negeri Taka⁶⁵.

Apabila angin bertiup daripada arah ular tersebut berada, lalu ia membawa bersama bisa dan racun ular tersebut sehingga mampu membunuh segala haiwan, burung dan binatang yang melata dalam jarak tiga *farsakh* jauhnya. Kerana itulah bumi Taka itu tidak ada manusia yang mengimarhkannya. Angin tersebut ada hari-harinya yang tertentu yang sudah sedia diketahui. Sekiranya hari tiada angin itu maka penduduk akan tinggal beraktiviti seperti biasa. Apabila tiba harinya angin dari Taka bertiup, maka mereka semua akan bersegera meninggalkan tempat itu dengan menaiki sampan lalu menuju ke pulau-pulau di tengah laut.

Setelah berlalu hari-harinya, maka mereka akan memanggil sesama sendiri lalu kembali semula bercucuk tanam dan melombong galian. Bumi Taka adalah kaya dengan galian emas dan perak. Setiap tahunnya akan berdatanganlah dari darat sebelah timur orang-orang yang mencari emas tersebut dengan membawa bersama harum-haruman kepada mereka...⁶⁶

[HIKAYAT ULAR GERGASI SEOLAH-OLAHNYA KAYU BALAK TERLENTANG]

⁶⁷....melainkan Bani Adam. Maka angin membawa mereka terdampar ke labuhan daripada negeri Al-Bakham⁶⁸. Lalu

⁶⁵ Ar: (تاکا).

⁶⁶ Kemungkinan ada bahagian yang tertinggal atau tidak dapat dibaca dalam teks aslinya yang bertulisan tangan. Naskhah Leiden juga sedemikian. –pent.

⁶⁷ Sama seperti di nota kaki sebelum ini. –pent.

⁶⁸ Ar: (بلاد البخم).

dia dan beberapa sahabatnya naik ke darat dan masuk ke hutan rimba pulau tersebut. Dalam hutan itu ada terdapat kayu reput bertindan-tindan yang dibuang orang sejak zaman lampau. Merayau-rayaulah dia dalam hutan itu mencari kayu untuk kapalnya.

Dalam mencari-cari itu terpandanglah dia kepada sebatang kayu besar lagi licin dan cantik serta lurus elok merintang di atas tanah. Di atasnya pula berserabut dengan kayu-kayu yang lain seperti kebiasaan kayu yang lama ditinggalkan akan dinaiki semak-samun di atasnya, maka begitu jugalah keadaannya kayu besar itu.

Dia lalu mengukur balak tersebut dan didapatinya lebih daripada apa yang diperlukannya. Maka dibawa datanglah gergaji untuk memotong balak tersebut sebanyak lima puluh hasta mengikut keperluannya. Ketika mana diletakkan mata gergaji ke atas balak tersebut dan mula untuk memotong, tiba-tiba batang balak tersebut bergerak-gerak dan berjalan. Rupa-rupanya ia adalah seekor ular gergasi.

Tanpa membuang masa bertempiranlah mereka lari dan terjun ke laut berenang dengan sepiantasnya sehingga naik semula ke atas kapal yang sedang berlabuh agak jauh daripada pantai itu. Maka terselamatlah mereka daripada menjadi mangsa ular tersebut.

[NAKHODA MENEKA BAHTERA AKAN DILANDA TAUFAN]

Muhammad bin Babsyad memberitahuku daripada seorang yang sangat pakar dalam pelayaran bahawa pada satu masa orang itu sedang dalam pelayaran daripada Hind menuju ke China. Ketika mana dia sampai di tengah antara lautan di

kawasan berkenaan, masuklah waktu solat yang pertama⁶⁹. Lalu dia pun turun untuk memperbaharui wudhuknya sambil-sambil melayangkan pandangannya ke laut.

Tiba-tiba dengan tergesa-gesa dia segera naik ke atas semula tanpa sempat pun mengambil wudhuk. Wajahnya kelihatan seperti orang terkejut. Lalu segera pula dia memberi perintah kepada anak kapalnya: “Tuan-tuan! Ada perkara buruk. Kembangkan layar cepat!”

Maka mereka pun melakukan mengikut suruhannya itu. “Campakkan ke laut semua barang-barang yang ada di atas dek kapal ini!” dia memberi perintah lagi.

Kemudian dia pun turun hampir ke permukaan air lalu naik semula dalam keadaan rupa terkejut besar sambil berkata: “Wahai para saudagar semua! Manakah yang lebih kamu cintai; harta benda kamu itu yang boleh dicari ribuan gantinya, atautah nyawa kamu yang tiada gantinya?”

Lalu mereka pun bertanya kembali kepadanya dengan penuh rasa hairan: “Apakah bendanya yang berlaku kepada kita sehingga engkau keluarkan pertanyaan sebegini? Angin kita bertiup dengan baik, laut kita tenang saja dan kita pun semuanya selamat di bawah perlindungan Tuhan sekalian alam.”

Lantas jawabnya: “Hendaklah sebahagian kamu menjadi saksi kepada sebahagian yang lain, dan hendaknya anak-anak kapal menjadi saksi diriku ke atas para saudagar itu bahawa aku telahpun menjalankan tugasku menasihati mereka semua sebelum berlakunya suatu tragedi dan mereka itu tidak menerima nasihatku. Dengan ini aku serahkan kamu semuanya kepada Allah jua.”

⁶⁹ Solat Zohor atau solat Subuh. –pent.

Kemudian dia lalu berkata kepada orang yang menjaga sampan: “Bawa sini sampan itu kepadaku!”

Dengan segera dia turun ke dalam sampan itu dengan dibawanya bersama bekal makanan dan air minum serta beberapa orangnya. Setelah dia nampaknya berazam untuk meninggalkan mereka semua, berkatalah mereka kepadanya: “Kembalilah ke kapal ini. Kami akan lakukan apa yang engkau suruh itu.”

Jawabnya: “Demi Allah! Aku tidak akan kembali sehingga kamu dengan sukarela campakkan ke laut kesemua barang-barang kamu dengan tangan-tangan kamu sendiri.”

Ceritanya lagi:

Maka para saudagar itupun mencampakkanlah dengan tangan mereka sendiri segala barang-barang dagangan mereka. Kecil besar mahal murahnya semuanya dihumbankan ke laut. Sehingga tidak ada lagi yang berada di atas kapal itu melainkan bani Adam, bekal makanan dan air minum saja. Lalu kembalilah nakhoda itu ke kapalnya dan naik. Kemudian dia berkata: “Seandainya kamu semua tahu apa yang bakal berlaku ke atas kamu dan kapal ini tengah malam nanti, pastilah kamu semua akan mengambil wudhuk dan bersembahyang sambil mengikhlaskan taubat kepada Tuhan kamu serta memohon afiat daripadanya.” Mendengar itu lalu mereka semua pun melakukan seperti kata nakhoda itu.

Apabila malam menjelang, maka Allah Subhanahu telah membuka pintu-pintu langit dengan angin hitam yang memenuhi antara langit dan bumi. Angin tersebut melambungkan ombak sehingga ke awan dan menghempaskannya kembali ke dasar laut. Taufan itu menenggelamkan habis segala kapal-kapal yang ada di negeri

berdekatan dan pantai-pantai serta yang berada di tengah laut. Hanya sedikit sahaja yang dapat selamat dari taufan itu.

Sedangkan kapal mereka itu Allah telah ilhamkan pada siang harinya agar mereka menjadikannya ringan dengan membuang ke laut segala muatan yang memberatkannya. Dengan itu setiap kali laut mabadai mereka dengan gelombangnya, kapal itu - dengan sebab ringannya – timbul meniti ombak dan sentiasa dipermukaan air. Dalam keadaan genting tersebut mereka itu tidak putus-putus membaca ayat-ayat suci, berdoa dan bermunajat kepada Allah tanpa makan minum selama tiga hari tiga malam.

Apabila tiba hari keempatnya, maka Allah Azza wa Jalla telah memerintahkan angin agar tenang semula, dan memerintahkan laut agar sentosa kembali. Lalu Allah menghilangkan malapetaka tersebut seperti sedia dimaklumi pada kebiasaan KudratNya Yang Maha Suci. Mereka pun menurunkan sampan dan dayungnya lalu nakhoda dan orang-orangnya mendayung sampan menarik kapal itu selama sehari semalam.

Setelah itu sampailah mereka kepada suatu pulau yang biasanya apabila berlaku malapetaka seperti yang baru berlalu itu maka ke pulau itulah ombak laut menghantarkan segala pecahan-pecahan kapal, kain baju, barang-barang dan muatan dagangan daripada pelbagai ufuk negara-negara yang berdekatan. Lalu mereka melabuhkan sauh kapal di situ.

Mereka dapati barang-barang yang mereka campakkan beberapa hari lalu ada di situ, lalu diangkat dan dibawa naik ke kapal semula. Di samping itu, mereka juga turut memilih apa-apa yang disukai daripada barang-barang yang terdampar di situ serta tidak lupa untuk mengebumikan mayat-mayat orang yang mati lemas. Bekalan air minum juga

diisi di pulau itu sebagai bekal untuk pelayaran kembali.

Apabila layar sudah ditegakkan dan angin pun nampaknya bertiup mengikut arah yang tepat, maka belayarlah mereka dengan selamat dan sampai dengan sejahteranya ke negeri mereka semula. Barang dagangan yang mereka bawa dijual dengan mendapat keuntungan sepuluh kali ganda bagi setiap dirhamnya. Demikianlah mereka akhirnya beroleh untung dengan kekayaan harta dan keselamatan nyawa. Segala puji puja bagi Allah, Tuhan Semesta Alam.⁷⁰

**[KAMPUNG⁷¹ YANG PENDUDUKNYA BERTEMPIARAN LARI
DARIPADA ULAR YANG MEMAKAN TERNAKAN MEREKA]**

Seorang daripada orang lama ahli pelayaran telah mengkhabarkan kepadaku bahawa penduduk sebuah kampung yang besar di Sanfa⁷² telah berpindah keluar

⁷⁰ Nampak di sini tragedi yang berlaku itu serupa dengan bencana tsunami yang pernah menimpa berhampiran laut Aceh pada tahun 2004 yang lalu. Nyata ia bukanlah sesuatu yang asing pada pengetahuan para nakhoda zaman silam, bahkan mereka mampu untuk meramal kedatangannya berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Dapat pula kita petik faedah di sini bahawa kejadian sebegini memang biasa berlaku pada zaman dahulu. Tentunya banyak pula perubahan muka bumi yang berlaku; ada pulau yang tenggelam, ada daratan baru yang timbul, ada plat bumi yang berganjak dan sebagainya. –pent.

⁷¹ *Qaryah* selain bermaksud kampung, ia juga bermaksud penempatan besar manusia seperti kota dan bandar. –pent.

⁷² *Sanfa* adalah sebutan Arab bagi Champa. Dalam terjemahan kitab ini, saya mengekalkan sebutan Sanfa dan bukannya Champa. Kerajaan Champa adalah kerajaan Melayu yang besar sehinggakan laut yang kini dikenal sebagai Laut China Selatan dahulunya masyhur dengan nama Laut Champa kerana berpengaruhnya kerajaan tersebut. –pent.

daripada tempat itu disebabkan seekor ular gergasi yang tinggal berhampiran memakan segala haiwan ternakan dan juga sebahagian penduduknya.

Ular tersebut sering mengganggu kehidupan mereka di situ lantas mereka bertindak untuk berpindah ke tempat lain. Kampung yang ditinggalkan itu telah bertukar menjadi padang jarak padang tekukur tanpa ada seorang pun jua kembali semula ke sana.

[ULAR YANG SETIAP HARI MENELAN GAJAH]

Abu Muhammad Al-Hasan bin Amru telah memberitahuku daripada sebahagian nakhoda bahawa nakhoda itu pernah belayar dalam satu kapal apabila tiba-tiba angin bertiup kencang berserta hujan lebat sehingga suasana menjadi gelap gelita. Dalam keadaan begitu, kelihatan nun di sana ada sebuah teluk, maka kapalnya pun bergeraklah masuk ke dalamnya untuk berlindung daripada ribut itu. Tinggallah mereka di sana sehari semalam menunggu ribut reda.

Esok paginya, tiba-tiba ternampak kepada mereka seekor ular raksasa – yang tidak dapat dibandingkan dengan apa pun besarnya itu – lagi sangat menggerunkan sedang melintas di daratan berdekatan teluk itu. Ular itu kemudian turun ke dalam teluk lalu berenang pergi dan naik ke sebelah sana daratan itu. Begitu pantas ia berenang itu seperti kilat yang menyambar. Selepas waktu asar kelihatan ular tersebut kembali semula dan berenang melintasi teluk itu dengan perlahan-lahan. Begitulah kelakuannya selama lima hari berulang-alik keluar pada setiap pagi dan pulang semula selepas waktu asar.

Bila tiba hari keenam, berkatalah kepada nakhoda itu kepada anak buahnya: “Cuba kamu turun ke darat dan siasat

ke mana ular ini pergi agaknya.”

Selepas memastikan ular itu telah keluar seperti biasanya, mereka pun lalu turun ke darat. Setelah berjalan lebih kurang satu *mil*, tibalah mereka ke sebuah bukit dan hutan. Di situ mereka dapati sebuah danau yang bertimbun dengan gading-gading gajah yang kecil-kecil dan besar-besar. Tanpa berlelah mereka pun kembali termengah-mengah memberitahu hal itu kepada nakhoda. Esoknya nakhoda pun turun mengikuti jejak kelmarin untuk melihat tempat tersebut.

Bermula hari itu mereka semua tidak bertanggung lagi mengangkut segala gading-gading itu ke kapal sebaik saja memastikan ular itu telah keluar pada setiap pagi sehingga hampir waktu ia akan kembali. Terlampau banyaknya gading itu sehinggakan mereka membuat keputusan untuk membuang saja mana-mana muatan dagangan sedia ada di atas yang agak kurang permintaan pelanggan dan kurang berharga untuk digantikan tempatnya dengan gading-gading itu.

Setelah hampir dua puluh hari mereka berada di situ, mereka pun belayarlah keluar daripada teluk itu dengan muatan gading yang memenuhi kapal. Rupa-rupanya ular tersebut menjadikan gajah sebagai makanannya, hanya gading saja tidak dimamahnya.

Aku (pengarang) bertanya kepada Nakhoda Ismailuyah tentang cerita ini pada tahun tiga ratus tiga puluh sembilan (339 H) sedang aku telahpun mendengarnya sebelum itu. Beliau lalu menceritakan cerita yang sama, dan katanya: “Telah sampai kisah tersebut kepadaku dan kisah itu sah. Di laut ada pelbagai jenis ular, melainkan kelakuannya di laut itu agak lemah. Yang paling berbahaya adalah ular yang tinggal di gunung-ganang, padang pasir dan bumi yang

kontang serta jauh daripada sumber air.

Di gunung di Oman ada jenis ular-ular yang boleh membunuh seketika itu juga. Di antara Suhar⁷³ – iaitu ibu negara Oman – dan gunung Al-Yahmad⁷⁴ ada suatu tempat yang tidak dilintasi sesiapa pun. Di situ ada sebuah lembah bernama Lembah Ular⁷⁵. Diceritakan bahawa di situ ada ular-ular yang panjangnya cuma sejengkal atau lebih pendek lagi, sehinggakan kepalanya berhimpun dengan ekornya (kerana pendeknya itu). Ia akan memanjat orang yang menunggang kuda yang lalu di situ. Sekiranya ia mematuk, maka akan matilah mangsanya seketika itu juga. Jika ia menyembur bisanya, akan membutakan mata dan akhirnya akan menyebabkan kematian.

Apabila ada seseorang musafir yang lalu di jalan itu, ular-ular itu akan melompat ke atasnya dari segenap arah sehingga tidak dapat keluar lagi. Begitulah sepanjang jalan itu. Dek kerana itulah mereka menghindari tempat tersebut. Wassalam.”

[ULAR YANG APABILA IA MELIHAT KEPADA MANUSIA, IA MATI; DAN APABILA MANUSIA MELIHATNYA, DIA MATI]

Telah memberitahuku sebahagian penduduk kota Mansurah yang pernah pergi ke Maarkin⁷⁶ – iaitu sebuah bandar yang jarak di antaranya dengan pantai Negeri Alaau⁷⁷ beberapa ratus *farsakh* dan di situ tinggalnya Lahluwa⁷⁸; Raja Hindi –

⁷³ Ar: (صحار).

⁷⁴ Ar: (جبال الیحمد).

⁷⁵ Ar: (وادي الحیات).

⁷⁶ Ar: (مارکین).

⁷⁷ Ar: (بلاد الاو).

⁷⁸ Ar: (لهلوا).

bahawa di sebahagian gunung dan bukitnya terdapat ular-ular yang kecil, berbintik-bintik dan kelabu warnanya. Apabila ia melihat kepada manusia sebelum sempat manusia itu memandangnya maka matilah ia serta merta. Apabila manusia melihatnya terlebih dahulu sebelum ia sempat memandangnya, maka matilah orang itu serta merta pula. Apabila sama-sama terpandang secara serentak, maka kedua-dua mereka akan mati. Itulah ular yang paling berbisa.

[KALAJENKING TERBANG SEPERTI BURUNG CIAK BERDEKATAN WAQ-WAQ]

Muhammad bin Babsyad telah menceritakan kepadaku bahawa di suatu tempat arah ke Waq-Waq terdapat banyak kalajengking yang terbang seperti burung ciak. Apabila terlanggar kepada manusia akan bengkaklah badannya dan jatuh sakit. Kemudiannya kulit akan mengecut lalu mati.

[HIKAYAT SULTAN NEGERI ZANJ YANG PENDUDUKNYA MAKAN ORANG]

Ismailuyah dan sekumpulan pelaut telah memberitahuku bahawa dia telah keluar daripada Oman dalam sebuah kapal untuk menuju ke Qanbaluh⁷⁹ pada tahun tiga ratus sepuluh (310 H) apabila tiba-tiba angin berhembus sehingga

⁷⁹ Ar: (قنبلة). Baris dan bunyinya berdasarkan naskhah Leiden. Apakah ianya Kinabalu? Namun berdasarkan cerita ini seakan ia terletak di Afrika. Ada kisah lain di bahagian akhir kitab ini tentang peperangan antara penduduk Waq-waq dengan penduduk Qanbaluh, sedangkan Waq-waq terletak di Timur. Tetapi suatu hal menarik yang boleh kita cuba fikirkan di sini adalah kedudukan hujung Afrika itu sendiri, yang mana dalam peta-peta lama seperti peta al-Idrisi contohnya, benua Afrika dilukis memanjang membelok ke arah Timur dan berhujung berhampiran Kepulauan Melayu dan China. Wallahu a'lam. –pent.

melemparkan kapal mereka ke Sufalah Az-Zinj⁸⁰.

Berkata nakhoda;

Apabila aku lihat dan paŕti tempat itu aku segera menyedari bahawa kami kini sedang berada di negeri Az-Zinj yang penduduknya memakan manusia. Apabila kami terhenti di tempat itu, yakinlah kami bahawa kami akan menempah maut. Dengan itu segera kami mandi dan bertaubat kepada Allah Ta'ala serta saling mengucapkan doa kematian buat diri kami sendiri.

Dengan tidak semena-mena kapal kami dikelilingi banyak sekali perahu yang kemudiannya membawa kapal kami masuk ke pelabuhan di situ. Sauh-sauh pun dilabuhkan lalu kami pun turun bersama orang-orang itu ke daratan. Mereka kemudiannya membawa dan mengiring kami mengadap raja mereka. Kami dapati raja itu hanyalah seorang budak, elok wajahnya di antara orang-orang berkulit hitam itu dan baik pula tingkahlaku akhlnaknya.

Raja itu lalu bertanya perihal kami. Segera kami katakan bahawa kami memang sebenarnya bermaksud untuk datang ke negeri ini. Baginda lalu berkata: “Kamu bohong! Sebenarnya kamu berhasrat menuju ke negeri Qanbaluh dan bukannya ke negeri kami ini. Hanya anginlah yang melencongkan kamu sehingga kamu terdampar ke sini.”


Mendengarkan itu kami lantas berkata: “Memang benarlah seperti kata tuanku itu. Tidaklah kami maksudkan dengan kata-kata kami tadi melainkan untuk mendekatkan

⁸⁰ Ar: (سفالة الزنج). Boleh dibaca Az-Zinj atau Az-Zanj. Ada pendapat mengatakan lokasinya sekitar Tanzania atau Mozambique kini. Ia mungkin benar berdasarkan kisah ini. Namun ada juga kisah lain mengisyaratkan seakan negeri Zinj itu letaknya di Australia kini. Wallahu a'lam. –pent.

diri kepada tuanku saja.”

“Bawalah turun barang dagangan kamu dan berniagaalah di sini. Jangan risaukan diri kamu. Semuanya baik-baik saja.”
Ujar baginda.

BAYTUL
HIKMA



BAYTUL

HIKMA

Sambung nakhoda:

Lalu kami pun menurunkan barang-barang kami dan berdagang di situ dengan sebaik-baiknya. Raja itu tidak mengenakan kami sebarang cukai atau kewajiban untuk memberinya apa-apa melainkan kami sendiri sukarela memberinya hadiah dan baginda juga membalas dengan hadiah yang setara bahkan lebih banyak lagi. Begitulah keadaannya kami di situ selama beberapa bulan.

Apabila hampir waktu berangkat, kami lalu meminta izinnya dan kami pun diizinkan untuk belayar. Lalu kami angkut segala barang-barang serta menyelesaikan apa-apa urusan yang perlu. Setelah kami telah berazam untuk berangkat, kami pun memaklumpkannya kepada baginda. Mendengarkan itu, baginda segera bangun lalu berjalan dengan sahabat-sahabatnya dan hamba-hamba suruhannya bersama-sama kami sehingga ke pinggir pantai. Bukan sekadar itu, bahkan baginda menaiki sampan dan bersama-sama kami menuju ke kapal yang terletak agak jauh dari pantai.

Sesampai di kapal, baginda berserta tujuh orang ketua hamba suruhannya turut sama naik ke kapal bagi mengucapkan selamat jalan kepada kami. Ketika mereka berada di atas kapal itu, aku berkata di dalam hati: “Raja ini jika di pasar hamba di Oman boleh dijual dengan harga tiga puluh dinar. Tujuh orang hamba ini pula menyamai seratus enam puluh dinar. Baju-baju mereka kalau dijual boleh laku dua puluh dinar. Busuk-busuk pun boleh dapat tiga ribu dirham semua sekali, dan tak ada mudarat apa-apa ke atas kami kalau kami ambil tindakan itu.”

Dengan segera aku berteriak kepada anak kapal agar menegakkan layar dan mengangkat sauh dalam keadaan raja

itu pula sedang sibuk bersalam-salaman dan beramah-tamah dengan kami sambil meminta agar kami datang semula untuk berdagang di negerinya dengan janji akan berbuat baik kepada kami lagi.

Apabila layar sudah dikembangkan dan baginda melihat kami sudahpun memulakan pelayaran, maka berubahlah air mukanya dengan seketika itu juga. Lalu katanya: “Oh kamu sudah hendak belayar rupanya. Selamat jalan beta ucapkan.”

Baginda lalu bangun untuk turun ke perahunya. Lalu se pantas kilat kami terus memotong tali yang mengikat perahu itu. “Tinggallah dengan kami. Kami akan membawa kamu ke negeri kami dan kami akan membalas segala budi baik engkau terhadap kami dengan balasan baik yang setara dengan apa yang telah engkau berikan.” Ujar kami kepadanya.

Mendengar itu baginda lalu berkata: “Wahai kamu semua! Tatkala kamu terdampar ke negeriku, sungguh aku berkuasa melakukan apa saja terhadap kamu. Ahli keluargaku sebenarnya hendak memakan kamu dan merampas segala harta benda kamu seperti mana yang telah mereka lakukan kepada orang-orang selain kamu. Lalu aku berbuat ehsan terhadap kamu dan aku tidak pun mengambil sebarang harta benda kamu. Bahkan aku datang ke kapal kamu untuk mengucapkan selamat jalan sebagai suatu penghormatan dariku kepada kamu sekalian. Maka haruslah kamu tunaikan pula hakku dengan membiarkan aku kembali semula ke negeriku.”

Nakhoda itu menyambung ceritanya:

Kami buat endah tidak endah saja terhadap kata-katanya itu dan tidak mempedulikannya lagi. Angin bertiup dengan baik sekali sehinggakan tidak sampai sejam kami telah

bergerak jauh dan negeri itu sudah hilang dari pandangan. Kemudian malam pun menyelubungi dan kami pun sudah masuk ke tengah laut lepas. Pagi esoknya raja dan tujuh orang sahabatnya itu sudah termasuk ke dalam kalangan hamba sahaya untuk kami jual yang jumlahnya hampir dua ratus kepala. Kami pun memperlakukannya sama seperti hamba-hamba yang lain.

Kata nakhoda lagi:

Raja itu berdiam diri dan tidak lagi bercakap sepatah haram pun dengan kami. Dia pun tidak mengendahkan kami seolahnya kami tidak saling mengenali langsung sebelum itu. Beberapa lamanya maka sampailah kami ke Oman, lalu kami jual dia dan sahabatnya yang tujuh orang itu bersama-sama hamba-hamba yang lain.

Apabila tiba tahun tiga ratus... belas (31 + H), maka sekali lagi kami keluar daripada Oman untuk menuju ke Qanbaluh. Tiba-tiba berlakulah peristiwa yang sama seperti dahulu di mana angin telah melencongkan kami sehingga sampai lagi ke tanah Sufalah Az-Zinji. Tidak dapat didustakan lagi memang itulah negeri yang kami culik rajanya dahulu.

Penduduk di situ apabila ternampak kapal kami, dengan segera mereka mendatangi dan mengelilingi kami dengan perahu-perahu mereka. Tiba-tiba ada antara mereka itu orang yang telah kami kenali dahulu. Apa yang kami ketahui saat itu adalah kami sangat yakin bahawa kami memang benar-benar akan binasa kali ini. Tidak ada seorang pun antara kami yang terkeluar sepatah kata dari mulutnya akibat terlalu takut. Lalu kami pun mandi dan bersembahyang seolahnya sembahyang yang penghabisan sebelum kematian. Setelah itu kami saling mengucapkan selamat tinggal sesama sendiri.

Mereka itu membiarkan saja kami dalam keadaan berpeluk tangis itu. Setelah selesai semuanya, mereka lalu mengangkut dan membawa kami untuk menghadap raja. Berjalanlah kami sehingga sampai ke tempat raja itu. Apabila kami melihat saja raja yang sedang duduk di atas singgahsana itu, tercenganglah kami semuanya. Tidak lain dan tidak bukan raja itulah yang telah kami culik dahulu. Baginda duduk di situ seolah-olahnya baru sebentar tadi kami berpisah dengannya.

Melihatkan itu, terus kami menyungkur sujud dan lemahlah segala sendi-sendi sehingga tidak mampu lagi untuk bangkit berdiri. Baginda lalu bertitah: “Kamu semua adalah sahabat-sahabatku! Tidak syak lagi!”

Tidak seorang pun daripada kami yang mampu mengucap sepatah kata. Bergetar habis sendi-sendi kami dek kerana terlampau takut. Tiba-tiba terdengar suara baginda bertitah lagi: “Angkatlah kepala kalian. Sesungguhnya aku menjamin keselamatan kamu dan harta-harta kamu semuanya.”

Ada antara kami yang mengangkat kepalanya dan ada yang tidak mampu mengangkat kepalanya kerana lemah sendi-sendi bercampur malu yang teramat.

Kata nakhoda lagi:

Baginda lalu mengucapkan kata-kata yang lemah lembut kepada kami sehingga membuatkan kami semuanya mengangkat kepala dari lantai itu. Namun kami tidak mampu untuk bertentang mata dan memandang wajahnya dek kerana terlampau malu bercampur takut serta segan dengannya. Setelah hati kami tenteram dengan jaminan keamanan yang diberikan itu, baginda lalu bertitah lagi: “Wahai para penipu besar! Aku telah perbuat apa yang aku

perbuat kepada kamu dahulu dan kamu telah membalas kepadaku dengan perbuatan kamu itu.”

Kami lalu berujar: “Berilah keuzuran kepada kami wahai tuanku. Dan maafkanlah kami.”

Jawab baginda: “Telah aku maafkan kamu semua. Berdaganglah sepertimana kamu berdagang dahulu. Tidak ada halangannya ke atas kamu.”

Kami tidak membenarkan rasa gembira yang terbit di hati kami ketika itu dan kami menyangka itu hanyalah tipu helah raja itu semata-mata. Sehingga kami bawa turun segala barang dagangan kami ke pantai dan membawanya ke darat. Kami kemudian membawa hadiah dengan kadar yang sepatutnya untuk diberikan ke hadapan raja itu. Melihatkan itu baginda lalu bertitah: “Kamu sekalian bukanlah orang yang layak untuk aku terima hadiahnya. Aku tidak akan membiarkan hartaku bercampur dengan harta yang haram dengan sebab menerima hadiah kamu itu. Kerana sesungguhnya harta kamu itu semuanya haram belaka.”

Kami kemudiannya berniaga seperti biasanya di negeri itu. Apabila hampir tiba waktu berangkat, kami pun pergi meminta izin raja itu dan baginda mengizinkan. Setelah benar-benar sampai waktu berangkat, kami pun berjumpa raja dan aku berkata kepadanya: “Tuanku! Kami telah memutuskan untuk berangkat saat ini.” Maka sahut raja itu: “Belayarlah kamu dalam pemeliharaan Allah.”

Aku lantas bertanya meluahkan rasa takjub yang terbuku di hati: “Tuanku! Tuanku telah memperlakukan kami dengan sesuatu yang tidak mampu kami membalas kebaikannya. Kami telah menipu dan menzalimi tuanku dahulu. Maka bagaimanakah tuanku dapat lepas lari dan kembali semula ke negeri tuanku ini?”

Baginda lalu menceritakan kisahnya:

Tatkala kamu menjual diriku di Oman, maka orang yang membeliku itu membawaku ke negeri yang bernama Basrah yang sifatnya begian begian. Maka di sana aku telah belajar sembahyang, puasa dan sedikit daripada Al-Quran. Kemudian tuan aku itu menjual pula aku kepada seorang yang lain. Tuan yang baru ini membawaku ke negeri Raja Arab. Nama negeri itu ialah Baghdad –raja itu kemudian menceritakan begitu-begini keadaan Baghdad itu. Di negeri itulah aku mempelajari bahasa Arab yang fasih, aku belajar Al-Quran dan aku turut bersolat jamaah dengan orang ramai di masjid-masjid jamek. Aku juga pernah melihat Khalifah yang dipanggil Al-Muqtadir⁸¹.

Aku tinggal di Baghdad selama setahun lebih. Pada suatu hari aku berjumpa dengan suatu rombongan daripada Khurasan yang menunggang unta. Lalu ku tanyakan kepada mereka: “Apa sebabnya kamu datang berombongan begini?”

Jawab mereka: “Kami keluar dari tempat kami untuk menuju ke Mekah.”

“Mekah itu apa?” tanyaku lagi.

“Di sana ada Baitullah Al-Haram tempat manusia menunaikan haji.” Ujar mereka. Lantas mereka menerangkan kepadaku tentang Ka’abah dengan panjang lebar. Lalu aku pun berkata dalam hati: “Aku harus mengikut mereka ini ke Baitullah.”

Kemudian aku kembalilah kepada tuanku memberitahunya niatku dan apa yang kudengar itu. Dia nampaknya tidak berminat untuk keluar ke Mekah dan dalam masa yang sama juga tidak membiarkan aku untuk

⁸¹ Salah seorang Khalifah Abbasiyah. –pent.

pergi sendiri. Melihatkan itu, aku cuba-cuba mencari peluang untuk ikut bersama orang ramai. Apabila rombongan orang ramai telah keluar, maka aku cepat-cepat mengekori bersama mereka. Aku lalu berkawan dengan ahli-ahli rombongan dan berkhidmat kepada mereka serta makan bersama sepanjang perjalanan itu. Mereka bermurah hati memberikan kepadaku dua helai kain lalu dengan kain itulah aku berihram.

Mereka juga mengajarkanku tatacara melakukan haji. Maka Allah Ta'ala telah memudahkan urusan hajiku. Hatiku merasa takut untuk kembali ke Baghdad, bimbang kalau-kalau tuanku memarahi bahkan membunuhku. Lalu aku pun keluar bersama kafilah yang lain menuju ke Mesir. Di sepanjang perjalanan itu aku berkhidmat kepada ahli rombongan lalu mereka mengikut sertakan aku untuk bersama berkongsi bekalan makanan yang ada sehinggalah kami sampai ke Mesir.

Setibanya kami di Mesir, aku melihat suatu laut yang berair tawar iaitulah yang dipanggil Nil. Lalu aku bertanya penduduk di situ: “Dari mana hulu sungai ini?”

Jawab mereka: “Hulunya di negeri Az-Zinj.”

“Dari arah mana?” tanyaku lagi.

“Dari arah kota yang bernama Aswan⁸², di sempadan bumi Sudan.” Jelas mereka.

Aku lalu berjalan menyusuri tebing sunga Nil itu masuk dan keluar satu negeri ke negeri yang lain. Untuk makan aku cuma mengharapkan belas ihsan orang-orang yang ku temui di sepanjang jalan itu. Begitulah keadaannya sehinggalah aku tiba pada suatu kaum di Sudan. Mereka tidak menerima

⁸² Ar: (أسوان). Dalam naskhah Leiden dibariskan dhommah pada alif menjadikan sebutannya “*Uswan*”. –pent.

kedatanganku bahkan lalu mengikatku dan memasukkan aku bersama para khadam mereka. Kami dibebankan dengan kerja-kerja yang berat dan tidak termampu. Aku mencari jalan untuk lari dan berjaya melepaskan diri daripada kaum tersebut.

Malangnya aku terjebak pula ke tangan suatu kaum lain yang mengambil lalu menjualku. Aku berjaya melarikan diri sekali lagi. Begitulah keadaannya diriku semenjak keluar daripada Mesir. Sehingga akhirnya aku sampai ke sebuah negeri di pinggir negeri Az-Zinj. Aku terpaksa menyamar kerana merasa risau terhadap diriku sendiri lalu aku mengambil jalan untuk bersembunyi. Tidak pernah aku merasa setakut itu semenjak keluarku daripada Mesir dengan pelbagai bahaya yang telah ku tempuhi itu sepertimana ketakutanku apabila aku semakin hampir dengan negeriku sendiri.

Aku berkata dalam hati: “Negeriku pastinya sudah ada rajanya yang baru yang berkuasa dan ditaati oleh sekalian tentera. Untuk mencabut kekuasaan dari tangannya adalah sesuatu yang sukar amat. Sekiranya aku muncul, atau ada yang dapat mengesan kehadiranku, aku akan dibawa ke hadapannya dan dibunuh. Atau mungkin ada pemburu yang akan menangkapku dan memenggal kepalaku serta dibawanya persembah kepada raja itu.”

Ketakutan begitu sekali menjalar ke segenap urat nadiku. Aku memilih hanya untuk berjalan menuju ke negeriku pada waktu malam sementara di siang harinya aku bersembunyi. Aku terus berjalan sehingga sampai ke laut. Di sana aku menumpang kapal dengan menyamarkan diri seolahnya aku hendak ke negeri sekian sekian. Kemudian aku pun belayar ke negeri sekian-sekian pula. Setelah itu maka kapal itu

menurunkan aku ke pantai negeriku pada suatu malam.

Aku lalu bertanya kepada seorang perempuan tua: “Adakah raja tempat ini seorang yang adil?”

Maka jawab nenek tersebut: “Demi Allah wahai anakku! Kami tidak memiliki raja melainkan Allah Ta’ala.”

Lalu mulalah nenek itu menceritakan kisah raja mereka yang diculik. Aku pula mendengarkannya dengan penuh takjub seolah-olah aku tidak pernah tahu tentang kisah itu dan seolah-olah bukan diriku yang sedang dikisahkan itu. Kemudian nenek itu menyambung katanya: “Orang-orang besar kerajaan semuanya bersepakat untuk tidak menabalkan raja yang lain sehingga mereka mengetahui berita yang sebenarnya tentang raja yang diculik itu atau sehingga mereka telah meyakini dia benar-benar telah mati. Sesungguhnya telah sampai kepada mereka khabar daripada tukang-tukang tilik bahawa raja itu masih hidup dan selamat di tanah Arab.”

Apabila tiba waktu pagi aku segera berjalan ke negeriku ini, lalu aku masuk ke dalamnya terus menuju ke istana ini. Setelah masuk ke dalamnya lalu aku dapati ahli keluargaku dan pembesar-pembesar negeri seperti keadaan aku tinggalkan dahulu melainkan mereka semuanya sedang berdukacita. Aku kemudiannya menceritakan kepada mereka kisahku. Mereka semuanya terpegun dan takjub sekali. Semuanya ku ajak masuk agama Islam lalu mereka semua menerima sarananku itu. Lalu aku kembali memerintah sebagai raja baru sebulan yang lalu sebelum kedatangan kamu ke sini.

Hari ini aku sangat gembira dan bersukacita dengan apa yang telah dianugerahkan kepada diriku dan penduduk negeriku dengan anugerah Islam dan iman, pengetahuan

tentang sembahyang, puasa, haji, halal dan haram. Juga aku telah mengalami apa yang tidak pernah dialami oleh seorang pun di negeri Az-Zinji ini. Aku telah maafkan kamu kerana asbab kamulah aku memperoleh kebaikan agamaku. Hanya saja suatu perkara yang masih tinggal – dan aku memohon agar Allah mengeluarkan aku daripada dosa itu.

Cerita nakhoda itu:

Maka aku pun bertanya: “Apakah perkara tersebut wahai tuanku?”

Jawabnya: “Tuanku yang mana aku telah keluar daripada Baghdad untuk menunaikan haji tanpa meminta izin dan redhanya dan aku tidak kembali kepadanya. Seandainya aku bertemu dengan seorang yang dipercayai untuk aku kirimkan harga tebusan diriku dan aku minta halal darinya. Kalaulah kamu memiliki kebaikan dan sifat amanah, tentulah aku serahkan harga tebusanku untuk dikirimkan kepada tuanku itu dengan tambahan sepuluh kali gandanya sebagai ganti kesabarannya terhadapku. Namun kamu semua adalah para penipu dan penuh muslihat.”

Sambung nakhoda lagi:

Maka kami pun mengucapkan selamat tinggal kepadanya. Baginda bertitah: “Belayarlah kamu. Sekiranya kamu datang lagi, maka beginilah yang akan aku perlakukan bahkan akan aku tambahkan lagi kebaikan itu. Beritahulah kepada kaum Muslimin agar datang ke sini kerana sesungguhnya kami semua telah menjadi saudara se-Islam mereka. Adapun untuk mengiring kamu sehingga ke kapal, maka aku tidak akan melakukannya lagi.”

Kami lalu saling mengucapkan selamat dan belayar keluar dari situ.

**[KEBENARAN TUKANG TILIK AZ-ZINJI DAN
KARAMNYA KAPAL]**

Dikatakan bahawa di negeri Az-Zinji, tukang-tukang tilik dan ahli nujumnya sangat mahir dan cendekia. Ismailuyah telah memberitahuku daripada sebahagian nakhoda bahawa nakhoda itu menceritakan kepadanya:

Pernah aku masuk ke negeri Az-Zinji pada tahun tiga ratus tiga puluh dua (332 H) lalu terserempak dengan seorang ahli nujum. Maka dia pun bertanya kepadaku: “Berapa buah kapal semua kamu ini?”

“Enam belas buah semuanya.” Jawabku.

“Hanya lima belas buah saja yang akan selamat sampai ke Oman. Sebuah akan karam. Tiga orang akan selamat setelah melalui susah payah dan berjaya lepas ke....”⁸³

Nakhoda itu menyambung ceritanya:

Lalu kami semua keluar pada hari yang sama dan aku merupakan orang yang paling akhir sekali. Aku mempercepatkan pelayaran agar dapat menyertai mereka yang telah keluar awal. Apabila tiba hari ketiga, aku ternampak di kejauhan ada seperti sebuah pulau yang berwarna hitam. Oleh kerana aku ingin cepat, maka sedikitpun aku tidak mengendurkan layar agar dapat membelok daripada pulau itu, kerana belayar di laut kawasan itu payah sekali.

Aku tidak berbohong bila aku menyatakan bahawa bila saja kapalku menghampiri apa yang ku sangka pulau tadi, maka ia dengan pantas memukul kapal itu dengan ekornya. Rupa-rupanya ia adalah seekor binatang laut yang amat

⁸³ Ada bahagian yang tercicir daripada naskhah asli. Demikian juga dalam naskhah Leiden. –pent.

besar. Apabila pukulan ekornya mengenai kapal, pecahlah kapal tersebut. Nasib baiklah aku, seorang anakku dan dua orang tukang jaga tali kapal dapat menyelamatkan diri dengan sebuah perahu lalu terdampar di pulau Dibajaat⁸⁴. Duduklah kami di pulau itu selama enam bulan sehingga keadaan memungkinkan kami untuk keluar dari situ.

Akhirnya kami tiba di Oman setelah pelbagai susah payah yang kami lalui. Dan lima belas kapal yang lain semuanya selamat dengan izin Allah Ta'ala.

**[BULU BURUNG YANG DIGUNAKAN SEBAGAI
BEKAS MINUMAN]⁸⁵**

Al-Hasan bin Amru dan selain beliau telah memberitahuku daripada sekumpulan orang tua-tua⁸⁶ di benua Hindi tentang ehwal burung di Hind, Zabaj, Qamar⁸⁷, Sanfa dan beberapa tempat lainnya di sekitar kawasan tersebut cerita yang sangat hebat.

Bulu burung yang paling besar pernah aku lihat adalah sepotong batang bulu pelepah yang dibuat bekas air milik Abul Abbas As-Sirafi, panjangnya lebih kurang dua hasta. Kami mengukurnya dan mendapati ia boleh diisi air bersamaan dengan sembilan *qirbah*⁸⁸ air.

⁸⁴ Ar: (الديجات).

⁸⁵ Cerita-cerita tentang burung raksasa dalam buku ini menjadi bukti kewujudan apa yang disebut sebagai burung garuda. –pent.

⁸⁶ Ar: (المشايع). Kalimah ini boleh juga bermaksud orang-orang yang berpengalaman, para pemuka atau tokoh-tokoh, para guru, para ulama, para pemimpin mengikut kesesuaiannya. Di sini mungkin lebih tepat jika difahami sebagai para pelayar yang berpengalaman. –pent.

⁸⁷ Ar: (قمار). Khmer.

⁸⁸ Satu *Qirbah* bersamaan lebih kurang 40 kg.

Nakhoda Ismailuyah bercerita kepadaku beliau pernah melihat bahagian bawah bulu burung di sebahagian negeri Hind milik seorang tokoh perniagaan mereka diletakkan di sebelah rumahnya untuk diisi air. Ukurannya seperti tong yang besar sehingga aku merasa sungguh takjub. Lalu dia berkata kepadaku: “Jangan engkau takjub dengan hal ini. Sesungguhnya sebahagian nakhoda negeri Az-Zinji ada memberitahuku bahawa dia pernah melihat batang bulu pelepah burung milik Raja *Surrah*⁸⁹ yang boleh diisi dua puluh lima *qirbah* air ke dalamnya.”

[HIKAYAT BURUNG YANG TERBANG DARIPADA HINDI DAN TERHEMPAS DI ATAP RUMAH DI SHIRAZI]

Abul Hasan Ali bin Syadan As-Sirafi telah memberitahuku dengan katanya: Ada sebahagian penduduk Shiraz⁹⁰ telah bercerita kepadanya bahawa ada sebuah kampung berdekatan Shiraz telah dimusnahkan oleh seekor garuda. Aku (Abul Hasan) lalu bertanya: “Bagaimana ia memusnahkannya?”

Maka katanya: “Kami diberitahu bahawa pada suatu hari seekor burung telah jatuh terhempas ke atas bumbung sebuah rumah dalam kampung tersebut, lalu runtuhlah bumbung itu bersama-sama burung tadi. Orang-orang yang ada dalam rumah itu menjerit dan bertempiaran lari menyelamatkan diri.

Setelah itu semua penduduk pun berhimpun untuk melihat kejadian aneh tersebut. Lalu didapati burung tersebut memenuhi seluas rumah itu besarnya. Keadaan itu

⁸⁹ Ar: (سرة). Atau Sirah?. –pent.

⁹⁰ Ar: (شیراز). Suatu tempat di Iran. –pent.

tidak memungkinkan mereka untuk menarik keluar burung itu. Mereka lalu cuba untuk melemahkannya dengan melempar dan memukulnya. Burung itu kelihatannya memang sudah tidak berdaya dan tidak mampu untuk bangkit lagi.

Melihatkan itu mereka kemudian menyembelih dan memotong-motongnya di situ juga dan membahagi-bahagikan dagingnya. Setiap lelaki penduduk kampung itu mendapat bahagian masing-masing sebanyak lebih kurang tujuh puluh *ritl*⁹¹. Mereka mengasingkan setompok daging lebih kurang seratus *ritl* sebagai bahagian kepada wakil kampung itu yang tinggal di rumah berkenaan, namun pada hari peristiwa itu berlaku dia tidak ada di situ kerana telah keluar sehari yang lalu bersama tiga orang ahli keluarganya. Wakil itu keluar kerana urusan penghulu kampung itu.

Maka para penduduk pun berkendurilah memasak daging burung tersebut pada hari itu juga. Lalu berjamuan makanlah mereka bersama kaum keluarga dan anak beranak mereka semuanya. Keesokan paginya kesemua mereka mendapat sakit-sakit. Wakil kampung yang pulang pada hari itu melihat keadaan mereka dan menyedari apa yang berlaku lalu dia dan orang yang bersamanya tidak menjamah sedikitpun daging tersebut.

Setelah berlalu empat atau lima hari matilah mereka itu bergelimpangan kesemuanya sehingga sunyi sepi dan kosonglah kampung berkenaan. Wakil tersebut bersegera keluar dari situ dan tinggallah kampung itu menjadi padang

⁹¹ *Ritl* atau *Ratl* adalah sejenis timbangan yang biasanya diterjemah secara mudah sebagai “kati”. Satu “*Ritl Baghdadi*” bersamaan lebih kurang 400 gram. Sebaliknya satu kati = 600 gram. –pent.

jarak pandang tekukur tanpa ada seorang pun lagi kembali mendudukinya.

Kami telah mengetahui bahawa burung ini adalah burung daripada benua Hind yang telah termakan haiwan beracun lalu racun itu menjalar ke seluruh urat sarafnya. Ia lalu terbang sepanjang-panjang malam sehingga akhirnya terhempas ke kampung berkenaan akibat anggotanya telah keras kejug bahana bisa binatang yang dimakannya, maka jatuhlah ia ke situ.

**[HIKAYAT BURUNG MEMAKAN PENYU DAN
MELEMPARKANNYA DARI LANGIT KE BUMI
KEMUDIAN MEMAKANNYA]**

Lebih daripada seorang nakhoda telah bercerita kepadaku bahawa dia telah mendengar di negeri Sufalah Az-Zinj berkenaan burung yang menangkap haiwan liar dengan paruhnya atau cakarnya dan membawanya ke udara lalu melemparkannya ke tanah agar mati dan berkecai. Kemudian ia akan turun untuk memakannya.

Sesungguhnya aku sendiri pernah mendengar bahawa di negeri Az-Zinj ada burung yang menangkap penyu yang besar lalu membawanya terbang ke udara kemudian menghempaskannya ke gunung atau batu besar sehingga pecah berkecai. Setelah itu ia pun mendarat dan menikmati makanannya. Katanya: “Burung itu akan menangkap dan melakukan demikian dalam sehari lima atau enam ekor penyu ditangkapnya.”

Namun burung ini akan segera lari ketakutan sebaik saja ternampak kelibat manusia disebabkan rupa manusia di tempat itu sangat menggerunkan.

**[HIKAYAT SEMUT YANG DIKURUNG DENGAN DIBERI
MAKAN DUA *MANN* DAGING SETIAP HARI]**

Nakhoda Ismailuyah telah memberitahuku bahawa di kawasan atas negara Az-Zinji terdapat banyak galian emas yang berupa serpihan-serpihan – kebanyakan galian memang berupa serpihan – dan ramai orang menggali di kawasan itu untuk mencari emas tersebut.

Adakalanya mereka tergali tanah yang berlubang-lubang seperti sarang semut, lalu keluarlah dari tempat yang digali itu semut-semut yang sebesar kucing dengan banyaknya menghurung dan memakan mereka serta memotong-motong tubuh mereka terpotong-potong.

Seungguhnya Ahmad bin Hilal – pemerintah Oman – pada tahun tiga ratus enam (306 H) pernah membawa seekor semut hitam sebesar kucing yang dirantai dengan rantai besi serta dikurung dalam kurungan sebagai hadiah untuk dipersembahkan kepada Khalifah Al-Muqtadir bersama-sama hadiah yang lain. Namun sayangnya semut ini mati dalam perjalanan ketika sampai berhampiran Dzi-Jabalah, lalu ia diawet dengan ubat *sobir* dan dibawa ke Madinah As-Salam⁹² dalam keadaan yang masih elok. Khalifah Al-Muqtadir dan penduduk Baghdad telah hadir untuk melihatnya. Mereka menyatakan bahawa semut itu diberi makan dua *mann* daging sehari semalam pada waktu pagi dan petang.

**[HIKAYAT POKOK BERUPA MANUSIA YANG BERSUARA
APABILA DITIUP ANGIN]**

Muhammad bin Babsyad telah memberitahuku daripada

⁹² Nama panggilan untuk Baghdad. –pent.

orang yang telah memberitahunya – dan orang ini pernah masuk ke negeri Waq-Waq – bahawa di sana terdapat sejenis pokok yang amat besar, daunnya bulat-bulat dan besar. Ada juga daunnya yang panjang seumpama buah labu bahkan lebih besar lagi dari itu.

Pokok itu berupa seperti rupa manusia. Apabila angin menggerakannya, ia lalu mengeluarkan suara. Bahagian dalam pokok itu berongga besar seperti unta yang bunting sepuluh bulan. Apabila pokok itu dipotong, seketika itu juga keluarlah angin daripada rongga tersebut lalu bertukar menjadi seperti kulit.

Ada sebahagian anak kapal yang melihat pokok itu dan jadi gila bayang serta berhasrat ingin membawa bersamanya. Dengan itu ditebang dan dipotongnya untuk dibawa olehnya. Setelah saja dipotong, keluarlah angin daripadanya lalu ia bertukar menjadi seolah-olah seekor gagak yang telah mati.

[HIKAYAT KAFILAH DIHADANG OLEH KERA YANG MEMINTA MAKANAN]

Aku pernah berbincang-bincang dengan Muhammad bin Babsyad tentang kisah-kisah berkaitan kera. Lalu dia menceritakan kepadaku banyak sekali cerita berkenaan itu. Antaranya adalah bahawa disekitar kawasan berdekatan Sanfain⁹³ dan lembah Lamuri serta lembah Qaqilah⁹⁴ ada jenis kera yang sangat besar diketuai oleh seekor kera yang paling besar di antara mereka itu.

Adakalanya kera-kera itu keluar berbondong-bondong dari hutan rimba ke jalan-jalan dan laluan-laluan lalu

⁹³ Ar: (صنفين) atau Sanfin?. –pent.

⁹⁴ Ar: (قاقة). Adakah ini merupakan sebutan bagi Kuala Kedah ataukah ini adalah Kuala Kelang (Pelabuhan Kelang)? –pent.

menyergap dan memukul-mukul orang yang lalu di situ serta menghalang daripada lepas lalu melainkan setelah memberikan makanan kepada kera-kera itu haiwan ternakan seperti kambing dan lembu serta apa-apa makanan yang lainnya.

Muhammad bin Babsyad juga menceritakan bahawa lebih daripada seorang pernah bercerita kepadanya dengan katanya:

Bahawa dia pernah bersama dalam satu rombongan yang melintasi kawasan berkenaan apabila tiba-tiba mereka disergah sekumpulan kera-kera yang amat besar. Kera-kera itu menghalang mereka daripada melalui jalan tersebut lalu menyerbu dan menyerang mereka daripada segenap arah. Habis segala pakaian dikoyak-koyakkan dan bekas simpanan air mereka dipecah-pecahkan, sedangkan laluan tersebut adalah di kawasan yang jauh dengan sumber air.

Gerombolan kera-kera itu hanya beredar apabila telah diberikan sesuatu. Bekalan air yang mereka bawa telah habis ditumpahkan oleh kera-kera jahanam itu. Akibatnya ramai di antara ahli rombongan tersebut dikunjungi maut dan hanya sedikit sahaja daripada mereka yang berjaya bertahan sehingga sampai kepada sumber air yang seterusnya.

[HIKAYAT SEORANG LELAKI MENIDURI KERA BETINA SEHINGGA HAMIL]

Beliau (Muhammad bin Babsyad) telah menceritakan kepadaku bahawa seorang lelaki kelasi kapal telah menceritakan kepadanya bahawa dia telah keluar belayar pada tahun tiga ratus sembilan (309 H) dalam sebuah kapal milik sebahagian nakhoda menuju ke Qaqilah.

Mereka sampai ke sana dengan selamatnya dan

menurunkan muatan ke darat, kemudian mengangkut pula muatan dari sana kesuatu negeri lain yang jaraknya dengan laut itu lebih kurang tujuh hari perjalanan berkapal. Setelah mereka membawa muatan tersebut ke negeri yang dimaksudkan, maka mereka pun mengangkat kapal di sebuah teluk yang kecil sejauh empat atau lima farsakh daripada Qaqilah lalu mereka membuat penghadang antara kapal itu dengan laut serta melitupinya dan mendirikan kayu-kayan di sekelilingnya serta menyandarkannya.

Cerita kelas ini lagi:

Ahli rombongan semuanya turun dan pergi ke bandar itu untuk berdagang dan meninggalkan aku berseorangan menjaga kapal itu dengan bekalan makanan yang mencukupi untuk keperluanku. Sepeninggalan mereka, datanglah beberapa ekor kera lalu mengelilingi kapal itu sambil cuba untuk memanjat ke atas. Melihatkan itu aku segera membaling mereka dengan batu-batu. Mereka bertempiraran lari. Namun ada seekor kera betina yang agak besar berjaya memanjat ke atas. Aku terus membalingnya, namun ia berjaya melarikan diri menyelinap dan bersembunyi di sisi kapal. Kemudian ia memanjat lagi lalu datang menghampiriku.

Ketika itu aku sedang menjamah makanan, lalu ku baling sedikit cebisan roti kepadanya lantas dimakannya. Kera itu terus tinggal sekejap bersamaku, kemudian ia menghilangkan dirinya sehingga tiba waktu petang. Pada petang harinya ia datang semula dengan setandan kecil berisikan lebih kurang dua puluh biji pisang di mulutnya sambil menjerit kuat. Aku segera meninjau bagi mengetahui halnya. Ia lalu memanjat naik ke atas kapal dan meletakkan pisang itu di hadapanku yang kemudiannya aku makan.

Demikianlah keadaannya beberapa waktu kera itu pergi balik membawa pisang dan buah-buahan daripada hutan di situ dan kera itu pula bermalam di dalam kapal itu, tidur disisiku. Pada suatu malam naiklah nafsuku kepada kera itu, lalu aku men'datangi'nya. Keadaan sedemikian berlanjutan hampir tiga bulan sehingga kera tersebut akhirnya hamil dengan ia berjalan melenggang sambil menunjukkan tangannya ke perutnya yang berisi itu. Maka sedarlah aku bahawa ia telah mengandungkan benihku.

Tergamam dan terkejut besarlah aku mengenangkan petaka itu. Paling aku takutkan bilamana rombongan kapal ini datang nanti lalu menyaksikan apa yang telah berlaku, tentunya aku akan malu besar dan dikeji mereka. Rasa malu yang terbayang itu telah membuatkan aku bergegas mengambil perahu, lalu ku letakkan dayung, layar dan sauhnya. Kemudian ku isikan perahu tersebut dengan bekalan air minum dan makanan, kain baju dan segala barang-barangku.

Aku menunggu waktu apabila kera tersebut kembali ke hutan seperti kebiasaannya untuk membawa balik buah-buahan, lalu segera aku bawa turun perahu ke air dan ku dayung sehingga masuk ke laut dengan penuh rasa kacau dan menempuh bahaya yang besar. Kapal itu ku tinggalkan begitu sahaja tanpa sesiapa yang menjaganya.

Lalu belayarlah aku selama lebih kurang dua puluh *zam*⁹⁵ sehingga akhirnya sampai ke sebuah pulau daripada pulau-

⁹⁵ Ar: (زَامٌ). Ukuran ini mengikut para pelayar dulukala adalah satu perempat malam atau siang, yakni tiga jam. Dengan itu, satu hari penuh bersamaan lapan *zam* (3x8= 24jam). –naskhah 'Ajaibul Hind Hasan Soleh Syihab, m/s 58.

pulau Andaman⁹⁶ setelah hampir-hampir aku menempuh maut disebabkan kesukaran-kesukaran besar yang ku lalui di laut itu. Maka aku pun tinggal di pulau itu buat beberapa hari sehingga kembali semula kesegaran tubuhku dan aku mengisi semula bekalan air tawar sepenuh-penuh bekas yang ku bawa serta aku angkut pisang dan buah-buahan. Aku juga turut memperbaiki apa-apa yang patut sebelum belayar keluar dari sana.

Tidak kelihatan penduduk di pulau tersebut melainkan nelayan-nelayan yang ku lihat dengan sampan-sampan mereka kadangkala singgah di celah-celah pokok-pokok di pantai itu. Setelah segalanya selesai, aku lantas belayar keluar semula tanpa aku sendiri tahu ke mana arah tujuku. Seinggalah selepas ku tempuhi jarak lebih kurang tujuh puluh *zam*, lalu aku pun sampai ke sebuah pulau yang dipanggil Difar Kalah⁹⁷. Aku singgah di sana sebelum belayar keluar menuju ke Kalah⁹⁸, kemudian aku pun keluar dari sana pula.

Lama sesudah peristiwa itu, aku bertemu semula dengan nakhoda kapal dahulu serta ahli rombongan yang lain. Lalu aku tanyakan: “Apa cerita kamu semua?”

Maka mereka pun menceritakan bahawa apabila mereka kembali semula ke kapal, mereka dapati di sana ada seekor kera betina yang sudah melahirkan seekor atau dua ekor anak yang rupa anak itu menyamai rupa bani Adam, saling tak tumpah. Tiada bulu-bulu pada dadanya, bahkan ekornya

⁹⁶ Ar: (اندمان).

⁹⁷ Ar: (دفار كاله).

⁹⁸ Tulisan Arabnya (كله). Ramai menyatakan “Kalah” adalah Kedah. Barangkali pedagang Arab menyebutnya berdasarkan sebutan pedagang-pedagang China ketika itu. Wallahu a’lam. -pent.

juga pendek berbanding kera-kera biasa yang sejenisnya. Mereka mengesyaki bahawa kera tersebut telah hamil akibat perbuatan anak kapal itu dan dia telah lari dengan perahu kapal. Sangkaan mereka itu berdasarkan tidak ada suatu barang pun yang hilang daripada kapal tersebut melainkan hanya perahu dan alatannya sahaja. Sebahagian yang lain mengesyaki bahawa kera tersebut telah membunuh anak kapal itu manakala perahu itu mungkin telah dicuri oleh orang yang lalu di situ atau nelayan yang mencari ikan di sekitar itu. Akhirnya mereka membuang segala syak wasangka tersebut dan menurunkan kera tersebut dan anak-anaknya daripada kapal.

Kata Muhammad bin Babsyad kepadanya:

Anak kapal yang telah memberitahuku ceritanya ini, matanya sangat rabun. Lalu aku tanyakan kepadanya tentang hal matanya itu. Maka jawabnya: “Mataku ini menjadi rabun selepas aku menggauli kera betina itu. Kemudian bertambah-tambah rabunnya akibat lamanya berada di laut.”

[HIKAYAT KERA BERTEMBUNG DENGAN MANUSIA DI SEBUAH PULAU]

Sebahagian pelaut memberitahuku bahawa ada sebuah kapal yang belayar daripada Oman menuju ke Sanfa lalu ditimpa bencana di pertengahan pelayarannya. Hanya sekitar sepuluh orang sahaja daripada ahli rombongan dalam kapal tersebut yang selamat dalam sebuah sampan yang hanyut mengikut gelombang dan angin lalu akhirnya terdampar di sebuah pulau yang tidak dikenali dan tidak pernah mereka jejak.

Mereka lantas terjun ke pantainya lalu terbaring lesu

kepenatan tidak bergerak-gerak lagi akibat menempuhi kesukaran-kesukaran dan bahaya di laut sebelum itu. Terbaringlah mereka begitu sehingga petang harinya. Kemudian, setelah berasa agak bertenaga semula mereka pun bangun lalu menuju kepada sampan mereka dan menariknya naik ke pantai. Tidurlah mereka pada malam itu di samping sampan tersebut.

Keesokan paginya, mereka bangun dan merayau-rayau di sekitaran pulau itu. Mereka dapati ada sumber air tawar yang mewah dan melihat terdapat dusun buah-buahan yang cantik dengan pokok-pokok yang bersusun dan daun-daunnya saling menyentuh serta buah-buahannya yang bermacam ragam. Kelihatan banyak pisang dan rumpun tebu, namun tiada nampak kelibat seorang manusia pun. Apa lagi nak dikata! Mereka pun makanlah sepuas hati buah-buahan dan meminum airnya yang segar dan tawar yang terdapat di situ.

Setelah itu, mereka pun kembali ke tempat sampan mereka lalu menyandarkannya kepada kayu. Kemudian mereka mengumpulkan daun-daun pisang serta lainnya untuk dibuat bumbung. Segera mereka menyiapkannya dan menjadikan di sebelah sampan itu suatu tempat berteduh serta berlindung.

Lima atau enam hari sesudah itu, tiba-tiba sekumpulan kera datang ke tempat mereka berteduh itu dengan diketuai oleh seekor kera yang sangat besar dan tegap. Kesemua kera itu lalu meloncat naik ke atas sampan. Terkejut besarlah sepuluh orang itu lantas segera cuba memanjat naik ke atas sampan dan menghalau kera-kera itu. Namun sedikit pun kera-kera itu tidak beranjak dari tempatnya. Kelihatan ketuanya memecahkan dan menyusun kedudukan kawanan kera itu ke kiri dan ke kanan seperti lagak seorang mandur

mengarahkan para pekerjanya.

Setelah itu semua kera itu kembali berkumpul kepada ketuanya dan nampak mereka memberi isyarat sesama sendiri seolah-olahnya berbincang sesuatu perkara. Kera-kera tersebut hanya beredar apabila hari sudah petang. Keadaan ini begitu menggusarkan pelaut-pelaut itu. Mereka takut andai gerombolan kera itu datang lagi untuk membunuh mereka. Dengan itu mereka berfikir-fikir untuk melarikan diri daripada pulau itu pada malam itu juga, sedangkan dalam masa yang sama keadaan mereka amat menyedihkan dengan ketiadaan bekalan makanan dan minuman serta tidak tahu arah tuju di samping tiada jalan keluar lain dari marabahaya itu.

Pagi esoknya datang semula seekor kera lalu mengelilingi mereka yang sudah kecut perut itu. Tanpa disangka-sangka kera itu kemudian pergi dari situ. Namun ia pergi tidak lama, sebelum ia kembali semula dengan seekor kera yang lain sambil menunjuk-nunjuk isyarat kepada kera yang baru datang ini seolah-olah ingin memberitahukan sesuatu.

Berkata lelaki yang bercerita ini: “Aku ceritakan daripada salah seorang lelaki dalam rombongan tersebut dengan katanya:

Aku pun mengekori kera-kera tersebut sehingga mereka masuk ke dalam kebun buah-buahan itu. Tidak semena-mena timbul pula rasa takut dalam hatiku, lantas aku segera kembali kepada sahabat-sahabatku yang nyata tidak sabar-sabar lagi terus bertanya haku. Lalu aku ceritakanlah.

Esoknya, gerombolan kera itu datang lagi dengan ketuanya dan berkelakuan seperti kali pertama dahulu. Ketua kera itu duduk di atas sampan serta mengarahkan anak buahnya pergi ke tujuan mereka masing-

masing sekehendaknya. Setelah berlalu beberapa ketika, maka datanglah dua ekor kera dengan setiap seekor masing-masing membawa potongan-potongan emas yang teramat cantik lantas membaling emas-emas itu ke hadapan ketua mereka. Kemudian semua kera-kera yang lain itu pulang dari tempat tujuan mereka lalu berhimpun. Setelah saling memberi isyarat sesama mereka, semuanya bersurai dari situ.

Kami yang melihat kejadian tersebut dari jauh segera pergi ke tempat itu lalu mengambil emas yang ditinggalkan kera-kera tadi. Alangkah gembiranya kami apabila mendapati emas tersebut sangat cantik berupa seperti akar kayu yang tebal sehinggakan kami telah terlupa seketika itu keadaan kami sebenarnya yang terdampar di pulau itu.

Esok paginya, datang lagi seekor kera lalu mengelilingi kami, kemudian beredar dari situ. Segera ku ekornya sehingga memasuki dusun tersebut. Seterusnya aku keluar dari dusun itu kepada padang sahara yang berpasir hitam. Kera yang ku ekori tadi lantas mengorek pasir di hadapanku yang sedang berdiri. Melihatkan itu, aku segera duduk dan turut mengorek pasir tersebut sehingga menemui potongan-potongan emas seperti akar yang bercerangguh. Tanpa membuang masa aku berusaha sekuat tenaga untuk mencabutnya keluar sehingga berdarah-darah jari-jariku. Setelah itu aku kumpulkan seberapa banyak yang mampu aku cabut keluar tadi seterusnya aku membawanya untuk kembali bertemu dengan kawan-kawanku. Malangnya pokok-pokok yang berlapis-lapis dalam dusun tersebut telah membuatkan aku tersesat. Maka pada malam itu aku terpaksa bermalam di atas pokok di situ.

Apabila pagi esoknya aku terlihat seekor kera berjalan seperti semalam. Aku lalu membiarkannya berjalan dahulu.

Setelah itu barulah aku mengekorinya sehinggalah ternampak laut. Lantas aku memanjat pokok yang ada di situ dan duduk di situ sehingga waktu malam. Bila saja ku dapati kera-kera itu semuanya telah beredar, aku bergegas turun pergi mendapatkan kawan-kawanku yang menyambutku dengan tangisan sambil berkata: “Kami sebenarnya yakin bahawa engkau telah mati!”

Aku lantas menceritakan kisahku seraya mencampakkan potongan-potongan emas yang ku bawa. Emas tersebut yang sepatutnya menambahkan kegembiraan kepada kami sebaliknya menambahkan dukacita pula. Ini kerana kami menyedari tidak ada jalan untuk kami keluar daripada pulau itu dan tidak ada pula kapal untuk mengangkut emas-emas itu. Andai kami mengangkutnya dengan satu-satunya sampan yang kami ada itu, pastilah kami tidak merasa aman daripada bahaya karam disebabkan sampan itu kecil saiznya. Jikalau kami angkut pula, kami tidak tahu jalan hendak dituju.

Setelah berbincang-bincang, maka kami bersepakat untuk pergi ke padang pasir tempat emas itu dan mengorek serta mengangkutnya untuk disimpan berhampiran sampan kami dan seterusnya bertawakkal kepada Allah saja. Dengan itu, pada setiap pagi yang kera-kera itu tidak datang berhimpun kami akan pergi mengangkut emas itu. Lubang dikorek berhampiran sampan lalu kami masukkan emas-emas itu di situ lalu menimbusnya.

Begitulah yang kami lakukan terus menerus sehingga setahun telah berlalu dan emas-emas yang terkumpul menimbun banyaknya sehingga kami sendiri tidak tahu berapakah kadarnya. Dalam setahun itu kera-kera tersebut pun seperti biasanya akan datang berselang sehari. Kami meneruskan kehidupan dengan memakan daripada buah-

buah di dusun dan meminum dari sumber air tawar yang ada di situ.

Dalam keadaan kami yang sedemikian, pada suatu hari ternampaklah oleh kami sebuah kapal yang menghala ke Oman atau Siraf sedang melintasi pulau itu. Keadaan kapal itu menunjukkan ianya sudah menghadapi ribut dan dilambung gelombang laut yang mencampakkan segala isi muatan kapal dan membunuh sebahagian besar penumpangnya. Apabila mereka melihat pulau itu maka mereka berhasrat untuk berlindung ke situ namun gagal. Maka kapal itu tidak dapat menghampiri ke pantai dan teroleng-oleng agak jauh.

Setelah mereka mengamat-amati daratan tempat kami berada maka terperasanlah mereka kehadiran kami dan sampan kami di situ. Segera dua orang lelaki dari atas kapal itu melontarkan tali, namun ia dimain-mainkan ombak dan tidak sampai kepada kami. Melihatkan itu, maka kami segera mencampakkan tali kami pula ke laut lalu berenang bersama tali kepada tali mereka lantas menyambungkan dengan tali mereka. Setelah sampai ke darat, kami lalu mengikat hujung tali tersebut. Kemudian dua orang daripada kami memanjat untuk naik ke kapal itu.

Bila saja sampai ke atas kapal lalu didapati anak kapal dan nakhoda serta beberapa orang saudagar telah nyawa-nyawa ikan disebabkan malapetaka ribut yang telah menimpa mereka ditambah dengan masin air laut yang mungkin telah diminum oleh mereka. Kata mereka kepada kawan kami: “Tolong tarik kami ke darat, dan ambillah apa saja yang masih tinggal daripada barang dagangan dan muatan milik kami ini.”

Berkata nakhoda pula: “Wahai saudara-saudara.

Tolonglah tarik kami ke darat dan ambillah kapal ini sebagai milik kamu.”

Mendengarkan itu maka berkatalah kawan kami yang berdua itu: “Kami tidak akan berbuat begitu. Tetapi kami akan tarik kamu ke pantai dan kami hanya hendakkan separuh kapal ini saja sebagai milik kami.”

Nakhoda itu segera membalas: “Dengan sukacitanya dan penuh kemuliaan.”

Maka mereka saling mengikat janji dengan setiap mereka menjadi saksinya. Setelah itu, kedua kawan kami menyambung pula: “Ada syarat kami yang perlu kamu patuhi.”

“Apa syaratnya?” tanya mereka.

Ujar kawan kami: “Kami hendak mengisi separuh kapal ini dengan muatan kami sendiri yang tidak boleh dikongsi sesiapa pun dan tidak boleh dihalang oleh sesiapa pun.”

“Boleh saja. Lakukanlah apa yang kamu mahukan itu.” Balas mereka.

“Kami akan mengisi muatan mengikut kadar yang sedia maklum, tidak melampau-lampau sehingga akan menyebabkan kapal ini karam.” Jelas kawan kami.

“Ini adalah suatu yang telah berkali-kali kami cuba dan belum lagi berjaya sampai sekarang.⁹⁹ Kami bersumpah dengan nama Allah mudah-mudahan kamu berjaya dan melepaskan kami daripada petaka yang kami hadapi sekarang ini.” ujar mereka.

⁹⁹ Maksudnya telah berkali-kali kesemua muatan kapal mereka tidak berjaya sampai ke tempat tujuan kerana sering sahaja sebahagiannya terpaksa dicampakkan ke laut bagi menyelamatkan kapal daripada karam apabila dilanda ribut. –pent.

Maka kedua-dua kawan kami itu kemudian segera terjun ke laut dan berenang semula ke tempat kami berhimpun di pantai lalu kami seramai sepuluh orang bertungkus lumus menarik kapal tersebut. Tanpa disangka kera-kera tersebut datang. Melihatkan kami yang sedang bersusah payah menarik tali kapal itu, rombongan kera tersebut turut sama menariknya bersama sehinggakan dalam sekejap sahaja kapal tersebut berjaya di daratkan.

Berterjunanlah mereka yang di atas kapal tersebut ke pantai kerana terlalu rindukan daratan setelah apa yang mereka tempuhi di laut itu. Keesokan paginya kami pun menunjukkan kepada mereka tempat buah-buahan dan air tawar. Maka mereka pun makan dan minum sehingga kembali semula kesegaran tubuh badan mereka.

Hari seterusnya datanglah kera-kera itu dengan membawa emas seperti biasanya, lalu kami utamakan emas-emas tersebut kepada sahabat-sahabat baru kami itu kerana apa yang telah kami kumpulkan selama ini sudah memadai bagi kami. Setelah itu kami lalu menaiki kapal dan mengisi separuh kapal dengan muatan emas kami sementara separuh lagi diisi oleh emas nakhoda dan saudagar-saudagar itu. Kami turut mempersiapkan bekalan makanan daripada buah-buahan dan air minum daripada pulau berkenaan.

Apabila tiba waktunya tiupan angin yang kami tunggu, maka belayarlah kami sehingga masuk ke negeri Hind dan setiap orang daripada kami pun memindahkan emas miliknya ke tempatnya masing-masing. Setelah dibahagikan maka setiap orang daripada kami memperoleh bahagiannya sebanyak satu juta seratus empat puluh empat ribu (1,144000)

*mitsqal*¹⁰⁰. Selepas itu kami tidak lagi kembali belayar ke laut buat selama-lamanya.

Inilah kisah yang paling pelik pernah kami dengar daripada pelbagai cerita pelik-pelik berkenaan kera.

[HIKAYAT KERA YANG BERKHIDMAT KEPADA TUANNYA DI RUMAH]

Telah memberitahuku seseorang yang pernah melihat seekor kera di sebuah negeri daripada negeri ...¹⁰¹ di sebuah rumah milik seorang saudagar berkhidmat kepada tuannya itu dengan menyapu rumahnya, membukakan dan menutup pintu kepada sesiapa yang masuk dan keluar, menyalakan api di bawah periuk lalu meniupnya sehingga menyala serta menambahkan kayu api, menghalau lalat daripada makanan serta mengipas tuannya dengan kipas.

[HIKAYAT TUKANG BESI YANG DIBANTU KERA MENIUPKAN API]

Aku diberitahu bahawa di Zofar¹⁰² sebuah daripada bandar di negeri Yaman ada seorang tukang besi yang dibantu kera meniupkan api di tempat membakar besi sepanjang-panjang hari. Kera itu berada bersama tukang besi itu selama lima tahun melakukan pekerjaan tersebut.

Aku selalu berulang alik ke bandar itu selama tempoh itu dan melihat kera itu masih begitu.

¹⁰⁰ Ukuran untuk emas. Satu *mitsqal* bersamaan satu setengah dirham. – pent.

¹⁰¹ Demikian dalam kesemua naskhah. –pent.

¹⁰² Ar: (ظفار).

[HIKAYAT KERA YANG MEMBELIKAN DAGING
UNTUK TUANNYA]¹⁰³

Diceritakan kepadaku bahawa ada seekor kera di sebuah rumah seorang lelaki di negeri Yaman. Lelaki tersebut akan membeli daging dan membawanya pulang ke rumah lalu memberi isyarat kepada kera tersebut bermaksud: “Jaga daging ini!”.

Tiba-tiba datang seekor helang dengan pantas menyambar dan melarikan daging tersebut. Maka tinggallah kera itu terpinga-pinga. Kebetulan di rumah tersebut terdapat sebatang pokok, lalu dengan lekasnya kera tersebut pun memanjat ke atas pokok berkenaan kemudian menonggokkan bontotnya menghala ke langit sementara kepalanya ke bawah sambil kedua tangannya pula memegang tepi bontotnya.

Helang itu pula apabila ia terpancang bontot kera itu, maka disangkanya itu adalah sebahagian daging yang dicurinya tadi, lalu melayanglah ia turun mengepak bontot kera itu. Maka dengan secepat kilat kera yang cerdik itu menangkap helang dengan kedua belah tangannya lantas membawanya turun ke dalam rumah lalu diserkapnya di bawah pasu besar dan ditindannya pasu tersebut dengan sesuatu yang berat.

Kemudian pulanglah lelaki tersebut ke rumahnya. Apabila didapatinya daging tersebut sudah tiada, maka dia naik angin dan hendak memukul kera itu. Segera kera itu bingkas bangun menuju ke pasu berkenaan lalu mengeluarkan helang tersebut. Melihatkan hal itu, maka

¹⁰³ Kelihatannya tajuk yang diberi tidak menepati kisah yang dinyatakan.
—pent.

fahamlah lelaki tadi apa yang telah pun berlaku sepeninggalannya, lantas dicekupnya helang tersebut, dicabut-cabut bulunya kemudian disalibnya di atas pokok.

**[HIKAYAT SEORANG PEMUDA YANG BERNAFSU
DAN SEEKOR KERA]**

Kisah-kisah berkenaan kera banyak yang sangat ajaib dan pelik-pelik. Diceritakan daripada seorang lelaki tua daripada kalangan penduduk Asbahan¹⁰⁴ yang banyak mengembara bahawa dia pada suatu waktu telah keluar bermusafir ke Baghdad. Katanya:-

Dalam perjalanan itu ramai sekali ahli rombongan yang ikut serta. Antara ramai-ramai itu, ada seorang pemuda yang perkasa seolah-olahnya seekor baghal kerana kuatnya itu. Menjadi kebiasaan orang tua itu untuk berjaga pada malam hari mengawasi barang-barang. Dia tidak tidur melainkan apabila kafilah telah mula berjalan kembali.

Ketika mana orang tua itu berjaga malam seperti kebiasaannya pada suatu malam itu, tiba-tiba dilihatnya pemuda tadi berjalan perlahan-lahan menuju kepada salah seorang penuntun unta yang sedang tidur. Apabila sudah hampir kepada penuntun unta tersebut, pemuda itu tersebut lalu duduk di belakangnya untuk melakukan pekerjaan terkutuk. Pemuda itu telah sedia membongkok untuk melepaskan nafsunya apabila dengan tiba-tiba penuntun unta itu tersedar dari lenanya. Terkejut dan marah dengan perbuatan pemuda itu maka ditendang dan dipijak-pijaknya serta dibantainya pemuda tersebut cukup-cukup, sehinggakan pemuda tersebut kembali ke tempatnya dalam

¹⁰⁴ Ar: (اصبهان). Atau Isfahan, Asfahan. Suatu tempat di Iran. -pent.

terhoyong-hayang akibat tumbukan dan terajangan penuntun unta itu.

Ceritanya orang tua itu lagi:

Pemuda itu lalu duduk di tempatnya sehingga dayanya kembali semula. Penuntun unta itu pula terus menyambung lenanya seperti tiada apa-apa yang berlaku. Kelihatan tidak berputus asa, pemuda tadi bangun semula menuju kepada penuntun unta itu lalu berlaku lagi seperti kali pertama tadi, bahkan lebih teruk lagi dibelasahnya pemuda itu. Maka kembalilah pemuda itu ke tempatnya semula dengan tidak berdaya.

Namun, dia mengumpulkan semula kekuatannya lalu pergi lagi kepada penuntun unta itu buat kali ketiganya. Kali ini penuntun unta itu benar-benar sangat marah. Dibelasahnya pemuda itu sehingga terguling-guling di atas tanah sambil memberi amaran keras kepadanya dengan katanya: “Demi Allah! Jika engkau kembali lagi buat begitu pada kali keempat, aku akan rodok perutmu dan merobek-robeknya!”

Setelah aku (orang tua itu) melihat hal yang berlaku berulang kali itu dan ku dengar pula amaran penuntun unta itu, maka timbullah rasa belasku terhadap pemuda tersebut. Aku merasa penuntun unta itu tidak bersalah dengan amarannya itu, dalam masa yang sama aku amat kasihan sekali jika pemuda seperti itu menemui ajal dengan cara sebegitu. Lalu ku panggil pemuda itu setelah dia mendapat nafasnya kembali.

Maka aku pun berkata kepadanya: “Wahai anakku! Apakah yang telah membawamu kepada apa yang telah aku lihat daripada dirimu pada malam ini? Sesungguhnya engkau telah bernasib baik kerana terselamat daripada tangan

penuntun unta itu. Hati-hatilah semoga engkau tidak dibunuhnya dan bersabarlah serta kawallah dirimu.”

Maka ujar pemuda itu: “Wahai pakcik! Demi Allah, aku pada hari ini pada beberapa malam tidak dapat memejamkan mataku disebabkan gelora nafsu yang begitu kuat mabadai dalam jiwaku ini serta apinya yang bergejolak. Setiap kali ia menggelegak, ringan saja bagiku perbuatan penuntun unta itu kepadaku jika hendak dibandingkan nafsuku yang sedang menyala-nyala dan cuba ku tahan ini.”

Aku pun berkata: “Wahai anakku! Berbaki hanya dua marhalah sahaja lagi sebelum kita sampai ke Madinah As-Salam (Baghdad). Apabila kita masuk ke negeri itu nanti, kita akan dapati di sana apa yang dapat menenangkan gejolak syahwatmu itu.”

Kata orang tua itu menyambung cerita:

Sepanjang-panjang perjalanan itu tidak lekang-lekang aku membimbingnya dengan penuh lemah-lembut dan belas kasihan agar tidak terjerumus lagi.

Bila saja kami sampai ke Baghdad, hatiku menjadi lebih-lebih takut pula. Fikirku, dia ini bujang terasing dan muda pula. Tambah lagi dia belum pernah menjejak kaki ke Baghdad sebelum ini. Kalau-kalau dia ternampak hamba-hamba lelaki Khalifah atau para menteri, lalu menggelora nafsu gilanya itu seperti yang cuba dilepaskannya kepada penuntun unta itu, tentulah dia akan mati dibunuh nanti.

Memikirkan itu, aku terus mendampinginya. Aku menyewa sebuah rumah dan membawanya untuk tinggal bersama. Tidak ada lagi yang menyibukkan diriku setelah semua barangan siap dipunggah ke gudang penyimpanan selain aku gunakan ruang masa yang ada itu untuk membawa

pemuda itu kepada broker yang boleh mendapatkan perempuan bagi meredam gelora nafsunya¹⁰⁵.

Sedang aku berjalan bersamanya di suatu lorong kecil, dengan tiba-tiba dia berdiri tegak tidak melangkah lagi. Seraya dia berkata kepadaku: “Wahai pakcik! Baru sebentar tadi saya telah terpandangkan seraut wajah seumpama matahari yang bersinar di lubang tingkap atas sana. Tidak dapat tidak aku harus mendapatkannya.”

Aku lalu menyanggah kata-katanya itu namun dia tetap berkeras lalu duduk di atas tanah sambil berkata: “Biarlah aku mati di sini.”

Hatiku berdetik: “Aku telah menjaganya selama ini, patutkah aku meninggalkannya di sini saja sedangkan Baghdad ini negeri yang penuh cubaan.”

Apabila tidak berhasil juga cubaanku untuk mengajaknya beredar dari situ, aku pun memerhatikan sekitaran lorong tersebut. Lalu mataku tertancap pada sebuah rumah yang memberi tanda bahawa penghuninya orang yang susah. Aku lalu mengetuk pintu rumah berkenaan. Maka keluar seorang wanita tua menyapaku. Aku tanyakan tentang rumah yang mana pemuda tersebut ternampak wajah seorang perempuan itu.

Maka jelas perempuan tua itu: “Itu adalah rumah Wazir fulan. Perempuan yang dilihat pemuda itu adalah isteri Wazir tersebut.”

Lelaki tua itu menyambung cerita:

Mendengar itu aku lalu memberitahu pemuda itu dengan kataku: “Wahai anakku! Kembalilah daripada rancanganmu

¹⁰⁵ Barangkali maksudnya untuk membeli hamba perempuan yang halal, bukannya melanggan pelacur. –pent.

itu. Mari kita beredar dari sini. Nanti aku persembahkan kepadamu perempuan-perempuan Baghdad. Dan engkau akan temui perempuan yang jauh lebih cantik daripada yang telah engkau lihat.”

Jawabnya: “Demi Allah! Aku tidak akan beredar sehinggalah aku dapat bertemunya atau aku terbunuh.”

Orang tua itu menyambung cerita:

Tiba-tiba wanita tua itu menyampuk: “Seandainya aku dapat menghubungkan engkau dengan perempuan itu, apakah yang engkau akan berikan kepadaku wahai orang muda?”

Segera pemuda itu mencapai uncang duitnya yang terikat di pinggang lalu mengira sebanyak sepuluh dinar lantas dihulurkannya kepada wanita tua itu. Gembira sekali nenek tua itu mendapat durian runtuh yang tak disangka-sangkanya. Segera ia menutup kepalanya lalu berjalan keluar menuju pintu rumah berkenaan lantas diketuknya pintu rumah wazir itu. Seorang lelaki penjaga rumah¹⁰⁶ membukakan pintu lalu nenek tua itu terus saja melangkah masuk seperti sudah biasa. Sebentar kemudian dia keluar semula dan langsung menuju ke arah kami. Ujarnya kepada pemuda itu: “Sudah aku selesaikan hajatmu. Namun ada syarat-syaratnya.”

“Apa syarat-syaratnya?” tanya pemuda itu tidak sabar-sabar.

“Lima puluh *mitsqal*¹⁰⁷ untuknya. Lima (*mitsqal*) untuk rumah, dan lima (*mitsqal*) lagi untuk penjaga rumah.” Jelas

¹⁰⁶ Dalam teks Arab ditulis “uŕtaŕ”. Oleh kerana kata “Uŕtaŕ” sudah jadi semacam nama khas dalam bahasa kita, maka saya tukarkannya kepada seorang lelaki penjaga rumah saja. –pent.

¹⁰⁷ “*Mitsqal*” dalam ayat ini bermaksud satu dinar. –pent.

nenek tua itu.

Tanpa berlengah segera pemuda itu menyerahkan enam puluh mitsqal emas.

Orang tua itu menyambung ceritanya:

Maka wanita tua tadi masuk semula ke rumah wazir, kemudiannya keluar kembali setelah beberapa ketika. Katanya kepada pemuda itu: “Pergilah engkau ke *hammam*¹⁰⁸ dan ubahlah keadaan dirimu ini. Nanti apabila tiba waktu antara solat Maghrib dan Isyak, hendaklah engkau berdiri di pintu rumahku ini sehingga engkau dizinkan masuk menemuinya.”

Pemuda itu dengan segera bergegas ke *hammam* dan memperbaiki keadaan dirinya lalu kemudiannya berdiri di depan pintu rumah nenek tua itu pada waktunya sebagaimana diperintahkan. Kemudian keluarlah penjaga rumah lalu memberi keizinan kepadanya untuk masuk. Melangkahlah pemuda itu ke dalam rumah tersebut lalu dilihatnya sebuah majlis yang serba lengkap dengan apa-apa yang patut ada dalam sebuah majlis. Dihidangkanlah makanan lalu makanlah pemuda itu. Setelah selesai makan, maka minuman pula disuakan lalu minumlah dia.

Habis saja majlis minum-minum, bangunlah pemuda dan wanita itu dan bergerak ke katil yang disediakan. Apabila mereka berdua mula menanggalkan pakaiannya, tanpa disangka-sangka seekor kera meluru keluar dari balik tirai lantas memukul pemuda tersebut di kepalanya dan mencakar sampai habis luka paha dan kedua buah zakarnya sehingga mengalir darahnya dari segala tempat itu. Pemuda tersebut

¹⁰⁸ Tempat mandi wap. Seumpama spa dan sauna zaman sekarang. – pent.

lalu memakai kembali pakaiannya lantas tertidur di situ akibat kemabukan.

Keesokan paginya, penjaga rumah datang mengejutkannya dari tidur sambil berkata: “Bangunlah dan keluar dari sini sebelum semua orang nampak.” Lantas keluarlah pemuda itu dengan sedih dan hati yang walang.

Apabila masuk waktu pagi itu – kata orang tua itu – aku pun pergi mencari pemuda tersebut untuk mengetahui apa ceritanya, barangkali sudah tercapai cita-citanya dan baik kesudahannya.

Setelah orang tua itu sampai ke lorong itu, dia terlihat pemuda itu sedang duduk melangut di tingkap rumah nenek tua semalam. Tanpa bertangguh, orang tua itu lalu mendapatkan pemuda tersebut dan bertanyakan perihalnya malam tadi, maka dikhabarkannyalah.

Mereka berdua kemudian memanggil nenek tua itu keluar lantas pemuda itu menceritakan pula kepada nenek itu kejadian berkenaan. Aku lalu terus mencelah perbualan itu dan bertanya kepada nenek tua itu apa puncanya jadi begitu. Lalu jawabnya: “Malam tadi kami telah lupa bungkusan sekati halwa untuk diberi kepada kera milik penjaga rumah. Tapi, jika engkau masih suka untuk datang lagi pada malam ini, kami hanya akan mengambil darimu kadar separuh sahaja daripada bayaran malam tadi.”

Pemuda itu segera memberikan sebanyak tiga puluh dinar kepada nenek itu. Lalu diberi arahanlah kepada pemuda itu dengan katanya: “Apabila engkau datang malam ini pada waktu yang telah dipersetujui seperti malam tadi, jangan lupa bawa bersama sekati halwa dalam satu bungkusan sebagai habuan kera penjaga rumah itu.”

Cerita orang tua itu lagi:

Maka pada malam itu, pemuda itupun datanglah membawa bersamanya beberapa bungkusan halwa. Kemudian diizinkanlah dia masuk, lalu dihidangkan makan minum dan makan serta minumlah pemuda itu. Setelah selesai minum, dia lalu menghampiri perempuan yang dihadapinya. Namun secara tiba-tiba melompat keluar kera malam tadi. Walaubagaimanapun dengan sepiantas kilat pula pemuda itu mencampakkan sebungkus halwa kepada kera itu. Lalu diambilnya bungkusan itu dan kembali ke tempatnya. Pemuda tersebut pun melampiaskan nafsunya tanpa gangguan lagi.

Namun pemuda itu masih belum puas lagi dan mahu mengulangi untuk pusingan kedua. Secara tiba-tiba pula keluar lagi kera itu, maka dicampakkan lagi sebungkus halwa buatnya oleh pemuda itu. Diambilnya dan kembali semula ia ke belakang tirai. Begitulah berlaku beberapa kali setiap kali pemuda itu berhajat untuk pusingan-pusingan seterusnya. Apabila akhirnya pemuda itu sudah teramat letih dan sudah kemabukan, tiba-tiba keluar lagi kera itu lantas menjejutkannya.

Dicekaunya pemuda itu dan ditariknya agar rapat kepada perempuan itu. Saat itu juga kera tersebut menekan jarinya kepada telapak tangannya sendiri sebagai isyarat yang maknanya: Seorang khadam berkewajipan menunaikan segala hajat tuannya. Maksud kera itu adalah menyuruh pemuda itu melakukan lagi. Terpaksalah pemuda itu - walaupun teramat letih - terus menerus melakukan tanpa tidur-tidur lagi sehingga datang waktu subuh. Apabila sudah pagi, maka dia pun bersegeralah keluar dari situ.

[HIKAYAT ‘ABHARAH AL-KIRMANI DAN SELAMATNYA
KAPAL DI LAUT]

Di antara kisah-kisah para pelaut dan nakhoda, antaranya adalah apa yang telah diceritakan daripada nakhoda ‘Abharah¹⁰⁹ yang berasal dari Kirman¹¹⁰. Beliau pernah melakukan pelbagai pekerjaan. Awalnya beliau mengembala kambing, kemudian menjadi nelayan. Setelah itu bekerja pula sebagai kelasi kapal yang berulang alik ke Hind, kemudian bertukar bekerja di kapal China pula. Akhirnya beliau berjaya menjadi nakhoda.

Ternamanya beliau itu sehingga memiliki laluan-laluan khusus. Beliau belayar ke China sebanyak tujuh kali yang mana sebelum beliau, tidak ada sesiapa yang berjaya belayar ke China melainkan secara tidak sengaja. Belum pernah didengar sama sekali ada yang belayar ke China lalu berjaya pula kembali. Sekiranya ada yang selamat belayar ke sana – dan itupun merupakan suatu keajaiban – hampir-hampir tidak ada yang selamat kembali. Aku sendiri belum pernah mendengar sesiapa selain beliau yang berjaya berulang pergi balik. Beliau itu duduk dalam sampannya dengan sebekas air minuman dan tinggal di laut selama beberapa hari.

Diceritakan daripada Nakhoda Syah Riyari – dan beliau ini adalah salah seorang daripada nakhoda-nakhoda China – dengan katanya:

Suatu peristiwa, aku bertolak daripada Siraf menghala ke China. Sesampainya aku antara Sanfa dengan China,

¹⁰⁹ Ar: (عبيهره).

¹¹⁰ Ar: (كرمان). Atau Karman. Suatu tempat di Iran. –pent.

berdekatan Sandalfulat¹¹¹ – iaitu bahagian atas laut Shonji¹¹², yakni Laut China – secara tiba-tiba angin berhenti bertiup samasekali dan laut menjadi tenang tidak berombak. Kami lalu melabuhkan sauh dan tetap di situ selama dua hari.

Apakala tiba hari ke tiga, kami melihat dari kejauhan seakan sesuatu di tengah laut. Aku lantas menurunkan sampian ke laut dan memerintahkan empat orang anak kapal sambil berkata: “Pergilah siasat benda yang berwarna hitam itu dan lihat apa dianya.”

Lalu mereka itu segera berdayung menuju ke arah yang dimaksudkan. Tidak berapa lama kemudian maka kembalilah. Kami lantas bertanya: “Apa bendanya itu?”

“Nakhoda ‘Abharah bersama sampannya membawa *seqirbah*¹¹³ air.” Jawab mereka.

Aku lalu berkata: “Mengapa kamu semua tidak membawanya ke sini?”

Lantas sahut mereka: “Kami sudah berusaha sedaya upaya, namun dia berkata bahwa dia tak akan naik ke kapal ini melainkan dipenuhi syaratnya iaitu dia mahu menjadi nakhoda dan mengawal kapal ini serta dibayar upahnya seharga seribu dinar barang-barang dagangan terbaik daripada Siraf.”

Setelah kami mendengar penerangan sedemikian, maka kami jadi tersangkut hati dengan kata-kata ‘Abharah tersebut. Lantas aku dan sekumpulan teman-teman turun daripada kapal pergi menuju kepadanya. Kami mendapatinya di tengah laut itu dilambung ombak sebentar ke atas dan

¹¹¹ Ar: (صندل فولات).

¹¹² Ar: (صنجي).

¹¹³ Bekas menyimpan air yang terbuat daripada kulit. –pent.

sebentar ke bawah. Lalu kami pun memberi salam kepadanya serta menawarkan kepadanya dengan penuh rendah diri agar dia sudi naik ke kapal kami.

Dia lalu berujar: “Keadaan kamu sebenarnya lebih parah daripada keadaanku. Aku lebih hampir kepada keselamatan berbanding kamu. Sekiranya kamu memberikan kepadaku seharga seribu dinar barang-barang berharga daripada Siraf itu serta kamu serahkan urusan pengendalian kapal itu, maka aku bersedia.”

Kami lantas berkata: “Kapal ini berisi muatan dan harta benda serta penumpang yang banyak. Seharusnya tidak ada apa-apa mudarat bagi kami mendapatkan kepakaran ‘Abharah dengan harga seribu dinar itu.”

Dia kemudian segera naik ke atas kapal dengan membawa dayung dan qirbah airnya. Sesampainya di atas kapal itu dia lantas berkata: “Serahkan kepadaku upah barangan sebanyak seribu dinar.”

Lalu kami berikan apa yang dimintanya. Setelah dia menyimpannya dia berkata pula kepada nakhoda: “Silakan ke tepi.”

Maka nakhoda pun menyingkirlah dari tempatnya. Kemudian dia berujar lagi: “Hendaklah kamu semua bersungguh-sungguh dalam urusan kamu ini selagi masa masih ada.”

Kami lantas bertanya: “Apa urusannya yang engkau maksudkan?”

Jawabnya: “Buangkan semua barang yang berat daripada kapal ini ke laut.”

Lalu kami mencampakkan separuh atau lebih daripada muatan barangan kapal tersebut.

“Potonglah tiang layar yang terbesar.” Dia memberi

arahan lagi.

Kami lantas memotongnya dan mencampakkannya ke laut.

Keesokan paginya, dia memberi arahan selanjutnya: “Angkat sauh-sauh dan biarkan kapal berjalan sendiri.” Lalu kami pun melaksanakan perintahnya itu.

“Potong sauh yang paling besar!” arahnya lagi. Kami mengikut saja, lalu memotongnya dan membiarkan sauh itu jatuh ke laut. Kemudiannya dia berkata lagi: “Campakkan sauh sekian sekian.”

Begitulah keadaannya yang berlanjutan sehinggakan akhirnya sudah enam sauh yang kami campakkan ke dalam laut setelah memotong talinya.

Apabila tiba hari ketiga, kelihatan awan menjulang tinggi seakan-akan sebuah menara. Setelah itu, awan tersebut mula terserak ke laut lalu kami mula ditimpa hujan ribut. Kalaulah tidak kerana kami telah campakkan sebahagian muatan dan kami telah potong tiang layar yang besar itu, pastilah kami telah dikaramkan oleh ombak besar yang pertama lagi. Hujan ribut itu melanda kami berterusan selama tiga hari tiga malam, dengan kapal itu terumbang-ambing dan tenggelam timbul dilambung ombak tanpa sauh dan layarnya. Kami sendiri tidak tahu bagaimana ia terus dapat belayar.

Apabila tiba hari keempat, angin ribut mula reda dan terus tenang. Laut juga sudah hilang geloranya pada lewat petang hari itu. Kami lantas membaiki tiang layar dan mengembangkan layar. Belayarlah kami dengan keselamatan daripada Allah sehinggalah kami sampai ke China, lalu kami berjual beli di sana sambil memperbaiki mana-mana bahagian kapal yang patut diperbaiki. Kami juga menukarkan tiang layar besar yang telah dicampakkan ke

laut tempohari dengan tiang yang baru.

Sesudah selesai semua urusan, maka keluarlah kami dari China untuk kembali semula ke Siraf. Sesampainya kami ke tempat – yang kami agak di tempat itulah kami berjumpa dengan ‘Abharah dahulu – kami melintasi sebuah pulau dan gunung-ganang. Ketika itu berkatalah ‘Abharah: “Labuhkan sauh di sini!” lalu kami melakukan apa yang diarahkannya itu.

Kemudian kami menurunkan pula sampan ke laut, lalu dia turun menaiki sampan itu bersama lima belas orang yang lain. Dia kemudian memberi arahan kepada mereka: “Berdayunglah ke tempat itu – sambil dia menunjukkan ke sebahagian gunung di situ – dan bawa balik sauh sekian-sekian!”

Kami merasa takjub sekali mendengar kata-katanya itu. Namun kami tidak mengingkari sepatah pun arahannya. Berdayunglah mereka ke arah yang dimaksudkan. Tidak berapa lama kemudian kembalilah mereka dengan membawa sauh berkenaan. Tanpa berlenyah, dia memberi arahan yang lain pula dengan katanya: “Pergilah ke gunung yang lain – sambil dia mengisyaratkan gunung itu dengan tangannya – dan bawa kembali sauh sekian-sekian.” Mereka pun bergegas ke sana lalu membawa pulang sauh yang dimaksudkan.

Setelah itu dia mengarahkan: “Kembangkan layar!”

Segera kami mengembangkan layar dan belayar dari situ. Kami dengan penuh rasa takjub bertanya kepadanya: “Bagaimana tuan tahu keadaan sauh-sauh ini begian-begian?”

Jelasnya: “Ya! Aku menemui kalian di tempat inilah, pada awal tiga puluh¹¹⁴; dan itu adalah waktu dimana air pasang,

¹¹⁴ Mungkin maksudnya tiga puluh haribulan. Wallahu a’lam. –pent.

sedangkan air telah surut dan kamu pula berada tengah-tengah gunung-ganang dan pulau itu. Lalu aku perintahkan kamu agar mencampakkan segala barangan yang berat-berat, yang mana telah kamu lakukan. Kemudiannya aku terfikir pula tentang hal sauh-sauh ini yang mana keperluan kita kepadanya di China tidaklah terlalu mendesak. Dan tidak tinggal lagi barangan dalam kapal ini melainkan sauh-sauh itu lagi berat daripadanya. Maka itulah sebabnya aku perintahkan membuangnya ke laut, kerana kita tidak punya jalan keluar melainkan mesti meringankan beban kapal. Lalu aku berhasil mendapatkan semula tiga sauh itu di gunung ketika mana pulau tersebut muncul daripada air, dan tiga lagi aku dapatkan di bawah air.”

Kami pun bertanya lagi: “Bagaimana pula engkau dapat tahu surutnya air dan datangnya ribut itu?”

Jawabnya: “Ya! Mereka yang sebelumku telah pun berpengalaman dengan laut di sini, demikian juga diriku. Maka kami dapati pada permulaan setiap tiga puluh¹¹⁵ air laut di sini akan surut dengan banyaknya sehingga gunung-gunung itu tersingkap dan muncul ke permukaan laut. Dalam waktu yang sama dengan surutnya air itu, akan berlakulah hujan ribut yang ganas berpunca daripada dasar laut lalu ribut itu jugalah yang telah memecahkan kapal yang aku naiki ke salah satu gunung itu. Ini kerana ketika air surut besar itu berlaku, aku sedang belayar di atasnya pada malam hari, dan aku akhirnya selamat dalam sampan itu. Seandainya kamu tetap di tempat kamu berada hari itu, pastilah dalam masa hampir sejam sahaja kamu sudah tidak ada lagi di laut ini disebabkan kamu tidak bergerak sebelum

¹¹⁵ Lihat nota kaki sebelum ini. –pent.

ribut itu. Kerana sebenarnya kamu ketika itu sedang berada di atas sebuah pulau. Jika kamu tersangkut disitu pastilah ribut itu akan memecahkan kapal kamu.”

‘Abharah ini mempunyai laluan sendiri di laut dan kisah-kisahanya di laut begitu terkenal. Kisah di atas adalah salah satu daripadanya.

**[HIKAYAT MUHAMMAD BIN BABSYAD DAN CARA
MENGESAN DARATAN DARI JARAK YANG JAUH]**

Sesungguhnya Muhammad bin Babsyad telah memberitahuku bahawa pada satu peristiwa beliau telah belayar dengan kapalnya daripada Fansur untuk menuju ke Oman. Apabila mereka telah melepasi Laut Harakand¹¹⁶ lalu masuk ke Laut Hindi dan berazam untuk terus belayar sehingga ke negeri sebelah barat¹¹⁷, berkatalah kepadanya nakhoda kapal itu: “Pelabuhan barat yang manakah agaknya yang akan kita jumpa awal-awal sekali?”

Jawabnya: “Aku yakin Pelabuhan Risut¹¹⁸ atau lebih kurang satu farsakh dari situ.”

Maka kata nakhoda itu: “Kami jangka ia bukannya Risut, sebaliknya Pelabuhan sekian-sekian yang jarak daripada Risut lima puluh farsakh.”

Mereka lalu saling bertaruh sebanyak dua puluh dinar setiap seorang yang akan disedekahkan nantinya. Antara tempat mereka berada dengan Risut sekurang-kurangnya empat ratus farsakh. Maka belayarlah mereka selama lima

¹¹⁶ Ar: (هرکند). Laut Harakand / Arakan ini berhampiran Myanmar. –pent.

¹¹⁷ Barangkali maksudnya negeri barat (بلاد الغرب) itu ialah negeri-negeri di pantai Timur benua Afrika yang letaknya di barat jika dari Lautan Hindi. –pent.

¹¹⁸ Ar: (ريسوت).

belas hari sehingga mereka menganggarkan bahawa mereka telah berada hampir kepada gunung barat¹¹⁹. Mereka saling bercakap-cakap tentang pertaruhan mereka sehinggalah malam tiba. Mereka terus belayar lagi sehingga penghujung hari itu.

Keesokan paginya, anak kapal yang bertugas sebagai peninjau bergegas memanjat naik ke tempatnya di hujung tiang layar, namun tiada sebarang daratan dapat dikesannya. Lalu dia pun turun semula. Apakala selesai solat Asar pada petang itu, maka tiba-tiba Muhammad bin Babsyad pun berkata: “Aku melihat bayangan gunung.”

Mereka yang lain berkata pula: “Kami tidak nampak apa-apa pun!”

Berkata peninjau itu: “Tak apa, aku akan panjat tiang layar untuk memastikan.”

Apabila peninjau itu sampai ke hujung tiang dan tetap di tempatnya, tiba-tiba dia pun memekik dengan lantang: “Semoga Allah merahmati orang-orang yang bertakbir!”

Mereka yang di bawah segera bertakbir dengan penuh sukacita sehingga menangis kegembiraan dan senang hati. Kapal pun belayarlal sepanjang malam itu sehingga mendekati waktu sahur. Apakala hampir terbit fajar, maka berkatalah Muhammad bin Babsyad: “Labuhkan sauh!”. Lalu sauh pun diturunkan, demikian juga layar. Kemudian dia bertanya kepada nakhoda: “Kita di mana sekarang?”

Jawab nakhoda itu: “Kita sekarang di tempat sekian-sekian” sambil menyebutkan nama tempat yang jarak antaranya dengan Risut sejauh empat puluh farsakh. Lalu Muhammad bin Babsyad pun berujar: “Kita sekarang

¹¹⁹ Ar: (جبال الغرب).

sebenarnya di Risut. Sama ada ia memang tepat betul-betul dengan tempat kita berada kini, atau di hadapan atau mungkin di belakang kita dalam jarak satu lontaran lembing saja.”

Apabila pagi itu semakin cerah, nyatalah kepada mereka bahawa berada tepat dengan Risut. Dan berkatalah Muhammad bin Babsyad: “Sekiranya engkau di tengah laut dan engkau ingin tahu adakah engkau hampir dengan daratan atau gunung, maka hendaklah engkau perhati baik-baik pada waktu selepas Asar ketika mana matahari mula terbenam. Kerana sesungguhnya jika ada gunung atau pulau, nanti akan jelas kelihatan di hadapan matahari yang sedang terbenam itu.”

BAYTUL
HIKMA



[HIKAYAT SUNGAI DI CHINA DAN GUNUNG BESI
BERANI¹²⁰ DI SITU YANG MENARIK KAPAL-KAPAL]

Sebahagian pelaut menceritakan kepadaku bahawa di antara Khanfu¹²¹ iaitu sempadan China Kecil dengan Khamdan¹²² iaitu sempadan China Besar iaitu ibu negeri China yang terbesar dan di situlah bersemayamnya Raja Besar¹²³ ada sebatang sungai yang deras airnya lagi tawar rasanya. Ia lebih besar dan lebar berbanding sungai Dijlah di Basrah.

Di sesetengah tempat di sungai itu terdapat gunung-gunung magnet. Segala kapal yang mempunyai peralatan besi tidak boleh melalui sungai berdekatan gunung berkenaan kerana kuatnya tarikan magnetnya. Demikian juga para penunggang kuda yang melalui gunung-gunung itu tidak memakaikan ladam di kaki kuda-kuda tersebut serta akan memastikan tidak ada sebarang besi pada pelananya. Dengan itu mereka hanya menggunakan pelana dan kekang daripada kayu semuanya.

[HIKAYAT IMRAN TEMPANG DAN TAUFAN LAUT]

Sebahagian daripada nakhoda yang digelar Imran Al-A'raj (Imran Tempang) telah menceritakan kepadaku bahawa suatu peristiwa dia telah keluar daripada Oman menuju ke

¹²⁰ Ar. (المغناطيس) Magnet. –pent.

¹²¹ Ar. (خانقاوا). Masih kekal namanya sehingga kini, iaitu Guangzhou. –pent.

¹²² Ar. (خمدان).

¹²³ Ar. (يغبور الأكبر). Dalam “Rehlah As-Sirafi” disebutkan Baghbun (بغبون) bermaksud “Anak Langit”, manakala menurut Al-Khawarizmi (بغبور) “Baghbur”. “Bagh” ertinya Raja, manakala “Bur” bererti anak dalam bahasa Sindh, China, Parsi Pahlawi. Lihat kitab Rehlah As-Sirafi yang telah saya terjemahkan ke dalam bahasa Melayu. –pent.

Jeddah dalam rombongan beberapa buah kapal pada tahun tiga ratus dua puluh lima (325 H) apabila ribut yang sungguh besar telah menghentam mereka beberapa hari lamanya.

Kami telah mencampakkan sebahagian muatan ke laut. Ada kapal yang tertinggal jauh di belakang dan ada juga yang binasa, namun kami tetap meneruskan pelayaran. Tatkala kami sampai di antara Kamran¹²⁴ dan ...¹²⁵, hujan yang tersangat lebat dengan angin kencang yang menakutkan pula melanda bersilih ganti sehingga memutuskan tali sauh, menjadikan kapal terumbang-ambing lalu dihanyutkan angin.

Kapal-kapal yang ikut serta dalam rombongan itu ada yang dari Aden dan Ghalafiqah¹²⁶ serta ‘Asyr¹²⁷ habis terbongkang. Di antaranya sebuah *Jalbah*¹²⁸ yang baru dan cantik daripada Ghalafiqah aku lihat ia dihempas angin dan ombak ke atas sebuah gunung di dalam laut itu, kemudian ombak itu menyurut semula lalu menarik bersamanya segala muatan dan manusia turun dari puncak gunung itu lantas tenggelam lemas. Seorang pun tidak dapat diselamatkan.

**[HIKAYAT BAYI YANG TERLEPAS KE LAUT DARI TANGAN
BAPANYA KEMUDIAN SELAMAT]**

Di antara khabar-khabar pelaut yang menakjubkan adalah khabar yang sangat masyhur lagi terkenal berikut ini. Iaitu

¹²⁴ Ar. (كمران).

¹²⁵ Ada bahagian yang tertinggal atau mungkin tidak dapat dibaca dalam naskhah aslinya. –pent.

¹²⁶ Ar. (غلافقة).

¹²⁷ Ar: (عشر).

¹²⁸ Ar. (جلبة). Nama sejenis kapal zaman dulu yang masyhur penggunaannya di Laut Merah serta Teluk Aden di Yaman. –naskhah Hasan Soleh Syihab, m/s 101.

apa yang telah diberitakan kepadaku daripada Mardan Syah, salah seorang nakhoda Negeri Al-Filfil¹²⁹ dan negeri-negeri lainnya. Beliau ini telah hidup selama tujuh puluh tahun tanpa dikurniakan seorang anak. Kemudian lahirlah seorang cahaya matanya, laki-laki, lalu diberinya nama Marzuban. Sangatlah besar kegembiraannya dengan kehadiran anak itu serta sangat dalam rasa kasih kepadanya sehinggakan dibawanya bersama di atas kapal bersekali dengan ibunya.

Satu hari dia belayar di Laut Barban¹³⁰ hendak menuju ke Kolam¹³¹, dia pun mencari-cari anaknya untuk didukung lalu didapatinya ada bersama ibunya dalam geladak. Maka diserahkanlah anak itu oleh ibunya. Dibawanya menari-nari dan dicium-ciumnya sehingga ke waktu maghrib. Kemudian datanglah angin kuat lalu menggoncangkan tiang layar sehingga menimbulkan rasa gerun dalam hatinya. Segera dia hendak menyerahkan kembali anak kecil itu kepada ibunya, namun entah bagaimana tanpa disedarinya, dalam kelim kabut itu anak tersebut terlepas daripada tangannya lantas jatuh ke laut.

Angin pula begitu kencang sekali membuatkan dia sibuk dengan urusan kapalnya itu sehingga tiba waktu solat subuh. Apabila fajar subuh mula menampakkan dirinya dan hari pun semakin siang, laut menjadi semakin tenang, dan kapal mula belayar dengan sempurna. Ketika itu duduklah dia lalu memanggil ibu kepada bayinya: “Bawa kemari Marzuban kepadaku.”

Jawab ibu bayi itu: “Eh, kan dia bersama tuan semenjak

¹²⁹ Ar. (بلاد الفلغل). Mungkinkah Pulau Pinang? Wallahu a'lam. –pent.

¹³⁰ Ar. (باربان).

¹³¹ Ar. (كولم).

awal malam tadi?”

Mendengar jawapan itu, tersedarlah dia peristiwa malam tadi, lalu dia mencabut-cabut janggutnya dan mengetuk-ngetuk kepalanya dengan kayu serta habis gemparlah dibuatnya orang-orang dalam kapal itu dengan berita tersebut. Berkatalah tukang jaga kemudi: “Ketahuilah! Semenjak awal malam tadi, kemudi terasa begitu berat sekali. Cuba lihat di sana kalau-kalau ia tersangkut di situ.”

Maka bersegeralah orang-orang pergi melihat. Lalu nampaklah budak itu di situ seumpama sebatang paku besi yang melekat kuat tidak bergerak-gerak. Seorang lelaki cepat-cepat turun lalu dibawanya naik budak itu dalam keadaan sihat sejahtera tanpa apa-apa kecelakaan. Segera ia diserahkan kepada ibunya lalu disusukannya dan diminumnya seperti biasa. Ketika kejadian itu, anak tersebut berumur lima belas bulan (15 bulan).

Berkata Ismailuyah: Aku telah melihat Marzuban ini ketika umurnya sudah lebih tujuh puluh tahun sewaktu ia datang berjumpa Qadhi Oman dalam sehari sebanyak tiga belas kali untuk bersumpah ke atas harta-harta orang, yang sumpahnya itu semuanya sumpah dusta belaka.

Sebahagian orang telah memberitahuku bahawa tidak ada nakhoda kapal yang lebih zalim berbanding Marzuban ini. Dia berurusan dengan para saudagar yang menaiki kapalnya seperti tingkahlaku para pegawai polis yang jahat.

**[HIKAYAT SAID YANG FAKIR DAN MUTIARA YANG KELUAR
DARIPADA PERUT IKAN]**

Sekumpulan pelaut telah memberitahuku berkenaan Said yang fakir – seorang penduduk Aden – serta bagaimana sebabnya akhirnya anak-anaknya menjadi kaya raya. Semua

mereka bersepakat tentang sebab yang akan aku ceritakan berikut ini. Mereka semua berkisah:

Bahawa Said si fakir adalah seorang lelaki yang soleh daripada kalangan penduduk Aden. Kerjanya menganyam keranjang daripada daun-daun kurma dan seorang yang sering melazimi masjid untuk bersolat lima waktu. Dia mempunyai tiga orang anak lelaki yang tinggal dan bekerja berdekatan dengan tempat kerja ayah mereka.

Pada suatu hari, sebahagian pelaut yang juga teman kepada Said ini bercadang untuk belayar ke Kalah dan telah pun mempersiapkan segala kelengkapan pelayarannya. Apabila siap semuanya dan bersedia untuk memulakan pelayaran, Said lalu berkata kepada temannya itu: “Aku ada suatu permintaan iaitu agar engkau tunaikan suatu hajatku ini.”

Said kemudian membeli sebuah bekas berwarna hijau dengan harga setengah dirham dan garam makan dengan harga satu *daniq*¹³² lalu memasukkannya ke dalam bekas tersebut lantas menyerahkannya kepada temannya itu sambil berkata: “Inilah barang daganganku.”

Temannya itu langsung bertanya: “Apa yang harus aku belikan untuk engkau?”

“Engkau tolong belikan aku *berkat*, macam yang selalu orang ramai cakapkan tu.” jawab Said.

Setelah semua itu, maka kapal pun belayarlah dengan selamatnya sehingga sampai ke Kalah. Barang-barang dagangan pun diturunkan dan dijual di sana. Namun pelaut –teman Said itu – terlupa langsung tentang bekas yang dikirimkan oleh Said dahulu. Sehingga pada suatu hari,

¹³² Ar: (دائق).

ketika sudah hampir waktu untuk belayar kembali, pelaut ini ternampak seorang lelaki menjinjing seekor ikan yang digantung pada tali sedang melaung-laung di pasar Kalah dengan katanya: “Siapa yang hendak membeli ‘berkat!’”

Mendengar saja laungan itu, dengan serta merta teringatlah pelaut ini akan permintaan Said dahulu. Maka segera dipanggilnya lelaki yang menjual ikan itu lalu ditanyakan kepadanya tentang ikan tersebut. Lantas dijawab oleh lelaki itu: “Ini adalah sejenis ikan yang dinamakan ‘berkat’ oleh para nelayan.”

Pelaut ini pun berfikir dalam hatinya: “Agaknya ikan inilah yang dimaksudkan oleh Said supaya aku membelinya dahulu.”

Tanpa membuang masa dia segera menyatakan hasrat untuk membelinya. Lelaki itu bersedia menjual ikan tersebut dengan harga dua *uqiyyah*¹³³ garam. Pelaut itu menyuruh lelaki tersebut menunggu di situ sementara dia mengarahkan orangnya untuk pergi mengambil bekas berisi garam yang dikirimkan oleh Said. Setelah dibawa datang bekas tersebut yang masih kelihatan seperti keadaan asalnya, maka dibayarliah harga ikan tersebut dengan garam yang ada dalam bekas itu pada kadar yang dikehendaki si penjual ikan dan masih lagi berbaki garam itu.

Selesai urusan jual beli itu, maka pelaut itupun menyuruh agar dibawa ikan tersebut ke rumah tumpangnya untuk digaramkan dengan garam yang masih berbaki itu. Ketika dibelah perut ikan itu, didapati ada beberapa cengkerang. Lalu dipecahkan cengkerang-cengkerang tersebut, tiba-tiba keluarlah sebutir permata daripada salah satu cengkerang itu.

¹³³ Ar: (واقية).

Berkatalah pelaut itu: “Inilah rezeki yang memang dihantar oleh Allah kepada Said.”

Tanpa bertangguh lagi, mereka segera mengasinkan ikan tersebut menggunakan garam yang masih ada itu dan menyimpan permata itu untuk diserahkan kepada Said nantinya. Setelah itu mereka pun belayar keluar dari Kalah dan sampai ke Aden dengan selamatnya. Sesampai di Aden, diserahkanlah ikan dan permata tersebut kepada Said. Permata itu kekal di tangan Said sehingga dia meninggal tidak berapa lama setelah peristiwa itu. kemudiannya permata itu diambil oleh anak bongsunya dan dibawanya ke Surra Man Ra'a¹³⁴ lalu dijualnya kepada Khalifah Al-Mu'tamid dengan harga seratus ribu dirham. Nilai permata itu sebenarnya adalah berkali ganda lebih daripada harga tersebut.

[LUKISAN RUPA MUHAMMAD BIN BABSYAD DALAM SIMPANAN RAJA HINDI]

Ada disebutkan bahawa sebahagian Raja-raja Hind membuat lukisan Muhammad bin Babsyad disebabkan ketrampilan dan kemasyhuran beliau dalam hal pelayaran dan kenakhodaan. Sememangnya sudah teradat resmi pada mereka itu untuk mebuat lukisan atau patung menggambarkan sesiapa saja yang trampil dan terkenal daripada kalangan manusia.

¹³⁴ Ar: (سر من رأى). Atau biasa disebut dengan Samarra', sebuah negeri di Iraq. -pent.

[HIKAYAT SEORANG LELAKI YANG KAPALNYA KARAM
LALU BERLINDUNG DI SEBUAH PULAU]

...¹³⁵ bahawasanya sebahagian pelaut daripada negeri Siraf telah memberitahunya ada suatu ketika dia belayar daripada Siraf ingin menuju ke Kalah, namun di pertengahan pelayaran itu kapal mereka telah ditimpa musibah. Walaubagaimanapun dia dapat menyelamatkan diri dengan berpaut pada sebatang kayu.

Hanyutlah dia dibawa ombak terapung-apung di tengah laut itu selama lebih dua puluh hari sehingga akhirnya terdampar di sebuah pulau yang banyak sekali pokok buah-buahan dan pisang. Melihatkan itu, dia segera memanjat pokok yang ada di situ lalu memakan buah-buahannya dengan lahap. Setelah itu dia turun pula untuk meminum air tawar yang ada berhampiran itu. Kemudian duduklah dia di situ beberapa ketika dengan senang hatinya.

Namun keadaan itu tidak berlangsung lama. Akhirnya dia berasa jemu dan tidak sedap hati. Dia lalu mengambil keputusan untuk berjalan mengikut arah kaki tanpa tahu ke mana hendak dituju. Setelah beberapa hari berjalan, akhirnya sampailah dia ke sekeping tanah yang diusahakan orang. Ada di situ pelbagai tanaman seperti jagung, padi dan lain-lainnya. Tiba-tiba di terpandangkan sebuah gudang tidak berapa jauh dari situ. Segera dilangkahakan kakinya menghala ke sana.

Sesampainya di sana, didapatinya ada sebuah takar besar untuk menyimpan air, namun kosong isinya. Akibat keletihan berjalan itu dia lalu merebahkan badannya untuk berehat

¹³⁵ Beginilah dalam naskhah Arabnya. Barangkali ada yang tertinggal atau tidak dapat dibaca pada manuskrip asalnya. -pent.

langsung tertidur. Tiba-tiba datang seorang lelaki dengan menghela dua ekor lembu jantan yang membawa dua belas qirbah yang penuh dengan air lalu menuangkan kesemua air tersebut ke dalam takar besar itu. Kemudian duduklah dia untuk berehat.

Lelaki yang sedang tidur tadi segera pula bangun lalu meminum air dalam takar itu. Sambil meminum itu diamat-amatinya takar besar tersebut dan dilihatnya begitu licin berkilat, namun tidak seperti rupa tembikar mahupun kaca. Kehairanan dengan apa yang dilihatnya, lantas dia pun bertanyakan lelaki yang sedang berehat itu perihal takar berkenaan.

Maka diterangkanlah oleh lelaki itu bahawa takar itu sebenarnya merupakan pangkal bulu pelepah seekor burung. Tercenganglah dia mendengarkan hal itu. Oleh kerana dia masih tidak percaya, segera dia bangun dan mengusap-ngusap bahagian dalam dan luar takar tersebut. Dirasainya begitu licin dan jernih berkilat dan didapatinya di kedua-dua belah sisi takar itu ada tunggul-tunggul bekas-bekas bulu burung.

Lelaki itu kemudiannya menerangkan lagi bahawa ada lagi burung-burung yang bulunya jauh lebih besar daripada yang telah dijadikan takar tersebut.

**[HIKAYAT BURUNG YANG DIMAKAN DAGINGNYA OLEH
PENGEMBARA LALU RONTOK SEGALA BULU DAN RAMBUT
MEREKA]**

Sebuah kisah yang disepakati oleh sekumpulan besar para pelaut dan aku tidak mendapati mereka mengingkari sedikitpun daripada kisah ini adalah seperti berikut:-

Ada sebahagian kapal belayar keluar menuju ke China.

Lalu di pertengahan pelayaran mereka telah dilanda ribut yang ganas sehingga tiada yang selamat melainkan enam atau tujuh orang sahaja yang sempat berpaut pada layar kapal. Terapung-apunglah mereka di laut itu selama beberapa hari sehingga akhirnya terdampar di sebuah pulau.

Duduklah mereka di pulau itu selama beberapa bulan sehingga hampir-hampir hilanglah nyawa mereka akibat merasa putus asa untuk keluar daripada pulau itu. Pada suatu hari, sedang mereka duduk di tepi pantai sambil bersembang, tiba-tiba seekor burung sebesar seekor lembu atau seukuran itu mendarat turun berhampiran tempat mereka duduk-duduk itu.

Mereka lalu berbincang-bincang, “Kita semua ini sudah putus asa dari hidup. Bagaimana jika kita semua bergabung untuk tangkap burung ini. Boleh kita kemudian nanti sembelih dan panggang untuk kita makan. Keputusannya dua saja. Sama ada kita dibunuhnya dengan paruh dan cakarnya yang tajam itu, atau kita yang berjaya membunuhnya lalu kita dapat makan.”

Maka bangunlah mereka lantas menyerbu burung tersebut. Ada yang memaut kakinya, ada yang memaut tengkuknya dan ada pula yang memukul betis burung itu menggunakan kayu. Akhirnya berjayalah mereka mengalahkan burung tersebut. Setelah itu lalu beberapa orang pergi ke batuan yang terdapat di situ dan memukul sebahagian batu kepada sebahagiannya untuk dijadikan sebagai pisau. Maka disembelihlah burung tersebut dengan pisau batu itu.

Selepas itu mulalah mereka mencabut bulu-bulunya kemudian mencampakkan burung tersebut ke dalam api besar yang telah mereka nyalakan. Burung itu dibalik-

balikkan sehingga masak dengan sekata. Duduklah mereka sambil memakan daging burung itu sehingga kenyang. Itulah yang menjadi makan malam mereka.

Apabila tiba pagi hari ketiga, mereka bangun dan turun ke dalam air untuk membersihkan diri serta bersuci bagi menunaikan solat. Ketika mereka menggosok-gosok badan, tiba-tiba gugur habis segala bulu-bulu dan rambut di badan mereka, sehinggakan tidak tertinggal walau sehelai bulu pun lagi. Dengan itu semuanya kelihatan togel dan seolahnya muda remaja, sedangkan dalam kalangan mereka itu ada tiga orang yang sudah dikira berumur lima puluhan ke atas.

Hal itu membuatkan mereka semua kehairanan dan tercengang-cengang. Sehingga ada yang berkata, “Daging burung yang kita makan itu sebenarnya beracun. Sekarang bulu-bulu dan rambut kita telah gugur, habis matilah kita semua hari ini! Berehat sungguhlah nampaknya kita lepas ni.” Mereka lalu duduk menunggu kedatangan malaikat maut. Namun, sehingga sampai waktu petang mereka masih lagi sihat wal ‘afiat saja. Berlalulah malam itu sehingga tiba pula esok pagi, sedang keadaan mereka masih lagi segar bugar. Nampaknya tidak ada apa-apa yang berlaku sampailah hari kelima.

Pada hari kelima itu, rambut dan bulu-bulu di badan mereka kelihatan mula tumbuh kembali. Setelah sebulan berlalu, sempurnalah pertumbuhan segala rambut dan bulu-bulu itu dengan hitam dan bersinar tanpa ada yang beruban hatta seurat pun. Selama sebulan lagi atau lebih mereka tinggal di situ sehingga suatu hari kelihatan sebuah kapal melintasi pulau itu. Mereka pun bersegera melambailambatkan tangan sebagai isyarat untuk menumpang.

Datanglah kapal itu lalu membawa mereka naik dan

menyelamatkan mereka dari pulau tersebut. Setelah selamat dan turun di negeri tempat kapal itu berlabuh, mereka pun mengisahkan segala pengalaman yang telah ditempuh itu. Ada kalangan yang mendengar cerita itu rupanya mengenali seorang tua yang kini telah kelihatan muda belia setelah berganti rambut yang gugur itu ragu-ragu dan tidak mempercayai bahawa itulah lelaki tua itu. Akhirnya apabila lelaki tua itu memberikan beberapa petunjuk yang tidak diketahui oleh orang lain melainkan dia, maka barulah mereka mempercayainya.

Semua mereka yang terselamat itu tetap hidup dalam keadaan rambut mereka tetap hitam bersinar tanpa berubah sehinggalah ke akhir hayat mereka.

[HIKAYAT IKAN YANG BERSAYAP DAN BERJANTINA]

Sebahagian nakhoda ada menceritakan kepadaku bahawa dia pernah melihat di laut Samarqand – iaitu laut yang setelah laut Harakand. Dikatakan muara sungai Samarqand¹³⁶ di laut itulah, dan dinamakan Samarqand disebabkan hal itu. – banyak sekali ikan paus, iaitulah ikan yang terbesar sekali di laut.

Dia pernah melihat seekor daripada ikan itu panjangnya hampir dua ratus hasta dengan tingginya seratus hasta. Mereka melihatnya dari jauh sedang mengangkat sayapnya¹³⁷ yang disangka mereka sebagai layar kapal

¹³⁶ Ini agak pelik juga, kerana sepanjang Samarqand yang masyhur itu letaknya jauh di utara Afghanistan kini, iaitu dalam wilayah Uzbekistan. Mungkin dalam kisah ini Samarqand yang lain. –pent.

¹³⁷ Yang disebut sayap di sini lebih tepat jika diterjemah sebagai sirip. Namun saya memilih untuk menterjemahkannya secara harfiah perkataan (أجنحة) dengan kata sayap. –pent.

sehinggalah mereka sampai agak dekat kepadanya. Di atas belakang ikan tersebut kedapatan seperti batu-batu berharga yang hakikatnya adalah tanah dan binatang-binatang kecil yang melekat di situ sejak sekian lama sehingga mengeras seakan-akan batu yang mana tukang pun tidak dapat memecahkannya sama ada menggunakan besi atau lainnya.

Ikan tersebut berenang-renang ke kiri dan ke kanan sedangkan di hadapan dan belakangnya dalam jarak satu farsakh terdapat ikan lain yang tidak pernah berpisah dengannya. Jantan dan betina ikan paus ini – seperti yang dikatakan orang – kedua-duanya mengandung telur yang membesar dalam perut mereka. Cumanya, telur yang dikandung ikan jantan tidak berisikan anak-anaknya, berbeza dengan telur yang dikandung betinanya.

[HIKAYAT BURUNG YANG MENCAMPAKKAN TELURNYA KE DALAM AIR UNTUK ANAKNYA MENETAS]

Di antara hal-hal yang ajaib tentang laut ini, iaitu ada sejenis burung di kawasan Ma-yit¹³⁸ sebuah pulau di laut berhampiran Sanfa dan Sarirah¹³⁹ dikatakan ia membuat sarangnya berhampiran air bertakung di teluk di antara teluk-teluk yang terdapat di sana. Apabila ia bertelur, maka ia akan menjaga telur itu selama empat puluh hari. Setelah berlalu empat puluh hari itu, maka ia akan mencampakkan telurnya ke dalam air, lalu duduklah ia menunggu berhampiran telur itu tanpa ke mana-mana selama dua puluh

¹³⁸ Ar: (مايط). Tempat huruf “ya” itu boleh juga dibaca dengan huruf “hamzah”, Ma-it. –pent.

¹³⁹ Ar: (سريرة). Sebahagian kitab menulisnya sebagai “Sarbuzzah” (سريرة). Saya menduga tempat ini di Sarawak barangkali ianya Saribas. Wallahu a’lam.

hari dengan memakan ikan-ikan yang ada di situ.

Setelah dua puluh hari itu, menetaslah anaknya dari dalam telur itu lalu keluar menuju kepada kedua-dua ibubapanya. Mereka akan menyelimutinya dengan sayap dan bulu mereka sehingga tumbuh bulu-bulunya. Apabila anak itu telah mampu berdikari dan mencari makan sendiri, kedua ibubapanya akan meninggalkannya. Pada kebiasaannya, paling banyak anak burung yang menetas bagi setiap pasangan itu adalah sebanyak tiga ekor.

Penduduk Ma-it ...¹⁴⁰ pulau ini¹⁴¹ – mengikot apa yang diceritakan oleh mereka – tidak ada kapal yang selamat belayar masuk ke sana. Ini kerana kapal hanya akan belayar ke sana sekali saja dalam satu tahun, iaitu bertepatan dengan waktu hujan ribut yang sangat kuat. Dalam keadaan ribut itu, sekiranya kapal yang dinaiki melintasi bertepatan pulau berkenaan, maka bersegeralah semua penumpang terjun ke laut dan berpaut dengan kayu atau apa sahaja sehingga ombak dan gelombang membawa mereka terdampar ke pulau itu.

Kapal yang ditinggalkan tadi pula akan dilambung dan dihanyutkan ombak ganas itu, sekalipun seratus sauh mengikatnya, sehingga ombak itu melemparkan dan memecahkannya bercerai-barai di pantai pulau itu berserta segala barang-barang muatannya sekali. Setelah itu barulah penumpang-penumpang itu akan mengutip barang-barang mereka dan mula membina kembali kapal itu untuk

¹⁴⁰ Demikian dalam naskhah Arabnya. Ada bahagian yang tertinggal dalam naskhah asal. –pent.

¹⁴¹ Disebabkan terdapat bahagian yang tertinggal sebelumnya, tidak dapat dipastikan samada kata “pulau” di sini merujuk kepada pulau Ma-it ataupun pulau yang lain. –pent.

digunakan bagi belayar keluar daripada situ.

Keseluruhan barang-barang yang hendak dibawa ke pulau itu akan dimasukkan ke dalam bekas kulit yang ditutup rapat-rapat dan dijahit kemas agar terpelihara dari rosak akibat terkena air sewaktu kapal pecah. Pulau tersebut memiliki galian emas, kapas dan juga madu.

[HIKAYAT PEMBUATAN KAPAL MENGGUNAKAN GUNI]

Al-Hasan bin 'Amru telah memberitahuku bahawa dia telah melihat penduduk Kasymir Bawah di negeri Mansurah – jarak antara negeri mereka dengan Mansurah adalah tujuh puluh hari melalui darat – menggelongsor turun melalui jeram air terjun di Kasymir. Air terjun itu mengalir laju seumpama aliran air sungai Dijlah dan Furat sewaktu sedang pasang. Mereka itu menggelongsor menggunakan guni-guni yang berisikan kayu *Qus¹⁴²*.

Katanya lagi:

Mereka menyumbat kayu-kayu itu ke dalam guni dengan setiap guni berisi seberat tujuh ratus ke lapan ratus *mann*. Setelah itu, guni-guni tadi akan dibalut dengan kulit yang kemudiannya dijahit rapi. Di permukaan kulit itu pula disapu dengan damar sehingga tidak telap air. Seterusnya dicantumkan segala guni tadi lalu diikat bersama kemas-kemas. Lalu duduklah mereka di dalamnya dan menggelongsor mengikut arus air sehingga dapat sampai ke pinggir Mansurah dalam masa empat puluh hari saja. Manakala kayu-kayu itu pula sedikitpun tidak terkena air.

¹⁴² Ar: (قُسط). Kayu yang dibawa daripada Hindi digunakan sebagai setinggi dan ubat (Lisanul Arab). –pent.

[KISAH TUKANG TILIK HINDI YANG MENANGKAP BURUNG DI PADANG PASIR MENGGUNAKAN SIHIRNYA]

Mereka yang tinggal lama di Hind telah menceritakan kepadaku bahawa di sana terdapat ahli-ahli sihir. Di kalangan mereka itu ada yang keluar ke padang pasir lalu melihat ada kawanan burung yang sedang terbang di udara, lantas dia segera melukis garisan membentuk bulatan di atas pasir di bawah kawanan burung yang sedang terbang itu.

Burung-burung tersebut akan terbang berlegar-legar sehingga masuk ke dalam garisan bulatan yang telah dilukis tadi dan tidak dapat keluar-keluar lagi daripadanya. Akhirnya mereka semua akan turun ke tengah-tengah bulatan tersebut, lalu ditangkaplah oleh ahli sihir itu mana-mana yang dikehendakinya dan dilepaskan yang selebihnya.

Begitu jugalah jika ada kawanan burung yang sedang makan di atas tanah lapang, maka si ahli sihir akan membuat suatu garisan bulatan yang luas dalam jarak yang agak jauh bagi mengurung burung-burung berkenaan. Setelah itu dia akan masuk menangkap mana-mana burung yang disukainya.

[HIKAYAT AHLI SIHIR HIND MEMBURU BUAYA]

Sebahagian orang yang melihat ahli sihir jenis ini¹⁴³ di Shindaburah¹⁴⁴ telah menceritakan kepadaku bahawa pawang tersebut pergi ke suatu teluk di sana dengan membawa sebatang kayu lalu membaca dengan suatu bacaan tertentu kepada kayu tersebut.

Kemudian dicampakkannya kayu itu ke dalam air dan

¹⁴³ Iaitu yang kita kenali sebagai Pawang Buaya. –pent.

¹⁴⁴ Ar: (صندابورة). Adakah ia merujuk kepada Singapura? Wallahu a'lam. –pent.

dibiarkannya hanyut dibawa arus sehinggalah kayu itu berhenti sendiri pada satu-satu tempat dengan tidak bergerak-gerak lagi. Maka dengan tidak bertangguh lagi, si pawang akan mendayung sampan ke tempat berkenaan lantas menarik keluar buaya dari dalam air serta membunuhnya.

Teluk Shindabur itu terlampau banyak sekali buayanya. Dikatakan orang bahawa buaya itu tidak akan menyerang dan melukai mangsanya di kawasan sekitar rumah-rumah di situ. Sebaliknya apabila saja seseorang keluar dari kawasan rumah-rumah itu, sebaik saja jarinya mencecah air, akan ada saja buaya yang akan menyambarnya.

Penduduk Sarirah pula menyebutkan bahawa mereka ada memiliki tangkal khusus bagi mengelak serangan buaya.

[LELAKI HINDI YANG MENGETAHUI BAHASA GAGAK]

Seseorang yang telah melihat sendiri di negara Hind ramai sekali orang yang mampu menuju¹⁴⁵ telah memberitahuku bahawa sebahagian saudagar daripada penduduk Siraf telah menceritakan kepadanya yang pada suatu ketika dia hendak keluar daripada Shamur¹⁴⁶ untuk menuju ke Subarah¹⁴⁷ mengikut jalan darat.

Dia lalu memohon kepada pihak yang berkuasa¹⁴⁸ di situ

¹⁴⁵ Mungkin lebih tepat disebut sebagai “pandai dalam Ilmu Kebatinan.”
-pent.

¹⁴⁶ Ar: (صامور).

¹⁴⁷ Ar: (سواراة).

¹⁴⁸ Dalam teks Arabnya disebut (صاحب السلطان). Saya terjemahkan sebagai pihak berkuasa. Boleh juga bermaksud “Sultan” itu sendiri atau “Sahabat kepada Sultan”, yakni “Orang Besar”. Jika dengan

agar dapat menunjukkan kepadanya seseorang untuk menjadi pengawalnya dalam perjalanan itu. Maka diarahkanlah seseorang yang ada di hadapannya daripada suku Batek¹⁴⁹ yang kuat berjalan kaki untuk ikut bersamanya.

Ceritanya lagi:

Maka kami pun keluarlah dari sana. Sesampainya kami di pinggir Shaimur¹⁵⁰, kami pun duduk di telaga¹⁵¹ iaitu suatu kolam atau lopak air dan jeram¹⁵² iaitu tempat yang dipenuhi

terjemahan ini, ia menunjukkan kepada suatu perkara tersirat iaitu pemerintah atau sultan ketika itu telahpun beragama Islam. Ini kerana penggunaan gelar Sultan di kawasan Kepulauan Melayu hanya berlaku setelah tersebarnya Islam. –pent.

¹⁴⁹ Ar: (الباتك). Pada saya lelaki ini adalah orang asli suku Batek seperti yang saya terjemahkan di atas. Mulanya saya menyangkanya “Batak”, suatu kaum di Sumatra, namun pembacaan lanjut saya pada beberapa teks klasik Arab menemukan saya bahawa letaknya Shaimur bukan di Sumatra, namun dianggarkan di Selatan Thailand kini. Dengan itulah saya menetapkan bahawa lelaki itu sebagai seorang suku Batek. Wallahu a’lam. –pent.

¹⁵⁰ Ar: (صيمور). Ada disebutkan dalam kitab yang lain bahawa penduduk di Shaimur cantik-cantik kerana perkahwinan campur antara orang China, Turki dan lainnya. Barangkali letaknya Shaimur ini di Siam. –pent.

¹⁵¹ Dalam naskhah Arab ditulis begini: (تلاج). Saya meyakini perkataan tersebut adalah “telaga” yang ditulis mengikut sebutan Arab. Maka sepatutnya ditulis begini: (تلاج), yakni huruf awalnya “ta” bukannya “Tsa”. Perlu dimaklumi juga bahawa telaga bukannya terkhas kepada yang berbentuk bulat dan kecil saiznya seperti biasa terdapat di negeri kita, bahkan adakalanya ia berbentuk empat persegi yang besar siap dengan tangga untuk turun ke gigi air di dalamnya –pent.

¹⁵² Ditulis begini: (جرام). Saya meyakini ianya perkataan bahasa Melayu “Jeram” yang ditulis dalam huruf Arab. Keyakinan sebegini saya dapati setelah menjumpai perkataan “bersila” dalam kitab ini ditulis begini: (برسيلا). –pent.

pokok-pokok untuk memakan sesuatu, di antaranya nasi¹⁵³. Tiba-tiba terdengarlah teriakan seekor gagak. Lantas berkatalah lelaki Hindi¹⁵⁴ itu kepada saudagar dari Siraf: “Tahukah engkau apa yang dikatakan oleh gagak itu?”

Jawabnya: “Tidak.”

Sambungnyanya: “Gagak itu berkata bahawa tidak dapat tidak aku pasti akan memakan nasi yang telah kamu makan itu.”

Cerita saudagar dari Siraf itu lagi:

Maka aku pun merasa sangat hairan dan pelik dengan kata-katanya itu disebabkan nasi itu telah habis kami makan kesemuanya tanpa ada sedikitpun yang tertinggal.

Kemudian kami pun bangun dari situ dan meneruskan perjalanan. Belum sampai dua farsakh kami berjalan, tiba-tiba kami terserempak dengan sekumpulan lima atau enam orang penduduk Hind¹⁵⁵. Bila saja lelaki Hindi yang bersamaku melihatkan kehadiran mereka itu, serta merta menggeletarlah seluruh tubuhnya. Lalu dia berkata kepadaku agar aku membunuh mereka. Aku lantas bertanya: “Mengapa pula harus aku bunuh mereka?”

“Kerana antara kami ada permusuhan”, jawabnya.

Setelah dia bercakap-cakap denganku maka mereka itu

¹⁵³ Ini juga satu lagi bukti kisah ini berlaku di kawasan sebelah sini (Nusantara). –pent.

¹⁵⁴ Ar: (الهندي) dengan huruf “ya nisbah”. Maksudnya adalah lelaki Batek yang menjadi pengawal itu. Ini menunjukkan bahawa lafaz “Hind” itu adalah suatu kata umum yang bukannya merujuk kepada bangsa India atau bahasa Hindi/Tamil/Sanskrit sahaja. –pent.

¹⁵⁵ Maksudnya: penduduk tempatan. Lihat penjelasan tentang lafaz “Hind” pada notakaki sebelum ini. –pent.

lantas menghunuskan senjata ¹⁵⁶ masing-masing lantas beramai-ramai menyerang lelaki yang bersamaku itu. Mereka membunuh dan merobek isi perutnya sehingga terburai. Aku yang menyaksikan kejadian dahsyat itu begitu terkejut sehingga tidak mampu lagi untuk berdiri lalu terjatuh seperti orang yang kehilangan akal.

Mereka itu berkata kepadaku: “Jangan takut! Ini hanya urusan kami dengan dia saja. Engkau tidak apa-apa.”

Setelah itu mereka pun berlalu dari situ meninggalkan aku dengan mayat tersebut. Belum pun jauh mereka pergi, tiba-tiba melayang turun seekor gagak yang tidak aku ragui lagi bahawa itulah gagak yang berteriak sebelum itu, lantas ia memakan dan mematok-matok nasi yang berterabur daripada perut lelaki yang terbunuh itu.

[KISAH PENIAGA YAHUDI DAN KHALIFAH BAGHDAD]

Di antara cerita-cerita menarik para saudagar dan pelaut adalah apa yang diceritakan daripada Ishaq bin Al-Yahudi yang mana beliau ini merupakan seorang yang berurusan dengan broker-broker di Oman.

Suatu ketika berlakulah sengketa antara dirinya dengan seorang lelaki Yahudi yang lain. Maka dia pun melarikan diri daripada Oman menuju ke negeri Hind dengan membawa sejumlah dua ratus dinar bersamanya tanpa ada harta benda yang lain. Dia menghilangkan diri daripada negeri Oman itu selama lebih kurang tiga puluh tahun tanpa sebarang khabar berita.

¹⁵⁶ Naskhah Arabnya ditulis (خنجرهم). *Khanjar* dalam bermaksud pisau atau sejenisnya. Mungkin di sini merujuk kepada keris atau golok. Saya menterjemahkan dengan kata “senjata” sebagai kata umum. – pent.

Dalam tahun tiga ratus (300 H) maka dia pun kembali ke Oman.

Lebih daripada seorang sahabat-sahabatku daripada kalangan pelaut telah memberitahuku bahawa si Yahudi itu telah kembali ke Oman daripada China dalam kapal miliknya sendiri berisikan muatan yang semuanya juga merupakan miliknya. Untuk menghalang Pemerintah Oman, iaitu Ahmad bin Hilal daripada naik ke kapalnya dan menyelidik jumlah sebenar muatannya, Yahudi itu telah memberi kepadanya lebih sejuta dirham.¹⁵⁷

Dia juga telah menjual kepada Ahmad bin Marwan seratus ribu *mitsqal* kasturi yang terbaik dalam satu urusan. Ibn Marwan menyangka si Yahudi ini tidak ada yang lain lagi melainkan sekadar itu saja. Kemudian Yahudi itu menjual lagi kepada Ahmad bin Marwan kain burdah dengan harga empat puluh ribu dinar dalam satu urusan lagi. Dia juga kemudian menjual kepada seorang lelaki lain sebanyak dua puluh ribu dinar dalam satu urusan. Maka Ibn Marwan meminta mengurangkan harga daripadanya. Lalu dikurangkannya harga bagi setiap *mitsqal* satu dirham sehingga pengurangan harga diberikan sebanyak seratus ribu dirham.

Yahudi itu memiliki banyak barangan yang nadir yang tidak ada pada saudagar-saudagar lain. Namanya mula masyhur di negeri itu sehingga membuatkan banyak orang mula menaruh hasad dengki terhadapnya. Sebahagian orang jahat cuba mengugutnya, namun dia tidak memberikan suatu apa pun kepada mereka. Lalu orang jahat ini keluar menuju

¹⁵⁷ Rasuah nampaknya sesuatu yang tidak asing semenjak dahulu lagi. – pent.

ke Baghdad, iaitulah Abul Hasan Ali bin Muhammad bin Al-Furat menjawat jawatan sebagai menteri telah bertindak memfitnah si Yahudi ini, namun tidak diendakkannya. Menteri itu kemudian berhubung dengan orang-orang jahat yang rapat dengan Khalifah Al-Muqtadir Billah untuk mengacum hal Yahudi itu.

Mereka membuat cerita bahawa ada seorang lelaki telah keluar daripada Oman tanpa suatu apa pun di tangannya, kemudian dia kembali semula dengan kapal bermuatan kasturi seharga sejuta dinar dan pakaian sutera dan tembikar China seharga itu pula, beserta segala jenis batu permata yang langka seharga yang sama, serta pelbagai barangan yang aneh dan nadir daripada China yang tidak terhingga banyaknya. Lelaki ini adalah seorang tua yang tidak mempunyai anak. Dan Ahmad bin Hilal telah mengambil daripada lelaki tua ini barangan sebanyak lima ratus ribu dinar. Lalu dibawalah cerita ini ke pengetahuan Al-Muqtadir. Khalifah merasa sangat terperanjat dan memandang hal ini sebagai sesuatu yang sangat besar.

Seketika itu juga Khalifah memerintahkan salah seorang khadamnya yang digelar Si Lada Hitam¹⁵⁸ bersama tiga puluh orang hamba sahaya untuk segera bertolak ke Oman dengan membawa surat yang ditujukan kepada Ahmad bin Hilal memerintakkannya agar membawa si Yahudi bersama khadam dan utusan Khalifah itu ke Baghdad.

Apabila saja sampai khadam ke Oman dan Ahmad bin Hilal pun membaca surat Khalifah itu, maka Ahmad segera memerintahkan agar mengepung si Yahudi dan meminta rasuah sejumlah harta yang banyak jika mahu dia

¹⁵⁸ Ar: (الفلفل أسود).

mempertahkannya. Kemudian dia memberitahu secara rahsia kepada para saudagar yang dikenalnya tentang berita hendak dibawanya Yahudi ini ke Baghdad serta mengugut mereka dengan ancaman betapa buruknya akibat dan tindakan zalim yang akan diterima mereka serta cubaan masuk campur ke atas urusan mereka..

Pasar-pasar pun ditutup, lalu perhimpunan pun diadakan. Para pedagang – baik orang asing mahupun yang menetap di situ – semuanya bersaksi bahawa kalau dibawa juga si Yahudi ini, maka kapal-kapal semua tidak akan berdagang lagi ke Oman dan para pedagang pun akan lari berdagang ke tempat lain. Orang ramai pun akan saling membawa cerita bahawa pantai-pantai Iraq hendaklah dijauhi kerana orang yang berharta tidak lagi akan merasa aman kalau-kalau hartanya dirampas seperti yang berlaku terhadap si Yahudi.

Mereka mengakui bahawa negeri ini adalah sebuah negeri yang penuh dengan para pedagang terkemuka serta para hartawan dari segenap pelusuk. Keadaan itu hanya berlaku kerana mereka merasa tenteram dengan keadilan Amirul Mukminin dan keadilan Amirnya serta baik tingkahlaku dan pemeliharaannya terhadap para pedagang, ditambah pula tiadanya orang yang tamak dan zalim yang akan merampas harta benda mereka.

Setelah itu, mereka yang berkumpul tersebut segera bertolak beramai-ramai dengan kecohnya menuju kepada Ahmad bin Hilal sambil memekik-mekik dan mencabarnya. Melihatkan keadaan sedemikian, maka si khadam – iaitu Si Lada Hitam – dan teman-temannya merasa cuak dan ingin keluar daripada tempat itu bagi melepaskan diri.

Ahmad bin Hilal lalu menuliskan surat balasan kepada Khalifah menyebutkan apa yang telah berlaku serta

menerangkan isi hati para pedagang berkenaan. Tulisnya: “Mereka telah mempersiapkan kapal-kapal mereka dan memuat naik kembali barang-barang mereka untuk berangkat keluar dari negeri. Para pedagang yang tinggal menetap pula sudah tidak sedap hati dan sempit dada serta berkata: “Sekiranya kami tinggal lagi, terputuslah sumber pendapatan dan kehidupan kami disebabkan kapal-kapal tidak lagi belayar masuk ke sini, sedangkan negeri ini sumber pendapatan penduduknya adalah dari laut. Sekiranya hal seperti ini¹⁵⁹ berlaku kepada orang biasa, kepada orang yang berkedudukan tentulah lebih teruk lagi akan kena. Para Sultan itu umpama api. Hala ke manapun, ia akan membakar. Sedangkan kami tidak mampu menghadapinya. Kalau begitu, keluar daripada negeri ini adalah langkah terbaik.”

Si khadam dan orang-orangnya lalu mengambil dari si Yahudi itu sebanyak dua ribu dinar lantas beredar daripada situ.

Si Yahudi itu walau bagaimanapun sudah berasa tercalar perasaannya. Setelah itu sentiasalah dia giat mengumpulkan hartanya dan membina sebuah kapal, lantas belayar keluar menuju ke China dengan membawa keseluruhan harta bendanya sehingga satu dirham pun tidak ditinggalkannya lagi di Oman.

Tatkala pelayarannya itu sampai di Sarirah, penguasa Sarirah pula meminta rasuah darinya sebanyak dua puluh ribu dinar. Jika diberikan barulah akan dilepaskannya melintas di situ. namun, si Yahudi ini tidak memberikannya seduit pun. Lalu si penguasa jahat ini menyuruh orang

¹⁵⁹ Yakni penganiayaan terhadap pedagang Yahudi itu. –pent.

membunuhnya secara rahsia pada waktu malam. Kemudian dirampasnya kapal bersama seluruh harta benda si Yahudi tersebut.

Tempoh masa menetapnya Yahudi itu di Oman adalah selama tiga tahun. Seseorang yang pernah melihatnya di Oman pada hari Mahrajan telah memberitahuku bahawa Yahudi itu telah menghadihkan kepada Ahmad bin Hilal sebuah bejana tembikar China berwarna hitam yang berkilau kepalanya¹⁶⁰ dengan emas. Ahmad lalu bertanya kepadanya: “Apa yang ada di dalamnya?”

“*Sikbaaj*¹⁶¹ yang diramu di China khas untuk tuan.” Jawabnya.

Ahmad merasa takjub mendengarnya, lalu berkata: “*Sikbaaj* yang dimasak di China? Bagaimana ia masih kekal elok sedangkan sudah dua tahun berlalu?”

Lalu diangkat kepala bejana itu dan dibukanya. Kelihatanlah seekor ikan yang terbuat daripada emas dengan matanya daripada yaqut. Ia terletak elok di dalam bejana tersebut dan sekelilingnya dipenuhi kasturi yang bermutu tinggi. Harga isi bejana itu sahaja lima puluh ribu dinar.

[KISAH YAHUDI DAN PEMBELIAN MUTIARA DARIPADA SULTAN SALAH SATU NEGERI CHINA]

Antara kisah yang dituturkan oleh Yahudi itu¹⁶² adalah katanya:

Bahawa aku pernah masuk ke sebuah negeri yang disebut Low Bin¹⁶³ yang termasuk di antara negeri-negeri China, dan

¹⁶⁰ Yakni pemegang tudung bejana itu. –pent.

¹⁶¹ Ar: (سكباج). Ubatan herba. –pent.

¹⁶² Yakni Ishaq Al-Yahudi dalam kisah sebelum ini. –pent.

¹⁶³ Ar: (لوبيين)

jalan untuk sampai ke tempat itu terpaksa melalui celah-celahan bukit serta mendaki gunung yang tinggi. Barangan yang hendak dibawa ke sana pula terpaksa diangkut dengan kambing-kambing disebabkan untuk mendaki gunung di situ seolah-olah menaiki tangga yang mana tidak dapat mendakinya melainkan kambing saja.

Aku dapati di negeri tersebut seorang raja yang besar dan memiliki keagungan serta hebat berkuasa. Lalu aku masuk mengadapnya dan mendapatinya sedang duduk di atas katil¹⁶⁴ daripada emas yang bertatahkan batu permata yaqut¹⁶⁵. Baginda memakai perhiasan seperti perhiasan kaum wanita. Permaisurinya bersemayam di sebelahnya dengan memakai perhiasan yang lebih banyak lagi daripada perhiasan suaminya – sang raja itu. Pada leher raja itu terdapat berlapis-lapis kalung daripada emas dan zabarjad yang tidak ternilai harganya serta tidak terbanding dengan mana-mana yang terdapat pada sekalian raja Timur dan Barat.

Di atas kepalanya¹⁶⁶ pula terdapat lebih kurang lima ratus orang jariah¹⁶⁷ daripada berbagai-bagai warna kulit yang berpakaian sutera penuh dengan perhiasannya. Aku lalu memberi salam penghormatan kepadanya, lantas baginda berkata kepadaku: “Wahai orang Arab! Adakah engkau pernah melihat sesuatu yang lebih indah daripada ini?” – yakni kalung yang bertatahkan permata di lehernya itu. Lalu ku jawab: “Ya!

¹⁶⁴ Ar: (سرير). Mungkin lebih tepat dikatakan sebagai singgahsana. –pent.

¹⁶⁵ Delima, permata merah. –pent.

¹⁶⁶ Yakni yang berdiri di belakang dan kelilingnya. –pent.

¹⁶⁷ Hamba perempuan. –pent.

“Bagaimana boleh begitu?” tanya baginda kepadaku.

“Patik ada memiliki satu daripadanya yang mana telah patik beli dengan melaburkan harta yang banyak, dan patik berhasrat untuk mempersembahkannya kepada tuanku, daulat Tuanku!” jelasku panjang lebar.

Permaisurinya berkata kepada raja: “Ada satu perkara lagi tuanku. Setelah dibawa kalung yang baru itu, kalung yang ini haruslah tuanku berikan kepada dinda.”

Kemudian kedua-duanya bertitah kepadaku: “Lekaslah bawa kemari sekarang juga!”

Terus ku jawab: “Inilah sebabnya patik datang mengadap tuanku berdua. Malam ini juga patik akan bawakannya.”

“Tidak! Bahkan sekarang ini juga! Sekarang ini!” titah baginda. Sedangkan wajahnya menunjukkan riak sukacita.

Bercerita si Yahudi:

Aku sebenarnya memiliki bukan satu, bahkan sepuluh kalung seperti itu. Maka segera ku beredar daripada majlis tersebut menuju ke tempat persinggahanku. Aku mengambil sembilan daripada kalung itu lalu aku pecah-pecahkannya menggunakan batu sehingga menjadi seperti bubur *sawiq*¹⁶⁸, kemudian aku sembunyikan dengan menanamnya ke dalam tanah. Setelah itu, ku ambil satu kalung yang masih elok itu dan ku balut dengan sapu tangan sehingga tidak tampak lagi melainkan sapu tangan itu saja, lalu aku letakkannya elok-elok dan kemas-kemas di dalam sebuah bekas kemudian ku bawa kepada raja.

Sesampainya, aku lantas membukanya perlahan-lahan sementara raja itu sendiri turun berjalan mendapatkanku dan permaisurinya pula berdiri dengan penuh tidak sabar

¹⁶⁸ Maksudnya pecah menjadi kepingan-kepingan kecil. –pent.

menyuruhku agar segera membukanya. Bila saja aku mengeluarkan kalung tersebut, dengan serta merta raja itu bersujud kepada kalung itu, demikian juga permaisurinya. Setelah itu mereka berdua menganugerahkan kepadaku kurniaan yang banyak disebabkan persembahan kalung tersebut.

**[KISAH KABILAH ZANJI YANG MENGASI¹⁶⁹ PARA
PENGEMBARA]**

Semua para pelaut telah bersepakat bahawa Laut Barbara¹⁷⁰ - iaitu tujuh ratus farsakh, terletak di pertengahan jalan ke negeri Zanj adalah termasuk di antara laut yang paling berbahaya. Ada bilangan pulau-pulau yang besar di laut ini, satu bahagiannya dihuni kaum Zinji Laut ini – seperti apa yang disebutkan, gelombang ombaknya sangat bergelora, dan kapal-kapal mengambil masa selama enam tujuh hari.

Apabila sesebuah kapal terhanyut ke Barbara ini, penduduk di situ akan segera menangkap para penumpang kapal lalu mengasi mereka. Sekiranya ada pedagang yang memang berhasrat pergi ke Barbara itu, maka mestilah dia membawa bersamanya sekumpulan besar pengawal agar penduduk di sana tidak menangkap dan mengasinya.

Setiap orang penduduk di sana mengumpulkan buah-

¹⁶⁹ Yakni memotong buah zakar. –pent.

¹⁷⁰ Ar: (بحر زنج). Disebutkan oleh Al-Idrisi bahawa Barbar ini bukanlah kaum Barbar di utara Afrika, bahkan ini adalah Barbar yang lain. Dinamakan Barbar mungkin disebabkan kesamaan dari beberapa segi. Saya berpendapat bahawa Barbar yang diceritakan ini adalah kaum asli yang mendiami Australia (Aborigin), dan mereka itulah juga suku-suku orang asli lain yang dimaksudkan dengan kaum Zanj/Zinj (orang kulit hitam) dalam kisah-kisah pelayaran ke kawasan sebelah sini oleh para pelaut Arab silam. –pent

buah zakar orang yang telah dikasinya serta menjaganya elok-elok habuan untuk berbangga-bangga sesama kaumnya. Apabila mereka berkumpul dan saling berlawan siapa yang lebih hebat, maka setiap orang akan mengeluarkan buah-buah zakar mangsa kasi yang disimpannya. Ini kerana yang diakui sebagai “keberanian” dalam adat mereka adalah kemampuan seseorang untuk mengasi orang luar daripada kalangan mereka.

[HIKAYAT TELUK SARANDIB DAN BUAYA SERTA PARA PENCURI YANG MEMAKAN MANUSIA]

Antara laut-laut yang sungguh teruk dan sangat sukar serta sedikit sekali selamatnya adalah laut terusan-terusan di Sarandib, iaitulah yang luas jaraknya tiga ratus farsakh yang mana banyak sekali kedapatan buaya di situ.

Di pinggir-pinggir laut ini pula terdapat banyak harimau serta kapal-kapal perang lanun yang menyekat laluan. Jika mereka berjaya merampas kapal yang lalu di situ, mereka akan memakan para penumpangnya. Mereka itu kaum yang sangat jahat sekali. Tidak ada di tempat-tempat lain para lanun yang boleh dibandingkan dengan mereka.

Jika ada mana-mana kapal yang melintas kawasan laut itu, lalu berjaya dikalahkan oleh kapal perang lanun tersebut, penumpangnya akan dimakan. Sekiranya kapal itu karam, maka tidak perlu tunggu lama untuk menjadi habuan buaya-buaya di situ. Seandainya kapal pecah berdekatan daratan, lalu penumpangnya berjaya naik ke darat, harimau-harimau pula akan membaham.

[HIKAYAT AMIR HINDI DAN BURUNG KAKAK TUA]

Termasuk cerita-cerita daripada Hindi berkenaan cara

budaya mereka yang begitu menarik adalah apa yang telah diceritakan kepadaku oleh Al-Hasan bin ‘Amru bahawa dia telah mendengar seorang tua yang sangat mengetahui mengenai cara hidup orang Hind dengan katanya:

Bahawa sebahagian daripada raja-raja Hind yang agung suatu ketika duduk menyantap makanannya. Di sisi baginda terdapat seekor burung kakak tua di dalam sebuah sangkar yang tergantung. Raja kemudian bertitah kepada burung tersebut: “Marilah makan bersamaku!”

“Aku takutkan kucing itu!” jawab si burung.

Lantas jawab raja itu: “*Ana belawajarka*¹⁷¹” iaitulah ungkapan dalam bahasa Hind¹⁷² yang bermaksud: “*Aku akan lakukan terhadap diriku seperti apa yang menimpa dirimu.*”

Tafsiran ungkapan ini dan maknanya adalah apa yang telah akan aku sebutkan berikut ini:-

Suatu ketika, serombongan lelaki dengan kedudukan dan kebangsawanan masing-masing telah datang mengadap salah seorang raja daripada raja-raja Hind. Mereka kemudian berkata kepada raja: “*Kami ini Belawaja Tuanku!*”

Mendengar ungkapan tersebut, raja lalu menjamu mereka nasi dengan tangan baginda sendiri serta menghidangkan siri juga dengan tangan baginda sendiri. Setelah itu, setiap

¹⁷¹ Ar: (بلاوجرك). Saya mengandaikan bahawa ianya bahasa Melayu yang bermaksud “*Aku ini Belawajamu!*” Huruf (ك) pada perkataan (بلاوجرك) di atas adalah gantinama “kamu” dalam bahasa Arab, dan bukannya termasuk kata asalnya. –pent.

¹⁷² Bahasa Hindi dalam kisah ini tidak semestinya bahasa Urdu, tetapi bahasa yang dipakai oleh raja itu. sekiranya kisah ini berlaku di daerah sebelah sini tentunya bahasanya bahasa Melayu. Sebutan bahasa Hind adalah umum seperti yang telah diperjelaskan sebelum sebelum ini. –pent.

seorang daripada tamu itu memotong jari kelingking masing-masing lalu diletakkan di hadapan sang raja.

Selepas peristiwa itu, setiap mereka akan mengikut ke mana saja sang raja pergi. Mereka akan makan apa yang raja makan dan akan minum apa yang baginda minum. Mereka mengawasi makanan raja dan segenap hal ehwal baginda. Tidak ada gundik atau hamba perempuan mahupun sahaya lelaki yang akan masuk bertemu raja, melainkan terlebih dahulu disoal-siasat oleh mereka ini. Tidak dihamparkan hamparan tidur raja melainkan mereka terlebih dahulu menyiasatnya. Setiap dibawa makanan dan minuman mereka akan berkata kepada tukang bawa itu: “Hendaklah engkau dulu yang makan!”¹⁷³

Begitulah setiap apa saja yang ditakutkan sesuatu yang tidak baik ke atas raja diawasi oleh mereka itu. Sekiranya raja itu mati, mereka akan membunuh diri. Jikalau baginda membakar diri, mereka pun akan membakar diri sendiri. Andai raja jatuh sakit, mereka akan menyiksa diri mereka sendiri supaya turut merasai sakit. Sekiranya raja berperang atau diperangi, maka mereka akan mengelilingi dan tetap bersama baginda.

Tidak layak untuk tergolong dalam *Belawajariyyah*¹⁷⁴ itu melainkan golongan bangsawan yang perkasa, pemberani dan tidak takut mati serta tampan dan elok paras rupa.

Kata orang tua itu menyambung cerita:

Apabila raja tersebut berkata kepada burung kakak tua itu ungkapan: “*Aku ini Belawajamu,*” baginda berhenti menyantap

¹⁷³ Kerana takut kalau-kalau diletak racun ke dalam makanan itu. –pent.

¹⁷⁴ Ar: (البلاوجرية). Di sini jelas pada saya bahawa perkataan tersebut adalah “*Belawaja*”. –pent.

untuk menunggu burung itu. Setelah dilihatnya raja berhenti menyantap dan berkata lagi kepadanya: “*Aku ini Belawajamu,*” maka turunlah burung kakak tua itu dari sangkarnya lalu bertenggek di pinggir pinggan untuk makan bersama raja.

Ketika leka makan itu, kucing yang sejak lama mengintai burung itu segera menerkamnya lalu menggigit putus kepalanya. Raja segera mengambil badan burung kakak tua kesayangannya itu lalu diletakkannya ke dalam tembikar China. Dibubuhnya kapur barus, diletakkan di sekelilingnya pasir, sirih, bunga-bunga dan pinang. Kemudian dipukullah canang dan diarak sekeliling negeri dengan baginda sendiri membawa tembikar China itu di tangannya bersama iringan askar-askar. Setiap hari selama dua tahun begitulah resam yang dilakukan raja itu.

Setelah berlarutan hal itu, maka berkumpullah Belawajariyyah dan Orang-orang Besar yang lain lalu berdatang sembah: “Ini adalah hal yang tidak molek Tuanku. Lama sangat Tuanku berkeadaan begini. Sampai bilakah akhirnya? Sama ada Tuanku hentikan hal ini, atau Tuanku mengaku sahaja ketidakmampuan Tuanku¹⁷⁵ untuk kami turunkan Tuanku dari atas takhta dan menabalkan raja yang baharu.”

Ini kerana di antara syaratnya adalah sekiranya seseorang telah berkata: “*Aku ini Belawajamu!*” lalu apabila sesuatu hukum telah jadi wajib kepadanya namun ditolakny atau

¹⁷⁵ Yakni ketidakmampuan melaksanakan sumpah Belawaja itu. –pent.

tidak dilaksananya¹⁷⁶, maka dia telah menjadi “Pondan”¹⁷⁷. “Pondan” itu pada mereka adalah orang yang tidak harus berlakunya hukum¹⁷⁸ disebabkan kurang akalnyanya dan lembiknyanya serta rendah tarafnyanya seperti penyanyi, peniup seruling dan yang seumpamanya. Raja atau orang biasa dalam hal ini sama saja sekiranya dia tidak melaksanakan apa yang telah menjadi wajib baginya itu.

Apabila sang raja menyaksikan hal ini, baginda lalu mengumpulkan kayu gaharu dan cendana serta kayu-kayu kering. Kemudian digalilah sebuah lubang, lalu dimasukkan kesemua kayu-kayuan tadi. Setelah marak apinya, lalu terjunlah sang raja ke dalam api yang menyala-nyala itu. Melihatkan itu, terjun pula Belawajariyyah, kemudian Belawajariyyah Belawajariyyah – yakni pengikut kepada Belawajariyyah – melemparkan diri masing-masing ke dalam telaga api yang bernyala-nyala itu. Pada sehari itu sahaja hampir dua ribu nyawa melayang dengan cara sedemikian. Punca daripada semua itu hanyalah sebuah ungkapan raja itu kepada burung kakak tua kesayangannya: “*Aku ini Belawajamu!*”

¹⁷⁶ Dalam kes ini, raja itu mestilah membunuh dirinya kerana burung itu telah terbunuh. –pent.

¹⁷⁷ Ar: (مهندا). Lidah Arab apabila menyebut kalimah yang berhuruf “P” akan digantikan dengan huruf “B” yakni huruf (ب). Saya meyakini perkataan sebenarnya adalah bahasa tempatan iaitu “Pondan” seperti yang saya terjemahkan di atas. Dengan ini semakin bertambahlah keyakinan saya bahawa ia berlaku di rantau sebelah sini. –pent.

¹⁷⁸ Hukum di sini maksudnya melaksanakan sumpah Belawaja itu. Ada satu tradisi dalam masyarakat Bali yang lebih kurang sama iaitu “puputan”, yakni ritual atau perang habis-habisan sehingga mati melawan musuh. –pent.

[CARA SEBAHAGIAN SULTAN SARANDIB DI ATAS
KENDERAAN]

Dia¹⁷⁹ telah memberitahuku bahawa Raja-raja di negeri Sarandib dan yang seadat dengan mereka itu kebiasaannya akan dibawa di dalam endoi¹⁸⁰ – ia itu seperti tandu¹⁸¹ yang diusung beberapa orang lelaki – dan raja itu membawa bersamanya peti¹⁸² terbuat daripada emas, berisikan daun-daun sirih dan barang-barang keperluan yang lain. Peti itu dibawa oleh seorang hamba raja.

Segala hamba raja dan orang-orang kanan baginda akan turut sama berjalan mengiringi untuk mengelilingi negeri atau ke mana-mana yang dikehendaki baginda. Sementara berjalan itu, raja akan mengunyah-ngunyah daun sirih dan berludah ke dalam ketur bekas air ludah.

Boleh jadi kadangkala raja akan berasa hendak terkencing semasa berjalan itu, lalu baginda akan turun daripada endoinya lantas kencing di jalan itu juga atau di pasar, atau di mana saja dikehendakinya dengan selambanya sambil

¹⁷⁹ Yakni Al-Hasan bin ‘Amru. –pent.

¹⁸⁰ Dalam naskhah Arab ditulis begini: (الهندول). Saya percaya ini adalah bahasa tempatan yang ditulis ke dalam bahasa Arab. Ini kerana setelah itu terdapat penjelasan tentangnya. Disebabkan itu saya menuliskannya sebagai “endoi” yang biasanya dituturkan oleh orang sebelah Utara seperti Kedah, bermaksud buaian. –pent.

¹⁸¹ Ar: (مِحْمَة).

¹⁸² Dalam naskhah Arab ditulis begini: (كرندة). Saya yakin ini adalah lafaz tempatan yang ditulis ke dalam bahasa Arab oleh pengarang, yakni keranda. Maksud “keranda” adalah di sini adalah peti. Cuma dalam bahasa Melayu ia sudah dikhususkan kepada peti menyimpan mayat. Kerana itu dalam cerita di atas saya telah menterjemahkannya sebagai peti. –pent.

berjalan¹⁸³. Apabila selesai melepas hajatnya itu, terus dipakainya kembali pakaiannya¹⁸⁴ dengan tidak mengelap bekas kencingnya tadi.

**[KEPERCAYAAN PENDUDUK SINDAN¹⁸⁵ YANG AIR KENCING
LEBIH BERSIH BERBANDING AIR BASUHAN
TANGAN DAN MULUT.]**

Dia menceritakan lagi dengan katanya:

Aku telah melihat sendiri di Sindan, seorang lelaki sedang berjalan melintasi sebuah rumah apabila dengan tiba-tiba kelihatan air kencing mencurah dari atas rumah tersebut lalu membasahi diri dan pakaiannya.

Serta merta lelaki itu berdiri tegak lalu berteriak kepada penghuni rumah tersebut: “Air yang kena aku ini air bekas basuhan tangan atau basuhan mulut?!” yang mana air itu dikira teramat kotor pada pandangan mereka. Penghuni itu segera membalas dari atas rumahnya: “Itu air kencing anak kecil yang baru kencing sekejap tadi.”

Lelaki itu lantas berkata: “*Kannaa!*”¹⁸⁶, yang maknanya “Bagus!”

Lalu ia pun terus berjalan.

Pada pandangan mereka, air kencing itu lebih bersih berbanding air bekas basuhan tangan atau mulut.

¹⁸³ Yakni kencing sambil berjalan. –pent.

¹⁸⁴ Apa yang tergambar pada saya di sini adalah raja pakaian tersebut adalah maksudnya kain sarung. Ketika hendak kencing itu, diselaknya; apabila selesai maka dilepaskannya saja kain tersebut jadi seperti biasa. Jika difahami sebagai membuka pakaian, tentunya tidak dapat terjadi kencing sambil berjalan itu. –pent.

¹⁸⁵ Ar: (سندان).

¹⁸⁶ Dalam naskah Arab ditulis begini: (كنا). Ini juga adalah lafaz tempatan yang ditulis ke dalam bahasa Arab. –pent.

**[HIKAYAT SEBAHAGIAN ORANG HIND YANG MEMBUANG
AIR BESAR DALAM AIR, NAMUN PANTANG BERLUDAH
KE DALAM AIR]**

Dia juga telah menceritakan kepadaku bahawa ada seorang Hind telah membuang air besar dan turun ke dalam telaga¹⁸⁷ – iaitu kolam air yang menampung air yang turun daripada gunung atau air hujan dan banjir jika di tanah lapang – lalu mandi dan beristinja¹⁸⁸ dalam telaga itu.

Apabila dia telah selesai membersihkan diri, dia lalu mengambil sedikit air dan dimasukkan ke dalam mulutnya untuk berkumur-kumur. Sambil berkumur-kumur itu, dia pun keluar daripada telaga tersebut lalu meluahkan air kumurnya itu ke atas tanah. Ini kerana pada pandangannya, sekiranya dia meludahkan air kumuran itu ke dalam telaga, perbuatan itu akan mencemar air telaga.

[HIKAYAT SULTAN SARANDIB DAN PENGAMBILAN CUKAI]

Sebahagian mereka yang telah memasuki Sarandib dan bergaul dengan penduduknya pernah bercerita kepadaku bahawa di antara cara sultan di sana berurusan dalam urusan perdagangannya adalah dengan meletakkan orang-orangnya di pantai untuk mengutip cukai bagi setiap barang dagangan.

**[SIHIR ULAR DAN SEMBUHNYA MANGSA PATUKAN ULAR
DI TANGAN SEORANG LELAKI MUSLIM]**

Sebahagian pelaut telah bercerita kepadaku tentang ular-ular di Kolam Mali¹⁸⁹ yang sangat menggerunkan. Antara ceritanya adalah mengenai sejenis ular yang dipanggil

¹⁸⁷ Ditulis (الثلاج). Lihat notakaki mengenainya sebelum ini. –pent.

¹⁸⁸ Menyucikan tempat keluar najis. –pent.

¹⁸⁹ Ar: (كولم ملي). Nama sebuah tempat di Selatan India. –pent.

*Naghiran*¹⁹⁰, yang berbintik di kepalanya seakan salib. Warnanya kulitnya kehijauan. Ia boleh mengangkat kepalanya pada kadar sehasta sehingga ke dua hasta daripada tanah bergantung kepada besar kecil saiznya, kemudian ia akan mengembangkan kepala dan kedua pipinya sehingga menjadi seperti kepala anjing. Apabila ia lari, tidak dapat dikejar. Apabila ia mengejar, pasti tertangkap. Apabila ia mematak, pasti membunuh.

Sesungguhnya di Kolam Mali itu ada seorang lelaki beragama Islam yang dipanggil orang namanya dalam bahasa Hindi sebagai *Banja*¹⁹¹. Beliau itu seorang yang banyak bersolat serta mengubati orang yang dipatak ular jenis yang disebutkan tadi menggunakan cara *ruqyah*¹⁹². Boleh jadi ada mangsa patukan tersebut telah melarat bisa ular itu ada tubuhnya, maka ruqyah itu jadi tidak berkesan, namun kebiasaannya ramai yang telah sembuh dengan perantaraan ruqyah lelaki tersebut. Selain meruqyah mangsa patukan ular jenis itu, beliau juga menggunakan kaedah yang sama dalam mengubati mangsa serangan ular berbisa yang lain.

Sebenarnya, ramai orang di sana yang boleh menjampi mangsa patukan ular, tetapi jampi mantra lelaki Muslim tadi ternyata lebih mujarab, hampir tidak ada yang tidak sembuh di tangannya. Lelaki Muslim ini sendiri telah

¹⁹⁰ Ditulis begini: (الناغران). Barangkali ianya bahasa Tamil. Daripada penjelasan yang seterusnya ternyata bahawa ular tersebut adalah daripada jenis ular tedung. –pent.

¹⁹¹ Ar: (بنجي). Barangkali sebutannya “*Bayya*” seperti orang Melayu memanggil Benggali jual roti itu. –pent.

¹⁹² Cara mengubat dengan membaca ayat Quran atau jampi mantra yang tidak menyalahi Syarak. –pent.

memberitahuku¹⁹³, bahkan aku sendiri menyaksikannya dimana orang ramai datang membawa seorang lelaki yang telah dipatuk ular *Naghiran* itu, dan dalam masa yang sama hadir juga seorang Hindi yang disifatkan sebagai sangat pakar dalam menjampi. Si bomoh Hindi itu menjampi agar mangsa itu sembuh, manakala si Muslim itu menjampi agar mangsa tersebut meninggal, lalu matilah pesakit itu¹⁹⁴. Dia¹⁹⁵ juga pernah menyaksikan dimana lelaki Muslim itu menjampi lebih daripada seorang mangsa patukan ular berkenaan dan ular berbisa lainnya, lalu pesakit yang dijampinya itu sembuh dan selamat.

Sesungguhnya di Kolam Mali – secara khususnya – terdapat sejenis ular yang kecil ukurannya dan memiliki dua kepala. Salah satu kepala itu lebih kecil dari yang lagi satu. Ular ini dipanggil “*Bator*”¹⁹⁶. Jika ia mengangakan mulutnya yang lebih kecil, maka tidak ubahnya seperti paruh burung ciak saja. Sekiranya ia mematuk dengan mana-mana kepalanya, patukan tersebut tidak memberi tanggah walau sekelip mata pun¹⁹⁷.

[CARA-CARA MENGUBAT MANGSA PATUKAN ULAR]

Abul Hasan menceritakan kepadaku dengan katanya:

¹⁹³ “Aku” di sini yakni orang yang telah bercerita kisah ini kepada pengarang. –pent.

¹⁹⁴ Barangkali si Muslim tersebut sudah melihat tidak ada harapan sembuh lagi pada pesakit itu. Ini dikisahkan dalam rangka untuk membuktikan kehandalan lelaki Muslim tadi berbanding bomoh-bomoh yang lain. –pent.

¹⁹⁵ Yakni orang yang telah menceritakan kepada pengarang. –pent.

¹⁹⁶ Ar: (بَطْر).

¹⁹⁷ Maksudnya ialah bisanya terlampau kuat sehingga mematikan seketika itu juga. –pent.

Muhammad bin Babsyad telah menceritakan kepadaku, katanya:

Aku pernah melihat sendiri hal-hal yang sangat menakutkan dan pelik-pelik berkaitan ular di terusan Sarandib. Antara perkara pelik mengenai bomoh-bomoh ular itu aku pernah menyaksikan di sebahagian negeri berhampiran¹⁹⁸ apabila salah seorang penduduk dipatuk ular *Afa*¹⁹⁹ atau ular lainnya, maka bomoh yang ada di situ akan menjampinya. Jika mujarab selamatlah, namun jika sebaliknya maka mereka akan meletakkan pesakit itu ke atas sebuah rakit kayu bersama ubi-ubi lalu dibiarkan dibawa arus sungai yang menghala ke laut.

Keseluruhan atau kebanyakan rumah di sana didirikan sepanjang sungai itu. Mereka sedia maklum bahawa hanya mangsa patukan ular sahaja yang diletakkan atas rakit seperti itu. Dengan itu, jika ada di antara penduduk yang tinggal di sepanjang sungai itu ternampak rakit berkenaan, dan dia pandai dalam hal menjampi mangsa patukan ular, maka dia akan menarik rakit itu ke tepi dan menjampi. Seandainya mujarab, maka pesakit tersebut akan pulang ke rumahnya dengan berjalan kaki. Jika sebaliknya, maka dibiarkan pesakit itu seperti keadaan asalnya.

Demikianlah keadaannya sepanjang negeri itu dengan seorang demi seorang akan menjampinya, samaada berjaya atau sebaliknya sehinggalah sampai ke hujung negeri yang terletak di kuala. Sekiranya masih tidak sembuh, maka

¹⁹⁸ Beginilah yang tertulis dalam naskhah Arabnya. Mungkin bahagian ini pada naskhah aslinya tidak dapat dibaca. –pent.

¹⁹⁹ Ar: (أفعى). Sejenis ular berbintik-bintik hitam putih, kecil lehernya, besar kepalanya. Sangat berbisa. (Kamus Marbawi) –pent.

dibiarkanlah hanyut dibawa arus menuju ke laut dan tenggelam di sana atau pesakit tersebut meninggal sebelum sampai ke laut itu. Ini disebabkan dalam tradisi mereka tidak ada maknanya lagi untuk membiarkan dia menetap di bumi, bahkan ahli keluarganya pun sudah putus harap kalau-kalau dia itu dapat selamat. Jika dia mampu diselamatkan sudah pastilah dia sudah berjalan kaki pulang ke rumah, namun jika sebaliknya, apakan daya.

[HIKAYAT SEORANG PEREMPUAN TUA DUDUK DI ATAS PASIR MENUNGGU AIR PASANG]

Muhammad bin Babsyad juga telah menceritakan kepadaku dengan katanya: Aku pernah melihat pada suatu sungai daripada sungai-sungai yang mengalir menuju ke laut di mana pasang surut airnya sangat besar dan deras.

Pada suatu hari, sedang aku berjalan di sungai tersebut dan ketika itu airnya sedang surut sehingga menampakkan pasir yang luas pada kedua gigi airnya, tiba-tiba aku ternampak seorang perempuan tua sedang duduk bersila di atas pasir di gigi air seakan menantikan sesuatu. Aku lalu menyapanya: “Apa yang membuatkan puan duduk di sini?”

Lantas jawabnya: “Aku ini perempuan tua. Sudah lama aku hidup dan memakan daripada dunia ini. Maka sekarang ini aku berhasrat untuk mendekati diri kepada penciptaku, moga-moga aku beroleh kejayaan.”

Lalu ku tanyakan semula: “Habis, apa yang menyebabkan puan duduk di sini?”

“Aku sedang menunggu-nunggu air pasang datang dan membawaku bersamanya”, terang perempuan tua itu.

Dia setia tidak berganjak daripada tempat duduknya itu sehinggalah datang air pasang menghanyutkan dan

menenggelamkannya.

Telah aku sebutkan pada beberapa tempat di dalam juzuk ini ²⁰⁰ kisah-kisah bunuh diri orang-orang Hind dengan pelbagai caranya itu yang rasanya sudah memadai dan lebih pada cukup.

[HIKAYAT BEBERAPA ORANG YANG MAHU MEMBUNUH DIRI DAN MENGUPAH ORANG LAIN UNTUK MEMBENAMKANNYA KE DALAM AIR]

Sebahagian orang yang pernah masuk ke Hind telah memberitahuku bahawa dia pernah melihat di Kambayat²⁰¹ seorang demi seorang pergi ke teluk di situ untuk membunuh diri. Setiap mereka kemudian memberikan upah kepada orang lain agar membenamkan dirinya ke dalam air kerana bimbang jika dia sendiri menyelam dia akan berasa takut atau gentar. Kerana itulah dia sanggup membayar upah agar orang yang diupah berkenaan menekan tengkuknya sambil membenamkannya ke dalam air sehingga tercabut nyawanya.

Sekiranya dia menjerit atau minta tolong atau minta supaya dilepaskan, orang yang telah diupah itu sekali-kali tidak akan melepaskannya.

[HIKAYAT BERHALA DI SAILAN²⁰² YANG BERPINDAH DARI SUATU PULAU KE SUATU PULAU SETIAP SERIBU TAHUN]

Sebahagian orang yang pernah memasuki negeri As-Sahal²⁰³ telah memberitahuku bahawa dia ada melihat di Pulau

²⁰⁰ Kitab ini terdiri daripada dua juzuk. –pent.

²⁰¹ Ar: (كنبيات). Khambat atau Cambay, terletak di wilayah Gujerat hari ini. –pent.

²⁰² Ar: (سيلان). Sri Lanka kini. –pent.

²⁰³ Ar: (السهال)

Lembu²⁰⁴ – iaitu sebuah pulau antara Pulau Sarandib dan Mandurin²⁰⁵, dan ianya termasuk antara pulau-pulau sekitar Pulau Sahailan²⁰⁶ – sebuah berhala Buddha yang amat besar.

Penduduk Al-Hind mengatakan bahawa berhala ini sebelum ini berada di Pulau Sahailan, lalu ia sendiri merentasi laut sehingga sampai ke Pulau Lembu. Berhala tersebut akan kekal di setiap pulau yang ditujuinya selama seribu tahun sebelum berpindah ke pulau yang lain pula.

**[HIKAYAT KERA JENIS KECIL DENGAN RUPA
SEPERTI MANUSIA]**

Muhammad bin Babsyad telah menceritakan padaku dengan katanya:

Aku telah melihat di Sarirah seekor binatang kecil milik seorang wanita yang rupa binatang itu persis rupa manusia, melainkan mukanya hitam legam seperti muka orang Zinji dengan kedua tangan serta kakinya panjang lebih daripada panjang kebiasaan kaki dan tangan manusia.

Binatang itu juga memiliki ekor yang panjang dan berbulu seperti bulu kera. Ia duduk di pangkuan perempuan itu sambil berpaut kepadanya. Aku lalu bertanya kepada perempuan itu dengan kataku: “Binatang apa ini?”

Maka jawabnya: “Oh, ini daripada penduduk hutan rimba.”

Bila ia menjerit, terdengar jeritannya perlahan saja

²⁰⁴ Ar: (جزيرة البقر)

²⁰⁵ Ar: (مندورين)

²⁰⁶ Ar: (سهيلان). Kemungkinan ini adalah versi ejaan yang berlainan namun merujuk kepada Pulau Sailan juga. Kerana itu saya menetapkan bacaannya sebagai “Sahailan” dan bukannya “Suhailan”.
–pent.

sehingga tidak dapat difahami bunyi butirnya. Kelihatannya binatang itu lebih hampir kepada kera, hanya saja wajahnya dan bentuk tubuhnya itu nampaknya seperti Bani Adam.

[GAMBARAN ZIRAFAH DAN SEMUT DI PULAU LAMURI]²⁰⁷

Dia²⁰⁸ juga telah memberitahuku bahawa di Pulau Lamuri terdapat jenis zirafah²⁰⁹ yang tidak dapat digambarkan besarnya.

Dan dia telah menceritakan pula daripada orang yang telah bercerita kepadanya, dimana orang itu adalah daripada beberapa penumpang kapal yang pecah dihentam badai sehingga menjadikan mereka terpaksa berjalan kaki daripada pesisir Fansur sampai ke Lamuri.

Mereka mengelak daripada berjalan pada waktu malam kerana takutkan zirafah itu. Ini disebabkan zirafah itu tidak keluar pada waktu siang. Apabila malam tiba, mereka pun memanjat pokok kayu yang besar yang terdapat di situ. Di waktu malam itu mereka dapat merasa bahawa zirafah itu sedang berlegar-legar di sekitar mereka.

Apakala siang maka mereka dapat melihat bekas-bekas tapak kakinya di atas pasir. Di pulau itu juga terdapat semut yang tidak tergambar banyaknya, khususnya si Pulau Lamuri

²⁰⁷ Ini adalah kisah yang sangat menghairankan saya disebabkan sepanjang yang diketahui, zirafah hanya terdapat di benua Afrika. Sedangkan Lamuri dikatakan letaknya di Aceh kini. Mungkinkah Aceh itu hanya sebahagian daripada Lamuri, yang mana Lamuri yang sebenar dan wujud lebih seribu tahun dahulu kini sudah terbenam dalam Lautan Hindi akibat pelbagai bencana alam yang berlaku dalam jarak waktu yang lama itu? Wallahu a'lam. –pent.

²⁰⁸ Yakni Muhammad bin Babsyad. –pent.

²⁰⁹ Ar: (الزرافة).

di mana sesungguhnya semut di sana besar-besar sekali.

[HIKAYAT SATU KAUM BEREKOR YANG MEMAKAN
MANUSIA]

Dia juga telah bercerita kepadaku bahawa dia pernah mendengar daripada sebahagian pelaut menceritakan yang di Lulu Bilank²¹⁰ – iaitulah satu kawasan yang gelap di laut – ada terdapat suatu kaum yang memakan manusia. Mereka itu memiliki ekor. Tempat tinggal mereka di antara tanah Fansur dan tanah Lamuri.

Tamat juzuk yang pertama.

*Akan diikuti oleh juzuk kedua mengenai khabar Pulau Nian,
insya Allah Taala.*

BAYTUL
HIKMA

²¹⁰ Ar: (لولو بيلنك).

[JUZUK KEDUA]

[HIKAYAT PENDUDUK PULAU NIAN YANG MEMAKAN MANUSIA DAN BERMEGAH DENGAN BANYAKNYA BILANGAN KEPALA MANGSA YANG DIKUMPULNYA]

Muhammad bin Babsyad telah menceritakan kepadaku bahawa di Pulau Nian²¹¹ – iaitu sebuah pulau di Laut Luar²¹², berjarak lebih kurang seratus farsakh daripada Fansur – terdapat suatu kaum yang memakan manusia dan menghimpun kepala mangsa-mangsa serta saling berbangga di antara sesama mereka siapa yang paling banyak mengumpul kepala itu.

Mereka juga akan membeli potongan-potongan tembaga kuning dengan harga yang tinggi dan menyimpannya seperti orang menyimpan emas. Di negeri mereka, tembaga kuning itu disimpan lama seperti simpanan emas pada kita. Sedangkan emas pula tiada harga bagi mereka, bahkan emas itu dipandang mereka seperti nilai kita terhadap tembaga kuning itu pula.

Maha sucilah Allah sebaik-baik pencipta.

²¹¹ Ar: (جزيرة النيان).

²¹² Ar: (البحر الخارج). Penyebutan lokasi ini serta jaraknya dengan Fansur meyakinkan saya bahawa pulau yang dibicarakan ini adalah Pulau Nias, Sumatera. Melihatkan lokasi Pulau Nias dalam peta akan kita fahami istilah Laut Luar itu. –pent.

**[PULAU DI MANA PENDUDUKNYA MEMAKAN MANUSIA
DAN BERJUAL BELI KEPALA MANGSANYA]**

Selepas Pulau Nian itu, terdapat pula tiga lagi pulau lain yang disebut Brawah²¹³. Penduduknya juga memakan manusia dan mengumpulkan kepala mangsa serta berjual beli kepala itu.

**[PENDUDUK PULAU-PULAU YANG MEMAKAN SERTA
MENYIAT-NYIAT DAGING MUSUHNYA]**

Dia juga telah memberitahuku bahawa seluruh penduduk Fansur, Lamuri, Kalah, Qaqilah, Sanfain dan lainnya, mereka itu pemakan manusia belaka. Hanya saja yang dimakan itu adalah musuh-musuh mereka kerana terlampau geram dan marah, bukan kerana lapar.

Mereka juga menyiat daging mangsa dan menjemur kering serta membuat makanan yang bermacam jenis dengan warna yang pelbagai serta ada juga yang membuat arak dengannya.

**[KISAH PENDUDUK PULAU-PULAU LAJBALUS DENGAN
PARA PENGEMBARA]**

Dia juga telah memberitahuku bahawa penduduk Pulau-pulau Lajbalus²¹⁴ - iaitu gugusan pulau yang panjangnya lapan puluh farsakh – kebiasaan mereka iaitu mereka sendiri akan datang kepada kapal-kapal dagang lalu membeli barang dagangan secara terus²¹⁵. Apabila salah seorang daripada

²¹³ Ar: (براه).

²¹⁴ Ar: (جزائر لجالوس). Dalam kitab-kitab lain disebut sebagai Lanjalus atau Langbalus, iaitu Kepulauan Nicobar kini. –pent.

²¹⁵ Ar: (يدا بيد). Ini adalah satu istilah khusus dalam bab muamalat yang bermaksud jual beli tanpa tangguh. –pent.

mereka telah mengambil barang yang dikehendakinya, namun si penjual belum sempat mengambil tukarannya, si pembeli itu pergi begitu saja tanpa dapat diminta kembali barang yang telah diambilnya tadi.

Kadangkala boleh jadi ada kapal yang pecah lalu seseorang daripada penumpang yang terselamat itu – sama ada lelaki atau perempuan – terdampar di tempat mereka, dan dia ini menyerahkan sesuatu harta atau bajunya, maka penduduk berkenaan tidak akan mengambil suatu apapun. Ini disebabkan sudah teradat bahawa mereka tidak akan mengambil sesuatu daripada seseorang yang terdampar ke tempat mereka.

Setelah itu, mereka akan menumpangkan orang luar itu di rumah mereka dan menjamu makan dengan makanan mereka. Mereka juga tidak akan makan sesuatu makanan itu sehinggalah tamu itu makan, kemudian barulah mereka makan lebih makanan tetamu itu. Tamu itu akan ditumpangkan mereka dalam keadaan demikian sehinggalah ada kapal yang melintasi pulau itu. Ketika itu mereka akan membawa tamu tersebut ke kapal berkenaan lalu berkata kepada orang dalam kapal itu: “Berikan kami sesuatu dan kamu ambillah dia ini!”

Maka tidak dapat tidak orang dalam kapal itu mestilah memberi sesuatu kepada mereka sebagai tukaran dengan tamu yang dibawa itu.

Boleh jadi juga dalam keadaan yang lain orang yang terdampar kepada mereka itu kuat tubuh badannya. Maka dia berkhidmat kepada mereka dengan memintal *kanbar*²¹⁶

²¹⁶ Ar: (الكنبار). Sejenis tali yang terbuat daripada sabut kelapa. –naskhah Hasan Soleh Syihab, m/s 71..

lalu menjualnya kepada mereka dengan tukaran ‘*anbar*²¹⁷. Dengan itu dapatlah dia mengumpul sesuatu harta sehingga dapat dibawa balik ketika dihantar kepada kapal yang melintas nanti.

**[HIKAYAT MEMPEROLEH ADMAS²¹⁸ YANG BAGUS DI
SEBAHAGIAN TEMPAT DI KASYMIR]**

Sebahagian orang yang telah pernah memasuki negeri Hindi memberitahuku bahawa dia pernah mendengar yang *admas* terbaik lagi nadir dan bernilai tinggi dikeluarkan daripada beberapa tempat di Kasymir²¹⁹. Di sana ada sebuah lembah terletak di antara dua buah gunung. Pada lembah tersebut ada api yang sentiasa menyala sepanjang masa tidak kira siang atau malam, musim sejuk atau musim panas.

Berlian yang terdapat di situ tidak dikeluarkan melainkan oleh sekumpulan orang Hindu kasta rendah yang sanggup mengorbankan nyawa mereka sendiri kepada kebinasaan. Mereka akan berkumpul berdekatan lembah itu, kemudian akan menyembelih seekor kambing yang kurus kering. Kambing yang sudah siap disembelih itu akan dipotong kecil-kecil yang kemudiannya akan dilontarkan sepotong demi sepotong dengan *manjaniq*²²⁰ yang telah disiapkan awal-awal lagi. Ini kerana wadi itu sememangnya tidak dapat dihampiri dari ceruk manapun jua disebabkan bahang apinya yang begitu hebat, ditambah pula di sekelilingnya terdapat pula bermacam jenis binatang berbisa dan ular yang tidak dapat

²¹⁷ Ar: (عنبر). Sejenis bau-bauan yang mahal harganya. –pent.

²¹⁸ (الأدماس). Atau (الأماس) yakni berlian. –pent.

²¹⁹ Ar: (قشمير) pada beberapa tempat yang lain dieja begini: (الكشمير). –pent.

²²⁰ Ar: (منجنیق). Sejenis alat pelontar. Juga digunakan sebagai senjata berat dalam peperangan. –pent.

digambarkan yang mana boleh membunuh sesiapa saja yang menghampiri.

Apabila potongan-potongan daging tadi dilontar ke lembah dan jatuh agak jauh daripada api yang sentiasa menyala itu, maka banyak sekali burung helang yang akan turun dan menyambar daging-daging tersebut. Setelah mereka melihat helang-helang tadi membawa daging yang jatuh itu, segera mereka akan mengekori ke mana helang tersebut pergi. Ada ketikanya beberapa berlian itu akan terjatuh daripada potongan daging yang dibawa helang tadi. boleh jadi juga helang tersebut turun ke suatu tempat untuk memakan daging itu, lalu tertinggallah berlian itu di tempat berkenaan. Maka begitulah caranya mereka mengutipnya.

Tidak kurang juga terjadi daging yang dilontar itu jatuh percuma ke dalam api, atau helang menyambar daging yang jatuh dekat dengan api lalu terbakar keduanya sekali. Terkadang helang begitu pantas menyambar daging sebelum sempat jatuh ke bumi. Demikianlah betapa sukarnya bagaimana berlian itu diperolehi. Bahkan pada kebanyakan kesnya, para pencari berlian itu maut disengat binatang berbisa dan dipatuk ular, serta ada juga yang dibaham api.

Raja-raja di sebelah sana memang sangat mencari-cari berlian ini, bahkan sanggup berhabis untuk mendapatkannya disebabkan ketinggian nilainya serta besarnya bahaya yang ditempuh untuk mendapatkannya.

[HIKAYAT PELAYARAN ISMAILUYAH DARI KALAH KE OMAN]

Nakhoda Ismailuyah telah memberitahuku dengan katanya:

Ada suatu peristiwa yang berlaku kepadaku pada tahun tiga ratus tujuh belas (317 H) dimana sekali itu aku belayar

daripada Kalah menuju ke Oman. Hal ini tidak pernah berlaku kepada mana-mana nakhoda pun sebelumku.

Ketika aku telah belayar keluar daripada Kalah, di pertengahan pelayaran itu aku telah terserempak dengan tujuh puluh kapal perang lanun. Lalu kami bertempur selama tiga hari berturut-turut. Aku berjaya membakar beberapa buah kapal mereka serta ramai juga yang telah berjaya aku bunuh. Akhirnya aku berjaya melepaskan diri daripada mereka dan bergerak dengan pantas sehingga perjalananku daripada Kalah sampai ke pesisir Arab – yakni Syahr Luban²²¹ – hanya mengambil masa selama empat puluh satu hari saja.

Sultan di Oman telah mengambil sebanyak enam ratus ribu dinar daripada sepersepuh muatan kapalku. Bakinya daripada sepersepuh itu baginda tinggalkan kepada orang ramai yang berupa barang-barang dan lainnya yang mana nilainya mungkin sekitar seratus ribu dinar, tidak termasuk yang telah hilang dicuri dan tidak dapat dijumpai lagi daripada sepersepuh itu.

Inilah tiga perkara²²² yang terjadi kepadaku dalam satu peristiwa sekaligus yang mana belum pernah berlaku kepada mana-mana orang pun yang belayar di kawasan itu.

²²¹ Ar: (شحر لبان).

²²² Yakni: berjaya melepaskan diri serta kapal daripada tujuh puluh kapal lanun; tempoh masa yang diambil dari Kalah ke Oman selama empat puluh satu hari; dan muatan serta untung yang banyak sehinggakan sepersepuh darinya pun sudah begitu banyak sekali. –pent.

[HIKAYAT SEORANG PEREMPUAN MENGADUKAN HAL
SUAMINYA YANG TUA NAMUN KUAT BERJIMAK]

Al-Baluji²²³ Al-Mutatobbib telah memberitahuku di Oman, katanya:

Pernah aku pada suatu ketika berada di Tiz²²⁴. Kami turun ke sana dengan perahu. Kami tinggalkan kapal lalu menurunkan barang-barang sambil duduk menunggu-nunggu *Syarata*²²⁵. Sedang kami dalam keadaan sedemikian itu, pada suatu hari datang ke hadapan kami seorang perempuan yang tinggi lampai dan cantik sosok tubuhnya bersama seorang lelaki tua yang sudah memutih rambut dan janggutnya serta kelihatan tidak berdaya dan kurus pula.

Tiba-tiba berkata perempuan itu: “Aku ingin mengadu kepada kamu sekalian tentang lelaki tua ini. Dia ini begitu kerap mengajakku bersama sehingga aku rasa tak mampu lagi untuk memenuhi ajakannya itu.”

Mendengar itu, kami pun merasa sangat kasihan kepadanya. Lalu kami berunding dengan lelaki tua itu agar cukup dengan bersama dua kali di waktu siang dan dua kali di waktu malam. Setelah berlalu beberapa hari, datang lagi perempuan itu kepada kami sambil mengadukan hal yang serupa dulu. Kami lantas berkata kepada lelaki tua itu: “Hai tuan! Perkara tuan ni pelik sungguh pada...²²⁶ ceritamu.”

Lantas lelaki tua itupun bercerita:

²²³ Atau Al-Balusyi, nisbah kepada Baluchistan yang terletak di Pakistan kini. –naskah Hasan Soleh Syihab, m/s 138, dengan ringkas.

²²⁴ Ar: (التيز).

²²⁵ Ar: (الشرتا). Angin monsoon timur laut. –naskah Hasan Soleh Syihab, m/s 138, dengan ringkas.

²²⁶ Beginilah dalam naskah Arabnya. Mungkin ada bahagian yang tertinggal atau tidak dapat dibaca pada manuskrip. –pent.

Aku dulu pernah belayar dengan kapal si fulan pada tahun sekian sekian. Malangnya kapal kami ditimpa bencana, namun aku bernasib baik kerana terselamat dengan beberapa orang lagi dengan berpaut kepada layar. Terapung-apunglah kami di laut itu sehinggalah akhirnya kami terdampar di sebuah pulau. Kami pun tinggal di pulau itu selama beberapa hari tanpa memakan suatu apa pun sehingga hampir-hampir putus nyawa.

Hendak dijadikan cerita, kelihatan seekor ikan yang telah mati dihanyutkan ombak sehingga terdampar ke pantai di mana kami berada itu. Namun tidak seorang pun daripada kami segera memakannya kerana takutkan keracunan. Oleh kerana aku sudah tidak tahan lagi menanggung kelaparan, aku tidak peduli lagi dengan rasa takut itu. Sambil mengunyah daging ikan itu mentah-mentah aku berkata: “Jika aku mati dengan sebab ini, maka aku dapat berehat daripada bencana ini. Tapi, sekiranya aku masih hidup lagi, aku dapat mengalas perut hingga sampai waktu akan datang.”

Kawan-kawanku semuanya cuba untuk menghalangku namun tidak ku pedulikan. Apabila daging tersebut mula masuk ke perutku, aku terasa begitu panas sekali di belakangku, seolah-olahnya ada api yang sedang membakar di situ. Rasa panas itu kemudian menjalar sepanjang belakangku seperti sepuntung kayu api yang sedang marak. Kemudian ia semakin merebak ke seluruh tubuhku sehingga membuatkan aku rasa tidak tertahan lagi. Maka semenjak hari itulah sampai ke hari ini keadaanku sedemikian itu.

Telah kami sebutkan.....²²⁷

²²⁷ Beginilah yang terdapat dalam naskhah Leiden, kosong dalam sekitar

[JARAK PELAYARAN ANTARA KALAH KE OMAN]

Telah kami sebutkan kisah Ismailuyah bin Ibrahim bin Mirdas sebelum ini, lalu dikatakan kepadaku bahawa beliau sampai pada tahun tiga ratus tujuh belas (317H). Sampainya beliau daripada Kalah sehingga mencecah pesisir Oman itu dalam masa empat puluh lapan hari.

Dalam tahun itu juga sampai *Kawan*²²⁸ daripada Sarandib dengan muatan yang banyak sehinggakan sepersepuluh nilai muatannya itu adalah enam ratus ribu dinar, dan itu bukanlah kapal Ismailuyah.

[HIKAYAT TAMAN MILIK BAGHBUR]

Diceritakan kepadaku daripada *Kawan* tadi, yang katanya: Baghbur²²⁹, iaitu Raja China telah menjemput aku masuk ke taman bunganya di Khanfu²³⁰ yang luasnya lebih kurang dua puluh *jarib*²³¹. Di dalam taman itu terdapat pelbagai bunga-bunga seperti bunga *Narjis*²³², *Mantsur*²³³, *Syaqaaiq*²³⁴, mawar dan lain-lainnya.

Aku begitu terpegun melihat betapa bunga-bunga musim panas dan bunga-bunga musim sejuk terdapat pada waktu

tiga baris. Maknanya ada bahagian cerita yang terdapat dalam manuskrip namun mungkin tidak dapat dibaca atau atas sebab-sebab lain. –pent.

²²⁸ Ar: (كاوان). Mungkin nama orang atau nama jawatan khas seperti nakhoda. –pent.

²²⁹ Ar: (بغبور).

²³⁰ Ar: (خانفو). Dikenal dengan Guangzhou kini. –pent.

²³¹ Ar: (جریب). Sejenis ukuran untuk timbangan dan juga ukuran tanah. –pent.

²³² Ar: (نرجس).

²³³ Ar: (مشور).

²³⁴ Ar: (شقائق).

yang sama dalam sebuah taman. Raja lalu bertitah kepadaku: “Bagaimana pendapatmu?”

Lantas aku menjawab: “Tidak pernah patik melihat sesuatu yang cantik melainkan taman ini lebih-lebih lagi cantiknya dan tidak ada yang lebih hebat melainkan di sini lebih hebat lagi.”

Raja bertitah lagi: “Sebenarnya, apa yang engkau lihat di sini daripada pokok-pokok dan bunga-bunga itu semuanya terbuat daripada sutera belaka.”

Bagaikan tidak percaya, aku segera mengamati dengan teliti. Lalu benarlah bagai dikata. Aku dapati semua daun-daun dan bunga-bunga itu daripada sutera China yang telah ditenun dan dibuat sedemikian sekali, sehinggakan sesiapa yang memandang pasti akan menyangka ianya tidak lain dan tidak bukan adalah daun-daun dan bunga-bunga yang asli dengan tiada bezanya sama sekali.

[KUBUR SULAIMAN BIN DAUD DI PULAU ANDAMAN]

Di Andaman yang terbesar²³⁵, ada sebuah rumah yang besar terbuat daripada emas. Di situ terdapat sebuah kubur yang dimuliakan oleh penduduk Andaman. Disebabkan terlalu besar pengagungan mereka, kerana itulah mereka membina rumah emas tersebut.

Penduduk Dua Pulau²³⁶ sentiasa menziarah ke situ dan mengatakan bahawa itulah kubur Sulaiman bin Daud ‘alaihissalam dan bahawasanya Baginda telah berdoa kepada Allah Azza wa Jalla agar menjadikan kuburnya di suatu

²³⁵ Ar: (أندامان الكبير). Nama Andaman nampaknya tidak berubah semenjak lebih seribu tahun dahulu. –pent.

²³⁶ Ar: (الجزيرتين). Mungkin ia merujuk kepada dua buah lagi pulau yang ada dalam gugusan itu. –pent.

tempat yang tidak dapat dijejaki oleh manusia zaman itu. Maka Allah telah mengistimewakan mereka²³⁷ dengan menjadikan kubur Baginda di situ.

Tidak ada seorang pun yang pernah sampai ke Andaman itu lalu kembali semula kepada kita. Cuma, sebahagian orang yang telah masuk ke Negeri Emas telah menceritakan kepadaku yang dia pernah berjumpa seorang lelaki di negeri Sanfain. Lelaki itu menceritakan bahawa dia pernah sampai ke Andaman bersama sekumpulan penumpang kapal. Ketika di sana habis semua kawan-kawannya dimakan oleh penduduk di situ dan tidak ada yang dapat melepaskan diri melainkan dia seorang. Dan lelaki inilah yang menceritakan kisah di atas tadi.²³⁸

[HIKAYAT DURRUL YATIM²³⁹]

Lebih daripada seorang pelaut telah bercerita kepadaku berkenaan sebutir permata yang dikenal dengan “*Al-Yatimah*”. Ia dinamakan “*Al-Yatimah*” disebabkan tiada saudaranya di dunia ini.²⁴⁰

Antara yang terbaik daripada rangkuman kisah para pelaut itu tentangnya adalah seperti berikut:-

Pernah di Oman ada seorang lelaki namanya Muslim bin

²³⁷ Yakni penduduk Andaman. –pent.

²³⁸ Boleh jadi maqam itu terletak di salah sebuah pulau Andaman yang sampai saat ini masih belum dapat didekati oleh orang asing yang mana didiami oleh penduduk aslinya yang ganas dan digelar sebagai puak Sentinel. –pent.

²³⁹ Ar: (در اليتيم) atau (الدرة اليتيمة) yakni satu-satunya tidak ada yang sebandingnya. –pent.

²⁴⁰ Yakni permata itulah satu-satunya, belum ditemui lagi yang seumpamanya. –pent.

Bisyr. Beliau seorang yang tidak begitu dikenali, namun baik perjalanan hidupnya. Beliau ini begitu gigih dalam mengupah para penyelam bagi mencari mutiara. Dengan sedikit harta yang ia miliki, sentiasalah dia mencari dan mengupah para penyelam bagi melaksanakan hajatnya itu.

Namun apakan daya, setelah berhabis segala hartanya untuk itu, suatu faedah apa pun masih tidak berhasil. Shinggakan tidak ada lagi yang tertinggal padanya, baik jalan usaha, simpanan, kain baju, mahupun apa saja untuk dijual bagi mendapatkan modal itu. melainkan seurat gelang kaki milik isterinya berharga seratus dinar.

Maka pada suatu hari dia pun berkata kepada isterinya: “Bolehkah dinda pinjamkan kepada kanda gelang kaki yang seurat ini untuk kanda jadikan modal buat mengupah orang menyelam mutiara? Mudah-mudahan Allah akan memudahkan kepada kita sesuatu daripada kurniaNya.”

Maka jawab isterinya: “Wahai kanda! Tidak ada apa lagi yang tinggal dalam simpanan kita yang boleh kita gunakan kala sempit nanti. Kita ini sudah binasa dan jatuh fagir. Kalaulah gelang kaki ini kita jadikan ganti untuk beli makanan, itukan lebih baik daripada menghabiskannya begitu saja ke laut.”

Namun, lelaki itu tidak berputus asa. Dia bercakap dengan lemah-lembut memujuk isterinya. Akhirnya si isteri pun termakan pujuk. Lalu dibawalah oleh lelaki itu gelang itu lalu ditukarkannya dengan wang sebagai modal untuk mengupah penyelam mutiara. Dia lalu mendapatkan beberapa orang lelaki yang bekerja sebagai penyelam itu lantas menggunakan kesemua wang tersebut untuk urusan berkenaan.

Kali ini dia ikut serta bersama para penyelam itu. Mengikut syarat dan peraturan menyelam, hendaklah

mereka tinggal di tempat untuk menyelam itu selama dua bulan cukup, tidak boleh lebih. Lalu pergilah mereka untuk menyelam ke tempat yang telah dipersetujui setelah saling bersetuju dengan syarat ini. Menyelamlah mereka selama lima puluh sembilan hari tanpa sebarang hasil apa satu pun. Setiap kali mereka menaikkan tiram lalu dikopek, tidak sebutir mutiara pun yang ada.

Apabila tiba hari terakhir iaitu hari ke enam puluh, mereka pun turun menyelam lagi. Namun kali ini mereka menyelam dengan nama iblis²⁴¹ – semoga Allah melaknatnya. Tiba-tiba di antara yang dapat dinaikkan kali ini adalah sebiji tiram yang di dalamnya terdapat sebutir mutiara yang besar. Nilainya mungkin menyamai nilai seluruh harta yang telah dihabiskan oleh Muslim sejak dulu sehingga kali ini. Para penyelam itu lalu berkata: “Ini, kami dapatkannya dengan nama iblis – semoga Allah melaknatnya.”

Muslim segera mengambilnya lalu cuba dihancur-lumatkannya, kemudian dibalingnya masuk ke dalam laut. Terkejut dengan perbuatannya itu, para penyelam itu lantas berkata: “Oi tuan! Kenapa tuan buat begitu? Bukankah tuan sudah tidak memiliki apa-apa lagi dan melarat sekarang ini? Mutiara itu sangat berguna untuk tuan dalam waktu semacam ini. Mungkin saja nilainya bersamaan dengan seribu dinar. Elok-elok sudah di tangan, tuan campak begitu saja!”

Lalu jawabnya: “Subhanallah! Bagaimana akan jadi halal untukku mengambil manfaat daripada harta yang dikeluarkan atas nama iblis, dalam masa yang sama aku

²⁴¹ Yakni bukan lagi dengan mengucapkan Bismillah, tetapi *bismi iblis*. *Na'uzubillah min dzalik*. –pent.

sendiri tahu pasti Allah tak akan memberkatinya. Sebenarnya mutiara ini jatuh ke tangan kita tadi semata-mata kerana Allah Taala mahu menguji kita saja. Juga agar setiap orang yang tahu tentang kisah ini akan tahu pula bagaimana keimananku. Kalaulah aku ambil mutiara tadi, pastilah setiap orang yang menyelam mutiara selepas ini akan mengikut apa yang telah dilakukan iaitu mereka akan menyelam dengan nama iblis – semoga dia dilaknat Allah. Kalaulah begitu maka sudah pastilah dosa yang aku dapat lebih besar berbanding faedah yang aku kecap, biar sebesar manapun faedah itu.

Demi Allah! Seandainya semua mutiara dalam laut ini ku dapat dengan cara itu, pasti aku tak akan mengambilnya sebutir pun! Pergilah menyelam lagi, dan sebutlah *Bismillah wa bi barakatillah.*”

Mendengar penjelasannya tersebut, para penyelam dengan akurnya turun ke laut semula dengan mengikut arahan yang telah diberikan lelaki itu. Belum pun mereka solat Maghrib pada hari tersebut – iaitulah penghujung hari ke enam puluh – melainkan telah berhasil di tangan lelaki itu dua butir mutiara, satunya “*Al-Yatimah*” dan sebutir lagi jauh lebih kecil.

Mutiara itu kemudiannya telah dibawa oleh lelaki itu kepada Ar-Rasyid²⁴². Dia menjualkannya kepada khalifah dengan harga tujuh puluh ribu dirham, sementara yang lebih kecil seharga tiga puluh ribu dirham. Setelah itu dia lalu berpindah ke Oman dengan membawa seratus ribu dirham yang diperolehinya. Dibinanya di sana sebuah rumah agam, disamping dibelinya tanah-tanah yang luas dan sawah ladang.

²⁴² Yakni Khalifah Harun Ar-Rasyid. –pent.

Rumahnya itu terkenal dan diketahui setiap orang di Oman. Demikianlah ceritanya tentang “*Ad-Durrah Al-Yatimah*” atau “*Permata Tunggal*” itu.

[HIKAYAT PEMBANGUNAN YANG HEBAT DI PULAU ZABAJ]

Saudagar Yunus bin Mihran As-Sirafi telah memberitahuku – dan beliau pernah masuk ke Zabaj – dengan katanya:

Aku telah melihat di negeri yang menjadi tempat bersemayam Maharaja²⁴³ - iaitu raja bagi Zabaj, pasar-pasar yang besar sekali begitu banyak tidak terhitung bilangannya. Aku mengira-ngira bilangan pengurup wang di pasar pengurup wang di negeri ini, lalu aku dapati bilangannya ada sebanyak lapan ratus pengurup wang. Bilangan itu tidak termasuk pengurup wang yang berselerakan di pasar-pasar.

Beliau juga telah menghikayatkan perkara-perkara berkenaan Pulau Zabaj dari segi pembangunannya serta banyaknya negeri dan penempatan-penempatan di dalamnya memang sukar untuk digambarkan.

[HIKAYAT BAYI YANG KARAM DENGAN BUAINYA NAMUN TERSELAMAT]

Di antara kisah-kisah yang sangat menarik adalah apa yang telah diceritakan kepadaku oleh beberapa orang sahabat kami dengan katanya:

Aku telah belayar dalam sebuah kapal daripada Ubullah untuk menuju ke Bayan²⁴⁴. Entah macam mana ribut telah menghentam kami ditambah lagi dengan gelombang yang dahsyat. Keadaan bertambah buruk sehingga kami sendiri

²⁴³ Ar: (مهراجا). Lafaz Maharaja zaman silam biasa dipakai oleh pemerintah Kedah. –pent.

²⁴⁴ Ar: (بيان) atau Biyan? –pent.

telah menanggalkan pakaian²⁴⁵ dan kami tidak ragu-ragu lagi bahawa maut telah bersedia menyambut.

Bersama kami dalam kapal tersebut, ada seorang perempuan dengan anaknya yang masih kecil. Sebelum itu dia hanya terlihat mendiamkan diri saja. Namun, apabila keadaan semakin memburuk, tiba-tiba terlihat dia menarikan anak kecilnya itu sambil tertawa-tawa. Kami yang melihat telatah peliknya itu kehilangan kata untuk menegurnya kerana masing-masing dari kami telah merasa putus asa untuk hidup.

Akhirnya keadaan pulih dan kami berjaya sampai ke pantai dengan selamat. Aku lalu bertanya kepada perempuan tersebut perkara yang bermain-main dalam fikiranku.

“Wahai puan! Apakah puan tidak takut kepada Allah Ta’ala? Tidakkah puan telah melihat cubaanNya kepada kita dan kami semuanya telah merasa putus asa dari hidup, namun puan boleh pula bermain-main dengan anak kecil puan sambil tertawa. Adakah puan tidak takut kapal akan karam seperti yang kami semua takutkan itu?”

Lalu jawabnya: “Seandainya kamu mendengar kisahku pasti kamu semua akan takjub dan tidak mengingkari kesabaranku dan sambil lewanya aku menghadapi ketakutan karamnya kapal itu.”

Mendengar itu, kami lantas memintanya untuk bercerita.
“Ceritakanlah kepada kami kisah puan itu!”

Maka dia pun mula bercerita:

Aku asalnya penduduk Ubullah. Ayahku mempunyai

²⁴⁵ Maksudnya tentulah menanggalkan pakaian luar atau cuma berseluar atau bersarung tanpa baju. Bukanlah dengan tidak berpakaian langsung. –pent.

seorang kawan yang bekerja sebagai kelasi kapal yang sering berulang alik daripada Oman ke Basrah. Apabila kapal yang menjadi tempat cari makan kawan ayahku ini datang daripada Oman, maka dia akan singgah dan tinggal di rumah kami selama beberapa hari dengan membawa hadiah-hadiah. Ketika mana dia hendak keluar semula, maka kami pun akan memberi beberapa hadiah kepadanya mengikut kemampuan kami.

Dia adalah seorang lelaki yang biasa-biasa saja, tidak terkenal. Ayahku kemudiannya mengahwinkan aku dengannya. Setelah berlalu tiga tahun maka ayahku pun wafat meninggalkan kami. Suatu hari suamiku berkata kepadaku: “Bersiaplah. Kanda akan bawa dinda ke Oman, kerana di sana ibuku masih ada, begitu juga ahli keluargaku.”

Aku lalu menurutnya pergi ke Oman. Maka tinggallah aku di sana bersama keluarganya selama empat tahun. Suamiku pula dengan kerjanya seperti biasa berulang alik daripada Oman dan Basrah. Dalam jangkamasa itu aku pun hamil dan melahirkan anak kecil ini. Setelah lima bulan melahirkan, maka suamiku pula diambil Allah ke HadratNya di Oman.

Selepas selesai tempoh edah, aku merasa tidak betah lagi untuk tinggal di Oman kerana selama ini pun aku tinggal di sana sebab suamiku masih ada. Maka aku pun berkata kepada ibu mertuaku dan keluarganya bahawa aku ingin kembali semula kepada keluargaku di Ubullah. Mereka memintaku agar tidak berpindah dari situ. Kata mereka: “Duduklah bersama kami di sini. Hidup kami jadi tebusan untukmu. Tidak ada sesiapa lagi di dunia ini bagi kami selain daripada anak kecil ini.”

Namun aku telah nekad untuk kembali. Setelah aku menentukan waktunya, aku pun membelikan sebuah bakul

tidur bayi yang kukuh terbuat daripada buluh. Lalu segala pakaianku dan bayiku serta beberapa barang simpananku aku simpankan di dalam bakul tidur itu. Kemudian aku tutup dan ikatnya kemas-kemas. Di bahagian atasnya barulah aku letakkan bayiku. Setelah itu, aku pun keluar bersama bayiku dengan bakulnya itu menaiki kapal yang hendak belayar ke Basrah.

Malangnya di tengah pelayaran itu kami telah dilanda ribut pada waktu tengah malam sehingga memecahkan kapal tersebut. Semua penumpang dan anak kapal tercampak dan terpisah di laut itu. Oleh kerana malam begitu pekat, kami tidak nampak satu sama lain lagi. Nasibku masih baik bilamana aku dapat berpaut pada sekeping papan. Begitulah keadaannya sehinggalah waktu tengah hari esoknya bila mana tiba-tiba kami terlihat seorang pemilik kapal itu melintas di situ.

Beliau segera mengangkut kami semua naik ke atas kapalnya. Ada sepuluh orang semuanya yang dapat diselamatkan itu termasuk diriku. Sesampainya kami di atas kapal, maka kami disuruh tunduk sehingga kami memuntahkan air laut yang telah kami telan sepanjang terapung di laut itu. Setelah itu mereka memberi kami ubat dan merawat kami sehingga pagi esoknya diberi pula sarapan. Dengan itu kembalilah semula nyawa kami yang sebelum ini tinggal nyawa-nyawa ikan saja.

Dalam keadaan sebegini, aku sebenarnya telah terlupa akan bayiku samasekali. Apabila tiba keesokan paginya, tiba-tiba ku dengar suara tuan punya kapal itu berkata kepada orangnya: “Cuba tanyakan kepada perempuan ini sama ada dia punya susu, kerana bayi yang kita jumpai ini hampir mati jika tidak disusui.”

Lalu mereka pun bertanya kepadaku: “Adakah puan punya susu?”

Pertanyaan itu secara tiba-tiba menjadikan aku teringat kepada bayiku. Aku lantas berkata: “Ya, saya ada. Namun dengan kemalangan yang menimpa ini saya tidak tahu apakah masih ada susu atau tidak saya ini.”

Mereka lantas berkata: “Eloklah puan lihat dulu bayi ini sebelum dia meninggal.”

Mereka segera membawakan bakul bayi dengan bayiku masih di dalamnya dengan keadaan asalnya. Bakul itu pun masih seperti sediakala, mereka tidak membuka atau mengambil sesuatu daripadanya. Sebaik saja aku melihat itu, aku terus jatuh tersungkur sambil berteriak lalu pingsan. Mereka yang melihat kejadian itu segera mengambil air dan merenjis-renjis mukaku sambil berkata dengan bimbang: “Kenapa dengan puan ini?”

Setelah seketika, aku pun tersedar. Aku menangis sungguh-sungguh sambil merangkul bayiku itu. Mereka yang ada di situ bertanya dengan penuh kehairanan: “Wahai puan! Apa ceritanya ini?”

Aku lantas menjawab: “Bayi ini sebenarnya anakku sendiri.”

Mendengar pengakuanku itu, maka tuan kapal itu datang berdiri dekatku sambil berkata: “Ini bayi puan? Jadi apa yang ada di bawahnya dalam bakul itu?”

Aku lalu menyebutkan kepada mereka satu persatu apa yang telah ku taruhkan di dalam bakul tidur bayiku itu. Mereka pun mengeluarkan satu demi satu persis baru saja ditaruh sebentar tadi. Kejadian itu menjadikan semua yang hadir menangis penuh keharuan sambil memuji Allah dan memanjatkan kesyukuran padaNya. Aku telah karam di laut

itu yang memisahkan antaraku dan anak kecilku, maka Allah telah mengumpulkanku semula dengan bayiku dalam keadaan sebegitu. Dengan itu aku rasa bimbang sekiranya Allah telah menetapkan bahawa aku akan karam dalam pelayaran ini, maka tiada gunanya lagi aku berjaga-jaga.²⁴⁶

**[HIKAYAT KELASI YANG MEROGOL SEORANG
PEREMPUAN YANG CANTIK]**

Sebahagian saudagar Siraf bercerita kepadaku dengan katanya:

Aku pernah belayar dalam satu kapal daripada Oman hendak menuju ke Basrah. Dalam kapal tersebut ada seorang hamba perempuan daripada kota Mansurah yang rupawan lagi rajin pula. Aku melihat ada seorang anak kapal itu yang seringkali cuba mengoratnya dengan membuat isyarat ketika menghampiri ke geladak, namun tidak dapat mendekati perempuan itu kerana dia berada di dalam.

Tatkala kami sudah hampir ke Kharak²⁴⁷, secara tiba-tiba laut berubah. Kami semua dilanda ribut dengan hujan yang lebat. Akhirnya kapal yang kami naiki itu pecah, dan aku sempat bergayut pada layar. Rupa-rupanya ramai juga orang lain yang telah pun berpaut pada layar itu sebelum aku, termasuklah hamba perempuan dari Mansurah tadi serta anak kapal yang jatuh hati dengannya itu.

Dalam keadaan genting sedemikian, anak kapal itu masih buat gila dengan berterusan menggoda perempuan cantik tersebut. Namun perempuan itu menolak godaan itu bahkan menerajang dengan kakinya. Sepanjang hari itu nampaknya

²⁴⁶ Yakni: Jika inilah kesempatan terakhirku bersama bayiku, maka lebih baiklah aku bersuka-suka dengannya sebelum karam. –pent.

²⁴⁷ Ar: (خارك) atau Kharik? –pent.

dia masih mampu menghalang perlakuan lelaki durjana itu. Sementara itu gelombang masih terus membadai dan menghempas membawa kami sebentar ke atas dan sebentar lagi ke bawah.

Sehinggalah akhirnya keadaan itu menyebabkan perempuan itu tergelongsor lalu lelaki tersebut kini telah dapat kesempatan yang dinantikannya. Dirogolnya perempuan itu sedang aku sendiri menyaksikan hal itu tanpa ada tenaga untuk bangun atau bercakap, apa lagi untuk menghalangnya. Bahkan untuk memikirkan hal tersebut juga tidak mampu disebabkan keadaan kami yang binasa di tengah laut itu.

Apabila tiba esok paginya, perempuan itu sudah menemui ajal dan terjatuh ke laut daripada layar tempat bergayut itu. Sementara ramai yang lain masih selamat di atas layar tersebut.

**[HIKAYAT INZALNYA KELASI DI CELAH PAHA BERHALA
DAN DIHUKUM BUNUH DENGAN FATWA MUFTI]**

Beliau juga telah memberitahuku bahawa di Shaimur²⁴⁸ ada

²⁴⁸ Ar: (صيمور). Pada perkiraan saya, nama tempat ini mungkin merujuk kepada Siam atau Saiburi/Saibur. Ini kerana huruf (ب) dan (م) adalah sama makhrajnya. Perlu juga kita mengambil kira dialek atau loghat tempatan dalam menyebut perkataan yang didengar oleh para pedagang Arab itu. Boleh jadi juga para pedagang Arab mendengar nama itu daripada pedagang asing juga yang bermukim di kawasan itu, jadinya sebutan itu ada sedikit sebanyak perubahan bunyi, seperti yang saya nyatakan tentang sebutan nama Kedah menjadi Kalah dimana mungkin kali pertama pedagang Arab mendengarnya daripada pedagang China, lalu sebutan itulah yang tersebar dan digunakan oleh pedagang-pedagang Arab yang lain. Wallahu a'lam.
-pent.

seorang lelaki dari penduduk Siraf yang dipanggil Al-Abbas ibn Mahan. Beliau ini seorang *Hanurman*²⁴⁹ orang-orang Islam di Shaimur dan tokoh ternama di kota itu serta menjadi tempat rujuk umat Islam di sana.

Pada suatu hari, masuklah ke negeri itu seorang kelasi kapal. Dia ini merupakan seorang kaki maksiat. Sedang dia berjalan-jalan, tiba-tiba ternampaklah kepadanya suatu berhala yang berupa seorang perempuan yang sungguh cantik. Entah apa yang merasuknya, dia lalu mara ke arah berhala itu setelah memastikan tidak ada yang melihatnya lalu berinjal²⁵⁰ di celah kedua paha berhala berkenaan. Tanpa disangkanya, lalu seorang lelaki penduduk tempatan di situ lantas terpancang kelakuannya yang mencurigakan itu.

Kelasi tersebut dek terkejutnya cepat-cepat beralih hendak beredar. Namun lelaki tempatan penjaga berhala ini yang sangsi melihat perbuatan kelasi berkenaan segera menuju kepada berhala itu lalu didapatinya mani kelasi tadi di celah paha berhala itu. Lekas-lekas ditangkapnya kelasi lantas dibawa kepada Raja di Shaimur lalu diadakan halnya. Tidak ada jalan kelepasan lagi bagi kelasi itu selain mengaku saja.

Maka bertitahlah raja kepada orang-orangnya: “Apa pendapat kamu tentang lelaki ini?”

Jawab mereka: “Dia patut dihumbankan kepada gajah supaya dipijak-pijak.”

“Dia patut dipotong-potong saja!” berkata pula seorang

²⁴⁹ Ar: (هنرمَن). Saya tidak menjumpai perkataan ini dalam kamus-kamus Arab. Boleh jadi ianya bahasa tempatan. Berdasarkan konteks, ianya bermaksud Penghulu, Ketua atau Qadhi. Barangkali juga kalimahnyanya adalah *Qahraman* (قهرمان) yang bermaksud “Ketua”. Mungkin terdapat kesilapan bacaan pada tulisan manuskrip. Wallahu a’lam.–pent.

²⁵⁰ Keluar air mani. Melakukan perbuatan sehingga keluar mani. –pent.

yang lain.

Raja kemudian bertitah: “Tidak harus untuk kita lakukan hal itu kerana dia ini orang Arab dan antara kita dengan mereka ada beberapa persyaratan yang telah dipersetujui bersama. Tapi, pergilah salah seorang daripada kamu kepada Al-Abbas bin Mahan, *Hanurman* orang-orang Islam itu dan tanyakan kepadanya apakah hukumannya jika seorang lelaki kamu didapati berkelakuan sumbang dengan seorang perempuan dalam salah satu masjid daripada masjid-masjid kamu. Perhatikanlah baik-baik jawapannya dan laksanakanlah keputusannya itu.”

Maka pergilah salah seorang daripada menteri raja lalu meminta fatwa daripada Al-Abbas itu. Mendengar pertanyaan demikian, Al-Abbas mahu menunjukkan keagungan Islam kepada penduduk di situ, tanpa beliau tahu pangkal punca pertanyaan tersebut, maka beliau pun berkata: “Seandainya kami dapati seseorang seperti apa yang kamu tanyakan itu, pasti akan kami bunuh dia.”

Berdasarkan jawapan tersebut maka dibunuhlah kelasi tadi, lalu sampailah berita ini ke pengetahuan Al-Abbas bagaimana terjadinya sehingga dijatuhkan hukuman itu. Setelah itu beliau pun keluar dari Shaimur secara sembunyi-sembunyi daripada pengetahuan raja kerana takutkan kalau-kalau raja menegahnya dari keluar disebabkan kedudukan dan pangkatnya itu.

**[HIKAYAT KEBERANGKATAN SULTAN CHINA BERSAMA
SERATUS RIBU PENUNGGANG KUDA]**

Daarbazin As-Sirafi – iaitu saudara kepada isteri Ubaidillah bin Ayyub yang mana Ubaidullah itu pula adalah bapa saudara sebelah ibu kepada Qadhi Abdullah bin Al-Fadhl –

telah memberitahuku dengan katanya:

Pernah ketika aku berada di Khanfu – iaitu sebuah bandar di bahagian China Besar ²⁵¹ – pada satu hari apabila dikatakan bahawa esok hari seorang daripada pengawal Baghbur akan masuk ke dalam kota dari segenap pelosoknya.

Maka esok paginya berpusu-pusulah orang ramai berbaris di jalan yang akan dilalui oleh pengawal itu untuk melihat kelibatnya. Mula-mula masuklah segala orangnya bermula daripada terbit matahari sehingga membawa kepada waktu Asar. Setelah itu barulah masuk pengawal tersebut dengan hampir seratus ribu penunggang kuda mengiring bersamanya.

[HIKAYAT TENGGELAMNYA KAPAL]

Di antara banyak kisah yang menarik juga adalah apa yang telah diceritakan kepadaku oleh Al-Abbas bin Mahan – *Hanurman* negeri Shaimur – bahawa sebahagian daripada saudagar telah bercerita kisah dirinya bahawa dia pernah memperlengkapkan sebuah kapal untuk belayar daripada Sindan atau Shaimur (syak ini daripada saya sendiri ²⁵²) menuju ke Oman.

Dia lalu menyerahkan kepada wakilnya dalam kapal itu sebatang kayu yang panjang daripada jenis kayu jati²⁵³ yang

²⁵¹ Ar: (الصين الأكبر). Dalam bahasa Melayu disebut Tanah Besar China. – pent.

²⁵² Daripada pengarang. –pent.

²⁵³ Ar: (الساج). Di dalam kitab *Zaadul Ma'ad* karangan Imam Ibn Qayyim ada disebutkan bahawa Nabi SAW ada memiliki suatu katil yang kakinya terbuat daripada (الساج), yakni kayu jati. Saya juga menjumpai dalam bacaan yang lain bahawa antara jenis kayu yang digunakan

tertera di atasnya tanda sambil berkata kepada wakil itu: “Tolong jualkan kayu ini dan belikan dengan duit itu beberapa barang sekian sekian daripada barangan eceran²⁵⁴.”

Bersama pesanan itu, dia juga menuliskan hal tersebut agar si wakil itu tidak lupa. Maka berangkatlah kapal tersebut. Setelah berlalu dua bulan atau lebih ketika aku²⁵⁵ duduk-duduk di rumahku, tiba-tiba datang seorang laki-laki bertemu denganku lalu berkata: “Ada sebatang kayu panjang telah hanyut masuk ke teluk. Di atasnya ada bertuliskan nama tuan!”

Mendengar itu aku pun bersegera bangun dan pergi ke sana untuk melihat sedangkan aku waktu itu agak kebingungan. Apabila ku lihat kayu itu, ternyata ianya adalah kayu yang telah aku serahkan kepada wakilku dalam kapal dahulu. Dengan itu aku tidak ragu-ragu lagi bahawa kapal itu telah pecah dilaut kerana batang kayu ini berada dibawah kayu-kayu yang lain, dan bukannya mudah untuk ditarik keluar untuk dihumbankan ke laut bersama muatan lain bagi mengurangkan berat kapal seandainya berlaku ribut. Hilang keraguanku bahawa kapal itu dilanda ribut dan terselamat.

Orang ramai pun datang mengerumuniku sambil tidak putus-putus mengucapkan ta'ziah, demikian juga aku pun mengucapkan ta'ziah sama untuk kapal yang telah karam beserta muatannya itu. Setelah itu aku kembali kepada

untuk membuat alang bumbung rumah di negeri Arab dahulu adalah daripada jenis kayu jati juga. Kayu jati merupakan eksport daripada kawasan India dan Kepulauan Melayu. Ini menunjukkan bahawa perdagangan antara kawasan ini sudah berlangsung semenjak zaman yang sudah lama sekali. –pent.

²⁵⁴ Ar: (السقط). Seperti gula dan sebagainya. Barang runcit. –pent.

²⁵⁵ Saudagar yang menceritakan kisah ini. –pent.

kesibukan harianku dengan tiada sebarang syak dalam hatiku bahawa kapal itu memang sudah karam kerana tiada seorang pun yang kembali dari laut dengan membawa khabar mengenai kapal tersebut.

Namun, belum pun berlalu dua bulan lebih kurang, sehingga datang seorang membawa berita gembira dengan katanya: “Kapal tuan telah kembali!”

Gopoh-gapah aku bangun lalu menuju ke pelabuhan. Di sana ku lihat kapal tersebut semakin menghampiri. Kemudian turunlah wakilku itu lalu datang mendapatkanku. Aku dengan tidak bersabar lagi terus bertanyakan khabar, lalu jawabnya: “Selamat dan baik-baik saja.”

Aku lalu menyambung: “Adakah sesuatu telah hilang daripada kamu atau ada benda yang telah kamu hancurkan ke dalam laut?”

“Tidak ada apa-apa yang hilang.” Jawabnya.

Aku lantas memuji Allah sebanyak-banyaknya. Kemudian ku lanjutkan lagi pertanyaanku: “Apa yang telah engkau perbuat dengan kayu yang aku serahkan kepadamu dulu?”

“Aku telah jualkannya dengan harga tiga puluh dinar lebih dan aku telah belikan barang-barang yang engkau kehendaki dengan duit itu.” jawabnya.

Makin bertambah-tambahlah kehairananku mendengar kata-katanya itu. Kemudian kami saling mengira-ngira harga kayu tersebut. Setelah itu aku pun mendesaknyanya dengan berkata: “Tidak dapat tidak engkau harus menceritakan kepadaku hal yang sebenar mengenai kayu itu.”

Lalu wakil itu pun bercerita:

“Tatkala aku sudah selesai memindahkan kesemua muatan ke pantai, tiba-tiba berlaku hujan ribut yang dahsyat di laut Oman. Ombak begitu kuatnya memukul pantai lalu

menghanyutkan kayu tersebut ke laut. Pasir-pasir yang dibawa ombak itu pula dihempas ke pantai sehingga menimbus kayu-kayu yang lain. Keesokan paginya, aku terus mengumpulkan semua orang lalu kami mencari-cari segala barang-barang itu. Semuanya kami dapati kembali melainkan sepotong kayu itulah saja.

Aku terfikir barangkali ia sudah ditimbus pasir. Dengan itu aku mengambil keputusan mengupah beberapa orang untuk menggali pasir bagi mencarinya, namun hampa. Rupa-rupanya ombak telah menghanyutkannya ke laut lalu mengembalikannya semula kepada tuannya.”

Inilah sebahagian daripada kisah-kisah menarik yang telah aku dengar berkenaan ini.

**[HIKAYAT GUNI-GUNI KAPAS YANG DICAMPAK KE LAUT
DITEMUI SETAHUN KEMUDIAN²⁵⁶]**

Pada tahun tiga ratus empat puluh dua (342 H) telah belayar keluar sebanyak seratus buah kapal²⁵⁷ milik sebahagian saudagar Basrah daripada Oman menuju ke Jeddah. Namun, di tengah pelayaran, iaitu berhampiran Syahru Luban, kapal-kapal tersebut telah dilanda ribut yang amat dahsyat. Mereka lantas menghumbankan ke laut beberapa muatan agar kapal menjadi lebih ringan. Antara yang dicampak ke laut itu adalah lima guni berisikan kapas yang telah dipintal. Kapal-kapal akhirnya dapat belayar semula dengan selamat.

Pada tahun ini juga, sebuah kapal milik saudagar yang

²⁵⁶ Tajuk ini kelihatan bertentangan dengan kisah dimana guni itu sebenarnya dijumpai pada tahun yang sama. –pent.

²⁵⁷ Di sini dapat dilihat betapa rancaknya perdagangan laut suatu masa dahulu sehingga sekali rombongan mencapai seratus buah kapal dagang. –pent.

sama hendak belayar keluar daripada Basrah untuk menuju ke Aden dan Ghalafiqah. Tatkala kapal ini sampai ke kawasan Syahru Luban, tiba-tiba sampan yang diikat dibelakang kapal itu terputus talinya lalu hanyut. Beberapa orang anak kapal segera terjun ke laut dan berenang untuk mendapatkan kembali sampan yang telah hanyut itu.

Akhirnya sampan itu masuk ke sebuah kawasan seakan lekuk yang agak tersorok di situ. Anak-anak kapal itu berenang mengekorinya. Akhirnya sampailah mereka ke pantai lalu didapati di sana terdapat lima guni kapas sebelum ini dengan tanda nama tuan punya kapal terdampar di situ. Mereka terus mengangkutnya masuk ke dalam sampan tadi dan membawanya semula ke kapal. Allah telah menentukan bahawa guni-guni tersebut terselamat.

Melihatkan itu, mereka yang di kapal beranggapan bahawa kapal yang membawa guni-guni tersebut telah pecah dan karam di laut. Namun setelah itu mereka mendapat perkhabaran bahawa guni-guni itu adalah termasuk daripada muatan yang telah dicampakkan ketika ribut, dan kapal telah pun selamat.

[HIKAYAT DUA LELAKI YANG MEMBUNUH DIRI]

Seseorang yang aku percayai telah memberitahuku bahawa dia pernah menyaksikan sendiri di sebahagian negeri Hind, dua orang lelaki ...²⁵⁸ daripada mereka. Sesungguhnya kita saja yang masih tinggal.²⁵⁹

Lalu setiap seorang daripada mereka mengorek lubang

²⁵⁸ Beginilah dalam naskhah Arabnya. Kemungkinan ada bahagian tertinggal atau tidak dapat dibaca dalam manuskrip. –pent.

²⁵⁹ Kelihatannya seakan bahagian ini adalah berupa perbualan kedua orang lelaki berkenaan. –pent.

lalu memenuhkannya dengan tahi kering²⁶⁰. Mereka lalu berdiri di atasnya kemudin menyalakannya. Setelah itu mereka membentangkan *Nard*²⁶¹ dan bermain sesama mereka sambil mengunyah sirih dan bernyanyi-nyanyi seolah tidak ada apa-apa yang berlaku, sedangkan api semakin marak membakar di bawah mereka. Apakala api tersebut telah sampai ke bahagian jantung mereka, melompatlah mereka berdua, namun tidak langsung nampak mereka merasa sakit atau berubah keadaan.

Katanya: sesungguhnya dia tidak tahu adakah lelaki yang telah memberitahunya itu menyatakan bahawa kedua lelaki itu mati pada hari pertama ataukah mereka masih terus bermain sehingga hari kedua sebelum mati dalam api tersebut.

[HIKAYAT PERANG DAN DAMAI DUA PUAK YANG BERTELAGAH]

Telah memberitahuku Abdul Wahid bin Abdurrahman Al-Fasawi – beliau ini adalah anak saudara Abi Hatim Al-Fasawi. Beliau telah belayar bertahun-tahun di laut – bahawa orang Hind kebiasaannya menyimpul rambut mereka menjadikan seolah-olah kopiah di atas kepala.²⁶² Pedang-pedang mereka pula lurus tegak.²⁶³

Satu ketika telah berlaku peperangan antara dua puak mereka sehingga akhirnya puak yang satu dapat

²⁶⁰ Tahi kering, biasanya tahi lembu, digunakan sebagai bahan bakar. Kebiasaannya ini di India. –pent.

²⁶¹ Ar: (نرد). Sejenis permainan. –pent.

²⁶² Barangkali gambaran ini mengenai orang Punjab atau Sikh. Wallahu a'lam. –pent.

²⁶³ Tidak seperti pedang Arab dan Parsi yang melengkung. –pent.

mengalahkan lawannya. Lalu puak yang menang itu menentukan kepada musuhnya dengan katanya: “Kami tidak akan berganjak daripada kamu melainkan setelah kamu menjadikan rambut-rambut kamu sujud kepada rambut kami dan pedang-pedang kamu sujud kepada pedang-pedang kami.”

Lalu puak yang dikalahkan itu merungkaikan simpulan rambut mereka dan menjadikan pedang mereka melengkung – iaitulah *Al-Qaratil*²⁶⁴. Petanda tersebut masih kekal sebagai tradisi pada puak yang kalah itu sehingga ke hari ini.

**[HIKAYAT PENGHUNI RUMAH-RUMAH
YANG DITIMPA *SYABKARAH*²⁶⁵]**

Ali bin Muhammad bin Sahl yang dikenal dengan Surur telah memberitahuku bahawa sesungguhnya beliau telah masuk ke Tatbah²⁶⁶ dan Dababid²⁶⁷. Rumah-rumah di situ semuanya terletak di atas air. Para penduduknya pula, kecil besarnya semua terkena *syabkarah* disebabkan terlampau banyaknya memakan *ghailam* – iaitu zakar penyu.

Setiap rumah ada tali yang diikat di pintu lalu dijulurkan ke dalam air dan diikat pada satu pancang. Apabila matahari telah kekuningan ²⁶⁸ dan mereka terasa *syabkarah*, maka mereka akan turun ke air dari rumahnya dengan berpegang pada tali tersebut lalu melepaskan hajatnya serta membersihkan diri sebelum kembali semula ke rumahnya. Demikianlah keadaannya sehingga sampai waktu pagi dan

²⁶⁴ Ar: (القراطيل).

²⁶⁵ Ar: (الشبكة). Mungkin maksudnya sakit perut. -pent.

²⁶⁶ Ar: (تتيه)

²⁶⁷ Ar: (دبابيد)

²⁶⁸ Senja. -pent.

hari telah terang benderang.

Ada juga antara orang luar yang jenis suka berkelakar apabila masuk ke negeri mereka itu diambilnya tali yang dinyatakan di atas lalu tali rumah si fulan diikatnya pada pintu rumah si fulan, dan tali rumah si anu diikatnya pula pada pintu rumah si anu. Lalu apabila penghuni rumah itu turun ke air lalu naik kembali dengan berpandukan tali itu, maka termasuklah dia ke rumah orang lain. Sehingga terjadi kecoh-kecoh dan berkelahi akibat salah sangka bahawa dia itu sengaja mahu mencero boh rumah orang lain.

**[SESIAPA YANG MEMBELI ‘ANBAR NEGERI MAZFAWID
TIDAK KELUAR DARI SITU MELAINKAN AKAN KEMBALI
SEMULA]**

Diceritakan kepadaku bahawa seorang lelaki bernama Abu Tahir Al-Baghdadi telah bercerita dengan katanya:

Aku pernah masuk ke Zabaj. Di antara negeri dalam Pulau Zabaj itu ada sebuah negeri namanya Mazfawid?²⁶⁹. Di situ terdapat banyak sekali ‘anbar²⁷⁰. Sesiapa yang mengangkut ‘anbar dari sana dengan kapalnya lalu cuba keluar dari negeri itu pasti tidak akan berjaya bahkan akan kembali berpatah balik ke sana.

Penduduk di situ menjalankan tipu helah dalam menjual beli ‘anbar dengan orang-orang luar. Sesiapa yang tidak arif mengenai ‘anbar akan menjual dengan harga yang murah kepada mereka.

Mengenai Abu Tahir ini pula, dia pernah berada dalam satu kapal dimana dalam kapal itu terdapat ‘anbar milik tuan

²⁶⁹ Ar: (مزفاويد)

²⁷⁰ Sejenis wangi-wangian yang mahal harganya. –pent.

punya kapal yang cuba diseludup keluar secara rahsia. Namun akhirnya angin telah mengembalikan kapal mereka ke negeri itu semula.

**[HIKAYAT SATU KAWASAN NEGERI ZANJ YANG
MEMPUNYAI API YANG SENTIASA MENYALA SEPANJANG
TAHUN]**

Yazid Al-Omani iaitu Nakhoda Az-Zanj telah memberitahuku dengan katanya:

Aku telah melihat di sebahagian kawasan negeri Az-Zanj, terdapat dua buah gunung yang sangat besar. Di antara keduanya itu terdapat sebuah lembah yang kelihatan bekas-bekas api serta dipenuhi dengan tulang-temulang yang bercerangah dan kulit-kulit yang terbakar.

Aku lalu bertanya tentang hal tersebut. Maka diberitahu kepadaku bahawa lembah itu pada suatu-suatu ketika tertentu dalam setahun akan dialiri oleh api. Kadangkala ada keadaannya di mana api tersebut datang sewaktu kambing lembu serta ternakan lain sedang meragut rumput dan mencari makan di kawasan itu lantas membakar hangus kesemuanya tanpa disedari oleh pengembala dan tuan punya ternakan itu. Api itu akan mengalir di lembah itu selama beberapa hari seumpama aliran banjir.

[HIKAYAT PARA PENYAMUN YANG MENGHUNUS PISAU]

Di negeri Hind, terdapat penyamun-penyamun yang bergerak dari satu negeri ke satu negeri secara bergerombolan. Mereka akan datang kepada para saudagar yang kaya raya – tidak kira sama ada saudagar asing

mahupun orang Hind²⁷¹ – lalu mereka akan mencekupnya di rumah atau di pasar atau juga di jalan-jalan dan menghunuskan pisau dan mengacung-acungkannya di depan muka mangsanya sambil berkata: “Berikan kami sekian sekian atau kami bunuh engkau!”

Jika ada mana-mana orang sama ada orang biasa atau sultan yang cuba menjadi jaguh untuk menghalang mereka, pasti akan dibunuhnya. Mereka tidak peduli sama ada mereka membunuh atau mereka sendiri dibunuh setelah itu, sama saja pada mereka. Apabila mereka mengugut seseorang, maka tiada seorang pun yang berani berkata sepatah pun terhadap mereka atau cuba menolak kemahuan mereka kerana takutkan kehilangan nyawanya.

Setelah itu mereka akan membawa mangsa itu lalu mendudukkannya di mana-mana yang mereka sukai sama ada di pasarnya atau rumahnya atau kedainya atau dusunnya sambil mereka menghimpun harta benda mangsa dan bersukaria makan minum sepuas hatinya. Dalam keadaan begitupun pisau mereka masih sedia tetap terhunus.

Apabila selesai mengumpulkan segala harta benda yang dikehendaki, mereka akan menyuruh seseorang untuk menanggung dan memikul rampasan itu dengan dikawal rapi oleh mereka sehingga sampai ke tempat yang diagak telah selamat, barulah dilepaskan orang tersebut.²⁷²

²⁷¹ Yakni orang tempatan. –pent.

²⁷² Agaknya dari cerita sebeginilah sumber kisah Ali Baba dengan Empat Puluh Penyamun itu. Jika diteliti, ada beberapa kisah dalam kitab ini dan kitab Rihlah As-Sirafi (saya sudah hampir siap menterjemahkannya) yang serupa atau hampir sama dengan kisah-kisah di dalam Hikayat Seribu Satu Malam, umpamanya kisah Sinbad dan lain-lain. –pent.

[HIKAYAT SAUDAGAR HINDI YANG KEBAKARAN RUMAH
DAN KELUARGANYA]

Muhammad bin Muslim As-Sirafi – beliau ini lama bermukim di Tanah²⁷³ kira-kira kurang dua puluh tahun lebih. Beliau juga telah mengembara ke banyak negeri Hind serta arif benar dengan corak hidup penduduknya serta gaya muamalat mereka di sana – telah memberitahuku bahawa:

Ada dua belas orang telah datang ke Shaimur dan Tanah lalu menculik seorang lelaki Hindi²⁷⁴ yang merupakan seorang saudagar. Mangsa ini pula adalah anak tunggal kepada seorang hartawan menyebabkan bapanya menanggung cubaan yang besar²⁷⁵ dalam hal ini. Para penculik tersebut masuk dan menculiknya di tengah rumahnya sendiri. Mereka kemudiannya menuntut tebusan sebanyak sekitar sepuluh ribu dinar. Jumlah ini cuma sebahagian saja daripada apa yang dimiliki oleh bapa lelaki itu.

²⁷³ Ar: (تانه). Ini memangnya daripada bahasa Melayu tanpa syak lagi! Saya meyakini ianya adalah Tanah Seri atau yang dikenal sebagai Tenasserim dalam wilayah Burma hari ini. Namun menurut SM Husayn Nainar dalam bukunya *Arab Geographers Knowledge of Southern India* beliau menyatakan Tanah, Subarah, Saimur dan beberapa tempat lagi yang disebutkan dalam kitab ini terletak di pesisir barat dan selatan India. (Lihat Lampiran 2) –pent.

²⁷⁴ Hindi di sini bukan mesti maksudnya India. Lebih tepat jika dia itu orang tempatan. –pent.

²⁷⁵ Dalam naskhah Arabnya ditulis begini: (شديد المحنة به), maka terjemahannya seperti di atas. Boleh jadi titik pada perkataan (المحنة) tersilap, tapi yang sebenar mungkin (المحبة). Jika begini maka terjemahannya bermaksud: Si bapa itu sangat kasihkan anaknya itu kerana dialah satu-satunya anak yang dimilikinya. Wallahu a'lam. –pent.

Para penculik itu itu memberitahu bapanya agar membayar tebusan bagi membebaskannya. Kemudian datanglah bapanya sambil merayu agar dapat dikurangkan wang tebusan agar menjadi sekadar sekitar seribu dinar sahaja. Mereka enggan sambil berkata bahawa “Kami tidak akan menerima melainkan sepuluh ribu dinar!”

Melihatkan keadaan penculik itu yang berdegil, maka pergilah si bapa itu mengadap raja lantas memberitahu perkaranya. Katanya: “Perkara ini tiada ubatnya. Jika para pengganas itu tidak dihapuskan, nanti tiada seorang pun lagi rakyat tuanku yang berani tinggal di sini.”

Titah raja: “Bagaimana harus kita perbuat? Jika kami sendiri bicara dengan mereka, pasti akan dibunuhnya anakmu itu.”

“Jadi bagaimana?” tanya si bapa.

“Hendak membunuh mereka itu mudah saja bagi beta. Cuma beta risaukan nasib anakmu akan kena bunuh nanti. Sedangkan itu sahaja satu-satunya anakmu.” sambung raja lagi.

“Saya tidak peduli Tuanku! Para penculik itu menuntut harta saya dalam jumlah yang sangat banyak! Apa jadi pun tidak patut saya jatuh papa sedang anak saya terselamat!” jawabnya.

Sambungnyanya lagi: “Tuanku, kita kumpulkan kayu sebanyak-banyaknya keliling rumah itu kemudian kita kunci pintu itu dari luar dan bakar rumah itu!”

“Kalau begitu nanti akan terbakar sekali anakmu dengan keluargamu semua?!” titah raja pula.

“Terbakar mereka itu lebih ringan pada saya berbanding habisnya harta benda saya.” tingkahnya.

Lalu raja pun menitahkan agar disendal pintu rumah itu

dari luar dan dinyalakan api pada pintu itu. maka terbakar hanguslah kesemua para penculik tersebut beserta anak lelaki saudagar itu dan keluarganya bersekali rumah dan perkakasny.

[HIKAYAT TRADISI MEMBAKAR ORANG TUA-TUA DI NEGERI HINDU ATAS]

Disebutkan bahawa di negeri Hindu Atas ²⁷⁶, tradisi membakar orang tua-tua lelaki dan perempuan masih lagi berjalan.

[CARA DUDUK BERSAMA RAJA-RAJA NEGERI EMAS DAN DENDA JIKA MELANGGARNYA]

Di antara adat raja-raja Negeri Emas dan Zabaj bahawa tidak dibenarkan seseorang pun – baik dia itu orang Muslim, orang asing atau rakyat tempatan – duduk di hadapan mereka melainkan dengan cara melipatkan kaki²⁷⁷, iaitulah yang dinamakan oleh mereka sebagai “bersila” ²⁷⁸.

²⁷⁶ Ar: (بلاد الهند الأعلى). Di sini memberi saya suatu petunjuk bahawa ini adalah istilah yang merujuk khusus kepada benua India berbanding jika disebut “Al-Hind” saja yang bermaksud lebih umum cakupannya. Sama juga pada penyebutan “China Besar” dan “China” sahaja. –pent.

²⁷⁷ Ar: (مربع). Kebiasaannya akan diterjemahkan terus sebagai bersila, namun di sini saya tidak menterjemahkan begitu kerana selepasnya terdapat keterangan tambahan yang akan menjadikannya berulang jika diterjemahkan bersila juga. –pent.

²⁷⁸ Di dalam teks Arab ditulis begini: (البرسيلا). Pada mula membacanya sepintas lalu saya tidak dapat menangkap kalimah ini. Hingga akhirnya saya menyedari bahawa ia adalah perkataan bahasa Melayu menjadikan saya begitu teruja. Dan dari sinilah semakin bertambah kuat keinginan untuk menterjemah kitab ini. Ini juga adalah bukti

Barangsiapa yang melunjurkan kakinya atau duduk dengan cara yang lain akan dikenakan denda yang berat mengikut kadar harta yang dimilikinya.

Ada satu kali terjadi peristiwa di mana seorang lelaki daripada kalangan nakhoda yang dipanggil Juhud Kota²⁷⁹ duduk mengadap salah seorang raja daripada raja-raja di sana yang dikenal sebagai Sri Nata Kalah²⁸⁰. Nakhoda ini seorang yang berkedudukan dan memiliki tempat yang khas. Beliau ini seorang yang sudah lanjut usia.

Majlis pada hari itu berlangsung lama dan berlarut-larut pula pembicaraannya. Raja Sri Nata pun nampaknya tidak ada tanda-tanda mahu berangkat dari majlis. Lalu Juhud Kota mendapat akal. Beliau pun membuka mulut menceritakan suatu cerita. Dalam ceritanya itu beliau menyebutkan perihal *Kan'ad*²⁸¹. Katanya: “Di tempat kami di Oman sana ada sejenis ikan yang dipanggil *Kan'ad*. Besarnya ikan tu begini..” – katanya sambil melunjurkan kakinya dan mencekak setengah pahanya. “Ada pula yang sebesar ini..” – sambungnya sambil melunjurkan kakinya yang sebelah lagi dan mencekak pinggangnya.²⁸²

Raja yang melihat kelakuan itu berbisik kepada wazirnya:

bahawa Negeri Emas itu letaknya di Kepulauan Melayu (Malay Archipelago) dan bukannya di benua Afrika seperti yang disalah sangkakan oleh sesetengah pengkaji. –pent.

²⁷⁹ Ar: (جهود كوتاه).

²⁸⁰ Ar: (سر ناتا كله). Mungkinkah Sakranta? Atau Sri Naga? Atau Sailendra? Wallahu a'lam. -pent

²⁸¹ Ar: (الكنعد).

²⁸² Di sini menunjukkan sememangnya bahasa Melayu meluas penggunaannya sehingga orang asing juga boleh berbahasa Melayu pada zaman itu. –pent.

“Ada sebab lelaki ini berkelakuan begini. Kita tadi sedang bersembang perkara lain, tiba-tiba dia melencong bercerita pasal ikan. Apa sebab agaknya?”

Menteri lalu menjawab: “Tuanku, lelaki ini sudah tua dan lemah pula. Jadi dia tidak larat berlama-lama untuk duduk dengan cara begini. Bila dia sudah tak terdaya lagi itulah sebabnya dia mencari jalan untuk merehatkan kaki sebentar.”

Maka titah raja: “Kalau begitu sepatutnyalah kita tidak bebankan lagi tatacara duduk ini khusus ke atas kalangan orang Islam dari luar.”

Lalu bermula dari itu tidaklah lagi tatacara itu terkena kepada orang Islam dari luar dimana sehingga ke hari ini mereka bebas untuk duduk sekehendak mereka ketika mengadap. Manakala selain mereka masih lagi perlu duduk sebagaimana asal iaitu duduk bersila. Sekiranya tidak maka mereka akan dikenakan denda.

[KISAH UTUSAN DARIPADA PENDUDUK SARANDIB KEPADA RASULILLAH SAW]

Aku telah menyebutkan dalam fasal sebelum ini tentang bagaimana para ahli ibadat Hindu dan orang-orang zuhud mereka. Mereka itu banyak kumpulannya. Antaranya Bikur²⁸³ yang berasal daripada Sarandib. Mereka ini sangat mencintai kaum Muslimin dan sangat-sangat condong hati kepada orang-orang Islam.

Dalam musim panas, mereka ini bertelanjang bogel dan berkaki ayam. Kadangkala ada juga yang menutup bahagian kemaluannya dengan potongan²⁸⁴ sebesar empat jari yang

²⁸³ Ar: (البيكور).

²⁸⁴ Kain atau lainnya. -pent.

diikat dengan benang di pinggangnya. Pada musim sejuk pula mereka akan berselubung dalam tikar yang terbuat daripada rumput-rumputan. Ada juga yang memakai kain sarung yang bertampal-tampal dengan pelbagai warna untuk menarik perhatian.

Mereka juga melumuri badan dengan abu tulang-temulang mayat orang Hindu yang dibakar. Kepala mereka dicukur, janggut dan misai dicabut. Namun mereka tidak mencukur bulu ari-ari dan bulu ketiak. Kebanyakannya memotong kuku. Ada di antara mereka yang memiliki tengkorak manusia yang digunakan sebagai bekas makanan dan minuman sebagai cara untuk memberi peringatan kepada diri sendiri serta bertawadhuk.

Dahulu, penduduk Sarandib dan sekitarnya, apabila sampai kepada mereka berita keluarnya²⁸⁵ Nabi SAW, mereka lalu mengutuskan seorang lelaki yang bagus kefahamannya menyuruhnya pergi menemui Baginda untuk mencari tahu tentang hal ehwal serta dakwa Baginda. Utusan tersebut lalu menempuh jalan dan rintangan sehingga akhirnya berjaya sampai di Madinah selepas kewafatan Rasulullah SAW, bahkan setelah kewafatan Abu Bakr r.anhu juga.

Didapatinya yang memerintah ketika itu adalah Umar bin Al-Khattab r.anhu. Utusan ini lalu menanyakan perihal Nabi SAW dan dijawab serta diterangkan panjang lebar oleh beliau. Setelah itu utusan tersebut kemudian menempuh jalan untuk kembali semula namun kematian menjemputnya ketika sampai berdekatan negeri Makran²⁸⁶. Bersama utusan

²⁸⁵ Yakni diutusnya Nabi SAW sebagai Rasul. –pent.

²⁸⁶ Ar: (مكران).

ini ada seorang hambanya berbangsa Hind juga.

Hamba inilah yang akhirnya berjaya sampai semula ke Sarandib lalu mengkhabarkan kepada mereka disana perkara-perkara mengenai Nabi SAW dan Abi Bakr serta perjumpaan mereka dengan Sahabat Nabi SAW yang bernama Umar bin Al-Khattab r.anhu. Dia menceritakan kepada mereka bagaimana tawadhuknya Umar yang memakai pakaian yang compang-camping dan hanya tidur di masjid.

Maka sifat tawadhuk mereka ini adalah disebabkan kisah yang diceritakan oleh hamba itu. Demikian juga mereka memakai pakaian compang-camping sebagai mencontohi Umar r.anhu. Begitu juga kecintaan dan condong hati mereka kepada kaum Muslimin adalah disebabkan ingatan mereka terhadap apa yang telah diceritakan hamba itu mengenai keperibadian Umar r.anhu.

Dalam mazhab penduduk Hind, minuman keras adalah haram bagi lelaki dan halal bagi kaum wanita. Namun ada juga yang masih meminumnya secara diam-diam.

[HIKAYAT SEORANG BIJAK DI SINDABUR DENGAN SEEKOR CICAK]

Di Hind ramai ahli nujum dan ahli sihir yang mana hal ehwal mereka memang dapat disaksikan. Aku pun telah menyebutkan beberapa daripadanya dalam bahagian ini.

Abu Yusuf bin Muslim telah memberitahuku dengan katanya: Telah memberitahuku Abu Bakar Al-Fasawi di Shaimur dengan katanya: Musa As-Sindaburi telah memberitahuku dengan katanya:

Pada suatu hari, sedang aku duduk-duduk berbual-bual

bersama Raja Sindabur²⁸⁷, tiba-tiba baginda tertawa lalu bertanya kepadaku setelah itu: “Apakah engkau tahu mengapa beta tertawa ini?”

“Tidak,” jawabku.

“Di atas dinding itu ada seekor cicak. Dan cicak itu berkata bahawa sekejap lagi akan datang tetamu asing.” Terang raja itu.

Aku merasa pelik dan takjub dengan ketololannya. Jadi, aku pun memutuskan untuk beredar dari situ tanpa tunggu lama. Namun baginda bertitah kepadaku: “Tunggulah dahulu sehingga engkau dapat melihat pengakhiran cerita ini”.

Lalu kami pun meneruskan bersembang sehingga masuk sebahagian orang-orang raja itu membawa khabar: “Ada sebuah kapal dari Oman telah masuk ke teluk.”

Tidak berapa lama kemudian masuklah satu kumpulan orang dengan membawa keranjang-keranjang berisikan barang-barang runcitan serta kain baju dan air mawar. Sebaik saja sampai di hadapan, lalu mereka mula membuka salah satu daripada keranjang itu. Tiba-tiba melompat keluarlah seekor cicak yang agak besar lalu memanjat dinding pergi menuju kepada cicak tadi. Maka jadilah dua ekor cicak ada di situ²⁸⁸, sedang aku sendiri melihat kejadian tersebut.

[HIKAYAT SIHIR BUAYA DAN MATINYA SANG BOMOHI]

Beliau juga telah menceritakan bahawa raja di atas inilah

²⁸⁷ Ar: (صاحب صندابور). Jika Sindabur bukan sebuah kerajaan tetapi wilayah, maka “Sahib” di sini bukanlah “Raja” dalam ertikata yang sebenarnya. –pent.

²⁸⁸ Inilah tetamu asing yang disebutkan oleh cicak itu yang didengar oleh Raja berkenaan. –pent.

yang telah menjampi buaya di teluk Sindabur sehingga ke hari ini buaya tidak lagi mengganas dan menyerang seorang pun di situ. Begitu juga di teluk Sarirah dimana sebelum ini tidak ada seorang pun yang menghampiri gigi air melainkan akan disambar buaya.

Memang dahulunya di teluk itu buaya begitu mengganas sekali sehingga melampau batas. Pada satu ketika ada seorang Hindi datang lalu berkata kepada Raja Sarirah: “Patik akan menjampi buaya-buaya itu sehingga ia tidak mengganggu sesiapa lagi di teluk ini.”

Maka titah raja: “Lakukanlah. Nanti beta akan kurniakan kepada kamu begian begian.”

Namun setelah itu lelaki tersebut lesap entah kemana sehingga tidak nampak batang hidungnya lagi kerana tidak mampu berdepan dengan buaya-buaya itu. Selepas beberapa lama, datang pula ke Sarirah seorang Hindi yang lain yang merupakan seorang bomoh, ahli nujum dan ahli sihir. Di saat bertemu seorang kawannya yang tinggal di situ dia lalu berkata: “Aku akan tunjukkan kepadamu suatu hal yang menarik!”

“Baik, tunjukkanlah!” kata kawannya itu.

Bomoh itupun lantas duduk di tebing teluk itu sambil mulutnya kumat-kamit membaca sesuatu. Kemudian dia berpaling kepada kawannya itu lalu berkata: “Kalau engkau mahu, turunlah ke dalam teluk ini. Sesungguhnya buaya tidak akan mengapa-apakan engkau. Kalau engkau mahu, bawa datang orang lain saja untuk turun. Atau kalau engkau mahu, aku saja yang akan turun.”

Kata kawannya itu: “Kalau begitu elok engkau saja yang turun.”

Lalu dia pun turun. Kemudian diikuti oleh seorang yang

lain. Lantas menyusul pula yang lain. Buaya yang banyak di situ hanya berlegar-legar saja di sekeliling mereka tanpa sedikitpun menyerang. Kemudian mereka pun naik ke tebing semula. Berkatalah bomoh itu kepada kawannya: “Engkau hendak lihat aku bebaskan buaya-buaya itu semula?”

“Buatlah.” Jawab kawannya.

Setelah dijumpinya lalu dicampakkan seekor anjing ke dalam air. Dengan serta merta diterkam dan dikoyak-koyakkannya oleh buaya-buaya yang ganas itu.

Akhirnya sampailah berita itu kepada raja. Lalu dipanggillah bomoh itu masuk mengadap. Raja lalu bertitah kepadanya: “Engkau ada ilmu begian begian?”

“Ya, begitulah kira-kiranya.” Jawabnya.

Raja lalu berangkat ke teluk dengan membawa bersama dua orang yang hendak dibunuh. Kemudian raja pun bertitah kepada bomoh itu: “Jampilah!”

Bomoh tersebut pun kumat-kamit membaca jampinya. Lalu dimasukkan salah seorang lelaki yang hendak dibunuh tadi ke dalam air. Buaya-buaya yang ada di situ hanya berkisar saja disekelilingnya tanpa berbuat apa-apa kepadanya atau menyentuhnya.

Raja kemudian bertitah pula: “Sekarang, engkau bebaskan buaya-buaya itu.”

Sang bomoh lalu menjampi sekali lagi. Tanpa membuang masa buaya-buaya itu terus menyerbu lelaki yang di dalam air itu lalu menceraikan baraiannya satu persatu. Melihatkan itu, raja lalu bertitah kepada bomoh itu: “Sungguh engkau telah melakukan pekerjaan yang bagus sekali! Patut sekali untuk engkau ini diberi hadiah dan kurnia.”

Lalu diberilah oleh raja itu anugerah serta dijanjikan pula bermacam yang lain.

Keesokan paginya, raja pun memanggil bomoh itu dan bertitah: “Hari ini beta mahu kamu lakukan seperti yang telah kamu buat kelmarin.”

“Baiklah tuanku!” akur sang bomoh.

Kemudian raja memanggil salah seorang hambanya yang tegap dan gagah lantas berbisik: “Nanti apabila aku memberi isyarat kepadamu agar menetak leher bomoh Hindi ini hendaklah engkau tetak lehernya pada saat itu juga.”

Mereka kemudiannya bergerak menuju ke teluk kelmarin. Sang bomoh lalu memulakan jampinya. Setelah itu diturunkanlah seorang lagi lelaki pencuri yang hendak dibunuh kelmarin. Buaya-buaya yang ada cuma berlegar-legar saja tanpa menyentuhnya sedikitpun. Kemudian mereka berpindah pula ke tempat yang lain mengulangi perkara yang sama sehingga tidak tinggal lagi mana-mana bahagian pun di teluk itu melainkan semuanya sudah dijangpi oleh bomoh itu.

Ketika mana raja meyakini bahawa keseluruhan teluk tersebut sudah dijangpi, maka baginda lantas memberi isyarat kepada hambanya yang gagah itu, lalu ditetaklah leher sang bomoh itu seketika itu juga.

Maka teluk Sarirah itu sampai ke hari ini pun buaya-buaya di sana tidak mengganggu sesiapa lagi.

[HUKUMAN BUNUH KEPADA PENCURI DI HIND]

Mencuri adalah sangat pantang besar bagi penduduk Hind. Apabila seorang tempatan mencuri di sana, raja akan membunuhnya jika si pencuri itu orang biasa atau tidak ada harta benda. Sekiranya dia memiliki harta, maka seluruh harta bendanya akan diambil oleh raja atau akan dikenakan denda yang sangat besar jumlahnya.

Demikian juga kalau seseorang membeli barangan curian setelah dia mengetahuinya, maka dia akan didenda dengan jumlah denda yang besar. Hukuman bagi mencuri pada mereka adalah bunuh. Jika seorang Islam mencuri di negeri Hind, maka hukumannya akan diserahkan kepada *Hanurman* orang-orang Islam agar dihukum dengan apa yang diwajibkan mengikut hukum Islam. *Hanurman* itu kedudukannya seperti Qadhi di negeri Islam.²⁸⁹ Dan tidak ada jawatan *Hanurman* itu melainkan daripada kalangan orang Islam saja.

[KISAH SAMPAN KECIL DI BAWAH OMBAK LAUT]

Rasyid Al-Ghulam bin Babsyad telah berkisah kepadaku dengan katanya:

Pernah satu ketika aku belayar daripada Siraf hendak menuju ke Basrah dalam sebuah sampan kecil pada bulan Zulqa'dah tahun tiga ratus lima (305 H). Di pertengahan pelayaran itu ribut telah menimpa kami berdekatan Ra'sul Kamila²⁹⁰. Kami lalu mencampakkan ke laut sebahagian daripada muatan yang ada.

Ketika itu aku melihat ombak begitu besar sehingga menaungi di atas sampan kami sampaikan aku menyangka bahawa ia benar-benar menyelubungi keseluruhan sampan itu. Kemudian ombak itu menghempas ke bawah sampan. Berkali-kali aku cuba meninjau-ninjau untuk melihat langit ketika mana ombak tersebut menyelubungi, namun dek kerana tinggi dan besarnya ombak itu langit pun tidak terlihat

²⁸⁹ Ini menunjukkan negeri-negeri Hind waktu itu masih belum berkerajaan Islam lagi. –pent.

²⁹⁰ Ar: (رأس الكاملا).

lagi.

[HIKAYAT KAUM BANGSAWAN DI HIND YANG
MENGUMPULKAN TAHI LEMBU]

Beliau telah memberitahuku bahawa kaum bangsawan daripada para saudagar Hind, tentera dan selain mereka atau juga para bangsawan wanita – sekalipun gundik-gundik raja – mereka itu semuanya mengumpulkan tahi lembu dan kerbau. Sekiranya ada orang yang akan mengangkutnya untuk mereka diangkut ketika itu juga, sebaliknya jika tiada maka tahi lembu atau kerbau itu akan diberi tanda bahawa sudah ada pemiliknya sehingga dijumpai orang yang akan mengangkutnya.

Orang Hind juga memakan bangkai²⁹¹, iaitu dengan cara mereka mengambil biri-biri atau burung lalu mereka memukul kepalanya sehingga mati, lalu dimakannya. Dikatakan bahawa sebahagian orang-orang besar mereka di negeri Shaimur dan Subarah²⁹² mengumpulkan tikus-tikus yang mati. Mereka mengambilnya dengan tangannya lalu diserahkan kepada anak lelakinya atau hambanya, kemudian dibawa ke rumahnya untuk dimakan. Pada mereka, tikus itu adalah haiwan yang terbersih untuk dimakan.

[HIKAYAT TASIK SULTAN CHINA SERTA
MUTIARA-MUTIARANYA]

Antara yang diceritakan kepadaku berkenaan sebahagian

²⁹¹ Bangkai dalam konteks Islam adalah binatang halal yang tidak disembelih secara Syar'ie atau binatang haram sekalipun disembelih secara Syar'ie. –pent.

²⁹² Ar: (سويارة). Sampai kini pun tikus masih dimakan oleh sebahagian orang di Thailand dan Indo-China. –pent.

raja-raja China – dan ini termasuk dalam kategori hikayat – bahawa raja itu memiliki sebuah tasik yang sangat luas. Airnya datang daripada sumber yang sejauh satu farsakh. Kemudian apabila dibuka dan dikeluarkan air dari tasik itu, sejat dan kering habislah sehingga tinggal kosong tasik yang luas tersebut.

Apabila baginda berkehendak untuk memenuhkan air ke dalam tasik itu, maka diperintahkanlah agar dibuka pula pintu dari bahagian sumber air. Kemudian akan dilontarkan mutiara-mutiara ke dalam air yang sedang mengalir masuk itu. Maka mengalirlah air ke dalam tasik itu dalam keadaan sehabis jernih bersama mutiara yang dibawa bersamanya sehinggalah penuh tasik itu dengan mutiara-mutiara dan air melimpah di sekeliling tebingnya. Setelah itu ditutuplah pintu sumber air, lalu nampaklah mutiara-mutiara itu seolah pepasir banyaknya.

**[PULAU-PULAU DIBAJAT²⁹³ YANG TERDIRI DARIPADA
TIGA PULUH RIBU PULAU]**

Telah aku sebutkan dalam sesetengah bahagian kitab ini kisah-kisah menarik mengenai Dibajat Damm²⁹⁴ – iaitulah gugusan pulau yang bermula berhampiran Dibajat Kastaj²⁹⁵ dan akhirnya secara melintang berhampiran dengan

²⁹³ Ar: (ديجات).

²⁹⁴ Ar: (ديجات الدم). Kenyataan pengarang ini menunjukkan kepada kita ada bahagian daripada kitab ini yang tidak sampai kepada kita, kerana setakat ini tidak ada pun kisah-kisah yang disebutkan itu dalam kitab ini. Mungkin bahagian manuskrip ada yang telah hilang atau berada di tempat lain. Wallahu a'lam. –pent.

²⁹⁵ Ar: (ديجات الكستج).

Gugusan Pulau Waq-Waq²⁹⁶.

Dikatakan bahawa pulau-pulau itu sekitar tiga puluh ribu pulau. Para saudagar mengatakan bahawa pulau yang berpenghuni berjumlah sebanyak dua belas ribu buah pulau. Panjang setiap pulau daripada setengah farsakh sehingga sepuluh farsakh. Dan jarak antara satu-satu pulau pula sekitar satu farsakh atau kurang daripada itu. Dan seluruh pulau itu pasir belaka.²⁹⁷

**[HIKAYAT PENGGUNAAN GAJAH UNTUK BERNIAGA DI
SESETENGAH NEGERI HIND]**

Sebahagian mereka²⁹⁸ telah memberitahuku bahawa dia pernah menyaksikan sendiri di sesetengah negeri Hind

²⁹⁶ Ar: (جزائر الوقواق). Waq-waq adalah suatu gugusan pulau yang begitu banyak disebut dalam kitab-kitab klasik umat Islam dengan kisah-kisah yang ajaib sehingga ada sebahagian manusia yang menganggap ia hanyalah dongengan dan khayalan belaka. Sebahagian terkhillaf dengan menyangka ia hanyalah sebuah pulau tertentu. Nyatanya, ia terdiri daripada banyak pulau atau kita menyebutnya sebagai “gugusan pulau” kerana penyebutannya dalam kitab-kitab klasik itu dengan lafaz jama’ iaitu “*Jazaair*” (جزائر). Pelbagai pendapat berlegar tentang lokasi sebenar kepulauan itu. Ada yang mengatakan ianya Indonesia kini, atau seluruh Nusantara. Ada juga mengatakan Jepun hari ini. Ada pula mengatakan ianya Filipina. Boleh jadi ianya pulau Papua New Guinea kerana di sana sehingga ke hari ini masih terdapat tempat yang bernama Fak Fak dan Wewak. Juga pulau-pulau lain di belakangnya seperti kepulauan Solomon, Samoa, New Zealand dan lain-lain. Wallahu a’lam. –pent.

²⁹⁷ Ciri-ciri serta jumlah bilangan pulau ini pun sudah cukup untuk membuatkan kita tertanya-tanya di manakah letaknya kepulauan yang dimaksudkan ini. Jika benarlah Waq-Waq itu Papua New Guinea, maka kepulauan ini adalah pulau-pulau kecil sekitar Flores, kepulauan Aru dan lain-lain di Laut Banda. –pent.

²⁹⁸ Yakni para saudagar atau para nakhoda. –pent.

dimana gajah-gajah berurusan menunaikan keperluan tuannya. Gajah itu akan diserahkan sebuah bekas yang digunakan untuk membeli barang keperluan, di dalamnya terdapat kulit siput²⁹⁹ – iaitu matawang penduduk di situ – serta senarai barang apa saja yang hendak dibeli. Diletakkanlah di dalam bekas itu contoh barang itu setiap jenisnya serta duit kulit siput itu.

Gajah itu kemudian akan pergi kepada penjual bawang. Apabila kedatangan gajah itu dilihat oleh si penjual bawang, dia akan meninggalkan segala kesibukannya – sekalipun ketika itu ada pembeli yang hendak membeli, biar siapa pun jua – lantas mengambil bakul tersebut daripada gajah itu. Kemudian si penjual tadi akan mengira-ngira jumlah wang kulit siput yang ada dalam bakul serta melihat apakah barang keperluan yang tersenarai.

Setelah itu, si penjual akan menyerahkan yang terbaik daripada apa jenis barang yang ada padanya mengikut senarai keperluan itu dengan harga yang paling murah. Gajah itu pula akan meminta tambah, lalu ditambahnya. Boleh jadi adakalanya si penjual tersilap mengira kulit siput, lalu gajah itu akan menggoyang-goyangkan belalainya. Maka si penjual akan mengira semula sekali lagi.

Kemudian gajah itu akan kembali membawa bersama barang yang telah dibelinya. Adakalanya tuannya akan memandang ada kurang pada belian itu, lalu dipukulnya gajah tersebut. Maka gajah itu akan kembali semula kepada si penjual bawang dan menggoyang-goyangkan belalainya kepada barang jualan sehingga berselerak tabak segala barangan itu. Maka si penjual tiada pilihan selain menambah

²⁹⁹ Ar: (ع د).

barang kepada gajah itu atau mengembalikan semula wang kulit siput itu kepadanya.

Gajah yang terlatih seperti ini juga berkebolehan menyapu sampah, menyiram tanaman dan menumbuk padi menggunakan alu yang dibelit dengan belalainya sementara kaum lelaki akan mengumpulkan padi-padi yang telah ditumbuk itu. Ia juga kemudian mengisar padi-padi itu serta mengambil air dengan menggunakan timba yang diikat tali lalu dimasukkan belalainya kepada tali itu lalu membawanya.

Begitulah gajah itu menunaikan segala keperluan tuannya. Di samping itu, ia juga menjadi tunggangan tuannya ke tempat yang jauh. Kanak-kanak juga akan menunggangnya lalu pergi ke padang kemudian memotong rumput-rumputan dan dedaun pokok lantas menyerahkan pula kepada kanak-kanak di atas belakangnya yang bertindak mengumpulkan pula di dalam bekas yang dibawanya. Itulah yang nantinya menjadi makanan gajah berkenaan.

Gajah yang sebegini sifat keadaannya akan menjadi harta yang tidak ternilai harganya. Dikatakan harganya mencecah sepuluh ribu dirham.

[HIKAYAT KARAMNYA KAPAL DAN TERSELAMATNYA BEBERAPA PENUMPANG]

Antara tragedi di laut yang masyhur sehingga ke zaman kita ini adalah apa yang telah diceritakan kepadaku oleh sebahagian saudagar, katanya:

Aku telah keluar dalam sebuah kapal dari Sairaf pada tahun tiga ratus enam (306 H) untuk menuju ke Shaimur. Ikut bersama kami adalah kapal Abdullah bin Al-Junaid dan

kapal Saba³⁰⁰. Tiga buah kapal ini adalah kapal yang teramat besar saiznya serta di antara kapal-kapal yang menjadi sebutan di laut. Para nakhodanya pula terkenal dan memiliki kehebatan dan kedudukan tinggi di lautan.

Di dalam semua kapal ini terdapat seribu dua ratus lelaki yang terdiri daripada para saudagar, nakhoda, anak kapal, para peniaga dan lain-lainnya. Kapal-kapal itu juga membawa muatan harta benda dan barangan dagangan yang tidak diketahui berapakah kadarnya dek kerana terlampau banyaknya.

Setelah kami belayar selama sebelas hari, kelihatanlah pada kami sayup-sayup banjaran gunung serta rupa bumi Sindan, Tanah dan Shaimur. Tidak pernah kami dengar ada yang belayar secepat yang kami tempuhi kali ini. Kami merasa sangat gembira dan sukacita sambil saling mengucap selamat sesama kami serta bersiap sedia kerana kami mengira-ngira bahawa esok pagi kami akan turun ke darat. Namun, tidak berapa lama secara tiba-tiba datanglah kepala angin daripada banjaran gunung itu melanda kami dalam keadaan kami yang tidak mengencangkan layar.

Ribut dan hujan beserta guruh berdentum dan kilat menyambar menyelubungi kami. Para nakhoda dan anak kapal berteriak “Kita lemparkan muatan ke laut!” Namun dihalang oleh Ahmad dengan katanya: “Jangan campakkan melainkan keadaan sudah di luar kawalanku dan aku sendiri sudah yakin bahawa aku akan binasa!”


Orang-orang turun untuk menimba keluar air yang melimpah daripada kedua-dua sisi kapal. Dua buah kapal yang lain juga seperti kapal kami. Setiap sebuah menanti-

³⁰⁰ Ar: (سبا). Mungkin nama kapal berkenaan. –pent.

nantikan tindakan kapal yang lain sama ada mencampakkan muatan atau apa-apa tindakan yang lain untuk diturutinya. Para saudagar sudah kecoh dan memekik: “Campakkan saja muatan ke laut, halal bagimu! Kita akan binasa kalau begini!”



BAYTUL
HIKMA



BAYTUL

HIKMA

“Aku tak akan campakkan!”, begitu jawabnya.³⁰¹

Keadaan semakin bertambah genting berlarutan sehingga enam hari. Apabila tiba hari keenam dimana kapal sudah hampir karam, ketika itu beliau pun berkata: “Campakkan muatan ke laut!”

Tidak mungkin lagi barang-barang tersebut dapat dicampakkan kerana segala buntil dan guni semuanya sudah menjadi berat akibat ditimpa hujan. Mana-mana yang berat asalnya hanya lima ratus *mann* sudah bertambah menjadi seribu lima ratus *mann* bercampur air hujan. Keadaan yang semakin genting itu memaksa mereka menurunkan sampan ke laut. Lalu turunlah ke dalamnya tiga puluh tiga orang lelaki.

Ketika itu dikatakan kepada Ahmad: “Turunlah bersama kami ke dalam sampan ini!”

“Aku tidak akan tinggalkan kapalku ini kerana kapal ini lebih ku harapkan selamatnya berbanding sampan itu. Sekiranya kapalku ini binasa, biarlah aku turut binasa bersamanya. Tiada gunanya lagi aku kembali setelah segala harta bendaku semuanya habis binasa.”

Saudagar ini menyambung ceritanya kepadaku:

Maka hanyutlah kami dalam sampan itu selama lima hari tanpa sesuatu untuk dimakan atau diminum. Tidak ada daya lagi yang tinggal pada kami walaupun untuk mengeluarkan sepatah kata akibat terlampau lapar dan dahaga serta dahsyatnya tragedi yang telah menimpa. Sampan itu terus teroleng-oleng dibawa arus kesana kemari oleh ombak dan angin tanpa kami tahu sama ada kami di tengah lautan atau tidak.

³⁰¹ Yakni jawab nakhoda Ahmad. –pent.

Oleh kerana kelaparan yang terlampau, kami mengisyaratkan sesama sendiri untuk memakan salah seorang daripada kami. Kebetulan ada bersama kami dalam sampan itu seorang kanak-kanak yang gemuk, masih belum baligh umurnya. Bapanya termasuk kalangan yang telah tertinggal di atas kapal. Maka kami berazam untuk memakan budak ini. Namun budak itu kelihatannya menyedari apa yang sedang bermain-main di fikiran kami. Lalu aku lihat dia mengangkat pandangannya ke langit sambil kedua bibirnya kumat-kamit dan matanya bergerak-gerak.

Tidak berlalu sesaat melainkan ketika itu juga kami ternampak bayangan daratan, kemudian jelaslah kepada kami daratan. Setelah itu terdamparlah sampan itu ke pantai, lalu terbalik. Kami kala itu sudah tidak terdaya untuk bangun mahupun bergerak. Tiba-tiba datang dua orang lelaki ke sampan itu lantas bertanya: “Kamu semua ini daripada mana?”

“Kami dari kapal fulan”, jelas kami.

Kedua lelaki itu lalu memegang tangan kami dan mengeluarkan kami ke pantai. Kami terus jatuh tersembam seperti mayat. Salah seorang lelaki tersebut lalu pergi dari situ ke satu arah. Aku lantas bertanya kepada lelaki yang masih tinggal itu: “Di manakah kami sekarang?”

Lalu jawabnya: “Asap itu yang kamu nampak, ia daripada Tiz. Kawanku itu telah pergi ke kampung. Kami ada bekalan makanan, air dan pakaian.”

Kami kemudian dibawa ke kota negeri itu.

Para penumpang tiga buah kapal itu tidak seorang pun yang selamat melainkan kumpulan yang menaiki sampan itu saja. Termasuk antara yang karam itu adalah nakhoda kapal, Ahmad yang namanya masih lagi dikenang orang. Tragedi

kapal ini juga memberi kesan kepada mundurnya perdagangan antara Siraf dan Shaimur disebabkan terlampau banyaknya harta benda yang binasa serta tokoh-tokoh nakhoda, pelaut dan saudagar yang telah maut dalam tragedi itu.

[PASAR SYURGA BERDEKATAN KASYMIR]

Antara kisah yang ajaib daripada segala yang ajaib adalah apa yang telah dikhabarkan kepadaku oleh sebahagian pelaut yang menetap bertahun-tahun di negeri Hind dan lainnya bahawa dia pernah mendengar lebih daripada seorang yang masuk ke sempadan Hind dimana disekitar Kasymir Atas di sebuah tempat yang dipanggil Tarnarayin³⁰², ada sebuah lembah dengan dusun-dusun dan pokok-pokok serta sungai-sungai. Di sana adalah pasar bagi golongan Jin.

Di situ kedengaran hiruk pikuk mereka berjual beli, namun tidak nampak batang tubuh empunya suara. Keadaan itu berlaku dan sedia dimaklumi semenjak lama di tempat itu.

Aku³⁰³ lalu bertanya kepada lelaki yang bercerita ini: “Apakah engkau dengar bahawa pasar itu berlangsung sepanjang masa atautah pada waktu tertentu saja?”

“Tidak pula pernah aku bertanya tentang hal itu”, jawabnya.

[KISAH PELBAGAI BATU-BATAN DI CHINA]

Sebahagian mereka yang pernah masuk ke China telah bercerita kepadaku bahawa dia pernah melihat di sana sejenis

³⁰² Ar: (ترناراین).

³⁰³ Yakni pengarang. -pent.

batuan yang berupaya menarik timah hitam³⁰⁴ daripada balik dulang. Batu itu jika diletak di bawah perempuan yang hamil, nescaya mudah baginya untuk bersalin.

Antaranya ada jenis batu yang mampu menarik tembaga kuning, ada pula yang menarik emas. Dan batu magnet³⁰⁵ yang sudah masyhur mampu menarik besi serta batu yang memadamkan api sedangkan didalamnya ada api lain sedang menyala.

Lelaki ini bercerita lagi:

Bahawa dia pernah melihat di sebahagian tempat dekat Sarandib ada sejenis batu yang pecah, lalu keluar daripadanya seekor ulat. Apabila keluar, ia melata sehingga panjangnya sepuluh hasta lalu mati. Di bahagian atas kepala dan ekornya terdapat bulu-bulu halus seumpama bulu anak burung.

**[AIR YANG MENGALIR DARIPADA SEBUAH GUNUNG DI
YAMAN LALU BERTUKAR MENJADI SEORANG
PEMUDA YAMAN]**

Antara yang ajaib lagi adalah sebuah gunung di Yaman yang terpancar air di puncaknya. Apabila air itu mengalir ke bumi, ia membeku lalu menjadi seorang pemuda bangsa Yaman.³⁰⁶

³⁰⁴ Ar: (الرصاص). Juga umum untuk timah. –pent.

³⁰⁵ Ar: (المغناطيس).

³⁰⁶ Di sini menunjukkan kepada kita bahawa “Hind” adalah kata umum untuk daratan yang bersempadankan Lautan Hindi. Sekalipun Yaman letaknya di Semenanjung Arab, namun tetap dimasukkan ke dalam kitab ini kerana daratannya juga bersempadankan Lautan Hindi. –pent.

[KETERANGAN TENTANG POKOK LUBAN]

Seorang yang pernah melihat pokok Luban³⁰⁷ – iaitulah *Kundar*³⁰⁸ – yang mana tumbuh di lembah-lembah dan tempat di mana air banjir selalu berkumpul³⁰⁹. Pokok ini tidak ada biji benihnya. Ia kelihatan serupa saja semuanya, namun ada kurang lebih dari segi kebagusannya.

Tidak ada sejenis pokok pun di atas muka bumi melainkan dari sempadan *Hasik*³¹⁰ kepada sempadan *Harih*³¹¹. Dan keseluruhannya lebih kurang seratus lima puluh farsakh.

[POKOK YANG DEDAUNNYA³¹² TERTULIS LA ILAHA ILLALLAH MUHAMMAD RASULULLAH]

Seseorang yang pernah memasuki Hind telah memberitahuku bahawa dia telah melihat di ‘Anqiyah³¹³ berhampiran Mangkir³¹⁴ - iaitu suatu bandar besar Negeri Emas – terdapat di sana seponon pokok yang amat besar lagi tegak batangnya, rupanya seperti pokok *Jauz*³¹⁵, berbunga merah campur putih yang bertuliskan La ilaha Illallah

³⁰⁷ Ar: (شجر اللبان).

³⁰⁸ Ar: (الكندر). Kemenyan putih. –pent.

³⁰⁹ Jika berlaku banjir di padang pasir, maka air banjir akan mengalir menuju ke tempat tertentu dan menghimpunkan segala bawaannya sebelum air itu akhirnya diserap tanah. Maka di tempat itulah dikatakan tumbuh pokok ini. –pent.

³¹⁰ Ar: (حاسك).

³¹¹ Ar: (حاريج). Barangkali yang ini dan sebelumnya adalah nama tempat. –pent.

³¹² Beginilah pada tajuknya. Sedangkan pada teksnya dikatakan tulisan itu pada bunganya. –pent.

³¹³ Ar: (عنقية).

³¹⁴ Ar: (مانكير).

³¹⁵ Ar: (شجر الجوز).

Muhammad Rasulullah.

**[KETAM LAUT SANFA BERTUKAR MENJADI BATU SETELAH
NAIK KE DARAT]**

Di Laut Sanfa, terdapat sebuah pulau dimana apabila ketam-ketam naik ke daratannya serta-merta ia akan bertukar menjadi batu. Batu berkenaan sudah terkenal serta dibawa ke Iraq dan seluruh dunia sebagai salah satu ubat pencerah mata. Ahli-ahli farmasi menamakan batu itu sebagai “Ketam Sungai.”

**[HIKAYAT PERSAINGAN PARA SULTAN UNTUK MENCURI
BATU ZABARJAD]**

Seseorang telah bercerita kepadaku bahawa di Bujah³¹⁶ ada sebuah mata air yang melimpah-limpah airnya. Di atasnya terdapat seketul batu zabarjad yang besar, diampu oleh empat patung berhala terbuat daripada emas. Apabila matahari memancar ke atas batu itu, air mata air itu menjadi kehijauan warnanya akibat warna zabarjad itu.

Raja Abur³¹⁷ yang merupakan salah seorang daripada raja-raja yang berdekatan dalam kawasan itu telah memerangi raja-raja yang lain untuk mendapatkan batu zabarjad ini dengan cita-cita agar dapat berkuasa ke atas mereka semuanya. Kesemua mereka berhasrat untuk mengalahkan satu sama lain dengan tujuan merebut batu itu namun tidak ada yang berjaya sekalipun telah mencuba berkali-kali.

Katanya: mereka masih lagi saling bersaing dalam hal itu dan ada sebahagian daripada raja-raja itu yang berazam

³¹⁶ Ar: (بجّة). Mungkinkah Negara Kemboja? Wallahu a’lam. –pent.

³¹⁷ Ar: (عبر).

untuk mengambil batu itu tetapi sesuatu yang buruk telah menyimpannya sehingga hajatnya itu tidak terlaksana.

[HIKAYAT BURUNG YANG BERTELUR DI SARANDIB]

Sebahagian sahabatku telah bercerita kepadaku bahawa di sebahagian selat Sarandib, terdapat sejenis burung yang amat besar. Apabila burung ini bertelur di pesisir laut itu, maka angin tidak bertiup di kawasan berkenaan selama empat belas hari.

[HIKAYAT PENCURI YANG DISIAT KULITNYA SAMBIL DIA MENYANYI]

Muhammad Al-Omani telah memberitahuku bahawa dia pernah melihat di Bermin?³¹⁸ sebahagian negeri Hind dimana seorang hamba bangsa tempatan telah ditangkap oleh raja kerana mencuri atau jenayah lainnya. Lalu diperintahkan untuk disiat kulitnya.

Ketika disiat itu, hamba itu kelihatan bercakap-cakap dan bernyanyi-nyanyi tanpa sedikit pun mengaduh kesakitan. Apabila kulitnya disiat sampai ke pusat dan dipotong, melompatlah hamba itu serta merta.

[BAGAIMANA BURUNG SAMANDAL BERTELUR]

Dia juga telah memberitahuku bahawa di sebuah pulau daripada gugusan pulau Waq-Waq terdapat sejenis burung berwarna putih bercampur merah, hijau dan biru seperti

³¹⁸ Tidak jelas tulisannya. Dalam naskhah Asfahan ditulis (برمين). Manakala dalam naskhah Leiden ditulis begitu juga, cuma tanpa titik melainkan pada huruf ba yang pertama dan huruf nun di akhirnya. – pent.

warna burung *Syuqurruq*³¹⁹, menyamai burung merpati yang berukuran besar. Mereka menamainya *Samandal*³²⁰.

Ia boleh masuk ke dalam api tanpa terbakar serta mampu bertahan selama beberapa hari tanpa makanan selain memakan tanah saja. Apabila ia bertelur, ia tidak akan meminum air sehinggalah telurnya itu menetas. Setelah keluar anaknya, akan dibiarkannya selama beberapa hari dengan tidak dihindarkannya. Segala lalat dan kutu akan mengerumuni anak burung itu sehingga tumbuh bulunya. Ketika itu si anak itu akan bergerak-gerak lalu memakan lalat-lalat dan kutu-kutu tersebut.

[BURUNG YANG BERTUKAR JANTINA DI PULAU WAQ-WAQ]

Dia juga telah memberitahuku bahawa di sebuah pulau daripada gugusan Pulau Waq-Waq terdapat sejenis binatang menyerupai anab yang boleh bertukar jantina sebentar menjadi jantan dan pada masa tertentu menjadi betina pula.

Orang yang memberitahuku hal ini turut menyebutkan bahawa sebahagian penduduk Hind berkata bahawa penduduk Sarandib ada menyatakan hal sedemikian juga. Aku sendiri³²¹ tidak tahu apa yang patut aku katakan dengan hikayat ini. Mereka turut berkata bahawa anab juga sama seperti itu, sedangkan padaku itu sesuatu yang mustahil adanya. Wallahu a'lam.

[HAIWAN DI SUFALAH ZANJ YANG MEMPUNYAI DUA KEMALUAN]

Sebahagian pelaut telah memberitahuku bahawa dia telah

³¹⁹ Ar: (الشفرق) atau (الشفرق).

³²⁰ Ar: (سمندل). Iaitu burung Phoenix. -pent.

³²¹ Yakni pengarang. -pent.

melihat di Sufalah Zanj sejenis haiwan sebesar dhob³²² dengan rupa dan warnanya pun sama. Haiwan ini yang jantannya memiliki dua zakar, sementara yang betinanya pula memiliki dua faraj. Binatang ini kuat menggigit dan apabila menggigit lukanya tidak dapat diubah dan kekal tidak sembuh-sembuh lagi .

Kebiasaannya haiwan ini banyak terdapat di ladang tebu dan jagung serta lebih memberi mudarat terhadap penduduk di sana berbanding ular atau binatang berbisa yang lain. Apabila tiga ekor atau empat ekor daripadanya mengerumuni seseorang, mereka akan menjadikannya bercerai-barai segala anggota dan mangsa itu tidak dapat lagi melepaskan dirinya. Tabiat haiwan itu adalah menerkam ke muka manusia.³²³

**[HIKAYAT ULAR SEPANJANG EMPAT PULUH HASTA DI
SHAIMUR YANG MENELAN BUAYA]**

Jaafar bin Rasyid yang terkenal dengan panggilan Ibn Laakis

³²² Lihat keterangan pada notakaki selepas ini. –pent.

³²³ Berdasarkan kisah ini, kuat sangkaan saya bahawa binatang yang dimaksud bukanlah menyerupai “dhob” (الضب). Barangkali terdapat khilaf pada tulisan manuskrip atau pembacaan. Saya berpendapat bahawa mungkin telah gugur huruf “ain” pada perkataan tersebut dimana perkataan sebenarnya adalah “dubuk” (الضبع). Dengan itu, binatang dimaksud – pada saya – adalah “Tasmanian Tiger”. Memang Tasmanian Tiger ini rupa dan warnanya saling tak tumpah seperti dubuk. Dan ini membuka pintu kepada suatu lagi maklumat iaitu “Sufalah Zanj” atau terjemahan mudahnya “Bumi Zanj Bawah” tersebut adalah Pulau Tasmania. Manakala yang disebut Bumi Zanj pula adalah Australia itu sendiri. Adapun kaum Az-Zanj itu adalah Kaum Aborigines Australia yang mendiami tanah tersebut sebelum kedatangan penjajah Eropah. Wallahu a’lam. –pent.

yang mana beliau ini merupakan salah seorang nakhoda Negeri Emas yang termasyhur menceritakan kepadaku bahawa ada seekor ular telah datang ke teluk Shaimur lalu menelan seekor buaya yang besar di situ.

Berita ini telah sampai ke pengetahuan raja³²⁴ Shaimur. Baginda lantas mengerahkan orang untuk mencari ular tersebut. Berhimpunlah seramai lebih tiga ribu orang laki-laki untuk mencari ular tersebut sehingga akhirnya berjaya ditangkap. Mereka lalu menjerut kepalanya dengan tali. Kemudian sebahagian orang mencabut taring ular tersebut dan mengikatnya dengan tali. Pada kepalanya terdapat luka sehingga membawa ke telinganya.

Setelah itu mereka pun mengukur panjang ular tersebut menggunakan ukuran hasta, lalu didapati panjangnya sebanyak empat puluh hasta. Kemudian dipikullah ular tersebut di atas bahu sekumpulan orang. Beratnya itu dianggarkan ribuan *ritl*. Peristiwa ini berlaku pada tahun tiga ratus empat puluh (340 H).³²⁵

[KECERDIKAN PENDUDUK WAQ-WAQ DAN SISI BURUK MEREKA]

Sebahagian orang telah bercerita kepadaku bahawa mereka telah melihat ada orang yang telah memasuki Waq-waq dan merasa tersentak dengan keadaannya. Lelaki

³²⁴ Di sini perkataan yang digunakan adalah (صاحب). Jika Shaimur bukan sebuah kerajaan sebaliknya hanya wilayah, maka kata “raja” yang saya terjemahkan haruslah difahami mengikut konteksnya. –pent.

³²⁵ Ini menunjukkan bahawa kisah orang tua-tua mengenai ular gergasi bukanlah suatu dongeng semata. Dalam kitab ini terdapat banyak kisah yang menunjukkan binatang-binatang dan burung-burung pada zaman silam besar-besar saiznya. –pent.

tersebut telah menyifatkan luasnya negeri dan pulau-pulainya. Aku tidak maksudkan luas di sini dengan maksud negeri itu luas dengan kota-kota yang besar, tetapi penduduk Waq-Waq itu yang sangat ramai.

Di antara mereka itu ada yang menyerupai bangsa Turki. Dan mereka adalah sepintar-pintar makhluk Allah dalam segala kepandaian dan terlatih pula pada segala jenis kemahiran itu. Dalam masa yang sama, mereka juga pakar dalam menipu-helah, pembelit dan helat serta jahat. Dan juga sangat kasar serta ganas pada segalanya.

[MEMERANGI PENDUDUK WAQ-WAQ DAN QANBALUH]

Ibn Laakis telah memberitahuku bahawa mereka telah menyaksikan hal ehwal yang dahsyat pada penduduk Waq-waq. Iaitu mereka telah bersemuka dengan penduduk Waq-waq pada tahun tiga ratus tiga puluh empat (334 H) dalam seribu buah perahu lalu berlakulah pertempuran yang sengit antara mereka.³²⁶

Namun penduduk itu tidak dapat ditewaskan. Ini kerana di sekeliling Qanbaluh terdirinya kubu yang kukuh, dan di sekeliling kubu itu pula adanya teluk yang dipenuhi air laut. Jadinya, Qanbaluh yang terletak di teluk itu berkeadaan seperti kota pertahanan yang teguh.

Sebahagian daripada penduduk itu datang bertemu mereka lalu bertanya apa sebabnya mereka datang ke tempat itu dan bukannya ke tempat lain. Lalu mereka pun menyatakan bahawa kedatangan mereka disebabkan di situ

³²⁶ Kisah ini memastikan kepada kita bahawa Waq-Waq itu suatu tempat yang memang benar-benar wujud. Sebahagian orang menganggapnya sekadar khayalan dan dongengan saja. Di sini siap disebutkan tahun kejadiannya. -pent.

terdapatnya barangan yang berguna untuk negara mereka serta negara China seperti gading gajah, *dzabal*³²⁷, harimau dan ‘anbar.

Mereka juga ingin mengambil orang Zanj kerana sabar dan kuat bekerja. Kemudian mereka mengkhabarkan bahawa mereka telah menempuh perjalanan selama satu tahun sebelum sampai ke situ dan telah merampas pulau-pulau yang berjarak enam hari pelayaran daripada Qanbaluh serta telah mengalahkan banyak kampung dan bandar - yang diketahui ehwalnya selain daripada yang tidak diketahui khabarnya - bermula daripada Sufalah Zanj lagi.

Sekiranya kata-kata mereka itu benar dan hikayat mereka itu sahih bahawa mereka datang dari jarak setahun perjalanan, maka ini menunjukkan sahihnya apa yang telah disebutkan oleh Ibn Laakis tentang gugusan Pulau Waq-Waq itu yang mana ianya bersetentang³²⁸ dengan China. Wallahu a’lam.³²⁹

[HIKAYAT BINAAN RUMAH DI ATAS AIR DI TELUK SARIRAH]

Aku telah sebutkan tentang hal ehwal Sarirah³³⁰ sebelum ini. ia terletak di hujung Pulau Lamuri. Jarak antara Sarirah dengan Kalah adalah pelayaran sejauh seratus dua puluh

³²⁷ Ar: (الذبل). Iaitu cengkerang penyu.

³²⁸ Bersetentang di sini adalah dari segi kedudukan, bukannya disalah fahamkan sebagai betul-betul berhadapan seperti kedudukan Taiwan, Hong Kong atau Jepun dengan China. Jika demikian tentunya tidak memerlukan perjalanan selama setahun. -pent.

³²⁹ Komentor pengarang. -pent.

³³⁰ Ar: (سريرة). Apakah ianya Sarawak sekarang? Wallahu a’lam. -pent.

*zam*³³¹. Wallahu a'lam.

Telah sampai berita kepadaku bahawa teluk Sarirah itu menembus masuk ke pulau berkenaan sejauh lima puluh *farsakh* dimana ia itu adalah sebatang sungai yang jauh lebih lebar berbanding sungai Dijlah di Basrah. Airnya tawar dan enak sama seperti air sungai Dijlah di Basrah itu. Tidak ada teluk mana-mana negeri di pulau ini yang lebih panjang daripada sungai ini. Air pasanginya dua belas jam.³³²

Dalam sungai itu terdapat banyak buaya. Hanya saja buaya-buaya yang berkeliaran di sekitar rumah di situ tidaklah membahayakan kerana mengikut apa yang telah dihikayatkan bahawa ianya telah dijampi. Adapun yang di luar kawasan rumah-rumah di situ, maka tidak mungkin bagi seseorang untuk hampir kerana bahaya buayanya.

Rumah-rumah di Sarirah sebahagiannya di daratan, namun kebanyakannya dibina di atas air pada kayu yang tersusun seperti rakit. Begitulah semenjak dahulukala. Hal itu adalah disebabkan kebakaran yang sering terjadi di tempat mereka dimana rumah-rumah yang terbuat daripada kayu begitu mudah sekali dijilat api. Sedikit saja kebakaran akan menghanguskan kesemua rumah di situ. kerana itulah mereka membuat rumah rakit itu sebagai jalan berhati-hati. Sekiranya berlaku kebakaran, pemilik rumah masih ada jalan melepaskan diri dengan berpindah ke rumah rakitnya lalu mengangkat sauh dan pergi ke tebing sebelah lagi.

Kadangkala juga sebahagian tidak suka berjiran dengan

³³¹ Satu zam = 3 jam. 120 zam = 360 jam. Bersamaan 15 hari perjalanan belayar. –pent.

³³² Jika benar Sarirah itu Sarawak, maka sungai yang dimaksud ini tidak lain adalah Batang Rajang. –pent.

sebahagian, lalu dengan rumah rakit itu mudahlah mereka berpindah ke kampung lain. Rumah-rumah itu berbaris sepanjang teluk itu seumpama jalanraya. Air sungai sekitar penempatan itu begitu melimpah dan tawar serta enak rasanya kerana ia bersumber daripada hulunya di gunung dan terus ke laut sama seperti sungai Dijlah juga.

[HIKAYAT SAMPAN YANG DIBAWA ANGIN KE
PULAU KANIBAL]

Dihikayatkan kepadaku bahawa dia ³³³ telah mendengar sebahagian nakhoda berkata:

Mana-mana kapal apabila telah terlajak sampai ke Sufalah Zanj, maka kebanyakan yang sampai ke negeri yang didiami oleh kaum Zanj itu pemakan manusia. Hanya saja, kapal yang sampai ke sana bukan dengan sengaja menuju ke sana, namun disebabkan gelombang dan angin yang menolak mereka yang mana para nakhoda pun tidak berupaya menentukan dan mengendalikan kapal lagi sehingga terdampar ke tempat mereka itu.

Antara Qanbaluh dan tempat yang didiami oleh kaum Zanj pemakan manusia ini lebih kurang jaraknya seribu lima ratus farsakh. Wallahu a'lam.

Adapun tempat yang dituju oleh kapal itu letaknya selepas Qanbaluh sekitar seribu *farsakh*. Yang paling dekat adalah lapan ratus farsakh, iaitu perjalanan sejauh empat puluh dua *zam* atau lebih kurangnya.³³⁴

³³³ Yakni si fulan empunya hikayat itu. Ini jika dibaca (حكي). Jika dibaca (حكى), maka pencerita ini adalah Ibn Laakis yang sebelum ini. –pent.

³³⁴ Mungkinkah ini merujuk kepada New Zealand? Wallahu a'lam. –pent.

Ibn Laakis telah memberitahuku bahawa ketika beliau berada di Sufalah bersama sebahagian raja Zanj, tiba-tiba datang seorang lelaki lantas berkata: “Tuanku! Ada seekor anak burung daripada anak-anak burung sekian – Ibn Laakis terlupa nama burung berkenaan – telah jatuh ke dalam hutan sekian. Anak burung itu telah menangkap seekor gajah dan menghempasnya lalu memakannya. Kini anak burung itu telah dapat ditangkap!”

Mendengar itu, raja Zanj pun bersegera bangun serta melangkah menuju hutan berkenaan. Ramai juga yang ikut bersama termasuklah aku. Tiba di sana, kami melihat burung tersebut sedang bergerak-gerak lagi. Gajah yang dihumban ke tanah oleh anak burung itu seperempatnya telahpun dimakan olehnya.

Raja kemudian memerintahkan untuk diambil bulu kedua belah sayap burung itu. Lalu diambil bulunya yang terbesar berjumlah dua belas kesemuanya, enam di setiap belah sayap. Bulu yang lain juga turut diambil. Demikian juga paruh dan cakarnya dan sedikit daripada bahagian dadanya. Itu semua dibawa pulang oleh raja. Bulu pelepah yang dibawa pulang oleh raja itu dipotong bahagian bawahnya dan boleh diisi sebanyak sembilan *qirbah* air atau lebih lagi.

Mereka menceritakan bahawa burung itu adalah daripada anak burung jenis yang terdapat di Sufalah Zanj. Ia ketika itu sedang melintasi hutan berkenaan dimana ia tiba-tiba ternampak gajah tersebut. Lalu dicekupnya gajah itu dengan cakarnya dan dibawanya terbang ke udara sebelum

³³⁵ Saya meninggalkan sebegini kerana tajuk yang diletakkan dalam naskhah Arabnya langsung tidak berkaitan dengan kisahnya. –pent.

dihempasnya supaya mati. Kemudian ia pun turun lalu memakannya. Penduduk yang ada di situ menyadari kehadiran burung tersebut lantas menghujannya dengan panah dan tombak beracun sehingga ia terbunuh.

[HIKAYAT LAUT SHAFYU]

Ibn Laakis telah berkata kepadaku bahawa di antara Tsabiyah³³⁶ dan Pulau Ghailami³³⁷ terdapat sebuah laut kecil yang dipanggil Laut Shafyu³³⁸. Panjangnya sejauh enam hari perjalanan. Mana-mana kapal yang hendak melaluinya hendaklah melalui pada kawasan yang berkedalaman tiga puluh *baa'*. Sekiranya ia melalui pada kawasan berkedalaman dua puluh *baa'* maka ia akan karam. Ini disebabkan di laut ini terdapat lumpur jerlus yang mana jika ada kapal termasuk ke dalamnya akan ditelan. Amat sedikit sekali yang berjaya selamat.

[KEADAAN PULAU SARANDIB, IAITU SAILAN]

Antara pulau-pulau yang disifatkan tidak ada yang sebandingnya adalah Pulau Sarandib yang dinamakan Sahailan³³⁹. Panjangnya sekitar seratus farsakh dan ukur lilitnya sebanyak tiga ratus farsakh. Di sana terdapat kawasan selaman mutiara mulus. Hanya saja mutiara itu kecil ukurannya. Jika ada pun yang berukuran besar, ia tidak mulus pula.

³³⁶ Ar: (ثبية).

³³⁷ Ar: (جزيرة الغيلمي).

³³⁸ Ar: (بحر صفيو).

³³⁹ Ar: (سهيلان). Ceylon, Sri Lank (jika ditulis begini akan nampak kepada kita kemiripan sebutannya berbanding jika ditulis Sri Lanka dengan huruf "a" di hujungnya). -pent.

Gunung di situ kukuh sekali. Iaitulah gunung *yaqut*³⁴⁰ dan *admas*. Dikatakan orang bahawa inilah gunungnya di mana Adam ‘alaihissalam diturunkan. Di situ terdapat kesan telapak kaki baginda yang berukuran panjangnya lebih kurang tujuh puluh hasta. Penduduk pulau ini berkata bahawa kesan itu adalah bekas kaki Adam ‘alaihissalam dimana baginda meletakkan sebelah kakinya di sini manakala kaki yang sebelah lagi di laut.

Di pulau itu juga terdapat tanah merah iaitulah *sinbadaj*³⁴¹ yang digunakan untuk melarik *ballur*³⁴² dan kaca. Kulit pokok kayu manis yang berasal dari sini mahal harganya iaitu yang dikenal sebagai “*kulit kayu manis Sailan*”. Ada jenis rumput di pulau ini berwarna merah yang digunakan untuk mencelup warna baju dan pintalan benang. Pewarna tersebut mengatasi pewarna yang terbuat daripada *baqqam*³⁴³, *za’faran*, *‘asfar*³⁴⁴ dan segala pewarna merah yang lain.

Selain itu, terdapat banyak lagi jenis-jenis tumbuhan yang pelik-pelik di pulau berkenaan yang mana panjanglah penjelasan dan membangkitkan ketakjuban jika disebutkan. Dikatakan bahawa di Pulau Sarandib terdapat hampir seribu kampung.

**[KISAH SEORANG LELAKI DARIPADA PENDUDUK BASRAH
YANG SELAMAT DARIPADA KAPALNYA YANG KARAM]**

Aku telah mendengar mereka yang menghikayatkan bahawa

³⁴⁰ Batu delima. –pent.

³⁴¹ Ar: (سنبادج) atau *Sunbadzaj* (سنبادج). Barangkali seperti batu kawi. Wallahu a’lam. –pent.

³⁴² Atau *Billur*, yakni hablur. Ar: (بلور).

³⁴³ Ar: (البقم).

³⁴⁴ Ar: (العصفر).

ada seorang laki-laki daripada penduduk Basrah yang tinggal di deretan perumahan Quraisy telah keluar belayar daripada Basrah sehingga sampai berhampiran Zabaj atau dekat-dekat sana...³⁴⁵ dia telah berjaya selamat dan terdampar ke sebuah pulau.

Katanya:

Aku lalu naik ke pulau tersebut dan kemudiannya memanjat sebatang pokok yang ada di situ untuk menyembunyikan diri di celah-celah daunnya serta tidur di atas pokok itu pada malamnya.

Pada keesokan paginya, aku terlihat begitu banyak biri-biri datang ke situ entah daripada mana. Hampir dua ratus ekor banyaknya dan besar setiap seekornya pula sebesar anak lembu. Biri-biri itu digembala oleh seorang lelaki yang tidak pernah aku lihat seorang pun sepertinya. Badannya besar tinggi dan rupanya sangatlah hodoh. Dengan sebatang tongkat di tangannya, lelaki tersebut menghalau biri-birinya.

Setelah itu, dia lalu duduk sebentar di pinggir laut sementara biri-birinya leka meragut rumput di celah-celah pokok yang ada di situ. Sebentar kemudian kelihatan dia meniarap lalu tertidur sehinggalah hampir ke waktu tengah hari. Setelah bangun dari tidur, dia terjun ke laut lalu mandi. Tidak berapa lama kemudian, kelihatan dia keluar daripada air. Lelaki itu tidak berbaju, cuma yang ada pada tubuhnya hanyalah sehelai daun seperti daun pisang, melainkan ukurannya lebih besar daripada daun pisang yang biasa, diikat kemas pada pinggangnya seumpama kain sarung.

Selepas itu dia berjalan menuju kepada biri-birinya lalu

³⁴⁵ Demikian dalam naskah Arabnya. Kemungkinan terdapat bahagian yang tertinggal atau tidak dapat dibaca pada manuskrip asal. -pent.

dicekupnya seekor, dipegangnya kaki binatang itu lantas diletakkan puting susu biri-biri ke mulutnya dan dihisapnya susu itu. Lepas seekor, seekor pula diambilnya. Entah berapa ekor sudah dihisapnya susu biri-biri itu baru kemudian dia puas lalu berbaring pula di bawah bayang-bayang pokok-pokok di situ sambil mengamat-amati pokok-pokok berkenaan.

Tiba-tiba datang seekor burung lalu hinggap di pokok tempat aku bersembunyi itu. Lelaki tersebut lalu mengambil seketul batu besar lantas dibalingnya burung tersebut, kena tepat! Entah apa balanya, burung tersebut jatuh pula di celah-celah dahan dekat dengan tempat aku sedang bersembunyi. Lelaki hodoh itu lalu menunjuk ke arahku dengan isyarat “Turun!” Dek kerana terlampau takut, bergegaslah aku turun melurut dalam keadaan lemah longlai dan pucat lesi akibat ketakutan yang bercampur dengan perut yang lapar.

Lelaki itu kemudian mengambil burung tadi lantas dihempaskannya ke bumi. Aku menganggarkan berat burung itu ada sekira-kira seratus *ritl*. Setelah itu dia mencabut bulu-bulunya dalam keadaan burung itu masih hidup dan menggelupur. Apabila selesai dicabutnya bulu burung itu, diambilnya pula seketul batu kira-kira seberat dua puluh *ritl* lalu dihempuknya kepada kepala burung itu serta dibiarkannya sehingga mati. Kemudian dihempuk-hempuknya lagi batu itu sehingga bercerai-barai segala anggotanya lantas dibahamnya seperti kelakuan binatang buas, sampai habis tinggal tulang saja yang tidak dimakannya.

Setelah matahari kelihatan kekuningan³⁴⁶, ia pun bangun

³⁴⁶ Mendekati senja. –pent.

mengambil tongkatnya dan menghalau seluruh biri-birinya selepas ia menjerit dengan satu jeritan yang sangat dahsyat. Aku juga sebelum itu turut diseretnya masuk ke dalam kumpulan binatangnya itu. Setelah haiwan itu berkumpul semuanya di satu tempat, dia pun menghalau mereka ke suatu teluk yang terdapat sumber mata air tawar di sana. Kawanan biri-biri itu – serta aku yang turut sama – minum dalam keadaan diriku yang sudah meyakini bakal berdepan dengan maut pada bila-bila masa saja lagi.

Selesai minum, kami semua dihalaunya sehingga sampai ke suatu tempat yang telah dibubuh tanda di antara pokok-pokok dengan kayu-kayan yang panjang-panjang dan besar-besar di sekelilingnya. Terdapat seakan pintu di situ di mana kawanan biri-biri itu dan aku sekali masuk melaluinya. Setelah masuk ke bahagian dalam, kelihatan di tengahnya ada seakan-akan gelung pintalan benang yang tingginya hampir dua puluh hasta terletak di atas kayu yang besar lagi kukuh membentuk sebuah rumah.

Setelah itu, tidak ada apa yang dilakukan oleh lelaki gergasi itu selain mengambil seekor kambing yang paling kecil dan kurus lalu diketuk kepalanya dengan seketul batu. Kemudian dinyalakannya api lalu diotong-potongnya kambing kurus tadi dengan tangan dan giginya laksana kelaku binatang buas, lantas dibalingnya potongan-potongan bersekali dengan kulit dan bulu-bulunya itu masuk ke dalam api yang sedang menyala.

Manakala isi perut perkakas dalam kambing itu pula dimakannya mentah-mentah begitu saja. Kemudian pergi pula ia kepada seekor demi seekor kambing lalu dihisap susunya sehingga puas. Setelah itu dicekupnya pula salah seekor kambing yang paling besar lantas digenggamnya kuat-

kuat seolah-olah sedang melepaskan kemarahan membuat kambing itu mengembek dengan kuat sekali. Habis seekor diambilnya lagi seekor dan diperlakukan sama seperti tadi.

Beberapa ketika kemudian, ia pun naik ke tempat tidurnya dan meminum satu jenis minuman lalu tertidur. Tidak berapa lama, kedengaranlah dengkurnya yang memekakkan seperti bunyi mengeruh seekor lembu.

Aku menunggu apabila hampir tengah malam, lalu aku pun merangkak perlahan-lahan menuju ke tempat api lalu ku cari-cari saki-baki daging yang masih ada. Setelah berjumpa, lalu ku makan sekadar menahan laparku. Dalam keadaan itu, hatiku sentiasa berdebar-debar kalau-kalau kambing-kambing itu membuat kecoh sehingga gergasi itu terjaga lalu dikerjakannya aku seperti yang telah dilakukannya terhadap burung dan kambing tadi. Namun, nasibku baik kerana si gergasi itu terbongkang tidak bangkit-bangkit sehinggalah esok paginya.

Tiba saja waktu pagi, gergasi hodoh itupun bangun lantas menghalau kawanan kambingnya dan aku sambil membebel-bebel kepadaku dengan kata-kata yang tidak ku fahami. Mendengar itu, aku pun cuba bercakap-cakap dengan beberapa bahasa yang aku tahu, namun nampaknya dia pula tidak faham sepatah pun. Rambut dan segala bulu-bulu diwajahku telah tumbuh meliar, dan pada hematku, gergasi itu merasa jijik melihat keadaanku itu. Itulah mungkin sebabnya aku masih lagi tidak dimakannya.

Selama sepuluh hari begitulah keadaanku bersama gergasi tersebut. Tidak berlalu satu hari melainkan dia akan memburu seekor dua burung untuk dimakannya. Jika burung-burung itu sudah mengenyangkannya, maka tidak

ada lagi kambing yang akan menjadi mangsa. Tapi, jika sebaliknya, dimakannya kambing itu mana yang disukainya. Dalam pada itu, akulah yang menjadi penolongnya dalam menyediakan api, mengumpul kayu-kayu api dan berkhidmat apa yang patut. Namun hatiku tidak pernah lupa untuk mencari-cari helah bagi melepaskan diri.

Setelah masuk dua bulan aku bersamanya, tubuhku sudah kembali sihat dan baik. Aku nampak tanda-tanda kegembiraan pada wajah gergasi itu. Maka fahamlah aku yang dia sudah berazam untuk menjadikan diriku sebagai makanannya. Menjadi kebiasaan gergasi itu mengumpulkan sejenis buah dari pokok yang ada di situ lalu direndamkan ke dalam air. Setelah itu, lalu ditapis dan diminum airnya, menjadikan ia mabuk sepanjang malam tidak sedarkan diri lagi.

Sepanjang masa itu juga, aku memerhatikan banyak burung di pulau itu yang besarnya ada sebesar gajah dan ada pula sebesar kerbau. Bahkan ada yang lebih besar lagi. Demikian juga yang kecil ukurannya. Burung-burung itu sering juga menangkap kambing-kambing milik gergasi tersebut. Penyebab gergasi itu bermalam dengan kambing-kambingnya di tempat berkenaan adalah kerana takutkan burung-burung itu. Tempat itu terlindung di bawah pokok-pokok yang besar-besar. Di bawah pokok-pokok itu pula dibuat semacam lubang menggunakan kayu-kayan yang diikat kuat. Burung-burung itu takut untuk turun ke situ yang akan membuatkan mereka tersangkut pula pada pokok-pokok.

Maka pada suatu malam, aku pun menunggu dengan penuh sabar sehingga gergasi itu mabuk dan tertidur seperti biasanya. Sesudah itu, aku pun bangun lalu berpaut kepada

sebatang pokok dan turun melalui salah sebatang dahannya. Aku lalu berjalan terus menuju ke arah padang luas yang telah ku lihat selama aku berada di atas pokok itu. Tanpa henti aku teruskan perjalanan sehinggalah datang waktu subuh.

Setelah itu barulah ketakutan mula menghampiriku. Lantas aku segera berlindung di sebatang pokok yang besar banirnya. Sebatang kayu sudah ku persiapkan kalau-kalau gergasi itu menjumpaiku, akan aku ketuk kepalanya dengan kayu tersebut. Sama ada aku mampu mempertahankan diriku atau dia akan membunuhku, mati itu pasti tidak dapat dielak. Di pokok itulah aku bersembunyi sepanjang hari itu menanti-nanti jikalau gergasi itu muncul, namun nasibku masih baik kerana tidak kelihatan kelibatnya.

Aku juga turut membawa sepotong daging sebagai bekalan. Apabila tiba petang hari, ku cicip daging itu sebagai mengalas perut. Kemudian aku pun turun daripada pokok tersebut dan meneruskan perjalananku pada malam kedua itu sehinggalah waktu subuh esoknya. Pagi-pagi itu aku dapati diriku sudah pun berada di padang luas yang menjadi tujuanku. Di situ terdapat pokok-pokok yang jarang-jarang letak tumbuhnya. Aku lalu berjalan lagi. Tidak ku nampak sesiapa di situ melainkan burung-burung dan binatang liar yang tidak aku ketahui apa jenisnya serta ular-ular. Di situ aku terlihat sumber air yang tawar dan enak. Lalu ku cari-cari tempat yang sesuai untukku bertempat.

Setelah itu mulalah aku mengumpulkan buah-buahan dan pisang lalu makan dan minum sepuasnya sambil memerhatikan burung-burung yang berlegar di kawasan hutan itu. Ada seekor daripadanya yang menarik perhatianku. Segera aku mencari kulit-kulit pokok lalu ku perbuatkan tali

sambil mataku tidak lepas daripada memerhatikan burung yang telah aku tentukan tadi. Aku menantikan burung tersebut mendarat, lalu perlahan-lahan aku menghampirinya dari belakang. Ketika ia sedang enak dan leka memakan makanannya, aku dengan sepiantas kilat berpaut pada kakinya dan mengikat diriku di situ dengan menggunakan tali kulit pokok tadi.

Apabila selesai makan, burung itu minum pula air di situ sebelum meluncur ke udara membawaku bersamanya. Kami kemudian melintasi laut. Keadaan itu membuatkan aku mempersiapkan diri menghadapi maut bila-bila masa saja. Akhirnya mendaratlah burung tersebut di atas sebuah gunung di sebuah pulau. Aku cepat-cepat merungkaikan ikatan pada badanku lalu terjelepek jatuh kerana begitu tak berdaya. Namun ku usahakan juga mengesot menjauhkan diri daripada burung itu bimbang kalau-kalau ia tersedarkan kehadiranmu.

Kemudian aku turun daripada gunung tersebut dan memanjat sebatang pokok lalu bersembunyi di situ. Apabila pagi aku terlihat asap dari kejauhan. Yakinlah aku di sana ada manusia. Segeralah aku turun dan berjalan menghala ke arah asap yang ku nampak tadi. Belum beberapa langkah aku berjalan, tiba-tiba aku terserempak dengan sekumpulan orang. Mereka lalu menangkapku dan bercakap-cakap kepadaku perkataan-perkataan yang tidak ku fahami sepatah pun. Kemudian aku dibawa oleh mereka ke kampung lalu aku dimasukkan ke dalam sebuah rumah dan mengurung aku di situ bersama-sama lapan orang yang lain yang telah sedia ada di situ.

Teman-teman baruku itu lalu bertanya hal ehwal, lalu aku pun bercerita. Setelah itu, aku tanyakan pula kisah

mereka. Lalu diceritakanlah kepadaku bahawa mereka adalah penumpang kapal fulan yang telah belayar keluar daripada Sanfa menuju ke Zabaj. Di pertengahan pelayaran mereka telah dilanda ribut. Nasib mereka baik apabila mereka seramai lebih kurang dua puluh orang semuanya telah berjaya menyelamatkan diri menggunakan sampan. Akhirnya mereka terdampar di pulau ini lalu ditangkap oleh penduduk di sini lalu dibahagi-bahagikan sesama mereka. Sebahagian kawan-kawan mereka itu telah maut dimakan oleh penduduk tersebut.

Mendengarkan cerita mereka, aku lalu terpekuk sejenak. Nampaknya keadaanku bersama gergasi dahulu lebih baik berbanding sekarang ini. Aku kemudian cuba menghiburkan hati mereka, demikian juga mereka. Sekiranya aku dimakan nanti, tidaklah terasa berat sangat bagiku. Demikianlah malam itu kami saling cuba menghiburkan hati.

Keesokan paginya datanglah kaum itu dengan membawa bijan atau sesuatu yang sepertinya bersama pisang, minyak samin dan madu. Kesemua makanan itu disodorkan kepada kami. Teman-temanku pun berkata: “Inilah makanan kami semenjak kami sampai ke sini.”

Lalu makanlah kami sekadar mengalaz perut saja. Kemudian datanglah kaum itu lalu melihat-lihat kepada kami. Tiba-tiba ditangkaplah salah seorang yang paling elok tubuhnya di antara kami itu. Kami pun mengucapkan selamat buat kali terakhir kepadanya dan saling berwasiat sesama kami. Kaum itu lalu mengeluarkan teman kami tersebut ke tengah-tengah rumah. Setelah itu dibubuh minyak pada keseluruhan tubuhnya daripada kepala sampai ke kaki. Kemudian dijemur lebih kurang dua jam di bawah sinar matahari.

Selepas itu kaum tersebut mula berkumpul mengelilingi teman kami itu lantas menyembelih dan memotong-motong tubuhnya sedang kami menyaksikan kesemua peristiwa berkenaan. Mereka kemudian memanggang dan memakannya. Sebahagian lagi dimasak, dan ada juga yang memakannya mentah-mentah setelah dibubuhnya garam. Setelah pesta makan itu selesai, mereka lalu melanggah pula minuman sehingga mabuk dan tidur terbonggang.

Aku segera berkata kepada teman-temanku: “Mereka sedang mabuk sekarang! Mari kita bangun dan bunuh mereka semua dan lari dari sini. Jika kita selamat, Alhamdulillah. Jika sebaliknya, maka itu lebih ringan daripada bala yang menimpa kita ini. Kalau nasib kita terserempak dengan penduduk kampung, mati itu hanya sekali saja.”

Namun kami gagal mencapai kata sepakat pada malam itu. Keesokan paginya, datanglah kaum itu membawa makanan seperti biasanya. Berlalulah sehari, dua hari, tiga hari dan empat hari dalam keadaan yang demikian. Apabila tiba hari kelima, mereka datang dan menangkap salah seorang daripada kami lalu diperbuat sebagaimana yang telah diperbuat kepada teman kami dahulu. Setelah mereka semua mabuk terlantar, kami cepat-cepat bangun lalu menyembelih mereka kesemua sekali. Selesai pekerjaan itu, kami lalu mengambil pisau dan sedikit madu, minyak samin dan bijan untuk bekalan.

Apabila hari telah beransur gelap, segeralah kami keluar dari rumah itu dan beredar mengikut jalan yang telah kami tentukan pada siangya. Kami berterusan melangkah menghala ke pantai sebelah balik sana pulau, bukannya mengikut tepi kampung. Kemudian masuklah kami ke dalam

sebuah hutan, lalu kami panjat pokok-pokok yang ada kerana takut dikejar kaum itu. Bilangan kami ada dalam tujuh ke lapan orang.

Ketika malam telah menyelubungi, kami cepat-cepat turun dan berjalan semula berpedomankan bintang-bintang. Pantai demi pantai kami rentasi sehinggalah kami merasa telah aman daripada jangkauan kaum yang ganas itu. Sekarang kami telah dapat berjalan dan berehat dengan tenang sambil memakan buah-buahan hutan serta pisang yang banyak tumbuh di sana. Ada beberapa hari juga kami berjalan itu sehingga kami akhirnya tiba di sebuah hutan yang cantik dengan sumber air tawar yang enak. Keadaan itu membuatkan kami berazam untuk menetap di situ selamalamanya sehingga ada mana-mana kapal yang berlabuh di situ untuk kami tumpangi atau kami mati di situ. Selama kami di situ, tiga orang daripada kami telah meninggal dunia. Hanya kami berempat yang masih bertahan hidup.

Sedang kami berjalan-jalan di kawasan itu pada suatu hari, tiba-tiba kami terpandangkan sebuah perahu yang sudah lama dihanyutkan ombak ke situ. Di dalamnya terdapat sekumpulan manusia yang sudah menjadi mayat dan sudah tercerai-cerai jasadnya. Perahu itu tersadai di atas tanah dengan ombak memukul-mukulnya tidak henti-henti. Kami lantas bersepakat untuk mencampakkan segala mayat itu ke laut dan mencuci bersih perahu berkenaan.

Setelah itu kami mencari tanah yang ada di sekitar itu yang seakan gam bagi menampal mana-mana tempat yang perlu, kemudian kami perbaiki dayungnya serta kami betulkan kembali tali dan layarnya menggunakan pelepah nyiur dan sabut. Selepas itu kami kumpulkan buah-buahan termasuk buah kelapa juga bekalan air tawar. Nasiblah

antara kami ada yang pandai dalam hal pelayaran.

Bila saja selesai persiapan seadanya itu, maka bertolaklah kami meninggalkan pulau tersebut. Belayarlah kami di laut selama lima belas hari sebelum berlabuh di sebuah kampung daripada kampung-kampung negeri Sanfa meninggalkan segala pahit maung dan pelbagai keajaiban yang telah lampau. Dari kampung tersebut, kami teruskan perjalanan sehingga sampai ke Sanfa. Di sana kami menceritakan pengalaman kami kepada orang ramai. Para penduduk memberi bekalan secukupnya kepada kami lalu berpisahlah setiap seorang daripada kami menuju ke negerinya masing-masing. Kembalilah aku Basrah setelah empat puluh tahun lamanya.

Sesungguhnya dalam jangka masa itu kebanyakan ahli keluarganya telah meninggal dunia. Didapatinya anaknya yang ditinggalkan dahulu telah pun beranak-pinak dan mereka pun tidak mengenalinya lagi. Dahulunya dia seorang yang berharta serta senang lenang. Ketika mana khabar tentangnya telah putus empat puluh tahun dahulu, hartanya telah pun dibahagi-bahagikan oleh ahli keluarganya sehingga tidak ada sedikit pun lagi hartanya yang tinggal buat dirinya setelah kembali itu. Tidak berapa lama setelah kepulangan itu, lelaki itu pun meninggal dunia.

[HIKAYAT SEORANG PELAUT DAN KAPAL KARAM]

Sebahagian pelaut telah memberitahuku bahawa dia pernah belayar di antara Sarirah dengan China dalam sebuah perahu. Katanya:

Ketika kami belayar daripada Sarirah dalam jarak lebih kurang lima puluh *zam*, tiba-tiba ribut melanda. Keadaan itu memaksa kami mencampakkan sebahagian muatan ke laut.

Beberapa hari lamanya kami dilanda ribut tersebut. Setelah itu taufan pula datang sehingga perahu itu tidak lagi seimbang menjadikan kami terdedah kepada kebinasaan. Hampir-hampir kami bertekad untuk terjun ke laut bagi menyelamatkan diri.

Entah macam mana, tiba-tiba ternampaklah kepada kami dalam kelam-kelibut itu sebuah pulau. Segeralah kami mencampakkan sauh dalam keadaan kami yakin bahawa kami tidak mungkin selamat lagi. Dengan tidak disangka, laut menjadi tenang semula. Tidak berapa lama, kelihatanlah di pulau itu sekumpulan manusia. Kami hanya menanti-nanti kalau-kalau mereka datang menghampiri perahu kami yang agak ke tengah laut itu. Namun tidak ada sesiapa pun yang datang.

Setelah itu kami cuba berbahasa isyarat dengan mereka, namun tidak disambut. Oleh kerana tempat tersebut asing bagi kami, kami ragu-ragu sekiranya kami turun kepada mereka, kami akan diapa-apakan. Atau boleh jadi di belakang mereka ada sekumpulan yang lain menantikan masa untuk menyerang jika kami menghampiri pantai.

Tinggallah kami dalam perahu itu selama empat hari tanpa ada yang berani turun ke darat. Mereka pun tidak ada yang datang menghampiri kami. Apabila tiba hari kelima, kami bersepakat bahawa tidak dapat tidak kami mesti turun juga ke darat kerana kami amat memerlukan bekalan air minum, juga untuk bertanyakan tentang tempat ini kerana kami sudah sesat jalan. Maka turunlah tiga puluh orang daripada kami lengkap bersenjata dalam sampan dan kolek.

Sebaik saja kami naik ke darat, mereka semua bertempieran lari tanpa ada yang tertinggal melainkan seorang laki-laki. Kami lalu cuba berbicara dengannya, tetapi

bahasanya tidak kami fahami. Nasib baiklah ada seorang daripada kami yang mampu memahami bahasa lelaki tersebut. Teman kami itu lalu berkata: “Pulau ini salah satu daripada gugusan pulau Waq-Waq.”

Kami lalu bertanya pula tentang dua buah pulau lagi. Jawabnya bahawa kedua pulau itu juga daripada gugusan pulau Waq-Waq, dan tidak ada negeri yang terdekat dari situ melainkan dalam jarak perjalanan tiga ratus farsakh. Pulau berkenaan tidak berpenduduk selain mereka saja yang bilangannya empat puluh orang. Kemudian kami pun bertanyakan pula jalan menuju ke Sanfa, lalu dia menyatakannya serta menunjukkan arahnya kepada kami.

Setelah itu, segeralah kami memenuhkan bekalan air minum, lalu memulakan kembali pelayaran menuju ke Sanfa mengikut arah yang telah ditunjukkan lelaki itu. Setelah melalui lima belas *zam* di laut, akhirnya kami berjaya sampai ke Sanfa dengan selamatnya.

Wassalam. Wa hasbunallahu wa ni'mal wakil.

BAYTUL

HIKMAH

Telah
selesailah kitab
ini. Segala puji bagi
Allah semata. Selawat dan salam
dariNya kepada Sayyidina Muhammad
dan ahli keluarga baginda serta para Sahabat.
Semoga Allah mengampuni sesiapa yang membaca
naskhah yang diberkati ini. Dan didoakan kepada
penulisnya³⁴⁷ semoga beroleh rahmat dan
keredhaanNya. Selesainya penulisan
ini pada tujuh belas Jumadil
Ula tahun empat ratus empat
(404 H). Telah ditulis oleh
Muhammad Ibn
Al-Qattan.³⁴⁸

³⁴⁷ Boleh juga dibaca untuk umum sesiapa sahaja yang menuliskannya. –pent.


³⁴⁸ Terdapat dalam kedua-dua naskhah Asfahan dan Leiden.

PENUTUP

Selesai penterjemahan
dan semakan kitab ini yang dimulakan
pada 16 Mei 2016 sehingga 22 Jun 2016 bersamaan 17
Ramadhan 1437 Hijrah, jam 10.53 pagi. [Selesai semakan
terakhir berdasarkan cetakan Leiden serta penambahbaikan
notakaki pada 14 Oktober 2016 bersamaan 13 Muharram
1438 Hijrah, hari Jumaat, jam 4.11 petang. Telah
diterjemahkan ke bahasa Melayu bersama
catatan notakaki oleh Al-faqir
Arsyad bin Mokhtar
Al-Findani]



BAYTUL
HIKMA



LAMPIRAN 1

Gambar Muka Depan
Naskhah *'Ajā'ib al-Hind*

BAYTUL
HIKMA

عجائب الهند

بره و بحرہ

نویسنده:

بزرگ بن شہریار رامہرمزی

مصصح:

پیتر انتونی واندر لیت



Muka depan naskhah Esfahan

کتاب عجایب الهند

بَرّه ویاخره وجزایره

تالیف

بُزُرْک بن شَهْرِیار النَاخِداہ الرامُفُرمُزی

LIVRE DES MERVEILLES DE L'INDE

PAR

le capitaine BOZORG FILS DE CHAHRIYÂR DE RÂMHORMOZ.

TEXTE ARABE

PUBLIÉ D'APRÈS LE MANUSCRIT DE M. SCHEFER, COLLATIONNÉ
SUR LE MANUSCRIT DE CONSTANTINOPLE,

PAR

P. A. VAN DER LITH.

TRADUCTION FRANÇAISE

PAR


L. MARCEL DEVIC.

Avec quatre planches coloriées tirées du manuscrit arabe de Hæteri de la collection de M. Schœler, et une carte.


Publication dédiée au sixième Congrès des Orientalistes.

LEIDE. — E. J. BRILL.
1883—1886.

Muka depan naskhah Leiden



Muka depan naskhah selenggaraan Hasan Soleh Syihab




LAMPIRAN 2

Peta Benua Hind

BAYTUL

HIKMA



MAP OF INDIA SHOWING SOME OF THE PLACES ABOVE THE NARBADA



BAYTUL
HIKMA



BAYTUL
HIKMA

ISBN 978-967-14660-0-1



9 789671 466001